

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Laporan Tahunan 2018

Celebrating Excellence Inspiring Progress 1993 – 2018

Rasional Kulit Hadapan

Paparan kulit hadapan laporan tahunan ini membentuk corak tenunan beralun. Ia menggambarkan suatu ekosistem yang memudah cara, dinamik, inovatif dan saling berhubung antara SC dan pihak berkepentingannya.

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi

Bahagian 1
Membolehkan Pertumbuhan Nilai Bersama

3 Pengenalan
3 Ke Arah Pasaran Modal yang Memenuhi Keperluan Masyarakat dan Alam Sekitar Melalui SRI dan ICM
11 Mengembangkan Kaedah Pembiayaan Alternatif
18 Memudah Cara Keterangkuman Pelabur yang Lebih Besar
25 Mendorong Pasaran Modal yang Lebih Bingkas dan Cekap
31 Bekerjasama Untuk Pertumbuhan dan Inovasi

Rencana

5 Masa Depan yang Lebih Baik Bersama Kewangan Hijau
6 Menjajarkan Kewangan Mampan dengan Matlamat Pembangunan Mampan
14 Kajian Kes Mengenai Penerbit ECF yang Berjaya
24 aFINity
28 Keperluan Pematuhan bagi IDSS

Bahagian 2
Membentuk Tatalaku Pasaran

37 Pengenalan
37 Memupuk Budaya Tadbir Urus yang Baik
39 Memupuk Tatalaku Wajar Melalui Pemantauan dan Pengawasan
48 Memastikan Pencegahan Andal Melalui Penguatkuasaan
50 Memastikan Daya Tahan Pasaran Modal
56 Memperkasa Pelabur

Rencana

44 Semakan Tematik Ke Atas Pengurusan Risiko Kecairan
45 Semakan Tematik Ke Atas Waran Berstruktur
46 Semakan Tematik Ke Atas Laporan Transaksi Mencurigakan
47 Semakan Tematik Ke Atas Penyeliaan dan Pengurusan Remisier

Bahagian 3
Pembabitan Bersama dan Pembangunan Warga Kerja dan Masyarakat

63 Pengenalan
63 Membangunkan Pengawal Selia Mahir Untuk Pasaran Modal
66 Meningkatkan Kesejahteraan Kakitangan
67 Memanfaatkan Teknologi Digital
68 Warga Korporat yang Bertanggungjawab

Bahagian 4
Tinjauan dan Prospek Pasaran Modal

73 Rangkuman
73 Perkembangan Global pada 2018
79 Perkembangan Pasaran Modal Malaysia pada 2018
88 Prospek bagi 2019

Rencana

85 Pertumbuhan Pasaran Modal Malaysia Sejak 25 Tahun Yang Lalu: Penggerakan Sumber Kewangan Untuk Pembangunan Ekonomi

Bahagian 5
Penyata, Statistik dan Aktiviti

94 Ahli Lembaga
100 Pasukan Eksekutif
102 Ahli Majlis Penasihat Syariah
104 Struktur Organisasi
106 Pernyataan Tadbir Urus
115 Laporan Jawatankuasa Audit
118 Penyata Kewangan
155 Cadangan Korporat
161 Pengurusan Pelaburan
166 Pasaran Modal Islam
172 Modal Teroka dan Ekuiti Swasta
176 Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara
180 Pemberian Kebenaran dan Pelesenan
185 Penguatkuasaan
207 Inisiatif Pemerkasaan Pelabur
216 Aduan dan Pertanyaan
217 Penerbitan
219 2018 Sekilas Pandang
223 Akronim dan Singkatan

PERUTUSAN PENGERUSI

"SC kekal komited terhadap pendekatan kawal selia berkadaran dan memudah cara – yang memupuk inovasi dan daya saing dalam sistem pengawasan yang praktikal dan proaktif."

Dengan sukacitanya saya membentangkan laporan tahunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia – laporan pertama saya sejak memegang jawatan pengerusi pada November 2018.

Tahun 2018 menyaksikan perubahan bersejarah di negara kita, yang secara kebetulan bertepatan dengan ulang tahun ke-25 penubuhan SC. Walaupun ada kalanya dipengaruhi oleh ketidakpastian yang berpunca daripada meningkatnya ketegangan perdagangan dan keadaan kewangan global yang semakin merunsing, semua segmen pasaran modal Malaysia, bagaimanapun kekal berdaya tahan, membuktikan keberkesanan tindakan perlindungan yang dilaksanakan oleh penggubal dasar dan peserta pasaran.

Pengukuhan struktur juga terus membentuk semula pasaran - baik di peringkat global mahupun domestik - dengan teknologi baharu mengubah perkhidmatan kewangan sejajar dengan trend demografi yang menekankan keperluan untuk falsafah pembangunan yang lebih inklusif dan mampan.

Faktor-faktor tersebut menjadi asas kepada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SC pada 2018 sejajar dengan mandat kawal selia dan pembangunannya, yang dibentangkan dalam laporan tahunan ini.

SOROTAN PENTING 2018

Keseluruhan pasaran modal adalah berjumlah RM3.1 trilion pada 31 Disember 2018, bersamaan dengan 2.2 kali ganda saiz ekonomi domestik. Ini terdiri daripada bon dan sukuk domestik belum tebus, yang meningkat kepada RM1.4 trilion, dan permodalan pasaran ekuiti sebanyak RM1.7 trilion. Dari segi pelaburan, industri pengurusan dana dengan aset bawah pengurusan sebanyak RM743.6 bilion terus memainkan peranan penting dalam pengantaraan tabungan.

Pasaran modal mengekalkan peranan penting dalam pembiayaan ekonomi sebenar, dengan jumlah dana yang dikumpulkan melalui terbitan bon dan ekuiti berjumlah RM114.6 bilion. Walaupun agak baharu, saluran pembiayaan alternatif bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) seperti pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) terus menarik minat, dengan RM261.5 juta telah dikumpulkan oleh 693 penerbit sehingga kini.

Walaupun menghadapi persaingan yang meningkat, Malaysia kekal sebagai peneraju global dalam pasaran modal Islam dengan ekuiti patuh Syariah dan sukuk belum tebus bernilai RM1.9 trilion. Malaysia juga terus kekal sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia.

Pada 2018, kerja-kerja SC bertumpu kepada pembinaan ekosistem pemboleh yang menyediakan kemudahan akses pasaran di samping memastikan perlindungan pelabur dan kecekapan khidmat pengantaraan. Kami memberi keutamaan kepada usaha memudah cara pertumbuhan pasaran yang inklusif dan mampan, di samping usaha untuk meningkatkan standard tadbir urus dan tatalaku bagi mengukuhkan integriti dan daya tahan pasaran.

Memudah cara pertumbuhan inklusif dan mampan

SC meluaskan akses bagi pasaran bon melalui langkah-langkah seperti meliberalisasikan keperluan kawal selia bagi penerbitan utama dan memperkenalkan rangka kerja sedia pasaran (seasoning framework) untuk membolehkan akses kepada bon korporat dan sukuk yang sedia ada. Keperluan penzahiran juga disemak semula untuk membolehkan penerbit yang memenuhi kriteria tertentu untuk mengeluarkan maklumat produk berbanding prospektus lengkap, dan seterusnya mengurangkan kos penerbit.

Berikutan kemasukan broker ekuiti digital pada tahun sebelumnya, pada 2018, SC terus memudahcarakan pendigitalan perkhidmatan pasaran modal dengan memberikan lesen kepada pengurus aset digital pertama Malaysia – satu kelas perantara baharu yang bertujuan untuk menawarkan saluran yang boleh diakses dan berkesan kos bagi pelabur untuk mengurus dan mengembangkan kekayaan mereka.

Memanfaatkan kekuatan kami dalam pasaran modal Islam, kami melaksanakan inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi kewangan mampan. Susulan penerbitan sukuk hijau di Malaysia yang pertama di dunia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa pada 2017, SC telah menubuhkan Skim Geran Sukuk SRI Hijau berjumlah RM6 juta pada 2018 untuk memberi insentif kepada penerbitan sukuk SRI hijau dengan membiayai sehingga 90% kos semakan luaran yang terbabit dalam mendapatkan pengesahan hijau. Empat permohonan telah diluluskan setakat ini, bagi menyokong RM2.2 bilion dana yang telah dikumpulkan. Bagi mengesahkan permintaan yang semakin meningkat terhadap aset SRI, dana sukuk ESG pertama di dunia juga dilancarkan di Malaysia pada 2018 di bawah *Guidelines on SRI Funds* SC.

Menyedari keperluan untuk merangsang kerancakan pasaran ekuiti - satu isu yang memerlukan penyelarasan pelbagai faktor dan pihak berkepentingan - langkah-langkah telah diambil untuk menggalakkan dagangan, yang merangkumi liberalisasi peraturan pembiayaan margin dan jualan singkat intra hari dan pada masa yang sama, turut memperkenalkan kategori baharu peniaga saham.

Meningkatkan standard tadbir urus dan tatalaku

Usaha untuk menggalakkan pertumbuhan telah dilengkapi oleh langkah untuk mengukuhkan disiplin dalam kalangan peserta pasaran. Secara khususnya, memupuk budaya tadbir urus korporat yang mantap dan dipacu di peringkat dalaman, masih menjadi keutamaan.

Hasil usaha gigih SC terserlah dengan kemajuan menyeluruh dalam kedudukan pencapaian tadbir urus korporat kami, di mana kedudukan Malaysia meningkat dari tempat keenam ke tempat keempat daripada 12 negara Asia Pasifik dalam 2018 *CG Watch Report* yang diterbitkan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) dan CLSA. Sebagai negara yang mencatatkan kemajuan terbaik dalam tinjauan itu, Malaysia diberi pujian atas usahanya melancarkan *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* serta kesaksamaan dan ketelusan pasaran.

Berpegang kepada prinsip bahawa para pelabur memainkan peranan penting dalam mengamalkan disiplin pasaran dengan bersungguh-sungguh, SC juga menganjurkan program untuk memperkasa pelabur agar mereka berupaya membuat keputusan bermaklumat. Inisiatif capaian pelabur kami yang dianjurkan sepanjang tahun telah membabitkan lebih 280,000 peserta, manakala Pesta BijakLabur® 2018 menerima seramai 14,000 pengunjung.

Melindungi integriti dan daya tahan pasaran

Usaha pengawasan kekal tertumpu kepada tatalaku pengantara, kekukuhan berhemat serta keberkesanan fungsi kawalan dan tadbir urus, disertai pelaksanaan audit berasaskan entiti dilengkapi oleh semakan tematik mengenai isu-isu industri yang dikenal pasti melalui penilaian risiko yang berpandangan hadapan. Pada 2018, semakan tematik telah dijalankan ke atas pengurusan risiko kecairan, keberkesanan pengawasan broker terhadap remisier, pelaporan transaksi yang mencurigakan dan waran berstruktur. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa firma-frma secara amnya memenuhi standard tatalaku dan kawalan perniagaan yang diharapkan, dengan beberapa bidang yang memerlukan penambahbaikan telah dikenal pasti dan telah dimaklumkan.

Kami juga meningkatkan usaha pemantauan kami selaras dengan perkembangan pasaran, termasuk strategi dagangan yang semakin sofistikated, pengenalan produk baharu dan pertambahan jenis pesanan dagangan. Pemantauan rapi terhadap aktiviti dan pelaporan kewangan syarikat tersenarai kekal sebagai komponen penting pengawasan korporat, yang bermatlamat sebagai penghalang berlakunya pelanggaran undang-undang dan memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan. Sebagai sebahagian daripada mandat pengawasan risiko sistemik SC, kami menilai implikasi sistemik pelbagai pemacu risiko termasuk keputusan dasar monetari global, peningkatan ketegangan perdagangan dan perkembangan geopolitik. Untuk mengukuhkan integriti pasaran terhadap ancaman yang baru muncul, kami juga menjalankan simulasi siber dan mempertingkatkan pengurusan risiko siber dalam industri.

Apabila pelanggaran peraturan dikenal pasti, SC melaksanakan pelbagai kaedah penguatkuasaan di bawah kuasa pentadbiran, sivil dan jenayahnya. Hasilnya, 80 sekatan pentadbiran telah dikenakan, 14 pertuduhan jenayah telah dikenakan, dan sejumlah lebih RM30 juta wang telah dipulangkan dan denda telah dikeluarkan. Hukuman penjara terhadap enam orang individu juga mencerminkan peningkatan pengiktirafan kehakiman terhadap keseriusan kesalahan sekuriti.

KEUTAMAAN BAGI TAHUN 2019

Sebagai pengawal selia yang diberi dua mandat, keupayaannya untuk menyeimbangkan antara memudah cara pertumbuhan sambil melindungi pihak berkepentingan dan mendokong disiplin – terutamanya dalam menghadapi persaingan yang semakin sengit dan inovasi kewangan yang berterusan.

Melangkah ke hadapan, SC tetap komited terhadap pendekatan pengawalseliaan yang berkadaran dan memudah cara - satu pendekatan yang memupuk inovasi dan daya saing dalam rejim pengawasan yang wajar dan proaktif. Ini akan diperkukuhkan dengan usaha untuk merangsang keseluruhan ekosistem pasaran modal, meliputi penerbit, pengantara dan pelabur, agar memainkan peranan masing-masing dalam mendokong disiplin pasaran. Usaha ini memerlukan keterbukaan dan kerjasama yang lebih baik antara SC dan industri, serta pihak berkepentingan lain dalam ekonomi Malaysia.

Memupuk inovasi dan daya saing

Akses kepada pembiayaan merupakan pemangkin utama kepada perusahaan swasta, yang merupakan faktor kritikal bagi pertumbuhan jangka panjang Malaysia. Menyedari akan hal ini, SC akan terus memperluas saluran bagi pembiayaan berasaskan pasaran dengan memudah cara pengumpulan dana oleh firma lebih besar yang sedia ada sambil meningkatkan akses kepada modal melalui saluran tradisional dan alternatif bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan pertumbuhan tinggi dan inovatif.

Penawaran modal, khususnya kepada saluran pembiayaan alternatif, akan dipertingkatkan melalui inisiatif untuk mengembangkan industri modal teroka dan ekuiti swasta Malaysia. Untuk tujuan ini, usaha kami akan ditumpukan untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan selain dana yang disokong kerajaan di samping menggalakkan pelaburan di peringkat yang berbeza-beza dalam kitaran syarikat penerima pelaburan.

Untuk memudahcarakan pengumpulan dana ekuiti, SC akan bekerjasama dengan pengantara terbabit

untuk memasukkan lebih banyak perspektif pasaran ke dalam proses IPO dan menambah baik masa ke pasaran bagi cadangan yang mematuhi kriteria perlindungan pelabur yang diperlukan. Pengantara, penerbit dan golongan professional akan terus dipertanggungjawabkan dengan standard penzahiran dan tadbir urus yang tinggi.

Untuk merangsang kerancakan pasaran, SC juga akan menyokong perubahan dalam landskap dagangan dengan membenarkan strategi dagangan yang berbeza termasuk meningkatkan penggunaan derivatif. Berdasarkan usaha kami untuk memudahcarakan proses pendigitan di samping memastikan perlindungan yang sewajarnya terhadap pelabur dan pasaran secara keseluruhannya, SC juga akan memperkenalkan rangka kerja untuk memudah cara dagangan aset digital di Malaysia.

Berkaitan dengan pengantara pasaran, SC tetap menyokong model perniagaan baharu dan usaha untuk meningkatkan kedudukan dan operasi firma sedia ada. Berdasarkan usaha liberalisasi yang berterusan, SC akan mengkaji semula rangka kerja pemberian kebenaran dan pelesenannya untuk menjadikannya lebih fleksibel dan responsif dalam mengiktiraf model pengantaraan yang inovatif. Sekiranya wajar, kami akan menggalakkan lebih persaingan bagi penyediaan pelbagai perkhidmatan, harga, produk yang lebih berkualiti dan seterusnya, pangkalan pelabur yang diperluaskan.

Memacu pewujudan nilai jangka panjang

Melangkah ke hadapan, SC mensasarkan untuk merangsang pertumbuhan yang berasaskan pewujudan nilai jangka panjang, dengan pertimbangan wajar terhadap aspek sosial dan alam sekitar serta pulangan kewangan. Usaha ini harus sejajar dengan prinsip pengawalan, aktivisme pemegang saham dan pengantaraan yang bertanggungjawab.

Memandangkan kesesuaian konsepnya dengan prinsip kewangan Islam, di mana Malaysia mengekalkan kelebihan daya saingnya di peringkat global, SC akan meningkatkan usaha untuk mengembangkan lagi dan mengantarabangsakan pasaran modal Islam serta segmen kewangan mampan yang berkaitan. Antara lain, kami akan terus meluaskan rangka kerja sukuk SRI dan memperkenalkan proses penyaringan positif SRI Islam untuk penawaran ekuiti. Satu lagi bidang tumpuan ialah pembangunan perusahaan sosial melalui model wakaf, di mana pulangan mampan boleh dijana daripada endowmen dan disalurkan ke arah pembiayaan usaha yang memberi manfaat sosial.

Memandangkan tanggungjawab fidusiari pengarah untuk memacu pewujudan dan pemuliharaan nilai korporat, SC akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk mengukuhkan kepelbagaian dan prestasi lembaga pengarah. Kualiti penzahiran korporat juga sangat penting, kerana penerbit harus menyatakan bagaimana mereka memberikan nilai kepada semua pemegang kepentingan mereka, bukan kepada pasaran kewangan sahaja. Sejajar dengan itu, kami akan menggalakkan permintaan yang lebih tinggi terhadap pertumbuhan jangka panjang yang mampan melalui penyaluran pendapat dan aktivisme pemegang saham.

Kami juga menekankan budaya pengantaraan yang bertanggungjawab, di mana firma menitikberatkan pertumbuhan yang menguntungkan dari segi kewangan dan menyemai rasa tanggungjawab bersama kepada generasi sekarang dan akan datang. Seterusnya, kami mahu para peserta pasaran mengambil tanggungjawab yang lebih besar, secara individu dan kolektif, atas sumbangan mereka sendiri kepada pasaran modal yang mampan dan adil.

Mengekalkan kepercayaan dan keyakinan

Walaupun SC menegaskan perlunya satu persekitaran pasaran pemboleh, kami sedar bahawa langkah-langkah ini membuka peluang dan mempunyai risiko. Oleh itu, kami akan meningkatkan usaha untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam pasaran modal.

Kami akan terus memperkasa pendekatan proaktif kami terhadap kerja pengawasan dan pemantauan, yang menghendaki kami mengadakan kerjasama erat dan pembabitan bersama peserta pasaran dengan lebih kerap. Ia dipandu oleh pertimbangan ke hadapan ke atas risiko yang berkaitan dengan model perniagaan, strategi dan struktur tadbir urus mereka. Ini akan melibatkan pandangan dan bentuk pemikiran peserta pasaran bukan hanya pada masa sekarang, tetapi juga mereka untuk masa hadapan berdasarkan trend perniagaan dan pasaran semasa.

Pada masa yang sama, kami akan terus memperhalusi strategi penguatkuasaan kami bagi memastikan bahawa kuasa kami digunakan secara menyeluruh bagi menangani pelbagai kesalahan berkaitan pasaran modal, dan seterusnya mencapai satu tahap pencegahan yang andal. Ini memerlukan sumber penguatkuasaan digunakan secara berkesan dengan mengambil kira kesan setiap kes ke atas pelbagai faktor termasuk integriti pasaran serta keyakinan para peserta pasaran.

Memperkukuh keupayaan dan kecekapan kawal selia

Melaksanakan strategi-strategi ini memerlukan tenaga kerja yang sangat mahir dan bermotivasi, dan SC akan terus berusaha untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja yang terbaik. Sebagai sebuah badan berkanun, ekonomi dan kecekapan menentukan pendekatan yang kami ambil terhadap pengurusan sumber, dan SC secara berterusan mengkaji proses dalamannya bagi memastikan organisasi ini cekap, berkesan dan bersedia untuk masa hadapan.

Jangkaan SC terhadap keupayaan kami sendiri tidak kurang berbanding jangkaan terhadap pihak berkepentingan kami, dan kami akan terus memenuhi standard integriti, profesionalisme, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang sama seperti yang kami harapkan daripada peserta pasaran.

PENGHARGAAN

SC telah menempa banyak pencapaian sejak ia ditubuhkan suku abad yang lalu – sebagai sebuah badan pengawal selia dan anggota rangka kerja institusi Malaysia yang lebih luas. Kejayaan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh komitmen yang tidak berbelah bagi daripada warga kerja kami dan sokongan pelbagai pihak berkepentingan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengerusi sebelum ini serta ahli-ahli lembaga yang telah bersara atas sumbangan mereka kepada organisasi ini.

Dengan sukacita saya mengalu-alukan Tan Sri Noorul Ainur, Datuk Dr Khaw Lake Tee, Johan Mahmood Merican, Ahmad Faris Rabidin, Dato' Gooi Hoe Soon dan Datuk D.P. Naban sebagai ahli lembaga Suruhanjaya.

Saya amat berbesar hati di atas pelantikan ini. Saya amat yakin dan positif terhadap sebarang kemungkinan yang akan kita hadapi pada masa hadapan, dan teruja untuk berganding bahu bersama-sama warga kerja SC yang berkebolehan dan komuniti pasaran modal.

Syed Zaid Albar

Pernyataan Misi

Untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap, terjamin dan telus, serta untuk memudahcarakan pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing.

BAHAGIAN 1
MEMBOLEHKAN PERTUMBUHAN NILAI BERSAMA

PENGENALAN

Lanjutan daripada peningkatan kesedaran mengenai impak global pelbagai isu ekonomi, sosial dan alam sekitar, permintaan terhadap pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif, mampan dan saksama kian meningkat. Kini syarikat perlu memberi pertimbangan yang lebih mendalam terhadap kepentingan jangka panjang masyarakat dan alam sekitar dalam model dan keputusan perniagaan mereka.

Konsep bagi mewujudkan nilai bersama[1] menggariskan bahawa pertumbuhan nilai ekonomi dan sosial dapat dicapai selagi syarikat-syarikat bersedia untuk menyusun semula produk dan pasaran untuk menyediakan keperluan yang belum dipenuhi, mentakrifkan semula produktiviti dalam rantaian nilai untuk meningkatkan penggunaan sumber dan membolehkan pembangunan komuniti atau ekosistem.

Dalam konteks pembangunan pasaran modal Malaysia, ia memerlukan industri untuk (1) mempertimbangkan keperluan masyarakat dan alam sekitar disejajarkan dengan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) dan pasaran modal Islam (ICM); (2) memacu keterangkuman yang lebih besar bagi penerbit melalui kaedah pembiayaan alternatif; (3) memudahcarakan lebih keterangkuman pelabur melalui pengembangan penawaran produk; (4) meningkatkan kecekapan merentasi rantaian nilai pasaran modal untuk penggunaan modal yang lebih produktif dan kerancakan pasaran; dan (5) membolehkan inovasi dan pertumbuhan melalui kerjasama di peringkat antarabangsa, serantau dan tempatan. Menyedari peri pentingnya nilai bersama, SC selama ini telah melaksanakan dasar dan inisiatif untuk membolehkan pertumbuhan nilai bersama.

KE ARAH PASARAN MODAL YANG MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT DAN ALAM SEKITAR MELALUI SRI DAN ICM

Sebagai pasaran kedua terbesar dalam pelaburan mampan di Asia (tidak termasuk Jepun)[2] dan peneraju global dalam pasaran modal Islam, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk terus memacu agenda kewangan mampan, bersandarkan penyelarasan prinsip yang mendasari pelaburan Syariah dengan prinsip kewangan mampan.

SC masih berpandukan "Strategi 5*i*" dalam membangunkan ekosistem SRI, dengan memanfaatkan kedudukan kepimpinan Malaysia dalam ICM. Pengenalan strategi ini pada 2014 membolehkan SC memberi tumpuan kepada aktiviti atau inisiatif yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Bangsa-Bangsa Bersatu melalui pasaran modal. Sejak itu, SC telah menyaksikan peningkatan minat pelabur yang ingin menyepadukan faktor alam sekitar dalam membuat keputusan pelaburan mereka, menghubungkan pulangan kewangan dengan nilai-nilai yang lebih baik.

---

1 Konsep Nilai Bersama telah diperkenalkan oleh Michael E Porter dan Mark R Kramer dalam rencana Harvard Business Review bertajuk, *Creating Shared Value* pada 2011.

2 Setakat 2016, Malaysia memiliki 30% daripada aset pelaburan mampan dan bertanggungjawab di Asia (kecuali Jepun) (*Global Sustainable Investment Review 2016*).

Diagram 1

Strategi 5*i* berpandukan kepada ekosistem SRI

TAHUKAH ANDA?

- Sejumlah RM882.30 juta bon hijau dan sukuk telah diterbitkan melalui pasaran modal Malaysia bagi manfaat alam sekitar pada 2018.
- Dana sukuk Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang pertama di dunia, dilancarkan pada 2018 di bawah *Guidelines on SRI Funds* SC di Malaysia, menyepadukan kriteria ESG dengan metriks kewangan dan bukan kewangan dalam strategi pelaburan portfolionya.

Pertumbuhan berterusan kelas aset kewangan mampan

Dalam membangunkan ekosistem yang memudah cara untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam pelaburan mampan, SC telah mempergiat usahanya dalam menggalakkan dan memperkenalkan kelas aset hijau, sosial dan lestari:

- **Sukuk Hijau SRI**

  Pada 2014, SC memperkenalkan Rangka Kerja Sukuk SRI untuk memudahcarakan pembiayaan projek yang juga memberi manfaat kepada alam sekitar dan masyarakat. Direka bentuk sebagai serba guna, ia menyediakan penerbitan sukuk hijau, sosial dan lestari, menawarkan pilihan pembiayaan yang lebih baik kepada penerbit. Pada 2018, dua sukuk hijau SRI baharu berjumlah RM467.3 juta telah diterbitkan. Terdahulu pada 2017, tiga sukuk telah diterbitkan, termasuk sukuk SRI hijau pertama di dunia diterbitkan di Malaysia, menjadikan jumlah terbitan sukuk hijau SRI kepada lima dengan jumlah yang dikumpulkan sebanyak RM2.4 billion.

- **Skim Geran Sukuk SRI Hijau**

  Untuk menggalakkan lebih banyak penerbitan sukuk hijau SRI, SC telah menubuhkan Skim Geran Sukuk SRI Hijau sebanyak RM6 juta pada 2018 untuk memberi insentif kepada penerbit dengan mengofset sehingga 90% daripada kos semakan luaran yang berkaitan dengan permohonan pensijilan hijau. Geran ini yang ditadbir oleh Capital Markets Malaysia (CMM) telah meluluskan empat permohonan untuk mendapatkan Geran setakat penghujung 2018.

- **Piawaian Bon Hijau ASEAN**

  Untuk menyokong pembangunan kelas aset hijau di rantau ASEAN, Forum Pasaran Modal

MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK BERSAMA KEWANGAN HIJAU

Sepanjang dua tahun yang lalu, Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan menggalakkan dalam bilangan projek hijau yang dibiayai melalui Rangka Kerja Sukuk SRI dan ASEAN GBS. Di samping membiayai bangunan hijau, kewangan hijau juga telah memudahcarakan pembangunan loji kuasa solar yang semakin meningkat bilangannya dan membekalkan kira-kira 299 megawatt untuk Malaysia.

Projek hijau yang dibiaya di bawah rangka kerja Sukuk SRI dan GBS ASEAN



ASEAN (ACMF)[3] memperkenalkan *Piawaian Bon Hijau ASEAN* (ASEAN GBS) pada November 2017. Susulan daripada penerbitan sulung Bon Hijau ASEAN pada 2017 oleh penerbit Malaysia yang diiktiraf sebagai sukuk hijau SRI, empat bon hijau ASEAN di bawah ASEAN GBS dari Malaysia dan Singapura telah diterbitkan. Di samping itu, sukuk kerajaan pertama di ASEAN yang diterbitkan oleh Indonesia telah disejajarkan kepada ASEAN GBS.

Pada 2018, berikutan penerbitan Prinsip Bon Hijau (GBP) oleh Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA), ASEAN GBS telah dipinda pada Oktober untuk memastikan penjajarannya dengan GBP ICMA. Edisi yang telah disemak semula tersebut, antara lain memberikan panduan tambahan dan takrifan yang dikemas kini serta menggalakkan pelaporan tepat masa mengenai perkembangan utama.

- **Piawaian Bon Sosial ASEAN dan Piawaian Bon Lestari ASEAN**

Seiring dengan meningkatnya kepentingan kewangan mampan di ASEAN, salah satu daripada inisiatif utama ACMF pada 2018

[3] SC merupakan sebahagian daripada ACMF, yang merangkumi pengawal selia pasaran modal daripada 10 bidang kuasa ASEAN. ACMF ditubuhkan pada 2004 untuk menggalakkan integrasi pasaran modal serantau.

MENJAJARKAN KEWANGAN MAMPAN DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Di peringkat global, terdapat peningkatan perhatian terhadap keperluan untuk membuka pelaburan swasta bagi memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kekurangan pembiayaan yang diperlukan untuk merealisasi SDG di negara-negara membangun dianggarkan sebanyak US$5 hingga US$7 trilion pada setiap tahun sehingga 2030[4]. Walaupun pembiayaan kerajaan adalah penting, kebanyakan daripada pelaburan ini perlu mendapatkan sumber pembiayaan daripada sektor swasta. Terdapat keperluan untuk memanfaatkan pasaran modal untuk menggerakkan pembiayaan bagi memenuhi keperluan pendanaan SDG.

Ini boleh dicapai dengan menggalakkan pembangunan kewangan mampan yang menggabungkan kriteria ESG yang dijajarkan kepada 17 SDG dalam keputusan pelaburan. Jadual 1 menjelaskan bagaimana rangka kerja SC dan piawaian ACMF dan mengenai kewangan mampan dijajarkan dengan SDG.

Rangka kerja Sukuk SRI, bersama dengan ASEAN GBS, ASEAN SBS dan ASEAN SUS, memainkan peranan penting dalam memudah cara keperluan pembiayaan pembangunan infrastruktur dan sosial rantau ini. Bagi menunjukkan penjajaran kategori projek di bawah rangka kerja dan piawaian ini kepada SDG UN, SC menyemak 17 SDG tersebut bagi mengenal pasti mana-mana yang bersesuaian. Daripada 17 SDG itu, 15 dianggap sesuai dengan kategori projek.

Jadual 1

Projek	SDG
Rangka kerja Sukuk SRI	
1. Sumber asli	2, 3, 6, 11, 12, 13, 14, 15
2. Tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga	7, 8, 9, 13
3. Pembangunan komuniti dan ekonomi	1, 3, 4, 8, 9, 10, 11
4. Hartanah/aset wakaf	1, 3, 4, 7, 8, 9, 10, 11
Piawaian Bon Hijau ASEAN	
1. Tenaga boleh diperbaharui	3, 7, 8, 9, 11, 12, 13
2. Kecekapan tenaga	7, 8, 9
3. Pencegahan dan kawalan pencemaran	3, 11, 12
4. Pengurusan persekitaran lestari bagi sumber asli hidup dan penggunaan tanah	2, 6, 11, 14, 15
5. Pemuliharaan biodiversiti tanah dan akuatik	2, 6, 11, 14, 15

[4] Anggaran Suruhanjaya Perdagangan dan Pembangunan PBB (UNCTAD).

Projek	SDG
Piawaian Bon Hijau ASEAN	
6. Pengangkutan bersih	11
7. Pengurusan air lestari dan air sisa	6 11 12
8. Penyesuaian perubahan iklim	1 2 13
9. Kecekapan eko dan/atau produk padanan ekonomi pusingan, teknologi dan proses pengeluaran	8 11 12
10. Bangunan hijau yang memenuhi piawaian atau pensijilan serantau, tempatan atau antarabangsa yang diiktiraf	11
Piawaian Bon Sosial ASEAN	
1. Infrastruktur asas mampu milik	2 3 6 7 9 11
2. Akses kepada perkhidmatan bantuan	1 2 3 4 5 8 9 10
3. Perumahan mampu milik	1 11
4. Pewujudan pekerjaan	8 9
5. Keselamatan makanan	2 12
6. Peningkatan dan pemerkasaan sosioekonomi	1 2 4 5 8 10 11 14

Huraian SDG

Matlamat 1: Tiada kemiskinan
Matlamat 2: Kebuluran sifar
Matlamat 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan
Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti
Matlamat 5: Kesemarataan Jantina
Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi
Matlamat 7: Tenaga Murah dan Bersih
Matlamat 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur
Matlamat 10: Ketaksamaan yang Dikurangkan
Matlamat 11: Bandaraya dan Masyarakat Lestari
Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab
Matlamat 13: Tindakan Cuaca
Matlamat 14: Kehidupan di Dalam Air
Matlamat 15: Kehidupan di Darat
Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh
Matlamat 17: Perkongsian bagi Matlamat

Nota: *Ilustrasi ini untuk ASEAN GBS dan ASEAN SBS dijajarkan dengan Pemetaan Peringkat Tinggi bagi Matlamat Pembangunan Mampan 2018 yang diterbitkan oleh ICMA. Ilustrasi ini adalah sebagai rujukan dan projek-projek perlu disemak secara berasingan untuk penjajaran. Penjajaran dengan SGD tidak secara automatik memastikan penjajaran dengan Rangka kerja Sukuk SRI, ASEAN GBS, ASEAN SBS dan ASEAN SUS (gabungan projek hijau di bawah GBS ASEAN dan projek sosial di bawah SBS ASEAN).*

Menggalakkan agenda kewangan mampan dalam 2018

PERIKATAN PENANDA ARAS DUNIA

5 Februari

Sesi perundingan oleh World Benchmarking Alliance (WBA) dengan pihak berkepentingan utama di Malaysia untuk memahami bagaimana tanda aras korporat SDG boleh dirangka bagi memastikan ia dapat mencipta nilai

SIMPOSIUM PASARAN MODAL DUNIA

6 & 7 Februari

PERSIDANGAN SC-BANK DUNIA-HAB IOSCO ASIA PASIFIK

14 & 15 Mei

(Sorotan acara di muka surat 9 & 32)

SIDANG MEJA BULAT SC-OCISKE-9

24 & 25 Mac

Usaha sama tahunan SC dan Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS) bagi meningkatkan kepimpinan pemikiran global dalam kewangan Islam. Fokus pada 2018 adalah ke atas `Meningkatkan Nilai Pasaran Modal Islam Melalui Pelaburan Sosial dan Berimpak'

BENGKEL KEWANGAN HIJAU

12 April

Meningkatkan kesedaran mengenai bagaimana produk pasaran modal, terutamanya instrumen kewangan Islam sejajar dengan keperluan pembiayaan jangka sederhana hingga jangka panjang bagi pemilik projek tenaga boleh diperbaharui

SIDANG MEJA BULAT PELABURAN MAMPAN

16 Julai

Menggalakkan kemampanan dalam pasaran modal melalui peningkatan kesedaran terhadap inisiatif serantau dan global, SRI dalam kalangan pelabur runcit dan keperluan bagi piawaian di Malaysia untuk menggabungkan ESG dan prinsip Islam

FORUM UNDP-IsDB-SC

27 September

Diadakan sebagai acara sampingan Perhimpunan Agung PBB ke-73, pemimpin industri global membincangkan cara kewangan Islam menyediakan mekanisme pembiayaan inovatif bagi sektor swasta untuk menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030

FORUM KEWANGAN HIJAU

17 Oktober

Forum ini memberi kemas kini kepada pengumpul dana berpotensi dan pengantara kewangan mengenai inisiatif oleh agensi-agensi kerajaan dalam bidang kewangan hijau dan pilihan pembiayaan yang ditawarkan oleh ICM

DIALOG MENTERI BERSAMA PENGURUS KEMAMPANAN KORPORAT

4 Disember

Dialog bersama menteri MESTECC, CMM, Bursa Malaysia dan syarikat awam tersenarai ke arah matlamat bersama untuk mencapai Agenda Pembangunan Mampan 2030 PBB

adalah pembentukan kelas-kelas aset lestari. Untuk menyokong keperluan pembangunan mampan ASEAN, ACMF telah membangunkan:

(i) *Piawaian Bon Sosial ASEAN* (ASEAN SBS), berdasarkan *Prinsip Bon Sosial* ICMA bagi pembiayaan projek yang membawa manfaat kemasyarakatan; dan

(ii) *Piawaian Bon Lestari ASEAN* (ASEAN SUS), berdasarkan Garis Panduan Bon Kelestarian ICMA, bagi pembiayaan gabungan projek-projek hijau dan sosial yang menawarkan manfaat persekitaran dan sosial.

- **Garis Panduan Dana SRI**

Untuk memudahcarakan dan menggalakkan pertumbuhan dana SRI, SC memperkenalkan garis panduan, *Guidelines on SRI Funds* pada Disember 2017. Ia bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan kepimpinan Malaysia dalam pasaran dana SRI di rantau ini. Sejak itu, empat dana SRI yang layak telah dilancarkan oleh industri di bawah Garis Panduan ini pada 2018. Ini termasuk dana sukuk ESG pertama di dunia.

PERSIDANGAN SC-BANK DUNIA-HAB IOSCO ASIA PASIFIK 2018: MALAYSIA PENERAJU DALAM MENDOKONG PENUMPUAN TERHADAP KEWANGAN ISLAM DAN HIJAU

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
14 & 15 Mei 2018

Persidangan ini merupakan kerjasama kali kedua antara SC dan Hab Pengetahuan dan Penyelidikan Global Kumpulan Bank Dunia di Malaysia, dengan penganjur bersama baharu, Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) Hab Asia Pasifik.

Bertemakan "Memanfaatkan Kewangan Islam untuk Masa Hadapan Hijau", persidangan tesebut telah mengumpulkan seramai 200 orang pengamal industri, pembuat dasar dan pakar kewangan Islam dan bidang pelaburan mampan bagi membincangkan dasar utama, pengawalseliaan dan elemen institusi yang diperlukan untuk terus meningkatkan penerapan pasaran kewangan Islam dalam usaha pengurangan dan penyesuaian iklim.

Ahli panel terpilih program:

"Penerbitan perintis Sukuk Hijau di Malaysia menunjukkan potensi besar dalam melaksanakan instrumen kewangan Islam bagi menyokong agenda hijau tersebut. Perkara ini dicapai melalui perkongsian antara Hab Malaysia Bank Dunia, kerajaan Malaysia dan pihak berkepentingan lain. Kami berhasrat untuk memanfaatkan pencapaian ini bagi memupuk penggunaan instrumen sedemikian untuk membiayai pembangunan mampan dan membina daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam di negara-negara pelanggan kami"

Richard Record[5], Pemangku Pengurus Negara untuk Hab Pengetahuan dan Penyelidikan Global Bank Dunia di Malaysia

Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin
Timbalan Ketua Eksekutif
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Abayomi A Alawode
Ketua, Kewangan Islam
Bank Dunia

Sean Kidney
Ketua Pegawai Eksekutif
dan Pengasas Bersama
Inisiatif Bon Iklim

Datuk Dr Mohd Daud Bakar
Pengasas & Pengerusi
Kumpulan Amanie

Mushtaq Kapasi
Ketua Perwakilan untuk
Asia Pasifik
Persatuan Pasaran
Modal Antarabangsa

Nezha Hayat
Presiden
Pihak Berkuasa Pasaran
Modal Maghribi

[5] Richard Record ialah Ketua Ahli Ekonomi, Makroekonomi, Perdagangan dan Pelaburan Amalan Global, Bank Dunia.

Memprofil Malaysia sebagai hab kewangan mampan yang sedang berkembang

Penyertaan SC dalam pelbagai acara dan peranan kepimpinan dalam forum berkaitan SRI dan SDG memastikannya terus meningkatkan kesedaran mengenai kewangan mampan dan kedudukan Malaysia yang semakin penting dalam bidang ini. Acara-acara ini menyediakan platform bagi SC untuk menjalin hubungan dan bertemu dengan pemimpin pemikiran, pengamal pasaran, pembuat dasar dan pihak berkepentingan yang lain. Ini membantu SC merumus dasar dan meneroka cara baharu untuk mendekati masyarakat bagi memenuhi matlamat pembangunan mampan.

Pada September 2018, SC menyuarakan sokongan terhadap saranan Pasukan Petugas bagi Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) Lembaga Kestabilan Kewangan (FSB) yang bertujuan untuk memudah cara penzahiran syarikat mengenai kesan kewangan terhadap risiko dan peluang berkaitan iklim. Sehingga kini, lebih daripada 500 organisasi termasuk pengawal selia telah menyuarakan sokongan mereka terhadap TCFD.

SC turut mengambil bahagian dalam beberapa inisiatif global untuk meningkatkan profil Malaysia sebagai pusat bagi kewangan mampan:

CREATING GREEN BOND MARKETS: INSIGHTS, INNOVATIONS AND TOOLS FROM EMERGING MARKETS

Perkongsian Pengalaman mengenai Pasaran Bon Hijau Malaysia – Laporan Rangkaian Perbankan Mampan

Dengan sasaran untuk meningkatkan kebolehlihatan dan kesedaran mengenai bon hijau dan menyokong penerbit dalam pasaran bon hijau, SC mengambil bahagian dalam projek International Finance Corporation (IFC) dan Inisiatif Bon Iklim (DBI) bagi Rangkaian Perbankan Mampan (SBN) untuk pasaran bon hijau. Diterbitkan pada September 2018, laporan tersebut turut mengandungi satu kajian kes ke atas pasaran bon hijau dan sukuk Malaysia.

Laporan tersebut merumuskan bahawa bon hijau ialah instrumen yang berkesan untuk membantu mencapai SDG. Di samping itu, garis panduan peringkat kebangsaan adalah penting untuk pembentukan pasaran bon hijau dalam pasaran pesat membangun.

Inisiatif Bursa Saham Mampan – Perkongsian amalan terbaik mengenai bagaimana pengawal selia sekuriti boleh menyokong SDG

SC berperanan sebagai anggota Kumpulan Penasihat kepada inisiatif Bursa Saham Mampan (SSE), berkongsi amalan terbaik mengenai bagaimana pengawal selia sekuriti boleh menyokong SDG.

HOW SECURITIES REGULATORS CAN SUPPORT THE SDGS: A SHARING OF EXPERIENCE IN PROMOTING SUSTAINABLE FINANCE

Laporan yang diterbitkan pada Oktober 2018 memberikan rangkuman menyeluruh mengenai kewangan mampan di seluruh dunia dengan 35 contoh daripada 19 pasaran, termasuk inisiatif SC dan ACMF. Ia mengkaji bagaimana dengan mandat sedia ada pengawal selia sekuriti mengambil tindakan ke atas risiko berkaitan kemampanan. Ia juga mengkaji bagaimana pengawal selia boleh menggalakkan SDG.

Carta 1

Kepelbagaian dalam peluang pembiayaan untuk perniagaan



Sumber: SC

Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun IOSCO mengenai Pembiayaan Mampan

SC merupakan pengerusi bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun (GEM) IOSCO mengenai Pembiayaan Mampan. Kerja-kerja yang dilaksanakan akan dimuatkan dalam satu laporan yang akan membincangkan, antaranya pembangunan instrumen mampan seperti bon hijau dan bon impak sosial serta menggalakkan kualiti penzahiran dan memperkukuh kapasiti keseluruhan dan kepakaran dalam isu-isu ESG dalam pasaran modal. Kerja-kerja yang dilaksanakan juga dijangka akan memudahcara satu tahap ketekalan di peringkat antarabangsa memandangkan ciri-ciri rentas sempadan dan global instrumen mampan terbabit.

MENGEMBANGKAN KAEDAH PEMBIAYAAN ALTERNATIF

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan usahawan merupakan tunjang kepada ekonomi Malaysia, menyumbang 66% daripada jumlah keseluruhan pekerjaan dan 37.1% kepada jumlah KDNK pada 2017. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi digital, PMKS juga telah menyaksikan peralihan daripada perniagaan tradisional kepada perniagaan yang lebih banyak diterajui secara digital, mengubah cara mereka berinteraksi dengan pengguna. Menyedari kepentingan ekonomi dalam merangsang pertumbuhan dan pertumbuhan ekonomi, inisiatif dalam Belanjawan 2019 telah dicadangkan untuk menyokong pembangunan teknologi baharu dan memastikan pembiayaan yang mencukupi kepada usahawan melalui sumber pembiayaan konvensional dan alternatif.

Selaras dengan perkembangan ini, pasaran modal juga telah berkembang untuk memenuhi spektrum PMKS yang lebih besar. Walaupun sumber pembiayaan tradisional seperti perbankan, ekuiti dan hutang awam kekal relevan, kaedah pembiayaan alternatif seperti pendanaan ekuiti ramai (ECF), pembiayaan antara rakan setara (P2P), modal teroka (VC), ekuiti swasta (PE) Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) pantas diterima sebagai pelengkap kepada saluran pendanaan tradisional.

Kaedah pembiayaan alternatif ini berjaya kerana ia membolehkan penerbit yang kurang diberi perhatian berhubung dengan kumpulan pelabur yang belum

TAHUKAH ANDA?

- 693 perniagaan telah dibiayai melalui ECF dan pembiayaan P2P sejak 2015.
- Enam platform pembiayaan P2P Malaysia telah mengumpul sebanyak RM180.05 juta pada 2018 – peningkatan sebanyak 452% daripada 2017. 93% daripada pelabur P2P merupakan pelabur ulangan.

dimanfaatkan secara tradisional, di samping menawarkan saluran penyampaian yang lebih murah, cepat dan mudah. Setiap saluran juga disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus perniagaan pada setiap peringkat kitaran hayat perniagaan mereka.

ECF dan VC distrukturkan untuk membantu usahawan baharu dan perniagaan peringkat permulaan mendapatkan pembiayaan peringkat pra-semai, semai dan awal. Sebaliknya, pembiayaan P2P, PE dan LEAP sesuai bagi syarikat yang lebih matang yang memerlukan modal kerja atau modal untuk pertumbuhan. Apabila perniagaan mencapai skala tertentu, mereka akan dapat memanfaatkan kaedah tradisional seperti ekuiti atau hutang awam. Kaedah-kaedah pembiayaan

ECF*

7 pengendali platform ECF

PENERANGAN KEMPEN

51 kempen ECF

50 PMKS berjaya menjana modal



Usia pelabur ECF

54% ialah pelabur runcit

RM48.87 juta dikumpul setakat ini

47% kempen mengumpul sebanyak RM500,000 dan ke bawah

94% pelabur ECF adalah warga Malaysia

* Data terkumpul sejak dimulakan pada 2015.

ini bersama-sama dapat membantu memenuhi beberapa keperluan pembiayaan perniagaan Malaysia, ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Pembiayaan ECF dan P2P sebagai platform untuk PMKS untuk mengumpul dana

Walaupun PMKS menghadapi cabaran berterusan untuk mendapatkan pembiayaan, pertumbuhan nyata dalam saluran pembiayaan alternatif adalah sangat positif dan mencerminkan peranan sektor swasta dalam menyediakan pembiayaan kepada syarikat di pelbagai peringkat perkembangan.

Sejak 2015, 693 PMKS berjaya mengumpul modal berjumlah RM261.52 juta melalui platform ECF dan P2P. Pada 2018 sahaja, 616 PMKS mengumpul sejumlah RM195.11 juta melalui platform ini.

Data menunjukkan permintaan yang kukuh dan meningkat terhadap ECF dan pembiayaan P2P sebagai saluran alternatif bagi PMKS untuk mendapatkan pembiayaan peringkat awal dan modal untuk pertumbuhan. Ini selaras dengan salah satu objektif yang dinyatakan dalam Strategi Pasaran Digital SC untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan. Sebagai sokongan kepada agenda keterangkuman kewangan SC, ECF dan

Pembiayaan P2P*

6 P2P pengendali platform pembiayaan

PENERANGAN KEMPEN

2,505 kempen pembiayaan P2P

643 PMKS berjaya menjana modal



Usia pelabur pembiayaan P2P

22% ialah penerbit ulangan

RM212.65 juta dikumpul setakat ini

93% ialah pelabur ulangan dalam pelbagai kempen

91% kempen mengumpul sebanyak RM200,000 dan ke bawah

99% pelabur P2P adalah warga Malaysia

* Data terkumpul sejak dimulakan.

KAJIAN KES MENGENAI PENERBIT ECF YANG BERJAYA

	MECAPAN	TAGLA	ITALENTPRO	SIGNATURE MARKET
Laman Sesawang	mecapan.com	tagla.com.my	italentpro.com	signaturemarket.co
Tahun Kempen	2018	2017	2016	2017
Jumlah Dikumpulkan	RM300,000.00	RM755,000.00	RM1,046,703.49	RM1,507,080.00
Industri	Kecantikan & Kosmetik	Teknologi	Teknologi	Makanan & Minuman
Platform	Ata Plus	CrowdPlus	FundedByMe	PitchIN
Huraian perniagaan	Mecapan ditubuhkan pada 2017 sebagai platform perkhidmatan kecantikan di Indonesia dengan visi #BreakingBarriersForBeauty. Platform ini membolehkan wanita dari semua peringkat usia untuk mencari penyedia perkhidmatan kecantikan yang sesuai dengan jadual, keperluan, lokasi dan bajet mereka.	Fokus TAG La ialah untuk mewujudkan dunia yang tiada kebimbangan. Salah satu produknya, TAG La, ialah pencari item yang membantu orang ramai menjejaki item yang hilang dalam beberapa saat dengan menggunakan aplikasi mudah alih.	ITalentPro ialah platform digital HR yang mesra pengguna. Ia merupakan pembekal penyelesaian modal insan berasaskan konsep awan yang membolehkan organisasi merealisasikan potensi tenaga kerja semasa dan masa depan mereka.	Signature Market ialah platform eDagang yang menjual barangan yang dipakej secara terus kepada pengguna.

	MECAPAN	TAGLA	ITALENTPRO	SIGNATURE MARKET
Alasan PMKS memilih ECF dan pengalaman mereka mengumpul dana	Ata Plus membantu Mecapan dengan baik dalam kempen pengumpulan dana dengan memberi maklum balas yang berguna dan memudahcarakan pertemuan dengan pelbagai kumpulan individu berpengaruh.	CrowdPlus memberi akses TAG La kepada pelbagai kumpulan pelabur dan sumber. Para pelabur ini seterusnya boleh menjadi duta jenamanya.	FundedByMe membantu mengembangkan rangkaian ITalentPro melalui pelabur ECF, yang boleh memilih untuk menyumbang kepada pengembangan perniagaannya. Kaedah pengumpulan dana ini juga membolehkan ITalentPro menerima cadangan berguna daripada pelabur yang berfikiran sama.	PitchIN telah membantu Signature Market memanfaatkan ECF sebagai kaedah mengumpul modal.
Manfaat dan cabaran utama	**Manfaat** • Membuka akses kepada kumpulan pelabur baharu; • Membolehkan pelabur memberi maklum balas membina untuk pertumbuhan seterusnya; dan • Menawarkan saluran bagi syarikat peringkat semai untuk mendapatkan panduan yang diperlukan dan sokongan pengumpulan dana.	• Membolehkan pelabur menyumbang dan mengambil bahagian dalam perniagaan sebagai pembimbing dan duta jenama.	• Membuka akses yang lebih luas kepada pelbagai rangkaian pelabur – tempatan, asing, runcit dan sofistikated; dan • Menawarkan lebih banyak terma dan syarat yang lebih saksama bagi semua pihak berbanding keadah pengumpulan dana lain.	• Menyediakan platform berguna bagi pengesahan perniagaan; dan • Meningkatkan kebolehlihatan syarikat bagi pembiayaan susulan.
	Cabaran • Instrumen pembelajaran bagi pengumpulan dana yang berkesan • Mengurus dokumen perundangan; dan • Belajar untuk menerima maklum balas kritikal	• Mengurus kumpulan pelabur dengan pemikiran dan pendapat yang berbeza di samping kekal tegas mengenai hala tuju syarikat	• Belajar untuk berkomunikasi dengan pelbagai pelabur dari negara berbeza; • Mengurus jangkaan kumpulan pelabur yang lebih besar; dan • Mengurus dokumen perundangan dengan cekap.	• Belum berhadapan dengan mana-mana cabaran setakat ini.

** *Nota: Respon temuramah di atas telah diringkaskan.*

pembiayaan P2P juga telah menarik banyak penyertaan daripada pelabur runcit dan belia berusia di bawah 35 tahun, masing-masing sebanyak 82% dan 54% daripada jumlah pelabur.

Pada 5 Julai 2018, SC mempelawa permohonan baharu bagi pengendali ECF dan pembiayaan P2P. Permohonan tersebut kini sedang dinilai dan SC akan membuat pengumuman mengenai pengendali yang berjaya pada separuh pertama 2019. Pengenalan pengendali ECF dan pembiayaan P2P baharu ini adalah untuk memberi perkhidmatan kepada rangkaian penerbit dan pelabur yang lebih meluas di seluruh sektor dan segmen yang berlainan.

LEAP terus berkembang

Pasaran LEAP yang dilancarkan oleh Bursa Malaysia terus berkembang dalam memenuhi matlamatnya untuk menyediakan platform penjanaan modal untuk PKS yang melengkapkan saluran pengumpulan modal lain. Pada 2018, 10 PKS[6] berjaya mengumpul sebanyak RM57.43 juta di pasaran LEAP, menjadikan jumlah yang dikumpul sejak penubuhannya pada Julai 2017 kepada RM69.93 juta.

13 syarikat yang diperbadankan di Malaysia dalam pasaran LEAP pada masa ini adalah dari pelbagai sektor termasuk teknologi, penjagaan kesihatan, produk dan perkhidmatan pengguna dan perindustrian, serta telekomunikasi dan media.

VC dan PE – menyokong ekosistem pembiayaan

VC dan PE merupakan komponen penting dalam ekosistem pembiayaan keusahawanan Malaysia. Di samping menyediakan modal kewangan, pengurus VC dan PE juga memberi panduan kepada perniagaan untuk mempercepat dan merealisasikan potensi pertumbuhan mereka. Sebagai kelas aset, pelaburan dalam dana VC dan PE menawarkan peluang untuk kepelbagaian portfolio untuk pelabur institusi dan individu bernilai tinggi.

Setakat 2018, industri VC dan PE Malaysia menyaksikan jumlah komitmen dana sebanyak RM6.08 bilion. Cabaran utama pertumbuhannya adalah penyertaan terhad pelabur institusi dan swasta. Akibatnya, sebahagian besar pembiayaan dalam industri diperoleh daripada dana kerajaan. Untuk menangani isu ini, usaha pembangunan pada 2018 ditumpukan kepada:

1. Meningkatkan kesedaran mengenai VC dan PE dalam pasaran modal Malaysia, dan
2. Menggalakkan penyertaan pelabur swasta dalam VC dan PE.

Untuk meningkatkan kesedaran mengenai VC, bengkel setengah hari untuk VC dan syarikat peringkat permulaan dari rantau ASEAN telah dianjurkan pada 8 Februari 2018 bersempena Simposium Pasaran Modal Dunia. Melalui kerjasama dengan CMM dan wakil-wakil industri terpilih, bengkel ini memberikan peserta dengan rangkuman mengenai landskap VC Malaysia yang meliputi peraturan-peraturan kepada insentif yang sedia ada dalam ekosistem pembiayaan dan keusahawanan.

SC juga menyokong Persidangan Modal Teroka & Ekuiti Swasta Asia Tenggara 2018 yang berlangsung pada 31 Julai 2018. Dianjurkan oleh Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia, persidangan tersebut merangkumi perbincangan mendalam mengenai trend dan peluang pelaburan di Asia Tenggara.

Susulan Belanjawan 2018, Jawatankuasa Penyelarasan Dana Modal Teroka (VCFCC) telah ditubuhkan untuk melaksanakan program pengagihan dana VC sebanyak RM1 bilion. Pengagihan ini bertujuan, antara lain, untuk menggalakkan pembentukan dana VC baharu, menangani jurang pembiayaan dalam ekosistem keusahawanan dan mengukuhkan kepakaran profesional VC Malaysia. VCFCC, yang dipengerusikan oleh SC dan terdiri daripada wakil-wakil dari pelabur institusi domestik utama, menentukan kriteria kelayakan minimum untuk pengagihan serta memudah cara semakan dan pemilihan cadangan dana untuk pengagihan ini.

[6] Jumlah PKS di pasaran LEAP pada 2018 adalah 11, di mana satu PKS adalah dalam bentuk 'cadangan penyenaraian melalui pengenalan keseluruhan modal saham yang diterbitkan', tanpa mengumpul dana.

SC x SC

Persidangan Fintech 2018

Memanfaatkan Teknologi

Lim Guan Eng, Menteri Kewangan

"Penerapan teknologi baru ini penting bagi Malaysia untuk keluar dari perangkap pendapatan pertengahan dan mula mengaum semula sebagai Harimau Asia yang berwibawa"

"PMKS bukan hanya satu kuasa besar masa depan tetapi juga berfungsi sebagai ruang untuk memupuk kreativiti dan inovasi"

Datuk Syed Zaid Albar, Pengerusi SC

SC menganjurkan Persidangan Fintech Kerjasama Bersinergi oleh SC (SCxSC) pada 28 & 29 November 2018. Persidangan kelima ini meneroka penggunaan teknologi inovatif dalam pasaran modal dan meningkatkan kesedaran dalam inovasi Fintech yang baru muncul, sejajar dengan tema, "Memanfaatkan Teknologi". Persidangan ini dimuatkan dengan pelbagai perbincangan panel interaktif dan bengkel yang menampilkan penceramah terkenal di peringkat antarabangsa bagi topik seperti kecerdasan buatan (AI), keselamatan siber dan teknologi blok rantai dalam konteks perkhidmatan kewangan.

Clara Durodie, Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Cognitive Finance

Zoe Rose, Penggodam Beretika, Baringa Partners

Michael Casey, Pengarang bersama The Age of Cryptocurrency and the Truth Machine

PENGUMUMAN UTAMA

PROJECT CASTOR

Penyiapan Projek Castor telah menghasilkan "Rangka Tindakan Reka Bentuk Modal Pasaran dalam Dunia yang Dinyahpusat". Ia menggariskan infrastruktur pasaran di mana pasaran yang tidak berpusat dibolehkan oleh Teknologi Lejar Teragih.

DANA PELABURAN BERSAMA

Dana RM50 juta akan dipadankan dengan pelabur dari sektor swasta mengikut asas 1 kepada 4 bagi pelaburan ECF dan P2P

50% daripada peserta adalah dari industri kewangan, Fintech, dan teknologi

Lebih **1,000** peserta

15 penceramah dari seluruh dunia

SESI BERASINGAN

- Hari Pelabur Pendanaan Ekuiti Ramai
- Demonstrasi pembiayaan P2P oleh pengendali platform berdaftar
- Demonstrasi pengurusan pelaburan digital
- Hari demonstrasi Supercharger

Permintaan Cadangan (RFP) telah dilancarkan pada 3 Mei 2018 untuk mempelawa pengurus VC yang berminat mendapatkan komitmen pendanaan daripada pelabur dalam VCFCC, mengemukakan cadangan mereka. Program ini menarik minat pengurus VC domestik dan antarabangsa. Sebanyak 60 cadangan diterima dan disemak oleh VCFCC.

Tawaran syiling awal dan bursa aset digital

SC kekal berhati-hati dalam memantau aktiviti-aktiviti dalam bidang aset digital serta perkembangan kawal selia lain di seluruh dunia. Sepanjang 2018, langkah-langkah diambil untuk mengadakan pembabitan bersama dengan pasaran serta pihak berkepentingan utama untuk memahami aset digital dan tawaran syiling awal (ICO) dengan lebih mandalam. Ini termasuk meningkatkan usaha pendidikan mengenai penipuan, terutamanya melalui program InvestSmart®. Sekiranya perlu, SC mengambil tindakan kawal selia, dan akan terus berbuat demikian, untuk menghalang dan menghentikan skim yang melanggar undang-undang sekuriti.

Aset digital dan ICO boleh menjadi satu alternatif untuk pembiayaan peringkat awal serta kelas pelaburan baharu bagi pelabur, dengan syarat mereka dimanfaatkan dengan cara yang betul dengan perlindungan yang sesuai. Peraturan kawal selia kini sedang dilaksanakan untuk memasukkan aset digital dalam undang-undang sekuriti untuk menggalakkan dagangan yang adil dan teratur dan memastikan perlindungan pelabur. SC akan mengawal selia penerbitan aset digital melalui ICO dan dagangan aset digital di bursa aset digital di Malaysia. Untuk melaksanakan rangka kerja pengawalseliaan terhadap aset digital, SC dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan memeterai perjanjian penyelarasan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasa kedua-dua pengawal selia. Rangka kerja pengawalseliaan tersebut disasarkan untuk dilancarkan pada awal 2019.

MEMUDAH CARA KETERANGKUMAN PELABUR YANG LEBIH BESAR

Kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia tentang perlunya memberi lebih penekanan terhadap pengurusan dan peningkatan kekayaan mereka semakin meningkat. Penduduk Malaysia berjumlah

Kepelbagaian dalam penduduk Malaysia mendorong kepada keperluan pelaburan yang berbeza

52% belia*

3% Pemilik perniagaan berjaya**

3% tambahan tenaga kerja pada tahun lalu*

18% wanita bekerja*

8% akan bersara dalam tempoh 5 tahun*

84% melanggan perbankan internet***

6% pekerja mahir*

32% suri rumah dan pesara*

15% usahawan peringkat awal**

Nota:
* Jabatan Statistik Malaysia, Q3 2018
** Global Entrepreneurship Monitor 2017/18
** Statistik Pembayaran BNM Q3 2018

sekitar 32 juta terdiri daripada tenaga kerja yang pelbagai, populasi belia yang besar dan segmen pelabur mewah dan sofistikated yang berkembang. Dengan rangkaian pelabur yang mempunyai matlamat pelaburan dan selera risiko yang berbeza, kewujudan satu set produk pasaran modal yang komprehensif serta akses kepada nasihat dan perkhidmatan pelaburan adalah penting. Ia menyediakan pelabur dengan pelbagai pilihan dan membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan termaklum.

Atas alasan ini, SC memberi tumpuan bukan sahaja terhadap inovasi produk tetapi juga meningkatkan perkhidmatan nasihat pelaburan, perancangan kewangan dan pengurusan portfolio dalam pasaran. Wujudnya pilihan pelaburan yang lebih luas membolehkan kepelbagaian risiko pelabur, membantu mereka mengimbangi risiko dan pulangan. Dari perspektif yang lebih luas, ia juga akan menggalakkan mobiliti simpanan pelabur untuk memenuhi keperluan pembiayaan penerbit dalam pasaran modal.

Pada 2018, SC memulakan satu siri inisiatif untuk menambah baik dan memastikan rangkaian peluang yang luas untuk memenuhi pelbagai keperluan pelabur – dari pelabur runcit muda kepada pelabur sofistikated berpengalaman – untuk membantu mereka mengurus dan meningkatkan kekayaan mereka.

Memperkenalkan rangka kerja bagi penawaran Kontrak Perbezaan OTC

Menyedari keperluan pelabur terhadap instrumen dagangan yang lebih canggih, SC memperkenalkan rangka kerja pertama untuk produk derivatif di kaunter (OTC) – Kontrak untuk Perbezaan (Contracts for Difference – CFD). Susulan perundingan industri, *Guidelines on Contracts for Difference* telah dikeluarkan pada 1 April 2018 dan berkuat kuasa pada 1 Julai 2018.

CFD membolehkan pelabur mengambil bahagian dalam pergerakan harga instrumen pendasar berdasarkan leveraj. Disebabkan oleh kerumitan CFD, rangka kerja ini dilaksanakan melalui pendekatan berfasa dengan CFD kini ditawarkan kepada pelabur sofistikated. Di samping itu, instrumen pendasar CFD dihadkan kepada indeks saham dan ekuiti.

Untuk mengakses produk ini, pelabur berdagang secara terus dengan penyedia CFD berlesen yang akan bertindak sebagai prinsipal sehingga kedudukan itu ditutup. Memandangkan ciri dua hala dagangan ini, SC akan memantau dengan teliti sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman penyedia CFD untuk memastikan pendedahan risiko kredit kepada dan daripada pelanggan mereka diurus dengan baik. Di samping itu, SC membenarkan pelanggan penyedia CFD mengakses Dana Pampasan Pasaran Modal (CMCF) sekiranya mana-mana pembekal CFD[7] mungkir.

Rangka kerja baharu ini seiring dengan usaha berterusan SC untuk menggalakkan pertumbuhan melalui peluasan skop perniagaan pengantara dalam pasaran derivatif.

Menyokong keperluan untuk kepelbagaian portfolio melalui rangka kerja bon dan sukuk runcit yang dipertingkatkan

Akses telah lama menjadi isu bagi pelabur individu yang berminat melabur dalam bon korporat dan sukuk Malaysia. Secara tradisi syarikat-syarikat menumpukan kepada pengeluaran bon dan sukuk korporat kepada pelabur institusi. Oleh itu, walaupun Malaysia merupakan pasaran bon ketiga terbesar di Asia (relatif kepada KDNK)[8] dan pasaran sukuk terbesar di dunia[9], penyertaan pelabur runcit masih rendah. Usaha-usaha besar telah dilaksanakan sepanjang 2018 untuk meningkatkan akses pelabur runcit kepada segmen pasaran ini.

Pada September 2018, pelbagai langkah untuk menyemak rangka kerja bon dan sukuk runcit telah dilancarkan. Rangka kerja sedia pasaran baharu telah diperkenalkan untuk meningkatkan akses

[7] Semua penyedia CFD menyumbang kepada CMCF.
[8] Asian Bond Online – http://asianbondsonline.adb.org
[9] Malaysian International Islamic Financial Centre (MIFC).

TAHUKAH ANDA?

- Bon korporat dan sukuk yang sebelum ini hanya terbuka kepada pelabur sofistikated kini boleh ditawarkan kepada pelabur runcit di Malaysia tanpa prospektus sekiranya mereka memenuhi syarat tertentu. Di samping itu, rangkaian bon dan sukuk korporat yang ditawarkan kepada pelabur runcit juga telah diperluaskan melangkaui bon biasa.

pelabur runcit kepada bon korporat dan sukuk sedia ada yang kini didagangkan oleh pelabur sofistikated dalam pasaran OTC. Untuk layak bagi akses oleh pelabur runcit di bawah rangka kerja ini, bon korporat dan sukuk antara lain, dikehendaki berada dalam pasaran selama sekurang-kurangnya 12 bulan dan mempunyai penarafan kredit minimum A.

Garis panduan juga dipertingkatkan untuk membolehkan penerbit yang memenuhi kriteria tertentu menerbitkan lembaran sorotan produk (PHS), tidak perlu prospektus penuh. Rangkaian bon dan sukuk korporat yang boleh ditawarkan kepada pelabur runcit juga telah ditambah melangkaui bon biasa termasuk hutang subordinat serta bon dan sukuk kekal yang diterbitkan oleh bank berlesen.

Mempertingkatkan keperluan penzahiran syarikat tersenarai

Keperluan penzahiran juga disemak semula untuk prospektus ringkas dan pekeliling yang berkaitan. *Prospectus Guidelines dan Equity Guidelines* yang dipinda pada Disember 2018 berfungsi untuk membimbing syarikat tersenarai menyediakan dokumen tersebut supaya ia lebih mesra pembaca. Ia juga memerlukan penzahiran ditumpukan kepada maklumat yang bermakna untuk membantu pemegang saham membuat keputusan pelaburan termaklum.

Membenarkan dana dagangan bursa khusus

Pada 26 November 2018, *Guidelines on Exchange–Traded Funds* telah dipertingkatkan untuk membolehkan penerbitan dana dagangan bursa (ETF) khusus seperti ETF berasaskan niaga hadapan, ETF Leveraj dan Berbalik (L&I), ETF Sintetik, ETF komoditi yang sokong secara fizikal konvensional dan ETF beta pintar.

ETF komoditi yang disokong secara fizikal biasanya menjejaki harga komoditi tertentu seperti emas dan perak. ETF beta pintar menjejaki prestasi indeks berasaskan peraturan alternatif - yang dibina secara berbeza daripada indeks berwajaran modal yang biasa dengan mengambil kira pelbagai faktor, seperti ketaktentuan dan dividen, dengan tujuan untuk meningkatkan pulangan.

ETF leveraj bermatlamat menyediakan pelbagai pulangan harian indeks pendasar. Sebaliknya ETF Berbalik pula dibina dengan tujuan untuk mendapat manfaat daripada pasaran menurun. Rangka kerja yang disemak semula itu membolehkan faktor maksimum dua kali untuk ETF Leveraj, manakala ETF Berbalik dihadkan kepada faktor maksimum satu kali.

Selain daripada potensi pertumbuhan dalam permodalan pasaran yang disebabkan oleh perluasan jenis ETF yang dibenarkan, pengenalan ETF L&I dapat merangsang peningkatan pulangan ETF disebabkan tempoh pegangan pelaburan yang singkat oleh pelabur berorientasikan dagangan yang aktif.

Disebabkan oleh kerumitan ETF L&I, bakal pelabur runcit mesti memenuhi kriteria pra-kelayakan tertentu sebelum mereka boleh melabur dalam produk ini. Peruncit yang tidak memenuhi kriteria pra-kelayakan mesti menjalani modul e-pembelajaran yang dibangunkan oleh Bursa Malaysia serta simulator prestasi yang disediakan oleh syarikat pengurusan ETF L&I sebelum mereka boleh melabur dalam ETF L&I.

Pelancaran ETF baharu

2018 juga menyaksikan ETF berdenominasi asing pertama disenaraikan di Bursa Malaysia yang mengikuti Indeks Dow Jones Islamic Market US Titans 50. Ini membawa jumlah keseluruhan ETF yang disenaraikan kepada 10. Pasaran ETF Malaysia terus mencatatkan trajektori positif dengan permodalan pasaran mencapai RM1.98 bilion pada akhir 2018.

Skim persaraan swasta sebagai saluran untuk memenuhi keperluan persaraan

Sebagai satu perantara untuk mengukuhkan tonggak persaraan negara, skim persaraan swasta (PRS) menyediakan kesejahteraan kewangan ahli-ahli selepas mereka bersara, merancang lebih baik menggunakan dana PRS yang paling sesuai dengan keperluan mereka. Walaupun terdapat pertumbuhan berterusan dalam industri PRS dengan jumlah aset bawah pengurusan (AUM) mencecah RM2.7 bilion dan 416,000 ahli, masih terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai keperluan persaraan mereka. Ini menjelaskan peranan penting yang dimainkan oleh Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA) dalam meningkatkan kesedaran dan penyertaan.

Untuk meningkatkan jangkauan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk para pelabur, penambahbaikan telah dibuat kepada ekosistem dengan pendigitan PRS oleh PPA, termasuk pengenalan aplikasi mudah alih dan pendaftaran dalam talian. Penggunaan saluran digital ini semakin meningkat, dengan jumlah keseluruhan transaksi sebanyak RM61 juta dilakukan dalam talian sejak dimulakan.

Untuk menggalakkan golongan belia melakukan simpanan awal untuk persaraan, Insentif PRS Belia lima tahun telah diperkenalkan pada awal 2014. Apabila insentif ini berakhir pada tahun 2018, keahlian belia di bawah usia 30 tahun meningkat kepada hampir 33% pada akhir bulan December 2018 daripada hanya 7% daripada jumlah keahlian PRS pada 2014.

Diagram 2
Pertumbuhan AUM PRS



Sumber: SC

* Data sehingga akhir 2018.

Diagram 3

Pencapaian utama PRS

Permulaan insentif 5 tahun PRS bagi para belia

Belia berumur antara 20-30 tahun akan diberikan bayaran insentif sekali sebanyak RM500 oleh kerajaan dengan caruman minimum sebanyak RM1,000 dalam mana-mana dana PRS.

Peningkatan insentif PRS kepada para belia

Kerajaan akan memadankan sebanyak RM1,000 yang terkumpul dalam akaun belia dengan sumbangan bersama pihak kerajaan sebanyak RM1,000.

Pelancaran platform tambah caruman dalam talian PRS

Fasa pertama penggunaan penyelesaian digital menyaksikan platform tambah caruman dalam talian bagi pencarum semasa. Dikendalikan oleh PPA, platform ini memberi akses kepada dana PRS kesemua lapan penyedia PRS.

Berakhirnya inisiatif PRS bagi belia

Pada penghujung tempoh lima tahun, objektif untuk menggalakkan belia untuk menabung bagi persaraan mereka telah tercapai, yang mana sebanyak RM104.05 juta telah dikeluarkan oleh kerajaan.

Pengenalan aplikasi mudah alih dan pendaftaran dalam talian

Pembangunan modul pendaftaran menandakan fasa kedua penyelesaian digital dengan matlamat untuk menarik pencarum baharu untuk menabung bagi persaraan mereka melalui PRS. development of the enrolment module Aplikasi mudah alih PRS juga telah diperkenalkan dengan kemudahan akses kepada akaun PRS mereka.

Diagram 4

Pencarum PRS mengikut kumpulan umur



Diagram 5

Pencarum PRS mengikut jantina



Diagram 6

Dana pilihan pencarum PRS



Diagram 7

Pengeluaran oleh pencarum PRS



Diagram 8

Pecahan mengikut jenis pekerjaan



Meningkatkan keterangkuman kewangan melalui Pengurusan Pelaburan Digital

SC menyedari bahawa pengenalan perkhidmatan pelaburan melalui saluran digital melengkapkan pelaburan luar talian sedia ada dan membolehkan lebih banyak pelabur, terutamanya mereka yang kurang diberi perhatian, untuk mengakses perkhidmatan ini pada kos yang berpatutan. Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan SC untuk menggalakkan keterangkuman kewangan memanfaatkan teknologi.

Pelancaran rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital (DIM) pada Mei 2017 disasarkan untuk menggalakkan kedua-dua pemain pasaran baharu dan sedia ada untuk membangunkan kaedah yang inovatif dan lebih berkesan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada para pelabur dengan memanfaatkan pendigitan.

Berikutan pelancaran rangka kerja tersebut, SC mendapati peserta pasaran tempatan dan serantau – peserta peringkat permulaan menunjukkan minat yang kuat untuk memohon lesen DIM. Melalui makmal pembabitan bersama Perikatan Komuniti FinTech (aFINity), SC telah mengadakan pembabitan bersama secara berterusan dengan peserta pasaran tersebut untuk membimbing mereka dalam memenuhi keperluan kesediaan apabila memohon lesen DIM kelak. Pembabitan bersama DIM merangkumi 41% daripada jumlah pembabitan bersama yang dilaksanakan melalui makmal pembabitan bersama aFINity pada 2018.

Pada Oktober 2018, StashAway Malaysia diberikan lesen DIM pertama diikuti oleh kelulusan kepada satu lagi firma pada November. Dengan kemasukan pelbagai rangkaian firma DIM, para pelabur akan dapat mengakses mod pelaburan baharu yang mudah, berpatutan dan boleh diakses, untuk mengurus dan mengembangkan kekayaan mereka.

aFINity

aFINity berfungsi sebagai titik tumpuan untuk inisiatif pembangunan dalam bidang Fintech. Dengan pengoperasian perjanjian jalinan Fintech, aFINity juga berfungsi sebagai penghubung kepada hab inovasi lain. Pada 2018, aFINity menyaksikan 109 pembabitan bersama melibatkan 91 peserta. Untuk melengkapkan usaha ini, SC menganjurkan dua aliran Makmal Inovasi setiap satu memberi tumpuan kepada bidang tertentu:

Makmal Pembabitan Bersama

Dijalankan untuk menguji dan menilai konsep perniagaan utama seperti ECF, pembiayaan P2P, Perkhidmatan Pengurusan Pelaburan Digital dan Sistem Dagangan Alternatif.

Makmal Teknologi

Lazimnya timbul daripada keperluan tertentu industri atau menggunakan kes dan boleh digunakan untuk membangunkan penyelesaian bukti konsep. Makmal-makmal ini telah dijalankan dengan kerjasama penyedia teknologi, dengan penyertaan daripada peserta industri. Pada November 2018, SC mengumumkan Projek Castor – projek perintis untuk meneroka penggunaan Teknologi Ledger Teragih (DLT) dalam persekitaran pasaran yang dikawal selia. Ini telah dimuatkan dalam rangka tindakan industri bertajuk *Capital Market Architecture Blueprint in a Decentralised Word.*

AFINity kini mempunyai 210 ahli berdaftar sebagai sebahagian daripada komunitinya dan telah mengadakan sebanyak 216 pembabitan sejak ditubuhkan.

Diagram 9

Demografik ahli aFINity*



Diagram 10

Topik pembabitan aFINity*



* Data terkumpul sejak permulaanya pada 2015.

Memudahcarakan pengembangan perancang kewangan

Dengan meningkatnya inovasi produk, perancang kewangan terus memainkan peranan penting dalam memberikan nasihat yang sesuai dan profesional kepada para pelabur. Menyedari hal ini, SC terus memacu pertumbuhan industri.

Pada 2018, SC meliberalisasikan struktur fi untuk Penasihat Skim Amanah Saham Korporat (CUTA) dan Penasihat Skim Persaraan Swasta Korporat (CPRA). Menyedari kelainan strategi perniagaan yang digunakan, liberalisasi tersebut memberikan lebih banyak kelonggaran kepada CUTA dan CPRA untuk menentukan model perniagaan dan ganjaran masing-masing.

Hasilnya, kesemua 17 CUTA dan CPRA[10] dibenarkan untuk mewujudkan dan mengendalikan model mentor dalam firma mereka. Di bawah struktur ini, perancang kewangan muda ditugaskan bersama perancang berpengalaman untuk mendapatkan pengetahuan praktikal dan membina kemahiran insani, sambil membantu mengekalkan pengetahuan intelektual dalam firma tersebut. Sebagai pertukaran untuk mentor dan bimbingan, ganjaran boleh dikongsi antara pembimbing dan individu yang dibimbing.

Struktur fi CUTA dan CPRA yang diliberalisasikan memudah cara pengembangan industri kerana ia menggalakkan pembangunan profesional pengamal baru dalam industri perkhidmatan kewangan beralih menjadi perancang kewangan berlesen. Para pelabur mendapat manfaat daripada nasihat berkualiti dan menyeluruh yang ditawarkan oleh perancang kewangan di firma CUTA dan CPRA.

Inisiatif lain untuk mengembangkan segmen ini termasuk pelancaran laman web SmartFinance di persidangan perancangan kewangan tahunan pada Julai 2018. Dibiayai oleh Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF), portal ini bertujuan untuk mendekati lebih ramai pelabur. Ia merupakan usaha kolektif industri yang diketuai oleh Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM).

SmartFinance menampilkan isi kandungan yang adil dan bebas, dilengkapi dengan perkakasan kewangan. Ia mengamalkan pendekatan interaktif dalam mendidik orang ramai melalui video antara lain mengenai pelaburan, perancangan persaraan dan pengurusan wang. Keunikan portal ini ialah pelabur dapat berhubung secara langsung dengan perancang kewangan berlesen berdasarkan lokasi, bidang pengkhususan dan pelbagai fi perancangan.

MENDORONG PASARAN MODAL YANG LEBIH BINGKAS DAN CEKAP

Pasaran modal merupakan enjin pertumbuhan penting bagi ekonomi negara – ia memudah cara penukaran simpanan pelabur kepada modal untuk perniagaan, yang membolehkan aliran dana kepada usahawan, seterusnya menghasilkan pulangan untuk pelabur sama ada dalam bentuk keuntungan modal atau dividen atau kedua-duanya.

Pasaran modal yang bingkas dan cekap akan menyaksikan penyertaan yang lebih banyak daripada pelabur dan penerbit. Ini akan meningkatkan kecairan pasaran, penambahbaikan dalam penemuan harga, dan pengurangan kos pengumpulan modal, dengan itu memudahkan pembentukan modal, pewujudan kekayaan dan peruntukan sumber.

Pasaran ekuiti khususnya telah menyaksikan perubahan dinamik dalam tahun-tahun kebelakangan ini berikutan daripada peralihan tingkah laku dan keperluan pelabur, evolusi teknologi serta permintaan kawal selia yang lebih tinggi untuk ketelusan dan pengurusan risiko yang lebih baik. Di samping itu, pasaran ekuiti Malaysia juga menyaksikan persaingan yang semakin sengit daripada ekonomi pasaran pesat membangun yang lain.

Trend ini mengganggu bukan sahaja cara pelabur berdagang sekuriti, tetapi juga memberi impak kepada nilai perantara dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan, model pendapatan dan kecekapan penyelesaian. Untuk terus berdaya saing, pasaran ekuiti Malaysia dan ekosistemnya perlu berkembang agar menjadi lebih bingkas dan cekap.

[10] Data setakat akhir Disember 2018.

Diagram 11

Mengubah dinamik pasaran

Mengubah tingkah laku dan keperluan pelabur	Evolusi teknologi	Keperluan kawal selia yang dipertingkat	Daya saing daripada pasaran pesat membangun lain
• Akses pantas kepada maklumat • Pengalaman pengguna yang lancar • Lebih kepelbagaian dalam pilihan pelaburan • Keutamaan kepada proses yang dibolehkan oleh teknologi	• Analisis bagi kefahaman lebih mendalam terhadap dagangan • Penggunaan teknologi mudah alih bagi dagangan • Pertumbuhan dalam dagangan algo menyaksikan permintaan lebih tinggi terhadap infrastruktur dagangan • Inovasi Fintech	• Impak MIFID II terhadap pengantara • Permintaan lebih tinggi terhadap kawalan dan pemantauan pengantara yang cekap dalam pasaran sekunder	• Saham indeks MSCI EM yang dikurangkan dengan kemasukan China, Argentina dan Arab Saudi • Lebih banyak pilihan bagi penerbit tempatan dan asing • Pelabur mempunyai lebih banyak pilihan pasaran pesat membangun untuk dipertimbangkan • Aliran dana yang lebih tinggi ke dalam pasaran yang lebih cair

Ke arah pasaran sekunder yang lebih bingkas dan cekap

SC memberi tumpuan kepada pemangkin yang dikenal pasti dalam tiga bidang utama:

1. **Menggalakkan kecekapan struktur pasaran:** Untuk memenuhi pelbagai keperluan rangkaian pelabur yang lebih luas, memerlukan struktur pasaran yang cekap dengan pengantara dan instrumen yang pelbagai. Pelabur dan penerbit boleh mengambil bahagian dalam pasaran dengan lancar.

2. **Meningkatkan pengiktirafan nilai penerbit:** Terdapat beraneka jenis model dan saiz perniagaan di Malaysia, yang membawakan cadangan nilai yang pelbagai kepada pelabur. Pengiktirafan nilai yang lebih baik bagi penerbit tersenarai meningkatkan minat pelabur dan menggalakkan lebih banyak aktiviti dagangan.

3. **Menggalakkan penyertaan pelabur yang lebih pelbagai:** Himpunan pelbagai pelabur yang lebih besar, dilengkapi dengan penggunaan pelbagai strategi perdagangan boleh membawa kepada kecairan dan kerancakan yang lebih baik dalam pasaran.

Walaupun usaha dilaksanakan untuk menangani pasaran dan ekosistemnya, landskap makroekonomi memainkan peranan penting dalam kerancakan pasaran ekuiti.

Lebih kepelbagaian dalam instrumen dan strategi dagangan

Berikutan pengenalan broker ekuiti digital pertama di Malaysia pada 2017, industri mengalami perubahan paradigma dalam pendekatan yang diambil untuk menentukur pengambilalihan pelanggan, struktur fi dan model perniagaan. Pada 2018, tumpuan diberikan kepada pemerkasaan pelabur melalui instrumen dagangan dan strategi yang lebih pelbagai untuk menggalakkan aktiviti dagangan.

Diagram 12

Pemangkin ke arah pasaran sekuriti sekunder yang bingkas dan berkesan

- **Jualan Singkat Intra Hari untuk semua pelabur**

  Sebelum ini, hanya digunakan oleh Pedagang Proprietari Harian, Jualan Singkat Intra Hari (IDSS) membolehkan para pelabur melakukan dagangan harian, iaitu menjual sekuriti terlebih dahulu dan kemudian membeli semula untuk menutup kedudukan dalam hari dagangan yang sama. Pada April 2018, IDSS diperluaskan kepada semua pelabur untuk memberikan fleksibiliti yang lebih besar bagi pengambilan kedudukan dan pengurusan risiko, sambil meningkatkan kecairan pasaran ekuiti Malaysia.

- **Mendorong pertumbuhan lanjut amanah pelaburan hartanah tersenarai**

  Garis Panduan yang disemak semula yang dikeluarkan oleh SC pada Mac 2018 mengenai Amanah Pelaburan Hartanah Tersenarai (*Garis Panduan REIT Tersenarai*) mengandungi langkah-langkah yang akan memberikan peluang yang lebih besar kepada REIT[11], yang membolehkan antara lain:

  – pembangunan semula hartanah sedia ada dan memperoleh tanah untuk tujuan membangunkan hartanah baru untuk meningkatkan portfolio hartanah jana-pendapatan; dan

[11] REIT yang dimulakan dengan mana-mana aktiviti ini adalah tertakluk kepada had pelaburan, keperluan penzahiran tambahan, dan dalam beberapa kes, mendapatkan kelulusan pelabur.

KEPERLUAN PEMATUHAN BAGI IDSS

Untuk memastikan aktiviti IDSS tertakluk kepada kawalan yang mencukupi, Peraturan Bursa Malaysia Securities telah dipinda dengan memasukkan perlindungan yang wajib. Ini termasuk keperluan pematuhan berikut:

Mengekalkan kestabilan pasaran

- Penggantungan IDSS sekiranya harga saham jatuh lebih daripada 15% daripada harga penutupan hari sebelumnya atau jika jumlah jualan singkat kasar melebihi had 3% daripada jumlah saham tertunggak bagi setiap sekuriti.
- Semua kedudukan jualan mesti ditutup pada hari yang sama dengan kedudukan belian untuk meminimumkan potensi gangguan sistem.

Melindungi kepentingan pelabur

- Memeterai perjanjian untuk meminjam atau membeli sekuriti untuk menyelesaikan sebarang potensi dagangan gagal sekiranya kedudukan jualan tidak ditutup pada penghujung hari.
- Melaksanakan pernyataan penzahiran risiko IDSS.
- Mengemukakan perakuan bertulis yang menyatakan mereka benar-benar memahami kepeluan IDSS.

Memastikan kawalan broker yang mencukupi

- Penilaian penyesuaian Kenali Pelanggan Anda yang teliti.
- Penandaan semua cadangan tempahan IDSS.

  – melakukan pajakan jangka panjang ke atas hartanah.

  Pengembangan aktiviti yang dibenarkan kepada REIT membolehkan potensi penambahbaikan prestasi REIT, yang akan meningkatkan daya tarikannya sebagai pilihan pelaburan.

Pertumbuhan yang lebih baik di seluruh rantaian nilai industri

Untuk kekal berdaya saing dan relevan, adalah penting bagi perantara untuk mengoptimumkan sumber sedia ada, meningkatkan produktiviti dan menambahbaik pengalaman pelabur. Menyedari akan hal ini, SC memperhebatkan tumpuannya pada 2018 untuk bekerjasama dengan pemain industri untuk mengenal pasti dan mengurangkan halangan kepada pertumbuhan.

- **Meliberalisasikan peraturan pembiayaan margin**

  Sebelum liberalisasi, peraturan bursa menghadkan pembiayaan margin agregat Organisasi yang Mengambil Bahagian (PO) di bawah rejim berasaskan risiko, serta mengenakan had keras ≤200% daripada dana pemegang saham berkesan mereka. Broker sokongan bukan bank sering mencapai had pembiayaan margin, dan sukar untuk bersaing dengan broker yang disokong bank yang memanfaatkan modal bank untuk menawarkan pembiayaan margin.

  Berkuat kuasa Mac 2018, had 200% untuk pembiayaan margin dihapuskan tetapi perlindungan kehematan menyeluruh di bawah rejim berasaskan risiko dikekalkan. Ini memberikan broker lebih fleksibiliti dalam menyediakan kemudahan pembiayaan margin

Diagram 12

Objektif BRIDGe

kepada pelanggan mereka, membolehkan mereka menjadi lebih berdaya saing menerusi penggunaan modal asas mereka yang lebih baik.

- **BRIDGe merapatkan jurang**

Pendigitan industri broker adalah kunci ke arah meningkatkan pertumbuhan broker, memperluas jangkauan kepada pelabur baharu dan muda serta menambahbaik pengalaman pelanggan. Pembabitan bersama dengan pemain industri mendedahkan bahawa peluang pendigitan wujud di seluruh rantaian nilai, bermula dengan pelanggan baru masuk ke penyelesaian perdagangan dan pelaksanaan tindakan korporat. Walau bagaimanapun, peluang ini memerlukan sokongan ekosistem perkhidmatan kewangan yang lebih besar.

Kumpulan Pendigitan Industri Pembrokeran (BRIDGe), yang terdiri daripada wakil-wakil daripada SC, BNM, Bursa Malaysia dan panel industri termasuk bank, penyedia perkhidmatan pembayaran, broker serta pendaftar saham, ditubuhkan pada bulan Ogos 2018. BRIDGe berfungsi untuk mempercepatkan pendigitan perniagaan pembrokeran saham negara.

- **Jawatankuasa Perundingan Industri Pembrokeran sebagai satu saluran komunikasi terbuka**

Untuk memastikan isu-isu khusus kepada sub-sektor pasaran modal ditangani, Jawatankuasa Perundingan Industri Pembrokeran (BrICC) ditubuhkan. BrICC bermesyuarat buat kali pertama pada Oktober 2018, membabitkan industri broker saham mengenai isu-isu berkaitan dengan pembangunan pasaran, kecekapan operasi dan pengawalseliaan.

Pengiktirafan nilai yang lebih tinggi terhadap syarikat permodalan sederhana dan kecil

Pada 2017, Skim Kajian MidS dengan matlamat untuk mewujudkan pengiktirafan nilai yang lebih baik bagi syarikat permodalan sederhana dan kecil telah dilaksanakan. Di samping itu, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) telah memberi komitmen untuk pelaburan langsung sehingga RM2 bilion ke dalam segmen ini.

2018 menyaksikan usaha tambahan yang disasarkan untuk meningkatkan aktiviti perdagangan bagi syarikat permodalan sederhana dan kecil - termasuk merendahkan kos perdagangan untuk segmen ini dan membolehkan peluang untuk mendapatkan pendedahan atau lindung nilai dengan kontrak derivatif baharu berdasarkan Indeks Mid 70 FTSE Bursa Malaysia.

- **Liputan kajian MidS yang lebih luas**

  Bilangan laporan kajian MidS telah meningkat sebanyak 3 kali ganda, daripada 421 laporan pada 2017[12] kepada 1,259 pada 2018, meliputi 94 syarikat.

- **Pengecualian duti setem tiga tahun bagi dagangan saham dalam syarikat permodalan sederhana dan kecil**

  Dibenarkan kepada 351 syarikat dengan permodalan pasaran antara RM200 juta hingga RM2 bilion, pengecualian duti setem akan mengurangkan kos dagangan dalam segmen ini.

- **Mini FTSE Bursa Malaysia Mid 70 Index Futures (FM70)**

  Dilancarkan pada bulan Ogos 2018, kontrak niaga hadapan penyelesaian tunai diasaskan pada Indeks Mid 70 FTSE Bursa Malaysia.

  Direka sebagai kontrak yang lebih kecil dari segi saiz dan nilai, FM70 memperlihatkan ketidaktentuan yang lebih besar yang wujud dalam saham permodalan sederhana pendasar.

  Pengenalan kontrak FM70 membolehkan pelabur melindung nilai atau mendapatkan pendedahan ke dalam 100 saham terbaik FTSE Bursa Malaysia apabila berdagang dalam kontrak FM70 dan Niaga Hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (FKLI) FTSE Bursa Malaysia. Ini menyaksikan sebanyak 173,132 kontrak didagangkan dan 327 minat terbuka pada akhir 2018.

Kepelbagaian pelabur yang lebih besar

Secara tradisi, pasaran sekuriti Malaysia menyaksikan kepadatan pelabur jangka panjang semata iaitu pelabur yang mengambil kedudukan beli dalam pasaran. Di samping itu, Malaysia mengalami populasi dagangan runcit menua, dengan kebanyakannya berusia melebihi 40 tahun.

Untuk meningkatkan kecairan pasaran, penyerapan kumpulan pelabur lain diperlukan. Sejajar dengan ini, SC telah menumpukan usahanya pada 2018 untuk membawa pelabur dan penyedia kecairan baharu ke dalam pasaran.

- **Insentif untuk pelabur baharu memasuki pasaran**

  Dari Mac hingga Ogos 2018, fi dagangan dan penjelasan bursa dikecualikan bagi pelabur individu kali pertama dengan akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) baharu. Langkah ini diambil untuk pembaharuan kumpulan pelabur, terutamanya daripada demografi yang lebih muda. Ia berjaya membawa 11,083 pelabur baharu ke dalam pasaran, dengan nilai lebih daripada RM1.2 bilion didagangkan dalam tempoh enam bulan.

[12] Skim Kajian MidS mula beroperasi pada Mei 2017.

- **Insentif untuk penyedia kecairan**

  Program insentif yang dilaksanakan oleh Bursa Malaysia mensasarkan dua kategori pelabur:

  – Pakar dagangan, iaitu pedagang individu volum tinggi yang layak yang ditaja oleh broker; dan
  – Pedagang proprietari (bukan-PO dan PO)

  Untuk menikmati pengurangan fi penjelasan, kumpulan pelabur ini dikehendaki berdagang dalam volum yang melebihi sasaran yang telah ditentukan. Pada 2018, 11 pedagang proprietari dan 12 pakar dagangan berdaftar dalam program ini.

  Pada sebahagian besar 2018, peserta berdaftar berada dalam dagangan sepenuhnya melebihi purata 2017 mereka dan oleh itu menyediakan penimbal ketika Nilai Harian Purata (ADV) yang rendah.

BEKERJASAMA UNTUK PERTUMBUHAN DAN INOVASI

Untuk mempercepat pertumbuhan dan inovasi dalam pasaran modal, SC telah menyediakan beberapa pemangkin bagi menyokong komuniti pasaran modal. Usaha-usaha ini bertumpu di sekitar lima tonggak utama: kepimpinan pemikiran, kerjasama dengan pengawal selia global, integrasi antarabangsa dan ASEAN.

Menyumbang kepada kepimpinan pemikiran global dan serantau

Pada 2018, SC memimpin usaha penggubalan dasar antarabangsa dalam beberapa bidang yang menyokong dan melengkapi keutamaan domestik. Melalui peranan kepimpinan SC dalam IOSCO, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan Pertubuhan Kerjasama Islam (COMCEC), SC terus berada di barisan hadapan perbincangan global dan memainkan peranan penting dalam beberapa bidang kepimpinan pemikiran.

Diagram 14

5 tonggak untuk memudah cara pertumbuhan dan inovasi

Kepimpinan Pemikiran
Program kepemimpinan pemikiran yang dianjurkan dengan kerjasama masyarakat global dan serantau membolehkan pihak berkepentingan dan pengawal selia industri mengenalpasti trend global, peluang pertumbuhan dan / atau risiko.
Kerjasama Kawal Selia
Memudahkan perkongsian kepakaran, pemahaman dan sokongan yang berkaitan untuk membangunkan pasaran Malaysia, dan menyumbang kepada pembangunan menyeluruh serantau dan global.
Integrasi Antarabangsa dan Keterhubungan ASEAN
Keterhubungan integrasi antarabangsa dan serantau yang lebih baik melalui penawaran produk rentas sempadan serta mobiliti individu berlesen.
Pembinaan Kapasiti
Hab dan program pembinaan kapasiti berfungsi untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan pengawal selia dan peserta industri.
Pembabitan Bersama
Peluang untuk pengawal selia dan pihak berkepentingan industri untuk bertemu, berdialog dan bekerjasama ke arah penjajaran dasar dan inisiatif industri yang lebih baik bagi pembangunan dan inovasi.

Sebagai sebahagian daripada IOSCO, penyertaan SC meliputi bidang seperti:

- Keselamatan siber, di mana *Nota Panduan Keselamatan Siber untuk Pengawal Selia Pasaran Pesat Membangun* disediakan pada April 2018. Ini adalah kali pertama panduan disediakan untuk pengawal selia sekuriti di seluruh dunia dengan langkah-langkah yang berkaitan dengan rangka kerja, mekanisme

SIMPOSIUM PASARAN MODAL DUNIA
PEMBAHARUAN KAPITALISME: PASARAN BAGI PERTUMBUHAN

Kuala Lumpur
6 & 7 Februari 2018

Setiap dua tahun sekali, Simposium Pasaran Modal Dunia (WCMS) mengumpulkan para pemimpin pemikiran global dengan menyediakan platform untuk menggalakkan wacana bermaklumat oleh para pembuat dasar terkemuka, pemimpin-pemimpin pemikiran dan pakar-pakar industri utama.

Acara kali kelima ini, yang dianjurkan oleh SC dan Capital Markets Malaysia, bertemakan "Pembaharuan Kapitalisme: Pasaran bagi Pertumbuhan". Ia membahaskan masa depan kewangan dan cara ia dapat membuahkan hasil yang mampan untuk generasi kini dan masa hadapan. Simposium tersebut membincangkan orientasi semula pasaran kewangan, termasuk bagaimana inovasi dan teknologi dapat dimanfaatkan untuk mencipta kecekapan yang lebih tinggi dan memudah cara pertumbuhan mantap, mampan dan inklusif.

Dengan berubahnya persekitaran luaran, tadbir urus yang baik menjadi lebih kritikal dalam membolehkan organisasi mengurus dan mengekalkan pertumbuhan. Simposium tersebut juga membincangkan cara-cara untuk mencapai keseimbangan dalam memenuhi keperluan jangka pendek dan memberi tumpuan kepada pengoptimuman jangka panjang dan pewujudan nilai.

Simposium tersebut telah mengumpulkan golongan pakar mengenai kepentingan pelbagai segmen masyarakat, termasuk peranan wanita dalam kepimpinan dan pemerkasaan golongan belia.

Penceramah terpilih

Helen Clark
Bekas Perdana Menteri
New Zealand

Ashley Alder
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Niaga Hadapan & Sekuriti
Hong Kong

Dr Michael Spencer
Ketua Ekonomi Asia
Deutsche Bank
Hong Kong

Jin Liqun
Presiden dan Pengerusi Bank
Pelaburan Infrastruktur Asia
China

Fareed Zakaria
Hos
Fareed Zakaria GPS CNN
AS

Douglas Flint
Bekas Pengerusi Kumpulan
HSBC
UK

Junko Nakagawa
Pengarah Urusan Kanan,
Nomura Holdings
Jepun

Nicol David
Juara 8 kali Skuasy
Dunia & Duta Muhibah
Kebangsaan UNDP
Malaysia

Riz Khan
Wartawan & Penyiar
Antarabangsa
UK

Yanis Varoufakis
Bekas Menteri
Kewangan
Greece

Edwin Macharia
Rakan Kongsi
Dalberg Africa
Kenya

dan kawalan tadbir urus bagi pengenalan, perlindungan, pengesanan, tindak balas dan pemulihan. Nota Panduan tersebut turut membincangkan pendekatan untuk meningkatkan kerjasama dan perkongsian maklumat antarabangsa serta pengukuhan keupayaan pengawalseliaan dalam bidang ini. Seterusnya, ia membantu menyediakan asas bagi pengawal selia pasaran pesat membangun untuk membangunkan polisi keselamatan siber domestik mereka sendiri; dan

- Pengawalselian pasaran sekunder, di mana isu-isu berkaitan dengan kecairan dalam pasaran bon, mekanisme yang digunakan oleh bursa untuk mengurus turun naik pasaran dan pengawalseliaan platform dagangan aset kripto, telah disemak.

Komitmen SC terhadap kewangan mampan di peringkat global juga dapat dilihat melalui kepimpinannya dalam Kumpulan Kerja Jawatankuasa GEM IOSCO mengenai Pembiayaan Lestari. Hasilnya dijangka akan memudah cara satu tahap konsistensi antarabangsa dengan sifat rentas sempadan dan global instrumen kewangan mampan.

Dalam bidang pasaran modal Islam, SC terus memainkan peranannya sebagai pemimpin pemikiran global dengan:

- Menyumbang kepada pembangunan piawaian dan penyelidikan melalui IFSB dan COMCEC untuk memberi panduan kepada kerja-kerja dasar dan pembangunan. Pada 2018, dua laporan bertajuk *Islamic Fund Management* dan *The Role of Sukuk in Islamic Capital Markets* diterbitkan oleh COMCEC. Malaysia digunakan sebagai kes rujukan sebagai pasaran modal Islam yang matang dalam kedua-dua laporan tersebut; dan

- Mengetuai penyelidikan ke atas topik-topik kontemporari yang berkaitan dengan kewangan Islam melalui Program Sarjana Tamu, satu inisiatif utama di bawah kerjasama SC dan OCIS.

Setiap dua tahun sekali, SC dan BNM mengiktiraf dan memberi penghormatan pemimpin pemikiran global kewangan Islami melalui Anugerah Diraja bagi Kewangan Islam. Pada 2018, Anugerah tersebut telah diberikan kepada Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Satu pencapaian utama SC dalam kepimpinan pemikiran global, WCMS telah diadakan Februari 2018. Bertemakan `Pembaharuan Kapitalisme: Pasaran Untuk Pertumbuhan', WCMS mengumpulkan pemimpin pemikiran global, pembuat dasar dan pakar industri bagi membincangkan masa depan kewangan dan kemampanannya bagi generasi akan datang.

Mengukuhkan kerjasama dan hubungan kawal selia

SC terus mengukuhkan kerjasama dan hubungan kawal selia dengan rakan sekerja antarabangsa untuk membantu membentuk dasar dan amalan terbaik domestik serta memastikan pendekatannya selaras dengan amalan terbaik global. Perhubungan yang dipupuk oleh SC selama bertahun-tahun telah membolehkannya memanfaatkan kepakaran, pemahaman dan permintaan yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan bagi menyokong peranan dan fungsi SC.

Dalam bidang Fintech, berikutan daripada perjanjian kerjasama inovasi (jalinan Fintech) yang dimeterai oleh SC pada 2017, SC telah mewujudkan jalinan Fintech baharu dengan Finansinspektionen Sweden pada 2018. Jalinan Fintech tersebut memudah cara perkongsian maklumat mengenai trend baharu, perkembangan kawal selia dalam kewangan digital, rujukan bagi perniagaan inovatif yang ingin beroperasi dalam bidang kuasa masing-masing dan potensi projek inovasi bersama. Ini dilengkapkan oleh penglibatan SC dalam IOSCO Fintech dan ICO Networks, yang membolehkan para ahli untuk mengadakan dialog dalam pertukaran maklumat dan kerjasama pada masa akan datang.

Pada Oktober 2018, SC menganjurkan satu siri perbincangan dalam kalangan pengawal selia kanan pasaran modal Asia Pasifik. Dialog ini antara lain,

memberi tumpuan terhadap isu dan cabaran penyeliaan serta penyiasatan dan penguatkuasaan kesalahan pasaran modal merentasi sempadan. Bersempena mesyuarat-mesyuarat ini, SC juga menjadi tuan rumah Forum Kawal selia Kewangan Kesatuan Eropah-Asia Pasifik kali ketiga. Pengawal selia kanan dari Kesatuan Eropah (EU) dan rantau Asia Pasifik berkongsi pandangan mengenai kawal selia dan pembangunan merentas sempadan, termasuk pelaksanaan peraturan EU dan perkembangan yang berkaitan dengan Brexit dan kesannya kepada pasaran di rantau Asia Pasifik. Melalui wacana sedemikian, SC memperoleh kefahaman dan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran pasaran lain.

Meningkatkan integrasi antarabangsa dan menggalakkan keterhubungan ASEAN

Untuk menjaga kepentingan agenda perdagangan dan ekonomi antarabangsa Malaysia, pelaburan rentas sempadan dan pengembangan korporat, SC telah terlibat secara aktif dalam pelbagai jawatankuasa serantau dan antarabangsa serta perjanjian perdagangan. Ini termasuk penyertaan dalam:

- Inisiatif Pasaran Bon Asia untuk memudahcara perkembangan pasaran dan integrasi pasaran bon serantau; dan

- Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), perjanjian perdagangan yang diterajui oleh ASEAN yang merangkumi sepuluh negara anggota ASEAN serta Australia, China, India, Korea Selatan, Jepun dan New Zealand, untuk mewujudkan persetujuan yang saling menguntungkan dengan mengurangkan halangan perdagangan dan menyediakan kepastian akses pasaran untuk perniagaan dan pelabur.

Untuk menggalakkan pasaran modal ASEAN yang lebih berhubung, mampan dengan akses pasaran yang lebih besar, SC menggalakkan liberalisasi melalui, Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan.

SC juga menerajui usaha melalui Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Pembangunan Pasaran Modal dan ACMF.

Teras utama ACMF adalah untuk menyokong lebih keterhubungan serantau termasuk mempromosi kelas aset, penawaran produk rentas sempadan dan mobiliti profesional pasaran modal.

Pencapaian pada 2018 termasuk pelancaran ASEAN SBS dan ASEAN SUS. Di samping itu, 15 dana telah diiktiraf sejak Oktober 2014 sebagai Skim Pelaburan Kolektif yang layak (enam daripadanya telah memulakan penawaran rentas sempadan) sejak pelancaran Rangka kerja Skim Pelaburan Kolektif ASEAN (CIS). Pada 2018, Rangka Kerja CIS ASEAN telah dipertingkatkan untuk menggalakkan penawaran rentas sempadan dana-dana ASEAN yang lebih besar dengan membenarkan pengurus dana menawarkan rangkaian produk yang lebih luas kepada para pelabur di rantau ini. Inisiatif utama tadbir urus korporat (CG) ACMF, Penilaian Kad Skor CG ASEAN terus menyerlahkan piawaian tadbir urus dan menggalakkan kebolehlaburan PLC ASEAN, dengan Malaysia mempunyai syarikat terbanyak iaitu 14 syarikat tersenarai dalam kalangan 50 PLC ASEAN terulung yang diberi penghormatan di Anugerah CG ASEAN pada bulan November.

Satu lagi aspek penting dalam meningkatkan keterhubungan serantau adalah mobiliti tenaga kerja pasaran modal di rantau ini. Pada Oktober 2018, memorandum persefahaman (MoU) mengenai Rangka Kerja Mobiliti Profesional Pasaran Modal ASEAN kali pertama ditandatangani oleh empat pengawal selia ASEAN, dan akan diikuti oleh penyertaan negara-negara lain pada masa yang akan datang. Ini merupakan sebahagian daripada Fasa 1, yang akan menyaksikan pewujudan 'Pas ACMF' yang memudah cara pergerakan merentas sempadan penasihat pelaburan, dan dengan itu membolehkan para pelabur ASEAN memperoleh khidmat profesional dengan kepakaran pasaran tempatan.

Memperkukuh pembinaan kapasiti

Sejak penubuhannya pada 2017, Hab Asia Pasifik IOSCO telah memulakan pelbagai inisiatif pembinaan kapasiti untuk memudah cara kerjasama kawal selia merentas sempadan dan memperkukuhkan keupayaan kawal selia dalam rantau ini. Hub tersebut telah melatih lebih daripada 200 peserta dari lebih 35 buah negara dari negara maju dan pesat membangun, termasuk pihak berkepentingan domestik.

Program-program yang dijalankan oleh Hab tersebut pada 2018 termasuk Penilaian Sendiri Prinsip Pengawalseliaan Sekuriti IOSCO, Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dalam Pasaran Sekuriti, Penggunaan Ekonomi Tingkah laku untuk Pendidikan dan Perlindungan Pelabur serta Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim.

Di samping itu, SC bersama Securities Industry Development Corporation (SIDC) terus menjalankan program Skim Latihan Graduan Pasaran Modal Islam untuk menghasilkan profesional peringkat kemasukan dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang kukuh bagi ICM. Program lapan minggu ini, dianjurkan sebanyak dua kali setahun, telah melatih lebih daripada 762 peserta sejak dimulakan pada tahun 2009.

Pembabitan bersama industri

Untuk memacu pertumbuhan dan inovasi yang lebih besar dalam pasaran modal, pembabitan bersama dan dialog secara lazim dianjurkan untuk menyelaras dasar pembangunan SC dan inisiatif industri dengan lebih baik.

Semasa Dialog Industri Tahunan SC 2018, perbincangan dengan peserta pasaran termasuk broker sekuriti dan derivatif dan pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam aktiviti kewangan korporat, pengurusan pelaburan, perancangan kewangan dan CG telah dijalankan. Perbincangan bertumpu pada keperluan untuk pendigitan, pengukuhan budaya CG dalam ekosistem pasaran modal, promosi pembiayaan hijau dan kedudukan Malaysia sebagai hab SRI serantau serta pembangunan kapasiti untuk pembangunan bakat yang mampan.

Di sidang dialog tersebut, SC mengumumkan beberapa inisiatif untuk memudah cara pertumbuhan berterusan, fleksibiliti pasaran yang lebih baik dan kecekapan. Ini termasuk penyusunan semula proses kelulusan pasaran utama; penubuhan jawatankuasa kerja untuk membangunkan strategi untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran serantau dalam kewangan mampan; dan semakan dasar bagi penawaran urus niaga pelaburan kolektif dalam sekuriti boleh pindah (UCIT) kepada pelabur Malaysia, dengan mengambil kira layanan adil kepada pengurus dana tempatan.

BAHAGIAN 2
MEMBENTUK TATALAKU PASARAN

PENGENALAN

Mengekalkan kepercayaan awam dan keyakinan pelabur terus menjadi keutamaan SC, kerana ini penting bagi pasaran modal berfungsi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Komponen utama dalam mengekalkan kepercayaan dan keyakinan terhadap pasaran modal ialah pemeliharaan integriti pasaran dan usaha berterusan untuk mengukuhkan standard tatalaku pasaran yang wajar. Sehubungan itu, SC terus mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan integriti pasaran dan membentuk tatalaku pasaran dengan (1) menyokong penghayatan budaya tadbir urus korporat; (2) menggalakkan pasaran yang adil dan teratur melalui pemantauan; (3) mengukuhkan tatalaku baik melalui pengawasan; dan (4) mencapai pencegahan yang andal melalui tindakan penguatkuasaan. Ini dilengkapi dengan usaha untuk memperkasa para pelabur dalam membuat keputusan yang bermaklumat.

MEMUPUK BUDAYA TADBIR URUS YANG BAIK

Menggalakkan penghayatan tadbir urus korporat

Selama bertahun-tahun, SC telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengukuhkan rangka kerja tadbir urus korporat dan menyokong pemakaian amalan terbaik tadbir urus korporat sebagai komponen penting dalam mengekalkan kepercayaan dan keyakinan terhadap pasaran modal. Keutamaan Strategik Tadbir Urus Korporat SC *(Corporate Governance Strategic Priorities)* (2017-2020) bermatlamat meningkatkan standard tadbir urus korporat dalam pasaran modal; melampaui pematuhan semata-mata. Salah satu penyampaian utama Keutamaan Tadbir Urus Korporat (Keutamaan CG) ialah *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) yang dikeluarkan pada April 2017.

SC telah menyaksikan penerimaan yang lebih baik terhadap tadbir urus korporat dalam kalangan syarikat tersenarai termasuk syarikat kecil dan sederhana, dicerminkan dalam pemakaian amalan terbaik oleh syarikat seperti yang disyorkan dalam MCCG.

Diagram 1

Pemakaian MCCG (setakat 31 Disember 2018)

Pada 2018, SC terus mengadakan penglibatan bersama pelbagai pihak berkepentingan untuk memacu pemakaian amalan terbaik tadbir urus korporat. Melalui kerjasama dengan Bursa Malaysia, sesi penglibatan bersama telah diadakan dengan hampir 600 pengarah syarikat tersenarai mengenai pendekatan pelaporan baharu bagi tadbir urus korporat, rasional dan jangkaannya. SC juga bekerjasama rapat dengan 30% Club Malaysia dan bertemu dengan para pengerusi syarikat tersenarai untuk memacu kepelbagaian jantina dalam lembaga pengarah. Pengerusi dan CEO syarikat yang mana semua ahli lembaga pengarahnya adalah lelaki telah dijemput berbincang bagi membolehkan SC memahami dengan lebih baik usaha dan cabaran dalam mendapatkan calon-calon lembaga pengarah wanita. Hasilnya, bilangan syarikat tersenarai 100 teratas yang mana semua ahli lembaga pengarahnya lelaki telah berkurangan daripada 20 pada 31 Disember 2017 kepada hanya satu syarikat tersenarai pada 31 Disember 2018.

Menggunakan analisis data untuk kefahaman lebih mendalam mengenai tadbir urus korporat

Selaras dengan Keutamaan CG, SC mula memanfaatkan analisis data untuk memantau amalan tadbir urus korporat dan penzahiran oleh syarikat tersenarai. Sistem tersebut membolehkan SC memperoleh maklumat terkini mengenai tadbir urus korporat, memperoleh maklumat lebih mendalam tentang trend dan meningkatkan perkongsian maklumat bersama pihak berkepentingan. Pemerhatian yang dikumpulkan daripada sistem itu telah dikongsi bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk ketika Persidangan Tahunan 2018 Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA) yang dihadiri oleh hampir 500 ahli MAICSA, Sidang Meja Bulat Asia OECD 2018 mengenai Tadbir Urus Korporat dan pada sesi bersama ahli-ahli Majlis Pelabur Institusi Malaysia.

SC akan mengeluarkan laporan tematiknya yang pertama berpandukan data yang dikumpulkan melalui sistem tersebut pada suku tahun pertama 2019. Laporan itu akan menyertakan fokus terhadap aktivisme pemegang saham dan corak pengundian yang diperhatikan dalam pelantikan semula pengarah bebas yang telah lama berkhidmat.

Memperkukuh keberkesanan para pengarah dan menyokong kepimpinan lembaga pengarah

Menyedari peranan penting setiap pengarah dalam memacu prestasi lembaga pengarah dan kecemerlangan tadbir urus korporat, SC mengetuai

Diagram 2

Kepelbagaian jantina dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai



Sumber: SC

Syarikat dengan >30% pengarah wanita

Keseluruhan: 116 PLC (14%)
- PLC besar*: 28
- PLC tidak besar: 88

Syarikat dengan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita

Keseluruhan: 571 PLC (70%)
- PLC besar*: 105
- PLC tidak besar: 466

Nota
* Syarikat besar seperti yang ditakrifkan dalam MCCG

penubuhan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM), yang dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 1 Oktober 2018.

ICDM menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk program bagi memenuhi keperluan pembangunan profesional pengarah, penilaian keberkesanan lembaga pengarah dan menyimpan daftar profil sebagai sumber calon bagi lembaga pengarah syarikat-syarikat.

ICDM juga telah menjalin hubungan dengan institut lembaga pengarah lain di rantau ASEAN dan di peringkat global bagi memudahcarakan lagi kerjasama dan perkongsian pengetahuan serta untuk mengikuti perkembangan perniagaan dan tadbir urus.

Penglibatan lebih besar dalam inisiatif antarabangsa mengenai tadbir urus korporat

SC terus mengambil bahagian dan menyumbang ke arah usaha antarabangsa untuk menyokong pemakaian amalan tadbir urus korporat menerusi penyertaannya di Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat (CGC) Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). CGC menyelaras dan membimbing kerja-kerja OECD mengenai tadbir urus korporat dan bertanggungjawab ke atas penggubalan dan pelaksanaan *Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat G20/OECD* – sumber rujukan yang diterima di peringkat global untuk standard tadbir urus korporat.

Pada 2018, status penglibatan SC dalam CGC telah dinaik taraf daripada Hadirin kepada Peserta sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan usahanya untuk meningkatkan standard tadbir urus korporat dan pembabitan dalam pelbagai inisiatif OECD sejak 2013.

Pada 7 dan 8 November 2018, SC menganjurkan Sidang Meja Bulat Asia OECD mengenai Tadbir Urus Korporat (Sidang Meja Bulat) di Kuala Lumpur, yang dihadiri oleh lebih 100 pengawal selia, pelabur, syarikat tersenarai dan penyokong tadbir urus korporat dari seluruh Asia untuk membincangkan perkembangan terkini tadbir urus korporat. Antara isu yang dibincangkan termasuk impak teknologi dan inovasi terhadap tadbir urus korporat, amalan lembaga pengarah berkaitan risiko dan penzahiran yang berkaitan dengan iklim serta penggunaan fleksibiliti dan keberkadaran dalam rangka kerja tadbir urus korporat. Sidang Meja Bulat ini juga menyaksikan pelancaran edisi kedua *OECD Asian Equity Market Review 2018* dan *OECD Report on Flexibility and Proportionality in Corporate Governance.*

SC turut mengambil bahagian dalam tinjauan serantau dua tahun sekali, *Corporate Governance Watch* (CG Watch) yang dijalankan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) dengan kerjasama CLSA. Tinjauan tersebut menyemak 12 pasaran Asia berkenaan standard tadbir urus korporat mereka dalam tujuh bidang termasuk kekukuhan undang-undang dan peraturan, usaha yang dijalankan oleh pengawal selia untuk meningkatkan standard tadbir urus korporat, amalan tadbir urus korporat syarikat tersenarai dan keberkesanan pengawalseliaan audit. Bagi CG Watch 2018, Malaysia merupakan negara yang paling banyak meraih peningkatan dari kedudukan keenam (2016) kepada keempat. Kategori prestasi terbaik Malaysia adalah berkaitan dengan peranan pengawal selia, di mana usaha pengawalseliaan yang konsisten dalam menggalakkan pembaharuan tadbir urus korporat telah diiktiraf. Ini termasuk penggunaan pendekatan inovatif untuk menangani kebimbangan tadbir urus korporat termasuk proses pengundian dua peringkat bagi pelantikan semula pengarah bebas dan penggunaan teknologi untuk mengkaji semula pemakaian MCCG. Lembaga Pemantauan Audit SC juga menerima pujian sebagai salah sebuah pengawal selia audit paling berkesan di rantau ini.

MEMUPUK TATALAKU WAJAR MELALUI PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN

Menggalakkan pasaran yang adil dan teratur melalui pengawasan

Rangka kerja pengawasan korporat yang mantap dan berkesan diperlukan untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran modal yang adil, cekap dan telus.

Bagi memastikan pemantauan aktiviti korporat kekal efektif, SC terus menjalankan kajian tematik terhadap syarikat-syarikat tersenarai untuk mengenal pasti risiko berpotensi dalam bidang pelaporan kewangan dan transaksi korporat. Ini diikuti dengan semakan terfokus ke atas syarikat-syarikat tersenarai yang dikenal pasti untuk memudahcarakan pengesanan awal sebarang pelanggaran peraturan. Berdasarkan risiko yang dikenal pasti dan tumpuan pada 2018, SC telah menjalankan 54 pembabitan bersama lebih 120 individu yang terdiri daripada wakil syarikat-syarikat tersenarai, juruaudit berkanun dan pihak berkepentingan lain. SC juga mengeluarkan 48 surat pertanyaan kepada syarikat tersenarai untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu yang dikenal pasti.

Mengesan dan menghalang pelanggaran

Pada 2018, SC terus mengesan dan menghalang pelanggaran korporat melalui pemantauan aktif dan semakan terhadap transaksi korporat, penzahiran dan pelaporan kewangan oleh syarikat tersenarai. Contoh-contoh pelanggaran korporat yang lazimnya berlaku ditunjukkan dalam Diagram 3.

Mengekalkan kualiti pelaporan kewangan

Pelaporan kewangan yang berkualiti, andal dan tepat memudahcarakan keputusan pelaburan yang bermaklumat. Oleh itu, SC terus menyemak penyata kewangan syarikat-syarikat tersenarai bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan. Pada 2018, beberapa bidang ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan telah dikenal pasti dan tindakan kawal selia susulan telah diambil (Diagram 4).

Mewujudkan kesedaran terhadap piawaian perakaunan baharu

MFRS 16, piawaian perakaunan baharu yang menggantikan *MFRS 117* berkuatkuasa dan diguna pakai ke atas penyata kewangan syarikat tersenarai dengan tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019. Prinsip *MFRS 16* memperkenalkan perubahan kepada model perakaunan pajakan kerana kebanyakan pajakan operasi perlu diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Satu tinjauan telah dijalankan oleh SC untuk mengukur tahap kesedaran dan kesediaan syarikat-syarikat tersenarai dalam melaksanakan *MFRS 16*. Ia menunjukkan bahawa hampir semua 245 syarikat tersenarai yang dipilih menyedari piawaian baharu itu dan kebanyakan telah membuat persediaan bagi pemakaiannya melalui latihan dan penglibatan bersama pihak berkepentingan. Pada akhir tinjauan itu, SC mengeluarkan pekeliling kepada syarikat-syarikat tersenarai pada November 2018 untuk mengulangi peri pentingnya pelaksanaan yang tepat pada masanya dan memberi panduan mengenai pezahiran yang diperlukan.

Diagram 3

Bidang pelanggaran korporat dan tindakan kawal selia yang diambil pada 2018



Diagram 4

Bidang ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan dan tindakan kawal selia yang diambil

Bidang ketidakpatuhan	Tindakan yang diambil
Penilaian kemerosotan nilai • Andaian yang digunakan tidak munasabah dan tidak disokong • Penyediaan tidak betul unjuran aliran tunai **Pengiktirafan pendapatan** • Titik pengiktirafan pendapatan tidak ditentukan dengan betul **Pembayaran berasaskan saham** • Penilaian tidak wajar ke atas skim berkaitan pembayaran berasaskan saham **Aturan bersama** • Klasifikasi pelaburan yang salah dalam aturan bersama	Tindakan pentadbiran ke atas **3** PLC dan **12** pengarah Surat Penyeliaan kepada **3** PLC dan Lembaga Pengarahnya dan **11** bekas pengarah

Memastikan tatalaku dagangan yang wajar melalui pengawasan proaktif

SC terus mengukuhkan tatalaku dagangan dan tadbir urus yang wajar dalam kalangan peserta pasaran menerusi pengawasan pasaran. Langkah-langkah preemptif telah dilaksanakan dengan kerjasama Bursa Malaysia selaku pengawal selia barisan hadapan, untuk menangani amalan dagangan yang tidak diingini yang boleh menimbulkan risiko kepada integriti pasaran modal. Langkah-langkah ini juga menjadi peringatan kepada peserta pasaran tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam mengekalkan pasaran yang adil dan teratur. Sekiranya perlu, sesi penglibatan bersama diadakan untuk memaklumkan standard tatalaku dan tadbir urus yang diharapkan daripada mereka.

Bagi melengkapi langkah pengawasan preemptif SC, nota komunikasi telah dikeluarkan oleh Bursa Malaysia untuk memberikan penjelasan mengenai tatalaku dagangan pengantara yang diharapkan. Ia juga menggalakkan pemakaian kawalan yang disyorkan dan amalan terbaik untuk menghalang dan mencegah salah laku pasaran.

Wujud trend yang menggalakkan dengan meningkatkannya tindakan proaktif oleh pengantara dalam menangani kebimbangan mengenai penyelewengan dagangan. Pengantara secara aktif memulakan komunikasi dengan Bursa Malaysia mengenai penyelewengan dagangan yang berpotensi. Bilangan pengantara yang mempunyai sistem pemantauan dagangan juga meningkat dua kali ganda dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

Tindakan kawal selia terhadap skim `pump-and-dump' di internet dan media sosial

SC terus menumpukan usaha pengawasan pasaran dan penguatkuasaannya untuk melindungi pelabur daripada menjadi mangsa skim *`pump-and-dump'* di internet dan media sosial. Pelbagai tindakan untuk menghentikan operasi skim ini yang dikenal pasti. Ini termasuk bertemu dengan pihak terbabit yang membawa kepada penghentian aktiviti mereka.

Pada 2018, SC juga mengeluarkan kenyataan berwaspada mengenai aktiviti `pump-and-dump'

untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap motif dan kaedah operasi yang meragukan di sebalik skim tersebut. Orang ramai diingatkan agar berhati-hati dan mengambil langkah untuk mengesahkan promosi saham di blog-blog, forum sembang dan platform media sosial.

Mengukuhkan kerjasama pengawasan rentas sempadan

Kerjasama rentas sempadan dengan pengawal selia asing adalah penting untuk menyokong usaha pengawasan SC dalam mengesan atau mencegah pelanggaran korporat oleh pihak di luar Malaysia. Keupayaan SC untuk memperoleh dan berkongsi maklumat dengan rakan kawal selia antarabangsa melalui Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala (MMoU) IOSCO telah mengukuhkan kemampuan dan rangkuman penguatkuasaanya dalam menangani salah laku pasaran rentas sempadan.

SC dan Kementerian Kewangan China (MOF China) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 20 Ogos 2018 untuk memudahcarakan kerjasama kawal selia rentas sempadan mengenai hal-hal perakaunan dan audit. Penandatangannya ialah Menteri MOF China Liu Kun dan bekas Pengerusi SC, Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh. Upacara menandatangan itu disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Li Keqiang.

Menekankan tatalaku baik dalam kalangan pengantara

SC menggunakan pelbagai kaedah pengawasan yang merangkumi penilaian berstruktur, semakan tematik dan penilaian dengan tujuan, bagi memastikan para pengantara mematuhi piawaian tatalaku perniagaan dan menilai kekukuhan rangka kerja operasi dan berhemat mereka. Pada 2018, SC telah menjalankan penilaian penyeliaan terhadap 138 pengantara.

Diagram 5

Instrumen penyeliaan dan objektif

Instrumen Penyeliaan	Objektif
Penilaian dengan tujuan • Kes-kes yang timbul daripada kebimbangan penyeliaan/aduan • Bertemu dengan pengantara untuk siasatan lanjut mengenai isu-isu	**Pencegahan** Pengawasan berkesan bagi tindakan pencegahan
Penilaian berstruktur • Semakan berkala yang kerap • Penilaian bidang tertentu • Pengesahan system, proses atau kawalan	**Pengesanan** Pengenalpastian trend bukan mampan dan kerentanan yang berpotensi
Pemantau berterusan di luar premis operasi • Analisis sistematik terhadap maklumat/data bagi mengenal pasti risiko baru muncul • Semakan terhadap dasar & prosedur	**Intervensi** Intervensi yang tepat pada masanya interve bagi menghalang peningkatan pelanggaran dan mengurus risiko

Diagram 6

Penilaian ke atas penyeliaan pada 2018



Sumber: SC

Di samping itu, SC terus menjalankan analisis ke atas data pasaran, dagangan dan data prestasi serta penyaringan media untuk memantau dan mengesan trend dan penyelewengan baru muncul tepat pada masanya. Sebarang kebimbangan kawal selia yang timbul daripada aktiviti penyeliaan berterusan ini dimaklumkan kepada pengantara melalui pelbagai saluran bagi memastikan kesejajaran tatalaku pengantara dengan jangkaan kawal selia SC.

Kajian tematik penyeliaan

SC terus menekankan penggunaan semakan tematik sebagai cara yang berkesan untuk menilai trend, risiko yang dikenal pasti dan kelemahan dalam pematuhan yang baru muncul. Semakan ini membolehkan SC memberi keutamaan kepada sumber-sumber untuk mencapai hasil yang merangkumi seluruh sektor, yang berkembang daripada pendekatan tradisional sebelum ini yang bertumpu kepada firma.

Diagram 7

Hasil penyeliaan

Komunikasi

Penglibatan berterusan pelbagai peringkat dalam pengantara (lembaga pengarah, pengurusan kanan, fungsi kawalan) untuk memulihkan secara proaktif risiko yang dikenal pasti

Panduan

Menyebarkan pandangan seliaan termasuk kebimbangan dan amalan terbaik melalui pekeliling industri, dialog dan bengkel untuk menjajarkan tatalaku pengantara dengan jangkaan kawal selia

Peningkatan

Memasukkan pengajaran yang diperolehi daripada aktiviti pengawasan ke dalam peraturan, garis panduan dan pendekatan pengawasan

Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan apabila pelanggaran telah ditentukan, terutamanya apabila sekatan boleh menghasilkan penghindaran

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS PENGURUSAN RISIKO KECAIRAN

LATAR BELAKANG

Pada 2018, IOSCO mengeluarkan satu set amalan terbaik dan cadangan untuk menguruskan risiko kecairan skim pelaburan kolektif (CIS) untuk melindungi kepentingan pelabur, terutamanya dalam keadaan tekanan pasaran dan untuk mengurangkan risiko sistemik.

Berikutan saranan IOSCO, SC menjalankan kajian tematik mengenai rangka kerja pengurusan risiko kecairan (LRM) dana CIS.

HASIL PENYELIAAN

Mengeluarkan panduan kepada industri untuk meningkatkan amalan LRM CIS terbuka.

PEMERHATIAN

- Risiko kecairan dalam sektor pengurusan dana kekal diurus dengan baik, dan amnya, syarikat pengurusan dana telah mengambil langkah untuk meningkatkan rangka kerja pengurusan risiko kecairan mereka.
- Dalam fasa merekabentuk produk, kebanyakan syarikat pengurusan dana mempertimbangkan risiko kecairan dan menilai keupayaan untuk memenuhi keperluan kecairan yang berkaitan yang diguna pakai kepada CIS. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk meningkatkan dasar dan prosedur untuk membimbing para pengurus dalam keputusan mereka.
- Syarikat pengurusan dana menetapkan petunjuk atau had kecairan dalaman dan secara berterusan menilai kedudukan kecairan dana terhadap had-had ini. Walau bagaimanapun, kecanggihan petunjuk boleh dipertingkatkan untuk mengukuhkan pengawasan terhadap profil kecairan setiap dana.
- Semua institusi kewangan yang penting secara sistematik (SIFI) dan sebilangan pengurus dana lain melaksanakan ujian tekanan kecairan dana mereka secara berterusan.
- Sesetengah syarikat pengurusan dana telah menyediakan pelan luar jangka bagi memastikan bahawa instrumen pengurusan kecairan boleh dilaksanakan dengan cepat dan teratur sekiranya berlaku kegagalan yang berpotensi untuk melakukan penebusan dalam tempoh yang ditetapkan.

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS WARAN BERSTRUKTUR

LATAR BELAKANG

Pasaran waran berstruktur Malaysia telah berkembang sepanjang beberapa tahun disokong oleh minat pelabur runcit yang meningkat. Antara tahun 2014 dan 2017, perolehan tahunan waran berstruktur meningkat sebanyak 177% daripada RM2.35 bilion kepada RM6.51 bilion dengan waran berstruktur tahunan yang diterbitkan meningkat sebanyak 69.4% daripada 546 kepada 925 terbitan.

Satu semakan tematik telah dijalankan pada 2018 untuk menilai kecukupan dan ketekalan langkah kawalan yang disediakan kepada penerbit bagi memastikan kestabilan pasaran.

HASIL PENYELIAAN

Mengeluarkan pekeliling industri mengenai amalan terbaik bagi:

- Penilaian kecairan oleh penerbit ketika reka bentuk produk; dan
- Pembuatan pasaran dan aktiviti lindung nilai penerbit.

PEMERHATIAN

- Pada amnya, terdapat volum saham pendasar yang mencukupi yang dipilih oleh penerbit bagi membolehkan aktiviti lindung nilai dan pembubaran lindung nilai yang teratur.
- Penerbit memastikan pematuhan terhadap peraturan dan keperluan terhadap pembuatan pasaran yang bertujuan untuk menyediakan kecairan bagi pelabur untuk menjual waran berstruktur mereka di pasaran pada harga yang munasabah.
- Beberapa bidang penambahbaikan termasuk keperluan untuk pertimbangan dan perbincangan yang lebih mendalam tentang impak pasaran yang berpotensi daripada aktiviti lindung nilai dan pembubaran. Dasar dan prosedur mengenai penilaian kecairan dan proses reka bentuk waran berstruktur juga boleh diperkukuh untuk mengelakkan pegangan saham yang besar apabila hampir kepada tarikh tamat waran berstruktur.
- Kajian semula terhadap tingkah laku pelabur menunjukkan bahawa pelabur dalam waran berstruktur mempunyai kefahaman yang munasabah mengenai produk tersebut. Bagaimanapun, sesetengah pelabur menunjukkan kecenderungan kepada pengelakan kerugian, menyebabkan mereka gagal mengurangkan kerugian walaupun waran mereka kehilangan nilai yang banyak dan menghampiri tempoh matang.

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS LAPORAN TRANSAKSI MENCURIGAKAN

LATAR BELAKANG

Laporan transaksi yang mencurigakan (STR) dikemukakan oleh pengantara berlesen kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan (FIED) BNM merupakan sumber penting risikan kewangan untuk mengukur keberkesanan rangka kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

Semakan tematik dijalankan untuk menaksir dan menilai kualiti pengemukaan STR serta amalan dalaman disediakan oleh pengantara untuk mengenal pasti, menganalisis, dan mendokumen transaksi mencurigakan. Pemerhatian dan jangkaan yang timbul daripada semakan tematik dikongsi ketika bengkel pematuhan yang diadakan pada Julai 2018.

HASIL PENYELIAAN

Mengeluarkan komunikasi industri mengenai STR kepada semua pengantara dalam pemerhatian dan jangkaan SC.

PEMERHATIAN

- STR pada umumnya diserahkan kepada FIED BNM dalam tempoh masa yang boleh diterima.
- Kebanyakan transaksi luar biasa atau mencurigakan. Majoriti pengantara berlesen mempunyai mekanisme pengesanan, peningkatan dan pelaporan yang mencukupi mengenai urus niaga yang luar biasa atau mencurigakan.
- Pengantara mempunyai langkah penyimpanan rekod yang wajar untuk memastikan maklumat sensitif dan dokumen yang berkaitan dengan transaksi mencurigakan disimpan dalam persekitaran yang selamat.
- Kebanyakan STR yang diserahkan telah dimulakan daripada perintah siasatan agensi penguatkuasaan undang-undang atau laporan buruk yang disiarkan melalui Sistem Perisikan Kewangan BNM (FINS).
- Sesetengah serahan STR memberikan huraian yang mencukupi tentang jenis dan situasi kecurigaan dengan analisis untuk menyokong transaksi yang mencurigakan tersebut.
- Terdapat keperluan bagi pengantara untuk mengkaji semula kecekapan dan keberkesanan proses pelaporan transaksi yang mencurigakan dan ketepatan masa serta kualiti STR mereka.

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS PENYELIAAN DAN PENGURUSAN REMISIER

LATAR BELAKANG

Imbuhan remisier berkait secara langsung dengan volum transaksi yang mereka laksanakan. Oleh itu, wujud risiko remisier tidak akan bertindak atas kepentingan pelanggan mereka dalam usaha mereka untuk memaksimumkan bayaran brokeraj yang diperolehi.

Satu semakan tematik telah dijalankan untuk menilai kecukupan dan keberkesanan penyeliaan dan pengurusan pengantara terhadap remisier.

HASIL PENYELIAAN

Mengeluarkan laporan mengenai amalan terbaik dan panduan industri kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan pengantara.

Pengantara dikehendaki memastikan bahawa remisier diberi latihan berterusan untuk mengekalkan budaya yang menggalakkan profesionalisme dan tatalaku beretika.

PEMERHATIAN

- Berikutan isu-isu penyeliaan yang dibangkitkan oleh SC daripada pemeriksaan sebelum ini, lembaga pengarah dan pengurusan kanan pengantara telah mengukuhkan pengawasan mereka dan struktur tadbir urus yang berfungsi, dasar dan prosedur yang berkaitan. Mekanisme pemantauan juga disediakan bagi memastikan kepentingan pelanggan dilindungi. Bagaimanapun, pelabur juga hendaklah memantau prestasi pelaburan mereka.

- Struktur imbuhan pengantara bagi remisier mereka adalah sejajar dengan layanan yang adil kepada para pelabur.

- Pada umumnya, pengantara mempamerkan keupayaan untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu yang dibawa oleh pelanggan secara yang cepat melalui rangka kerja pemakluman dan pelaporan yang berkesan.

- Struktur pelaporan dalaman yang mencukupi telah diwujudkan untuk melaporkan salah laku dengan jawatankuasa dalaman tetap yang terdiri daripada kakitangan pengurusan kanan yang ditugaskan untuk membincangkan isu-isu dan mengambil tindakan pemulihan yang sesuai.

Meningkatkan rangka kerja kawal selia bagi penyedia perkhidmatan pasaran modal

Pada 2018, SC memperkenalkan rangka kerja pendaftaran bagi penyedia perkhidmatan pasaran modal dengan mengeluarkan Garis Panduan, *Guidelines on Registration and Conduct of Capital Market Services Providers* (Garis Panduan CMSP). Di bawah garis panduan baharu ini, semua pemegang amanah dan rumah terbitan dikehendaki berdaftar dengan SC berkuat kuasa 2 Januari 2019.

Rangka kerja pendaftaran baharu tersebut menyeragamkan keperluan dan memperkenalkan kriteria pendaftaran seperti piawaian kemasukan dan obligasi tatalaku yang berterusan, untuk mewujudkan kesamarataan dalam kalangan pemegang amanah. Untuk meningkatkan kecekapan, Garis Panduan CMSP yang baharu akan melaksanakan pendaftaran sekali dan bukannya pendaftaran berasaskan produk semasa, yang memerlukan pemegang amanah kepada dana unit amanah untuk memperbaharui pendaftaran secara berkala.

Rangka kerja pendaftaran baharu ini adalah sejajar dengan usaha SC untuk memastikan keberkadaran dalam pengawalseliaan dan menjajarkan semula pendekatan pengawalseliaan SC untuk meningkatkan kecekapan pasaran modal. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyedia perkhidmatan pasaran modal mengutamakan kepentingan pelabur dalam semua proses membuat keputusan mereka. Rangka kerja ini memberi lebih penekanan kepada tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan agar mereka bertanggungjawab terhadap tatalaku entiti berdaftar dan wakil mereka.

MEMASTIKAN PENCEGAHAN ANDAL MELALUI PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan kekal sebahagian daripada usaha berterusan SC untuk memupuk budaya tadbir urus yang baik. Pendekatan penguatkuasaan SC adalah berdasarkan matlamat untuk mencapai pencegahan yang andal melalui pelaksanaan kuasa pentadbiran, sivil dan jenayah.

Langkah-langkah preemptif melalui arahan henti operasi

SC juga mengeluarkan arahan henti operasi kepada entiti dan individu yang disyaki menjalankan skim tidak sah atau aktiviti tidak berlesen. Sekiranya perlu, perintah henti operasi tersebut disertai oleh siaran media bagi memastikan orang ramai diberi amaran secukupnya tentang skim atau aktiviti tidak sah atau tidak berlesen ini.

Pada 2018, SC mengeluarkan lima perintah berhenti operasi:

Januari

- CopyCash Foundation diarahkan untuk segera menghentikan segala aktivitinya termasuk rancangannya untuk melancarkan tawaran syiling awal (ICO) di Malaysia.

April & Mei

- SC mengarahkan AlgoMerchant dan Dagang Algomecs untuk berhenti menyediakan khidmat penyelesaian dagangan dan strategi pelaburan kepada pelabur.
- Aktiviti-aktiviti ini termasuk dalam takrifan menyediakan nasihat pelaburan, berurus niaga dalam sekuriti dan/atau pengurusan dana di bawah Jadual 2 CMSA.

Julai

- Lendingstar Malaysia diarahkan untuk menghentikan semua aktivitinya mengendalikan pasaran yang diiktiraf dan menyediakan kemudahan dagangan berautomasi kerana aktiviti ini memerlukan pendaftaran dengan SC atau lesen daripada SC dibawah undang-undang sekuriti.

September

- Lavidacoin diarahkan untuk menghentikan semua aktiviti promosi sementara menunggu semakan lanjut.
- Dalam satu siaran media, para pelabur diingatkan agar berhati-hati dan melakukan usaha wajar sebelum menyertai mana-mana skim pelaburan, terutamanya yang melibatkan mata wang kripto dan token digital.

SOROTAN PENGUATKUASAAN 2018

SC terus memberi tumpuan dalam usaha penguatkuasaanya untuk mencapai pencegahan yang andal dan memupuk budaya tadbir urus yang baik dalam kalangan peserta pasaran

TINDAKAN PENTADBIRAN

Menjadikan para professional dan pengarah bertanggungjawab ke atas salah laku mereka:

80 sekatan pentadbiran dikenakan:

- 32 celaan
- 3 lesen dibatalkan
- 1 lesen digantung
- 32 penalti berjumlah RM6.39 juta dikenakan
- 10 arahan diberikan
- 2 kenyataan awam terhadap pengekalan jawatan awam oleh seorang pengarah

Penalti dan celaan dikenakan kepada pelbagai entiti, pengarah, akauntan pelapor dan penasihat utama, antara lain, kerana:

1. Dengan sengaja memberi kebenaran untuk mengemukakan penyata kewangan palsu atau mengelirukan kepada Bursa Malaysia
2. Gagal menzahirkan perkembangan penting berkaitan penyenaraiannya di Papan Utama Bursa Malaysia
3. Gagal menjalan ketekunan yang sewajarnya ketika melaksanakan proses penyenaraian dan melanggar *Guidelines of Due Diligence Conduct for Corporate Proposals*

PENGUATKUASAAN SIVIL

RM9,259,608.60 diperolehi semula daripada 18 individu kerana dagangan orang dalam dan manipulasi pasaran

Pengembalian semula hasil tidak sah daripada salah guna pasaran:

1. Dagangan orang dalam oleh seorang individu
   - Diperintah untuk membayar RM3,238,760.55 – 3 kali jumlah kerugian yang dielakkan
   - Penalti sivil sebanyak RM500,000 dikenakan oleh Mahkamah Tinggi
2. Manipulasi pasaran oleh 7 individu
   - Penghakiman persetujuan bagi 3 kali keuntungan yang diperolehi, berjumlah **RM3,073,231.92**
   - Penalti sivil bersama sebanyak **RM750,000** dan
   - Dihalang daripada menjadi pengarah PLC dan berdagang di Bursa Malaysia selama **5 tahun**

PENDAKWAAN JENAYAH

14 pertuduhan jenayah dikenakan terhadap 8 individu pada 2018

Pengiktirafan kehakiman ke atas keseriusan kesalahan sekuriti:

1. Denda antara RM70,000 hingga RM7 juta terhadap **7 individu, berjumlah RM19.27 juta**; dan
2. **6 individu** dijatuhi hukuman penjara antara 6 bulan hingga 5 tahun kerana:
   - Melakukan dagangan orang dalam dengan menjual sebanyak 350,000 saham ketika memiliki maklumat material bukan awam
   - Mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia berkaitan pembelian yang direka bernilai RM119 juta
   - Menipu sebuah koperasi sebanyak RM350,000 dengan mengaku sebagai remisier walhal dia tidak dilesenkan

MEMASTIKAN DAYA TAHAN PASARAN MODAL

Pemantauan risiko sistemik dalam pasaran modal

Pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan walaupun terdapat cabaran dan ketidaktentuan dalam pasaran global. Ketidakpastian meningkat dalam seluruh pasaran global sepanjang 2018 dengan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak, isu-isu geopolitik dan penormalan dasar monetari dalam ekonomi maju. Ini telah menjejaskan sentimen risiko, di tengah-tengah peningkatan ketidaktentuan dan pengetatan kecairan dalam pasaran kewangan global.

Perkembangan ini menekankan keperluan bagi SC untuk terus memantau dan menilai kebimbangan risiko sistemik. Ini termasuk pengesanan awal trend risiko baru muncul dan kerentanan yang boleh menyebabkan peningkatan risiko sistemik dalam pasaran modal. Penilaian risiko SC pada 2018 telah dibincangkan di pelbagai peringkat untuk membolehkan penglibatan dan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan berhubung pasaran, firma dan produk.

Memandangkan pentingnya mempunyai pendekatan yang mantap dan terkini bagi pengenalpastian, pemantauan, pengurangan dan pengurusan risiko sistemik, SC terus menyemak dan meningkatkan rangka kerja pengawasan risiko pasaran untuk memastikan keberkesanan dan kecukupannya. SC juga mengambil langkah untuk mengukuhkan pengaturan kesinambungan perniagaan di peringkat industri dan SC sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menguruskan risiko sistemik dengan lebih baik.

Menilai kerentanan dan risiko kepada kestabilan sistemik

SC terus menjalankan fungsi pemantauan risiko pasarannya melalui Jawatankuasa Pemantauan Risiko Sistemik (SROC) yang merupakan jawatankuasa utama bagi perbincangan mengenai risiko dan perlindungan yang bersesuaian. Lanjutan daripada usaha SC pada 2017, tumpuan pada 2018 adalah terhadap isu-isu geopolitik dan penormalan dasar-dasar monetari. SC memantau, antara lain, perkembangan di Semenanjung Korea, pilihan raya separuh penggal AS, krisis mata wang Turki serta ketegangan perdagangan AS-China. Penilaian impak dijalankan untuk menentukan kesan limpahan yang berpotensi kepada pasaran global dan pesat membangun ke atas pasaran kewangan tempatan. Penilaian risiko juga dilakukan terhadap aliran dana berikutan pengetatan lanjut keadaan kewangan susulan kenaikan progresif kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS.

Perkembangan dalam konstituen Indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI) yang relevan telah dipantau rapi, terutamanya dengan kemasukan Saham A China. Cadangan kemasukan Arab Saudi, Kuwait dan Argentina ke dalam Indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI pada 2019 mungkin menjejaskan secara terus wajaran keseluruhan syarikat Malaysia dalam indeks tersebut. Bagi memastikan pasaran ekuiti Malaysia kekal menarik kepada pelabur asing, langkah-langkah sedang dipertimbangkan bersama dengan pihak berkepentingan industri, untuk membolehkan syarikat tersenarai diperuntukkan wajaran yang lebih tinggi dalam indeks tersebut.

Di samping itu, kesan yang berpotensi terhadap pasaran tempatan dan para pesertanya berikutan Resolusi EU untuk menamatkan penggunaan bahan api biologi berasaskan minyak sayuran menjelang 2020, serta perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada Januari 2018 juga disemak. Impak terhadap pasaran modal didapati boleh diabaikan.

Diagram 8

Penilaian risiko pelbagai komponen pasaran modal Malaysia

Pasaran Ekuiti dan Infrastruktur	• Kecairan domestik yang mencukupi untuk memudahcarakan aktiviti pelaburan yang cekap • Pemutus litar pasaran yang menyeluruh dan had harga ke atas ekuiti sebagai sebahagian daripada mekanisme pengurusan risiko untuk menangani ketaktentuan pasaran yang berlebihan. Pada 2018, tiada pemutusan litar pasaran dibuat • Jaringan keselamatan iaitu Dana Jaminan Penjelasan Sekuriti dan Derivatif tersedia untuk mengurus kemunculan tekanan
Pasaran Bon	• Pergerakan hasil yang marginal berbanding pasaran serantau yang lain, disokong oleh kecairan domestik yang mencukupi • Modal bon berisiko dalaman menunjukkan tahap tekanan dalam pasaran bon korporat adalah minimum
Syarikat Tersenarai	• Perolehan korporat pada 2018 menyusut disebabkan oleh keadaan ekonomi am dan peningkatan kemerosotan nilai yang dialami oleh PLC • Secara keseluruhan, leveraj korporat kekal baik dengan trend nisbah penggearan yang stabil
Aliran Pelaburan	• Aliran keluar bersih dalam pasaran ekuiti adalah antara yang paling rendah di rantau ini. Pelabur asing sebagai peratusan pemegangan saham menyaksikan turun naik yang minimum dan kekal melebihi purata 3 tahun • Bagi pasaran bon, pengurangan pegangan asing adalah disebabkan oleh terbitan yang telah matang. Ketika ini, lebih 55% pelabur asing adalah bersifat jangka panjang iaitu, bank-bank pusat, dana kekayaan berdaulat, dana persaraan dan insurans
Pengurusan Pelaburan	• Pengurus dana mempunyai langkah-langkah tersedia untuk mengurus risiko kecairan, iaitu rangka kerja kecairan untuk berlindung daripada sebarang keadaan pasaran yang teruk • Tunai dan aset cair yang dipegang adalah mencukupi untuk memenuhi penembusan pelabur
Pengantara Pembrokeran Saham	• Broker saham mempunyai modal yang amat baik, disokong oleh penimbal kecairan yang mencukupi bagi menangani apa-apa kerugian terealis atau kerugian berpotensi yang timbul ketika tempoh tekanan • Kedudukan modal berasaskan risiko semasa kekal melebihi keperluan kewangan minimum yang ditetapkan

SC juga terus bekerjasama rapat dengan BNM dalam bidang kepentingan dan kebimbangan bersama, memandangkan kesalinghubungan pasaran kewangan dan modal. Pada 2018, SC mengadakan pertukaran maklumat dan berkongsi hasil penilaian mengenai trend dan perkembangan risiko global serta pergerakan dana dalam segmen pasaran yang berbeza untuk menentukan kerentanan yang berpotensi.

Untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam tentang trend pasaran dan risiko dalam persekitaran pasaran yang semakin tidak menentu di tengah-tengah keadaan pengetatan kecairan, SC telah meningkatkan kekerapan dan keamatan penglibatannya bersama peserta pasaran.

Penglibatan ini adalah penting bukan sahaja untuk mengesahkan kerja penilaian risiko, tetapi juga untuk memahami sentimen dagangan dan pelaburan dalam pasaran.

Pelbagai komponen pasaran modal Malaysia terus berfungsi seperti biasa walaupun terdapat tekanan, terutamanya pengetatan dasar monetari dalam pasaran maju dan ketegangan perdagangan AS-China. Empat penilaian ini menunjukkan bahawa tiada kebimbangan risiko sistemik utama dalam pasaran semasa, keadaan kecairan dan infrastruktur (Diagram 8).

Meningkatkan pendekatan dalam pemantauan ke atas risiko sistemik

Pemantauan ke atas risiko sistemik dijalankan berdasarkan pendekatan yang digariskan dalam satu rangka kerja bersepadu. Ini merangkumi pemantauan produk dan kehematan makro, dengan tumpuan terhadap risiko dan kerentanan produk dan syarikat. Rangka kerja ini mempunyai keperluan data yang jelas untuk membantu SC dalam mengenal pasti dan menilai titik tekanan daripada segmen-segmen pasaran modal.

Menyedari bahawa pemantauan ke atas risiko sistemik merupakan proses pelbagai aspek, SC sedang membangunkan satu set petunjuk pemantauan risiko sebagai sebahagian daripada usahanya untuk terus meningkatkan rangka kerja pemantauan risiko sistemik. Di bawah inisiatif ini, SC berhasrat untuk memanfaatkan teknologi bagi memperoleh akses kepada data yang lebih dipercayai dan berkualiti untuk tujuan pemantauan risiko sistematik.

Di samping meningkatkan kecekapan, petunjuk pemantauan risiko akan memberi gambaran menyeluruh mengenai bidang risiko utama, membolehkan pengesanan awal kemunculan risiko dan pertimbangan mengenai intervensi yang sesuai.

Meningkatkan keupayaan kesinambungan perniagaan

Usaha untuk memastikan daya tahan sistemik secara keseluruhan dalam pasaran modal telah dilengkapi oleh kumpulan perundingan fokus mengenai cadangan rangka kerja Mengenai Kesinambungan Perniagaan (Rangka Kerja Kesinambungan Perniagaan). Sebanyak 75 respons diterima daripada

Diagram 9

Prinsip yang diterapkan dalam Rangka Kerja Kesinambungan Perniagaan

Rangka Kerja Kesinambungan Perniagaan					
PRINSIP 1	PRINSIP 2	PRINSIP 3	PRINSIP 4	PRINSIP 5	PRINSIP 6
Tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan	**Gangguan operasi utama**	**Objektif dan strategi pemulihan**	**Komunikasi**	**Ujian dan latihan**	**Penyelenggaraan dan semakan**
Pengesahan dan kelulusan bagi rangka kerja efektif, yang berkadaran dengan jenis, skala dan kerumitan operasi perniagaan	Risiko gangguan operasi utama, termasuk saling bergantungan dan risiko tumpuan dikenal pasti oleh entiti	Objektif dan strategi pemulihan dibangunkan mengikut prinsip-prinsip berasaskan risiko	Prosedur penyampaian maklumat dan pelan komunikasi yang menyeluruh telah diwujudkan dan diterapkan ke dalam rangka kerja kesinambungan perniagaan bagi menangani sebarang risiko reputasi daripada mana-mana gangguan operasi	Dijalankan setiap tahun bagi memastikan keberkesanan dan keberkaitan dengan menerapkan amalan pasaran yang berkembang, perubahan dalam kakitangan utama dan sebarang kemas kini kawal selia	Aturan kesinambungn perniagaan diselenggara dan disemak dengan kerap. Kemas kini atau perubahan disah terima, diluluskan dan disahkan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan

seluruh pengantara pasaran modal dan peserta pasaran. Maklum balas yang diterima adalah menggalakkan, membina dan menyediakan input tambahan untuk penambahbaikan rangka kerja tersebut.

Cadangan Rangka Kerja Kesinambungan Perniagaan bermatlamat untuk menggariskan enam prinsip meluas yang menyatakan harapan SC terhadap institusi dan pengantara pasaran. Rangka kerja tersebut dijangka dikeluarkan pada 2019 (Diagram 9).

Di SC, semakan berkala telah dijalankan ke atas tahap ketersediaan fungsi utama dalam menguruskan insiden daripada perkembangan luaran. Pada 2018, prosedur pengurusan insiden dalaman disemak dan diuji berdasarkan beberapa senario. Pengujian senario menunjukkan bahawa SC berupaya mengurus dan bertindak balas terhadap insiden bagi memastikan kefungsian pasaran modal secara teratur. Di samping itu, jabatan-jabatan di SC mempunyai pelan kesinambungan urusan masing-masing yang khusus yang juga diuji melalui simulasi atas meja *(desktop).*

Mengukuhkan pengurusan risiko siber

SC komited untuk menyediakan amalan daya tahan siber yang berkesan dan cekap dengan meningkatnya penggunaan dan kebergantungan terhadap data dan komunikasi elektronik, tahap kerumitan teknologi yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan dan ancaman siber yang berkembang daripada pelbagai sumber.

Dengan meningkatnya ancaman siber, tumpuan penyeliaan diberikan kepada pengurusan risiko siber oleh entiti pasaran modal. Pada 2018, beberapa inisiatif telah dijalankan untuk meningkatkan dan menambah baik pengurusan risiko siber dalam industri, termasuk pemantauan dan semakan terhadap isu-isu keselamatan siber ke atas entiti yang dikawal selia melalui penglibatan di dalam dan di luar premis.

Pada Disember 2017, soal selidik penilaian sendiri telah dikeluarkan kepada industri untuk mengukur kawalan ke atas pengurusan data. Berikutan penilaian tersebut, satu pekeliling industri dikeluarkan dengan memperincikan beberapa bidang untuk penambahbaikan.

Untuk memperkukuh daya tahan keselamatan siber peserta pasaran modal, pemeriksaan risiko siber bertumpu dan berasaskan tema dirancang bagi 2019. Pengawalan rapi yang disasarkan, apabila diperlukan, juga akan dijalankan untuk memaklumkan dasar dan intervensi penyeliaan SC.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan pertahanan siber industri, SC menjadi hos kepada simulasi latihan siber pertama yang diterajui oleh sektor pada Oktober 2018. Dengan kerjasama Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) dan dikendalikan oleh Cyber Security Malaysia (CSM), simulasi ini melibatkan 38 entiti pasaran modal yang dipilih berdasarkan saiz operasi perniagaan mereka dan kebergantungan kepada teknologi.

Simulasi itu distruktur bagi merangkumi pelbagai senario yang melibatkan pelbagai jenis serangan siber untuk menilai:

- Protokol tindak balas insiden dalaman peserta untuk menangani atau menyelesaikan situasi yang timbul;
- Interaksi antara entiti pasaran modal, SC, NACSA dan agensi penguatkuasaan undang-undang lain dengan tumpuan kepada penyelarasan kerja, perkongsian maklumat atau permintaan untuk mendapatkan bantuan; dan
- Komunikasi di seluruh industri, perkongsian maklumat, pemantauan ancaman dan pembuatan keputusan ketika serangan siber.

Simulasi tersebut membolehkan entiti pasaran modal menambah baik protokol untuk kesediaan insiden, tindak balas dan pemulihan, serta membolehkan SC untuk memperhalusi amalan terbaik industri.

Diagram 10

Simulasi siber pasaran modal untuk perkukuh daya tahan siber



Mewujudkan platform keselamatan siber berpusat bagi industri

Dengan meningkatnya kebergantungan organisasi terhadap maklumat digital dan berkongsi banyak data di seluruh dunia, institusi kewangan terdedah kepada pelbagai bentuk serangan siber.

SC telah membangunkan platform berpusat untuk membolehkan entiti pasaran modal dengan cepat dan selamat melaporkan insiden siber mereka. Platform ini dilancarkan pada 5 Julai 2018 bagi pengguna perintisnya, manakala entiti pasaran modal selebihnya boleh mengakses sistem tersebut pada Januari 2019.

Melalui portal ini, entiti pasaran modal boleh memanfaatkan maklumat untuk meningkatkan kesedaran mengenai situasi dan pengesanan keupayaan serta bertindak balas dengan lebih berkesan dan pulih daripada insiden berdasarkan maklumat ancaman yang disiarkan.

Penglibatan SC dengan pihak berkepentingan diteruskan pada 2018 dengan sesi pertemuan suku tahunan dengan wakil dari persatuan industri untuk membincangkan isu-isu berkaitan siber melalui Kumpulan Kerja Risiko Siber (CRWG). CRWG ditubuhkan untuk memudahcarakan kerjasama dan perkongsian maklumat antara ahli bagi membolehkan industri secara kolektif memperoleh

manfaat daripada pengalaman masing-masing dan meningkatkan tahap keselamatan siber dalam pasaran modal.

Peningkatan pengawasan terhadap pengurusan risiko siber dan penyumberan luar Bursa Malaysia

Pada 2018, SC juga menumpukan penilaian kawal selianya terhadap pengurusan risiko siber dan penyumberan luar Bursa Malaysia dalam menjalankan fungsinya sebagai pengendali bursa dan infrastruktur pasaran kewangan utama yang lain yang banyak bergantung kepada sistem IT, infrastruktur rangkaian dan keberkaitan serta penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Penilaian kawal selia juga merupakan semakan susulan untuk mengukur pengurusan risiko dan amalan pematuhan siber Bursa Malaysia terhadap Garis Panduan SC, *Guidelines on Management of Cyber Risk.*

Pengawasan terhadap Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia

Pengawasan terhadap organisasi swaatur (SRO) industri kekal menjadi tumpuan pengawasan utama bagi SC. Pada 2018, pengawasan terhadap Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM), sebuah SRO bagi industri unit amanah dan PRS, memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan untuk mencapai hasil pencegahan yang lebih baik terutamanya dalam salah laku yang lebih serius dalam kalangan pengedar dan perunding unit amanah dan skim persaraan swasta.

Rangka kerja rujukan kes terus ditingkatkan pada 2018 dengan penubuhan Kumpulan Kerja Rujukan dalam SC sebagai titik pusat untuk rujukan kes-kes salah laku yang serius. Kumpulan Kerja Rujukan ini juga meneliti kes-kes yang bukan dalam bidang kuasa penguatkuasaan FIMM seperti pelanggaran undang-undang sekuriti dan penipuan. Proses rujukan dan prosedur yang dipertingkat juga disediakan bagi memastikan pengurusan kes yang lebih tepat pada masanya dan cekap serta keberkesanan tindakan penguatkuasaan.

Pengawasan terhadap Pentadbir Pencen Swasta

Pentadbir Pencen Swasta (PPA) memainkan peranan penting sebagai pentadbir berpusat bagi PRS, menyediakan perkhidmatan penyimpanan rekod dan PRS elektronik seperti pendaftaran pencarum PRS, penambahan unit caruman ahli, pengeluaran dan penamaan benefisiari. Oleh itu, kecekapan dan kesinambungan dalam operasi PPA adalah penting kepada industri PRS.

Pengawasan SC terhadap PPA terus memberi tumpuan dalam memastikan kecekapan dan kemantapan amalan operasi dan pengurusan risiko PPA dalam melaksanakan fungsi pentadbiran berpusatnya. Pada 2018, SC memudahcarakan pengenalan perkhidmatan elektronik tambahan PRS, termasuk pendaftaran PRS dalam talian dan aplikasi mudah alih MyPPA yang membolehkan akses awam yang lebih besar kepada PRS. Keutamaan penyeliaan tertumpu bagi memastikan PPA menyediakan sistem keselamatan dan kawalan, ujian kesediaan sistem sebelum pengenalan perkhidmatan elektronik baharu, pengaturan kesinambungan perniagaan termasuk mewujudkan pusat pemulihan data dan ujian kesinambungan perniagaan serta kawalan untuk melindungi kerahsiaan data peribadi pencarum.

Penglibatan bertumpu bersama pengendali pendanaan ekuiti ramai dan pembiayaan antara rakan setara

Oleh kerana pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) merupakan segmen baharu dalam pasaran modal, keutamaan SC untuk pengawasan seliaan terhadap pengendali ECF dan P2P adalah untuk memastikan pematuhan kepada Garis Panduan, *Guidelines on Recognized Markets*. SC memanfaatkan penglibatan berkalanya

dengan para pengendali untuk bertukar pandangan mengenai trend dan perkembangan dalam industri, menjelaskan isu-isu kawal selia dan memaklumkan mengenai jangkaan penyeliaan yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan, kempen pengumpulan dana dan amalan penzahiran.

Pada 2018, usaha penglibatan bersama memberi tumpuan untuk memastikan kefahaman yang lebih baik mengenai keperluan kawal selia pencegahan pengubahan wang haram (AML), pengendali mempunyai kawalan yang mencukupi dalam memenuhi keperluan AML, terutamanya kemantapan penilaian berkenaan mengenali pelanggan anda (KYC) ketika penyertaan penerbit dan pelabur. Pengawasan seliaan juga merangkumi penekanan terhadap daya tahan sistem dan infrastruktur IT pengendali memandangkan pentingnya infrastruktur ini dalam menyokong kempen pengumpulan dana dan maklumat yang dipegang oleh pengendali seperti butiran dan data sekuriti penerbit dan pelabur. Pengendali ECF dan P2P dikehendaki menyertai latihan siber yang dianjurkan oleh SC sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan kesiapsiagaan terhadap ancaman siber.

SC juga menegaskan peranan pengendali platform dalam meningkatkan kesedaran pelabur terhadap risiko, hak dan obligasi yang terbabit dalam pelaburan mereka serta kefahaman para penerbit mengenai saluran pembiayaan alternatif ini.

MEMPERKASA PELABUR

SC terus mengambil langkah bagi memastikan pelabur dilindungi, diperkasa dan berupaya membuat keputusan bermaklumat. Komponen penting mandat perlindungan pelabur SC dilaksanakan melalui Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC), yang menyediakan pelabur akses kepada mekanisme ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian, dan usaha pendidikan pelabur yang berterusan melalui InvestSmart® – inisiatif pemerkasaan pelabur SC untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelabur mengenai pasaran modal.

Memperluas rangka kerja ganti rugi pelabur

SIDREC menerima sebanyak 440 tuntutan dan pertanyaan pada 2018; lebih 90% daripada tuntutan layak yang melalui proses penyelesaian pertikaian SIDREC telah diselesaikan melalui pengurusan kes dan pengantaraan.

Berikutan penambahan bidang tugas SIDREC pada 2017 yang memasukkan komponen skim sukarela berstruktur, SIDREC mula menerima tuntutan di bawah skim ini pada 2018. Oleh kerana skim ini melibatkan tuntutan yang sama ada telah memasuki proses mahkamah atau melebihi RM250,000, ia tertakluk kepada fi yang munasabah dan memerlukan persetujuan kedua-dua pihak untuk menggunakan perkhidmatan penyelesaian pertikaian SIDREC. Ia juga membenarkan peguam kedua-dua pihak untuk mengambil bahagian dalam proses itu.

Walau bagaimanapun, Skim Mandatori bagi tuntutan yang tidak melebihi RM250,000 akan kekal menjadi keutamaan bagi memastikan pelabur runcit terus mendapat akses percuma untuk mendapatkan ganti rugi melalui platform pakar yang bebas dan tidak berat sebelah.

Inisiatif Pemerkasaan Pelabur

Pelabur barmaklumat pelabur yang dilindungi. Inisiatif pemerkasaan pelabur SC, InvestSmart® terus mendekati orang ramai untuk meningkatkan kesedaran mengenai perlunya membuat keputusan pelaburan bermaklumat. Pada 2018, kempen-kempen dirangka dengan mesej yang menyasarkan skim penipuan pelaburan, yang ditujukan kepada segmen awam yang rentan.

InvestSmart® Fest 2018

Lebih 14,000 pelawat

45 peserta pameran

InvestSmart® Fest merupakan acara tahunan utama pendidikan pelabur yang diadakan secara bersama dengan para pengantara pasaran modal dan agensi kawal selia lain untuk menggalakkan kesedaran dan meningkatkan pengetahuan mengenai pasaran modal Malaysia

Bertemakan 'Melabur untuk Masa Depan yang Mampan', acara ini dirasmikan oleh Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan. Dalam pesanan Twitter pasca acara, beliau menggesa para belia untuk memupuk budaya menabung dan melabur untuk masa depan yang mampan.

Dua karya eksklusif oleh Datuk Lat – Larian ScamBuster Run 2018 SC dan InvestSmart® Fest yang diadakan setiap tahun

Khidmat Kaunter #FinPlan4U

397 individuals

memperoleh manfaat daripada penilaian awal percuma bersama perancang kewangan untuk mendapatkan matlamat kewangan jangka pendek dan panjang

Ceramah dan Forum

Pakar dan para professional meluangkan masa mereka untuk mendidik pelabur. Dua personaliti terkenal, Jeffrey Ong, bekas perenang Olimpik Malaysia dan Datuk Mohammad Nor Mohammad Khalid (Datuk Lat) berkongsi pengalaman mereka dalam melabur, dan menekankan keperluan untuk kekal berwaspada agar tidak menjadi mangsa skim penipuan

Datuk Lat

Jeffrey Ong

Inisiatif Pencegahan Skim Penipuan

Sempena InvestSmart® Fest 2018, satu larian amal santai telah dianjurkan dengan hashtag #RunFromScams. Seramai 2,558 pelari telah mengambil bahagian dan semua kutipan derma telah disalurkan kepada Persatuan Kebajikan Suara Kanak-Kanak Malaysia (SUKA), yang bermatlamat melindungi dan menjaga kepentingan kanak-kanak, termasuk memperkasa masyarakat orang Asli dengan memberi akses yang lebih kepada pendidikan.

SC melancarkan Peraduan Poster Anti Skim Penipuan pada bulan Ogos, dimana peserta yang menghasilkan penyertaan yang kreatif yang menyampaikan secara terbaik mesej anti skim penipuan. Poster yang berjaya dipaparkan dalam semua saluran kempen InvestSmart® untuk meningkatkan kesedaran mengenai skim penipuan.

Sebuah lagu iklan baharu, 'Silap Labur Duit Lebur' telah diumumkan ketika pesti tersebut berlangsung.

Capaian InvestSmart®

SC bersama Komuniti

Lebih 300,000 peserta di 7 bandaraya dan bandar

Ini merupakan inisiatif penglibatan bersemuka bersama masyarakat yang memberikan maklumat tentang pelaburan pintar termasuk cara untuk mengelakkan penipuan.

Program Sasaran InvestSmart®

1,708 peserta

Dengan kerjasama Securities Industry Development Corporation (SIDC), 17 program Kids@Cash, Teen@Cash, Cash@Campus, Money@Work dan Be Money Wise (BMW) telah diadakan untuk menggalakkan kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang baik dan peluang pelaburan dalam pasaran modal Malaysia.

InvestSmart®@SC

407 peserta

Pada 2018, SC melancarkan program InvestSmart®@SC. Ia merupakan acara setengah hari yang diadakan di Bangunan SC yang menyasarkan demografi isu-isu kepentingan bersama.

Tiga acara telah diadakan sepanjang 2018, dengan kerjasama Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia, Bursa Malaysia Bhd dan Pentadbir Pencen Swasta Malaysia

Hari InvestSmart®

12 seminar

1,225 peserta

Program Hari InvestSmart® disasarkan kepada individu yang ingin melabur dalam pasaran modal tetapi mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai pelaburan.

Pakar-pakar telah dijemput untuk berkongsi strategi pelaburan khususnya mengenai saham dan unit amanah

Jump2Invest

SC melancarkan permainan pendidikan "Jump2Invest" pada Oktober 2018, untuk berhubung dan memupuk minat terhadap pasaran modal.

Permainan ini membolehkan pemainnya membina portfolio pelaburan yang mudah dan mendidik pemain mengenai pengetahuan asas pasaran modal.

Pesanan Khidmat Awam

SC dengan kerjasama Kementerian Komunikasi & Multimedia, mengeluarkan 2 pengumuman khidmat awam.

"Video T.I.P.U" selama 30 saat mengetengahkan kaedah operasi pengendali skim penipuan, dan disiarkan di televisyen dari 31 Mei hingga 31 Disember 2018 di semua stesen TV tempatan dan pengangkutan awam yang dikendalikan oleh Prasarana Malaysia.

Mesej perayapan mengingatkan orang ramai untuk hanya berurusan dengan orang berlesen apabila melabur dalam produk pasaran modal juga disiarkan segmen berita stesen televisyen tempatan dari 15 Ogos hingga 31 Disember 2018.

IOSCO WIW 2018

Minggu Pelabur Sedunia 2018 anjuran IOSCO

WORLD INVESTOR WEEK 2018

Bersempena Minggu Pelabur Sedunia 2018 anjuran IOSCO dari 1 hingga 7 Oktober, siri InvestSmart® yang diterbitkan oleh SC telah disiarkan di radio BFM89.9 untuk mendidik para pendengar mengenai risiko melabur dalam tawaran syiling awal (ICO).

Untuk mendidik orang ramai mengenai risiko pelaburan dalam ICO, satu siri infografik juga disiarkan dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Mandarin dalam *The Star, Harian Metro* dan *Sin Chew Jit Poh*.

Instrumen InvestSmart®

Laman sesawang dan aplikasi mudah alih InvestSmart® telah diperbaharui agar ia lebih menarik kepada pengguna.

Kandungan baharu juga diperkenalkan termasuk infografik mengenai 'Panduan Pelaburan' dan beberapa 'Panduan Pelabur' mengenai produk pasaran modal.

SC terus memanfaatkan platform media sosial InvestSmart®, iaitu Facebook, Instagram dan Twitter untuk menyebarkan maklumat mengenai program, aktiviti dan berita yang relevan.

BAHAGIAN 3
PEMBABITAN BERSAMA DAN PEMBANGUNAN WARGA KERJA DAN MASYARAKAT

PENGENALAN

SC berbangga dengan warganya dan telah melabur dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja dinamik yang menggalakkan budaya kebertanggungjawaban, proaktif dan keterangkuman dengan komitmen untuk membina masyarakat dan negara.

Penawaran tenaga kerja SC dibina melalui perancangan penggantian yang digabungkan dengan beberapa program siswazah. Kakitangan adalah digalakkan untuk meningkatkan kelayakan secara individu dan kolektif. SC juga memberi keutamaan kepada tadbir urus institusi dan sistem kawalan dalaman bagi memastikan tercapainya tahap integriti yang tertinggi.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, semangat kesukarelaan yang utuh dalam kalangan kakitangan juga adalah penting. Bagi mengukuhkan pembabitan dan interaksi bersama kakitangan serta memupuk semangat kakitangan, SC memperkenalkan program berstruktur yamng menyokong pelbagai keperluan masyarakat.

MEMBANGUNKAN PENGAWAL SELIA MAHIR UNTUK PASARAN MODAL

SC telah menggunakan pendekatan seimbang dalam pengambilan kakitangan. Ia dilakukan dengan memanfaatkan kemahiran dan pengalaman dari dalam organisasi kami, serta membawa masuk keupayaan yang diperlukan bagi memperkukuh lagi kumpulan bakat SC.

Pengambilan kakitangan SC pada 2018

57%
daripada jawatan kosong diisi secara dalaman, menggalakkan pergerakan kerjaya dalaman

108
kakitangan menerima peranan baharu untuk menggalakkan perkongsian kepakaran dan memperoleh kemahiran baharu

43
kakitangan baharu termasuk 25 kakitangan pengurusan pertengahan dan kanan

Tenaga Kerja yang Pelbagai dan Inklusif







Menyediakan pemimpin masa depan

Peranan unik SC sebagai pengawal selia pasaran modal memberikan bakatnya pelbagai pengalaman dan pendedahan kepada pasaran modal. Intervensi pembangunannya ditumpukan kepada pembelajaran pengalaman melalui projek, peminjaman kakitangan dan regangan peranan; pendedahan melalui pembabitan lisan; dan program pembelajaran formal.

Program pembangunan berstruktur iaitu Kurikulum Pembelajaran Kepimpinan (LLC) SC bermatlamat untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran dan pengetahuan yang membolehkan mereka berperanan secara berkesan pada peringkat kepimpinan semasa mereka dan menyediakan untuk jawatan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Mengasah bakat muda

SC terus menarik minat bakat muda melalui program biasiswa yang telah dilaksanakan selama 22 tahun. Pada 2018, sembilan individu berprestasi tinggi telah dianugerahi biasiswa untuk mengikuti program sarjana muda di universiti tempatan dan luar negara dalam pelbagai bidang pengajian khususnya Undang-undang, Sains Aktuari, Komunikasi, Keselamatan Siber, Teknologi Digital, Ekonomi dan Matematik.

SC juga bekerjasama dengan institusi latihan vokasional dan teknikal untuk menyediakan tenaga kerja teknikal yang mahir bagi sektor perindustrian melalui latihan industri selama 6 bulan. Para pelatih diberikan tugasan yang berkaitan dengan elektrik, mekanikal dan lain-lain perkhidmatan bangunan

Diagram 1

Program Pengawal Selia Model atau Program MORE@SC

Peserta menjalani penggiliran jabatan untuk memperoleh pendedahan yang lebih baik dalam pelbagai aspek kerja di SC sebelum penempatan terakhir mereka

Latihan Amali

Peserta memperoleh pendedahan kepada kerja-kerja di SC ketika dalam tempoh belajar

di bawah penyeliaan juruteknik SC. Pendedahan tersebut memberi mereka kemahiran praktikal dan pengetahuan yang diperlukan apabila menceburi alam pekerjaan kelak.

Memupuk budaya pengetahuan

Sebagai sebuah institusi berasaskan pengetahuan, SC melabur dalam jumlah yang besar dalam pembelajaran dan pembangunan kakitangan bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran mereka. Program pembelajaran dan pembangunannya berdasarkan falsafah pembelajaran 70:20:10 iaitu melibatkan Latihan Semasa Kerja; Perhubungan (melatih dan membimbing); dan Latihan Dalam Kelas. Inisiatif ini terdiri daripada program teras, kepimpinan dan teknikal serta biasiswa bagi pengajian pascasiswazah untuk kakitangannya. SC juga menyediakan peluang pembelajaran melalui peminjaman kakitangan, penyertaan dalam mesyuarat di peringkat antarabangsa dan kerja-kerja projek.

SC berpandangan bahawa perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara pengawal selia adalah penting dalam membangunkan keupayaan dan keberkesanan kawal selia. Untuk tujuan itu, SC terus berkongsi kepakaran dan pengalaman teknikal dengan rakan sekerja kawal selia asing. Pada 2018, SC menjadi hos kepada dua orang pengawal selia daripada Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia, wakil dari Pihak Berkuasa Pasaran Modal Kenya dan dua lagi wakil dari Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Kemboja.

Pada masa yang sama, enam orang kakitangan SC telah dipinjamkan kepada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Pihak Berkuasa Monetari Singapura (MAS), Bank Dunia dan Hab Asia Pasifik Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). SC turut menjadi hos kepada tujuh lawatan sambil belajar pengawal selia antarabangsa, antara lain, dari Bangladesh, Mesir, Maghribi, Oman dan Arab Saudi untuk membincangkan perkembangan yang berkaitan dengan pasaran modal.

Memperakui kepentingan untuk mengekalkan pengetahuan institusi yang memastikan kesinambungan operasi yang lancar, SC mengambil kira pandangan dan pengalaman kakitangan melalui pelbagai kaedah perhubungan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menggalakkan kakitangannya mengembangkan pengetahuan mereka melangkaui pasaran modal seperti ceramah kepimpinan dan aktiviti yang dijalankan pada Hari Pengetahuan SC, yang bermatlamat untuk menggalakkan budaya membaca dan pembelajaran di seluruh organisasi.

Menyemai tahap integriti tertinggi

Sebagai sebuah badan berkanun yang diamanahkan untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia, SC komited dalam memastikan warga kerjanya mendukung tahap

integriti tertinggi ketika melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka. Ia sentiasa melaksanakan usaha untuk menyemai amalan integriti yang utuh, kebertanggungjawaban, profesionalisme dan tatalaku beretika dalam kalangan warga kerjanya.

Ini termasuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus institusi, menggalakkan budaya pematuhan dan tatalaku beretika untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pihak yang dikawal selia serta masyarakat umum.

SC terus mempertingkatkan amalan pengurusan risikonya melalui pembabitan berkala dengan jabatan-jabatan utama bagi memastikan kawalan disediakan dalam menguruskan kerahsiaan maklumat, memastikan pematuhan dengan proses kerja dan menguruskan konflik kepentingan. Berkuat kuasa 1 Julai 2018, SC juga menerima pakai 'Dasar Tiada Hadiah' untuk menghindari konflik kepentingan.

MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KAKITANGAN

SC amat yakin dalam usaha untuk membina persekitaran kerja yang sihat dan penyayang, yang disokong oleh dasar kesejahteraan bagi mewujudkan budaya yang positif, bersemangat dan dinamik dalam kalangan warga kerjanya. Ini seterusnya membolehkan pencapaian objektif organisasi secara berkesan.

Menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan

Dasar-dasar telah diperkukuhkan untuk SC sebagai sebuah organisasi yang mesra keluarga dengan memanfaatkan kemudahan sedia ada seperti pusat jagaan kanak-kanak dalaman, bilik penyusuan bayi, bekerja dari rumah dan masa kerja fleksibel, untuk membolehkan kakitangan menyepadukan komitmen peribadi dan profesional mereka dengan lebih baik. Di samping itu, kelayakan cuti bersalin ditambah daripada 60 kepada 90 hari berturut-turut dan cuti paterniti dilanjutkan kepada lima hari bekerja berturut-turut daripada dua hari sebelum ini.

TAHUKAH ANDA

- Pada September, SC menerima Anugerah Penghargaan daripada Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Akauntan Awam Bertauliah Australia dan New Zealand (CAANZ) daripada Organisasi Latihan yang Diluluskan (ATO) dibawah Aliran II latihan pelajar CPA.

Seiring dengan perubahan global dalam trend di tempat kerja yang menunjukkan bahawa kakitangan menghargai interaksi insaniah dan kebebasan memilih tempat untuk bekerja, kafe SC telah diubah suai untuk memberikan lebih kelonggaran dalam penggunaan ruang kerja kepada warga kerjanya. Dibuka semula pada bulan Mac, kafe Teratai kini menjadi tempat yang digemari untuk perbincangan dan kolaborasi. Kemudahan Wi-Fi baharu, akses kepada poin kuasa untuk komputer riba dan susunan perabot yang fleksibel memudahkan pergerakan kakitangan, seterusnya membantu mereka meningkatkan kreativiti dan produktiviti.

Untuk menyokong gaya hidup sihat dan budaya bekerjasama, Kelab Sukan & Rekreasi SC (KSRSS) turut menganjurkan aktiviti yang menggalakkan warga kerjanya untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang memupuk kesejahteraan dan membina semangat kekitaan.

Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat

SC telah mengambil pelbagai langkah pada 2018 untuk memastikan keselamatan kakitangannya dan mewujudkan persekitaran kerja yang

selamat. Beberapa sesi taklimat telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran kakitangan SC mengenai keselamatan diri dan jalan raya serta perlindungan diri. Polis Bantuannya telah menjalani latihan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka dalam mengendalikan operasi Mencari dan Menyelamat di bangunan tinggi. Sebagai sebahagian daripada inisiatif peningkatan infrastruktur keselamatan yang berterusan, CCTV digitalnya telah dinaik taraf untuk meningkatkan keupayaan pengawasan Polis Bantuan SC.

MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL

Memanfaatkan pendigitan

Pada 2018, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan penggunaan teknologi kewangan dalam kalangan kakitangannya dan pengendali kafeteria, SC memperkenalkan pilihan pembayaran tanpa tunai di kafe Teratai dan Kedai Buku SIDC. Dalam tempoh kurang daripada lima bulan pengenalannya, lebih 23% daripada jumlah jualan di kafe tersebut adalah tanpa tunai, yang menunjukkan penerimaan positif terhadap sistem pembayaran ini.

SC juga mengukuhkan penyelesaian bagi pusat panggilan dan pengurusan perhubungan pelanggannya untuk menambah baik interaksi dengan pihak berkepentingan dan mengurangkan amalan pengasingan maklumat (islands) di mana maklumat penting disimpan di tempat tertentu sahaja. Sistem tersebut turut mengoptimumkan produktiviti tenaga kerja dalam pengurusan maklumat, pemantauan aduan serta panggilan masuk dan keluar.

Mengukuhkan kapasiti IT

SC kerap menjalankan penilaian dan peningkatan menyeluruh ke atas sistem perlindungan datanya kami, termasuk Penilaian Kompromi (*Compromise Assessment*) dan Penilaian Mitigasi *Distributed Denial-of-Service* (DDOS). SC turut menyediakan strategi, teknologi, dasar dan prosedur untuk jaminan keselamatan maklumat yang optimum seperti yang ditunjukkan melalui akreditasi standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001 daripada SIRIM.

Langkah-langkah proaktif juga telah diambil untuk melindungi data daripada sebarang kemungkinan eksploitasi dalaman sama ada secara sengaja atau

tidak. Ini menghasilkan pengurusan dan tadbir urus akses terlindung yang lebih baik. Di samping itu, pengukuhan perimeter tapak Pemulihan Bencananya membolehkan pengesanan dan pengelakan ancaman yang mencurigakan secara proaktif sebelum sistem-sistem di SC terjejas.

WARGA KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB

Usaha-usaha kelestarian

SC komited bagi memastikan budaya kelestarian diamalkan di seluruh organisasi. Usahanya pada 2018 berkembang menjangkau lebih daripada hanya meningkatkan kesedaran tentang isu-isu kelestarian dan memberi tumpuan kepada pemangkinan perubahan untuk mengoptimumkan sumber, menghapuskan pembaziran dan menggalakkan kehidupan yang lebih hijau dalam kalangan kakitangan.

Menggalakkan kesukarelaan kakitangan

Bagi menggalakkan kakitangannya menyumbang semula kepada masyarakat, SC telah menjenamakan semula dan memperkemas inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya melalui program SC HEART untuk:

- Memupuk lebih banyak pembabitan bersama kakitangan;
- Mengeratkan hubungan antara SC dan masyarakat; dan
- Menggalakkan penghargaan terhadap seni dan budaya, kelestarian dan kesejahteraan kemasyarakatan.

Program pengumpulan dana di bawah inisiatif SC HEART, yang dikenali sebagai RELIEF (Relief Effort for LIfE by SC StafF), ditubuhkan untuk memberi bantuan kemanusiaan dalam situasi krisis dan bukan krisis. Pada 2018, lebih RM12,000 dana dan lebih 370 kilogram bahan makanan ruji berjaya dikumpul oleh kakitangan melalui pelbagai aktiviti pengumpulan dana dalaman. Kakitangannya telah mendermakan sebanyak RM10,000 daripada dana tersebut kepada tabung 'The Lost Food Project', satu projek perintis bank makanan di Malaysia yang mengumpul lebihan makanan berkualiti dan berkhasiat yang masih belum luput tarikh dan boleh dimakan, untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan. 50,000 sajian makanan berkhasiat boleh disediakan hasil daripada derma tersebut.

Bersempena sambutan bulan Hari Autisme Sedunia pada April, SC menganjurkan Hari Kesedaran Autisme untuk mendidik kakitangan mengenai Gangguan Spektrum Autisme. Aktiviti termasuk pameran dan penjualan karya seni visual oleh tiga artis muda spektrum autism yang berbakat.

Usaha-Usaha Kelestarian

KEMPEN

Katakan Tidak kepada Plastik!

- Menggalakkan penggunaan sifar plastik guna sekali dan penyedut minuman di seluruh bangunan
- #SayNOtoPlasticsStraws #StrawlessInSC
- Menggalakkan penggunaan bekas persendirian bagi makanan dan minuman yang dibawa pulang

KEMPEN

Mengurangkan Jejak Karbon

- Mengambil bahagian dalam 'Program Ganjaran Go Green' HP® Malaysia dengan memulangkan dan mengitar semula lebih 435 kartrij toner yang sudah digunakan.
- Kod QR untuk memuat turun versi digital Laporan Tahunan SC dan AOB 2017
- Melaksanakan langganan digital di Perpustakaan SC
- Mengurangkan percetakan #BeGreenLeaveItOnScreen

KEMPEN

Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik (EV)

- Menyediakan ruang pengecas EV untuk penggunaan kenderaan elektrik

KEMPEN

Penjimatan Elektrik

- Penggunaan optimum peralatan elektrik yang tinggi penggunaan tenaga
- Kempen Mingguan '*Earth Hour*' SC – menutup lampu setiap hari Jumaat pada waktu makan tengah hari

KEMPEN

Bangunan Bebas Rokok

- Menguatkuasakan peraturan larangan merokok dan kawasan khas untuk merokok di luar bangunan

KEMPEN

Usaha Kitar Semula

- Meningkatkan kegunaan tong kitar semula

heart
A Corporate Social Responsibility Initiative by the SC

Teras SC HEART

Kemanusiaan — **H**
Program pengumpulan dana melalui RELIEF (Relief Efforts for LIfE by SC StafF)

Alam Sekitar — **E**
Menggalakkan budaya kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar

Seni & Budaya — **A**
Memelihara warisan seni & budaya dan memanfaatkan kepelbagaian

Mendekati Masyarakat — **R**
Memperkasa masyarakat dan menggalakkan keusahawanan

Didik & Kongsi — **T**
Berkongsi Pengetahuan Satu Keprihatinan

Di samping program SC HEART, Larian ScamBuster InvestSmart® SC kembali pada tahun kedua untuk meningkatkan kesedaran mengenai skim penipuan dan pelaburan haram. Larian sejauh 6km dan 4km tersebut telah menarik penyertaan 2,558 orang. Sejumlah RM104,240 berjaya dikumpul, yang mana dari jumlah tersebut, sebanyak RM18,580 merupakan sumbangan daripada kakitangan SC.

Kutipan tersebut disalurkan kepada organisasi bukan kerajaan, SUKA Society, bagi menyokong usaha mereka dalam memberi pendidikan kepada anak-anak Orang Asli melalui penajaan sebuah prasekolah selama tiga tahun, percetakan sukatan pelajaran prasekolah untuk enam buah sekolah selama setahun dan latihan kepada para guru masyarakat Orang Asli.

Berbakti kepada masyarakat

Pasukan BijakLabur® di prasekolah kendalian SUKA Society membawa kegembiraan dan bergambar berkumpulan

Kanak-kanak SUKA Society ketika lawatan pasukan InvestSmart®

Perbincangan panel mengenai penerimaan Autisme

Pameran karya seni oleh tiga artis muda berbakat menarik perhatian dan minat

Pembabitan Bersama Warga Kerja Kami

Kitar Semula @ SC

Sejumlah RM2,320 dikumpulkan daripada usaha kitar semula. Hasil tersebut telah diagihkan kepada 29 pekerja pembersihan dan tukang kebun sebagai penghargaan atas usaha mereka memastikan barang yang dikitar semula diasingkan sebelum diangkut keluar.

Hari Kelestarian SC 2018

Perlindungan alam sekitar di tempat kerja dan rumah. Aktiviti termasuk bengkel pengkomposan, penayangan filem alam sekitar dan pertandingan foto.

Siri Kepimpinan Merdeka SC

Ahli Astrofizik pertama Malaysia, Profesor Datuk Dr Mazlan Othman membicarakan topik 'Menjadi Spesies Antara Planet'; ceramah yang memberi inspirasi mengenai kepimpinan dan pemikiran ke hadapan.

Minggu Kesihatan & Keselamatan

Menggalakkan dan mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan kakitangan SC serta kesedaran tentang pentingnya pertahanan diri, keselamatan diri dan jalan raya. Aktiviti termasuk pemeriksaan kesihatan, ceramah dan 'Cabaran Jom Naik Tangga'.

Hari Pengetahuan 2018

Kesedaran berkenaan pentingnya perkongsian dan pengekalan pengetahuan serta pembelajaran berterusan melalui ceramah ekonomi dan Fintech, pameran oleh syarikat peringkat permulaan Fintech, peraduan dan jualan buku.

CENDANA @ SC HEART

Sebagai sebahagian daripada aktiviti pengaktifan seninya untuk mendedahkan rakyat Malaysia kepada seni tempatan, Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan Malaysia (CENDANA) menganjurkan bengkel seni percuma oleh artis tempatan di SC.

BAHAGIAN 4
TINJAUAN DAN PROSPEK PASARAN MODAL

RANGKUMAN

Pertumbuhan global menjadi lebih perlahan pada 2018, dengan prestasi tidak seragam di seluruh ekonomi utama. Tahun berkenaan bermula pada kedudukan positif sebelum menyaksikan timbulnya risiko menurun utama kepada pertumbuhan, terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketegangan perdagangan dan pengetatan kewangan global. Pasaran modal global mengakhiri tahun 2018 dengan tahap tekanan dan ketidaktentuan pasaran kewangan global yang lebih tinggi. Walaupun persekitaran global terus mencabar, pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan berbanding prestasi pasaran global dan serantau serta terus memainkan peranan penting dalam membiayai ekonomi domestik.

Pertumbuhan ekonomi global dijangka berada pada kadar yang lebih sederhana pada 2019, seiring dengan pertumbuhan yang memperlahan di seluruh ekonomi utama termasuk AS dan China. Pasaran modal global akan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian yang melibatkan perkembangan utama, termasuk kadar penormalan dasar monetari ekonomi maju, prospek meningkatnya ketegangan perdagangan dan risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan. Berlatarbelakangkan persekitaran global yang lebih mencabar dan tidak menentu, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada kadar pertumbuhan yang stabil, disokong oleh daya tahan berterusan dalam aktiviti sektor swasta domestik. Prestasi pasaran modal domestik akan terus dipengaruhi oleh perkembangan luaran dan peningkatan umum dalam turun naik pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, pasaran domestik akan terus stabil disokong oleh asas makroekonomi Malaysia yang kukuh, kecairan domestik yang tinggi, dan infrastruktur pasaran modal yang maju.

PERKEMBANGAN GLOBAL PADA 2018

Pertumbuhan global menyederhana pada 2018, di mana kebanyakan pasaran utama menyaksikan prestasi yang tidak seragam sepanjang tahun. Ia bermula pada kedudukan positif dengan penerusan tahap turun naik pasaran kewangan yang rendah dari tahun sebelumnya, disokong oleh jangkaan pertumbuhan global yang lebih tinggi selepas pecutan pertumbuhan serentak pada 2017. Seterusnya, pertumbuhan ekonomi beransur-ansur menjadi lebih lemah daripada yang dijangkakan ketika timbulnya risiko menurun utama kepada pertumbuhan, terutamanya peningkatan ketegangan perdagangan yang berterusan dan pengetatan keadaan kewangan global. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menurunkan ramalan pertumbuhan global pada tahun berkenaan (Carta 1).

Ekonomi AS pada 2018 didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang teguh, di samping peningkatan

Carta 1

Prospek ekonomi global disemak semula pada 2018 disebabkan oleh risiko penurunan tetapi ekonomi ASEAN terus menyerlah sebagai pusat pertumbuhan global



Sumber: IMF World Economic Outlook (WEO)

perbelanjaan modal swasta yang berterusan disebabkan oleh rangsangan fiskal yang besar yang diperkenalkan pada akhir 2017. Di samping eksport lemah dan keadaan cuaca yang kurang baik, pertumbuhan di Eropah dikekang oleh peningkatan risiko politik. Sementara itu, pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebenar China memperlahan seperti yang dijangkakan, mencerminkan momentum pelaburan yang lemah apabila kerajaan terus mengetatkan peraturan terhadap sektor hartanah dan bukan bank. Walau bagaimanapun, ekonomi China kekal berdaya tahan disebabkan oleh tindak balas dasar proaktif kerajaan untuk mengimbangi kesukaran yang timbul daripada permintaan luaran yang mencabar.

Di rantau ini, ekonomi Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) terus mengalami pertumbuhan kukuh tetapi pada tahap yang lebih sederhana, disokong oleh permintaan domestik yang mantap yang membantu mengimbangi persekitaran luaran yang lebih mencabar.

Pertumbuhan KDNK sebenar kekal hampir atau melebihi potensi bagi rantau ini, disebabkan oleh keperluan infrastruktur yang meningkat membantu mengekalkan momentum pelaburan, dan profil demografi yang menggalakkan menyokong aktiviti penggunaan swasta.

Dasar monetari global diperketatkan pada 2018 disebabkan oleh kenaikan kadar yang berterusan oleh Rizab Persekutuan AS (AS Fed), manakala bank pusat utama lain seperti Bank Pusat Eropah (ECB) dan Bank of Japan (BOJ) menyelaraskan dasar mereka dengan berhati-hati, memandangkan tekanan inflasi yang berkurangan dan pertumbuhan ekonomi lemah yang berterusan. AS Fed menaikkan kadar tanda aras dana persekutuan sebanyak 100 mata asas (bps) kumulatif kepada 2.25% hingga 2.50% dalam empat langkah berasingan dalam keadaan pasaran buruh yang kukuh dan inflasi yang stabil. ECB yang mengekalkan kadar pembiayaan semula utama pada 0%, berjanji untuk mengekalkan kadar pada paras semasa

sekurang-kurangnya sehingga musim panas 2019, dan menghentikan program pembelian aset pada Disember 2018. Sementara itu, BOJ melaraskan dasar kawalan keluk hasil pada Julai 2018 dengan membenarkan tahap sisihan yang lebih luas bagi hasil penanda aras 10 tahun sekitar sasaran tidak berubah kira-kira 0%.

Beberapa bank pusat ekonomi pesat membangun (EME) juga telah menaikkan kadar dasar untuk mengehadkan tekanan mata wang dan pasaran kewangan. The People's Bank of China (PBOC), sebaliknya, mengekalkan tanda aras kadar pinjaman setahun, tetapi mengurangkan nisbah keperluan rizabnya sebanyak empat kali untuk mengelakkan nyahpecutan pertumbuhan yang mendadak.

Keadaan dalam pasaran kewangan global semakin merosot sepanjang 2018 berbanding 2017 (Carta 2).

Tekanan dalam pasaran kewangan global semakin meningkat sejak Februari 2018, dengan keadaan tekanan kewangan semakin mengetat menjelang akhir 2018 bagi ekonomi maju (AE). Sebaliknya, EME menghadapi tekanan pasaran kewangan yang ketara sejak Jun 2018, didorong oleh peralihan kecairan global dari ekonomi-ekonomi yang mempunyai asas makroekonomi yang lebih lemah dan keperluan pembiayaan yang besar. Secara keseluruhannya, keadaan pasaran kewangan global pada 2018 dipengaruhi oleh tiga perkembangan utama yang saling berkait, iaitu perang perdagangan AS-China yang semakin meruncing, tekanan terhadap EME yang timbul daripada dolar AS yang lebih kukuh, dan peningkatan umum dalam turun naik pasaran kewangan terutamanya menjelang akhir tahun tersebut.

Carta 2

Keadaan pasaran kewangan global semakin merosot pada 2018 berbanding 2017

Indeks Tekanan Kewangan Global Pejabat Penyelidikan Kewangan AS (OFR FSI)



Nota:
OFR FSI merupakan rangkuman harian berasaskan pasaran mengenai tekanan dalam pasaran kewangan global. Ia terdiri daripada 33 pemboleh ubah pasaran kewangan, seperti spread hasil, langkah penilaian, dan kadar faedah. OFR FSI adalah positif apabila tahap tekanan melebihi purata, dan negatif apabila tahap tekanan di bawah purata.

Sumber: Pejabat Penyelidikan Kewangan, Jabatan Perbendaharaan AS

Ketegangan perdagangan global yang semakin meningkat telah menimbulkan perubahan risiko yang menyebabkan turun naik dalam pasaran kewangan global. Ketegangan tersebut bermula selepas AS mengenakan tarif import ke atas keluli dan aluminium pada Mac, lanjutan daripada tarif terdahulu ke atas mesin basuh dan panel solar yang dikenakan pada Januari. Selepas itu, ketegangan meruncing apabila AS mengalih tumpuannya kepada China bermula pada suku tahun kedua dan seterusnya mengakibatkan satu siri tarif dan tindak balas pengenaan tarif oleh kedua-dua negara. Ini memberi kesan buruk terhadap sentimen pelabur (Carta 3), terutamanya untuk EME yang lebih bergantung kepada perdagangan.

Di samping itu, keadaan kewangan juga mengetat di EME berbanding di AE pada 2018, berikutan peralihan kecairan global yang timbul daripada penormalan dasar monetari AS dan seterusnya menyebabkan peningkatan nilai dolar AS. Perbezaan kadar pertumbuhan dan kadar faedah yang lebih

Carta 3

Perang perdagangan memberi kesan negatif terhadap sentimen pelabur, yang membawa kepada peningkatan ketara dalam turun naik harga

Pulangan harian purata pasaran ekuiti terpilih pada hari berita negatif[1] berbanding pada hari biasa



Prestasi pasaran ekuiti utama terpilih[2]



Nota:

[1] Hari berita dagangan negatif: 1 Mac 2018 (AS mengumumkan pelan untuk mengenakan tarif keluli dan aluminium); 22-23 Mac 2018 (AS mengumumkan US$60 bilion tarif ke atas import dari China menurut Seksyen 301 penyiasatan USTR, dan mencetuskan tindak balas berikutnya dari China); 19 Jun 2018 (AS mengumumkan tarif tambahan sebanyak US$200 bilion keatas import dari China); 25 Jun 2018 (Harley-Davidson mengumumkan untuk memindahkan pengeluarannya di luar negara bagi mengimbangi tarif EU); 6 Julai 2018 (AS dan China mengenakan tarif sebanyak US$34 bilion ke atas import masing-masing); 10 Julai 2018 (AS mengumumkan tarif tambahan US$200 bilion ke atas China); 20 Julai 2018 (AS mengancam untuk mengenakan tarif ke atas semua import dari China); 23 Ogos 2018 (AS dan China mengenakan lagi tarif ke atas import masing-masing sebanyak US$16 bilion); 17 September 2018 (AS memuktamadkan senarai tarif sebanyak US$200 bilion yang tertakluk kepada kadar 10% sebelum kenaikan kepada 24% pada 1 Januari 2019); 24 September 2018 (AS dikenakan tarif ke atas import sebanyak US$200 bilion dari China, dan China membalas dengan tarif sebanyak US$60 bilion ke atas import AS); 6-7 Disember 2018 (CFO Huawei ditangkap kerana didakwa melanggar sekatan AS ke atas Iran).

[2] Peristiwa utama yang mempengaruhi prestasi pasaran ekuiti, sebagaimana yang ditunjukkan oleh garis-garis menegak merah: 22-23 Mac 2018 (AS mengumumkan tarif sebanyak US$60 bilion ke atas import dari China menurut siasatan Seksyen 301 USTR, dan mencetuskan tindak balas seterusnya daripada China); 19 Jun 2018 (AS mengumumkan tarif tambahan sebanyak US$200 bilion ke atas import dari China); dan 17 September 2018 (AS memuktamadkan senarai tarif sebanyak US$200 bilion yang tertakluk kepada kadar 10%, akan dinaikkan kepada 24% pada 1 Januari 2019).

Sumber: Bloomberg, pengiraan SC

meluas antara AS dan ekonomi utama yang lain juga menyumbang kepada pengukuhan dolar AS, terutamanya pada pertengahan tahun, yang memberi tekanan ke atas aset-aset EME. Spread bon berdaulat EME juga berkembang sejajar dengan dinamik kadar pertukaran mata wang. Walau bagaimanapun, tekanan tidak sekata di seluruh EME mencerminkan keadaan tekanan berbeza yang kebanyakannya berkait dengan asas ekonomi dan rangka kerja dasar. Pasaran pesat membangun di Asia, khususnya, terus mempamerkan prestasi pasaran kewangan yang berdaya tahan, disebabkan oleh asas makroekonomi yang kukuh di rantau ini dan kurangnya pergantungan kepada pembiayaan luaran (Carta 4).

Selepas tempoh turun naik yang rendah yang berpanjangan pada tahun sebelumnya, 2018 menyaksikan semula turun naik pasaran kewangan global (Carta 5), dengan peningkatan yang menyeluruh dalam semua kelas aset, terutamanya pada akhir tahun berkenaan. Harga ekuiti yang kukuh pada permulaan tahun bertahan hanya sementara disebabkan pengumuman data pasaran buruh AS yang lebih tinggi daripada yang dijangka, membawa kepada peralihan menaik dalam jangkaan kadar faedah AS. Kenaikan hasil Perbendaharaan AS (UST) melonjak pada akhir Januari, sebelum pembetulan pasaran ekuiti AS. Ini kemudiannya menular ke pasaran utama yang lain. Pembetulan pasaran berlaku semula pada Oktober, dicetuskan oleh ketidakmampanan penilaian tinggi ekuiti AS, berlatarbelakangkan prospek makroekonomi

Carta 4

EME menghadapi tekanan yang meningkat dengan pengukuhan dolar AS, tetapi kesannya tidak secara am dan dibezakan berdasarkan asas-asas makroekonomi



Nota:
[1] Indeks Bon Kerajaan JP Morgan – Spread 10 tahun berbanding Perbendaharaan AS Pasaran Pesat Membangun (GBI-EM)

Sumber: Thomson Reuters Datastream, Bloomberg, IMF, pengiraan SC

Carta 5

2018 menandakan kembalinya turun naik pasaran kewangan global khususnya pada penghujung tahun berkenaan

Penunjuk turun naik pasaran ekuiti utama (VIX, VSTOXX, VXEEM)



Penunjuk turun naik pasaran bon AS dan harga minyak mentah Brent (Indeks MOVE dan Turun Naik Tersirat 3M Brent)



Sumber: Bloomberg

global yang mencabar. Trend tersebut menjadi bertambah teruk pada akhir tahun berkenaan, menghapuskan keuntungan pada 2018, kerana penurunan mendadak harga minyak pada November serta penyusutan keluk hasil UST 5/3 pada awal Disember, yang secara kolektif menyumbang kepada penyebaran sentimen pelepasan risiko dalam semua pasaran.

Secara keseluruhannya, pasaran modal global berakhir dengan sangat lemah pada 2018 (Carta 6), dengan tahap tekanan dan turun naik pasaran kewangan global yang lebih tinggi. Dalam pasaran ekuiti, MSCI World mengakhiri tahun -10.4% lebih rendah kepada 1,883.93 mata (2017: 20.1% kepada 2,103.45 mata), mencatatkan prestasi tahunan terburuk semenjak Krisis Kewangan Global (GFC) pada 2008. Begitu juga MSCI Pasaran Pesat Membangun (EM) yang menurun pada kadar dua angka iaitu -16.6% kepada 965.67 mata (2017: 34.3% kepada 1,158.45 mata), dan merosot sebanyak -24.1% daripada kemuncaknya iaitu 1,273.07 mata pada 26 Januari 2018. Sementara itu, pasaran bon global juga berakhir dengan lebih lemah, memandangkan kadar faedah global yang lebih tinggi mendorong kepada peningkatan hasil bon, dengan tekanan meningkat dalam kalangan bon berdaulat mata wang tempatan EMEs. Walau bagaimanapun, pengelakan risiko yang lebih kuat terutamanya pada hujung tahun tersebut telah mengekalkan hasil jangka panjang yang merata serta membalikkan keluk hasil, seperti yang dialami dalam tempoh jangka sederhana UST pada awal Disember 2018.

Carta 6

Pasaran modal global berakhir lebih lemah pada 2018, terutamanya bagi ekuiti



Sumber: Bloomberg, Thomson Reuters Datastream

PERKEMBANGAN PASARAN MODAL MALAYSIA PADA 2018

Ekonomi Malaysia berkembang dengan stabil pada 2018, dipacu oleh aktiviti sektor swasta yang kekal bertahan dalam persekitaran global yang mencabar. Di sebalik senario ini, pasaran modal Malaysia terus memainkan peranan penting dalam membiayai ekonomi domestik. Jumlah keseluruhan pasaran modal adalah sebanyak RM3.1 trilion pada 2018, mengekalkan paras melebihi RM3 trilion (Carta 7), dengan sekuriti hutang belum tebus meningkat kepada RM1.4 trilion, manakala permodalan pasaran ekuiti menguncup kepada RM1.7 trilion. Secara keseluruhan, aliran keluar portfolio bukan pemastautin berjumlah -RM33.6 bilion pada 2018 (2017: aliran masuk sebanyak +RM2.8 bilion) adalah seiring dengan trend serantau, walaupun pada tahap yang lebih rendah. Sebanyak 65% daripada aliran keluar bersih adalah daripada pasaran bon sebanyak -RM21.9 bilion, manakala bakinya -RM11.7 bilion adalah daripada pasaran ekuiti.

Memandangkan persekitaran global yang mencabar dan pembaharuan dasar domestik yang sedang dilaksanakan, pasaran modal Malaysia menyaksikan tahap pengumpulan dana yang lebih sederhana sepanjang tahun, dengan jumlah pengumpulan dana sebanyak RM114.6 bilion pada 2018 (Carta 7). Sebanyak RM105.4 bilion dikumpulkan dalam pasaran bon korporat dan sukuk, manakala RM9.2 bilion melalui pasaran ekuiti. Jumlah terbitan bon dan sukuk melebihi purata lima tahun sebanyak RM97.7 bilion, dengan terbitan baharu kebanyakannya dalam sektor utiliti dan perkhidmatan kewangan. Sukuk merangkumi 68.9% daripada jumlah terbitan pada 2018. Sementara itu, daripada jumlah dana yang dikumpul dalam pasaran ekuiti, RM0.7 bilion adalah melalui 21 penyenaraian ekuiti baharu dengan tawaran awam awal (IPO)[1] dalam pasaran utama, dan RM8.5 bilion

[1] Sejumlah 22 IPO telah disenaraikan pada 2018, dengan satu IPO dalam bentuk 'cadangan penyenaraian melalui pengenalan keseluruhan modal saham yang diterbitkan' dalam pasaran LEAP, tanpa penjanaan dana.

Carta 7

Pasaran modal Malaysia terus memainkan peranan penting dalam pembiayaan ekonomi domestik





Sumber: SC, BNM, Bursa Malaysia

melalui pengumpulan dana sekunder. Pada 2018, dua syarikat telah disenaraikan di Pasaran Utama, sembilan syarikat di pasaran ACE dan selebihnya di Pasaran LEAP.

Pasaran bon Malaysia meningkat 8.8% daripada RM1.3 trilion pada 2017 kepada RM1.4 trilion pada akhir Disember 2018, dengan Malaysia kekal sebagai pasaran bon mata wang tempatan ketiga terbesar sebagai peratusan KDNK di Asia pada 2018, selepas Jepun dan Korea Selatan. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan yang berterusan, keadaan kewangan yang lebih ketat di peringkat global disebabkan oleh penormalan dasar monetari oleh bank-bank pusat utama, serta sentimen pelepasan risiko umum terhadap pasaran pesat membangun yang berpunca daripada kegusaran yang menular, telah menyebabkan turun naik dalam pasaran bon sepanjang 2018.

Pada tahun tersebut, hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) mengalami peningkatan tekanan untuk semua tempoh matang (Carta 8). Walau bagaimanapun, pada bulan Jun, hasil bon menurun di tengah-tengah prospek inflasi yang lemah dan apabila tumpuan kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan fiskalnya berjaya meningkatkan keyakinan pasaran. Pengurangan hasil bon dialami oleh semua tempoh matang pada Julai apabila jangkaan inflasi yang lebih rendah dan tafsiran pasaran terhadap indikasi yang melegakan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) ketika mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada bulan tersebut menyokong permintaan. Hasil bon kekal stabil selepas itu tetapi dengan prestasi yang berbeza-beza bagi tempoh matang jangka panjang dan pendek. Hasil bagi tempoh matang yang lebih pendek menunjukkan trend meningkat disebabkan kebimbangan terhadap ketegangan perdagangan

Carta 8

Spread MGS menguncup pada 2018



Sumber: Bloomberg

dan tekanan yang dihadapi oleh EME. Tempoh matang jangka panjang pula menunjukkan trend menurun atas sokongan asas makroekonomi yang teguh.

Tekanan yang meningkat ke atas hasil bon berdaulat tidak terhad kepada Malaysia, apabila hasil bon ASEAN yang lain turut mengakhiri 2018 dengan lebih tinggi selepas turun naik dengan ketara sepanjang tahun. Spread antara UST 10 tahun dan MGS 10 tahun bagaimanapun terus mengecil, disokong oleh asas ekonomi Malaysia dan permintaan yang kukuh daripada pelabur institusi tempatan. Spread UST/MGS 10 tahun mengecil kepada 139 bps pada akhir 2018 (Carta 9). Secara keseluruhan, meskipun berlaku kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada Januari 2018, hasil bon berdaulat Malaysia mencatatkan kenaikan yang agak kecil berbanding negara-negara lain di rantau ini.

Pegangan asing dalam bon domestik mula mencatatkan penurunan pada separuh pertama tahun tersebut (Carta 9), sejajar dengan peralihan kecairan global yang keluar dari EME. Walau bagaimanapun, aliran keluar asing sebahagian besarnya diserap oleh institusi tempatan, disokong oleh kecairan domestik yang tinggi. Pemilikan asing bon domestik berjumlah RM184.8 bilion mewakili 13.1% daripada jumlah bon belum tebus pada 2018. Pegangan asing dalam MGS menyumbang 38.4% daripada jumlah MGS belum tebus, mencerminkan prospek positif jangka panjang pelabur terhadap Malaysia. Sementara itu, pemilikan asing dalam bon korporat tidak banyak berubah meskipun berlaku aliran keluar. Bon korporat milik asing kekal tertumpu kepada kertas berpenarafan tinggi untuk tempoh matang jangka sederhana hingga jangka panjang.

Carta 9

Sentimen terhadap MGS kekal positif, disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh

Spread bon berdaulat 10 tahun di negara ASEAN terpilih berbanding UST 10 tahun



Aliran bon ringgit bukan pemastautin terkumpul 2018



Sumber: Bloomberg, BNM

Permodalan pasaran ekuiti Malaysia menguncup sebanyak 10.8% kepada RM1.7 trilion pada 2018 daripada RM1.9 trilion pada 2017, dalam perkembangan luaran yang mencabar. Pada awal tahun, pasaran saham domestik bermula pada kedudukan yang lebih kukuh, mencerminkan prestasi pasaran ekuiti global. Walau bagaimanapun, ianya ditutup lebih rendah menjelang akhir tahun disebabkan peningkatan halangan luar daripada ketegangan perdagangan yang semakin meruncing antara AS dan China, ketidakpastian mengenai pengetatan dasar monetari AS, kegusaran terhadap penularan dari EME, dan turun naik harga minyak.

Setelah setahun turun naik sentimen didorong oleh peristiwa tertentu, FBMKLCI terus kekal berdaya tahan berbanding prestasi pasaran global dan serantau, dengan mencatat kemerosotan sebanyak 5.9% kepada 1,690.58 pada akhir Disember 2018. FBMKLCI dipengaruhi oleh sektor pembinaan, teknologi dan hartanah pada 2018. Pendapatan korporat yang lemah juga merupakan titik tekanan bagi FBMKLCI bagi tahun berkenaan. Indeks Pasaran Permodalan Kecil dan Pasaran ACE masing-masing mengakhiri tahun 2018 pada tahap yang lebih rendah sebanyak 33.7% dan 34.6%, terutamanya pada akhir tahun, disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung (Carta 10).

Persekitaran global yang mencabar juga mengakibatkan peralihan dalam kedudukan pelabur asing sepanjang tahun. Pelabur asing mencatatkan aliran keluar bersih pada akhir tahun berjumlah -RM11.7 bilion (Carta 10). Pelabur institusi tempatan merupakan pembeli bersih bagi tahun ini sebanyak RM7.7 bilion, manakala selebihnya merupakan pelabur runcit. Ini seterusnya mengurangkan kesan aliran keluar ekuiti asing. Tahap kecairan domestik yang tinggi dalam pasaran modal membolehkan pelarasan pasaran yang teratur bagi dana antara pelabur bukan pemastautin dan pelabur tempatan.

Carta 10

FBMKLCI berprestasi agak baik berbanding negara serantau

Prestasi pasaran ekuiti serantau terpilih pada 2018



Aliran dana terkumpul ke dalam pasaran ekuiti serantau pada 2018



Prestasi FBMKLCI, FBM Small Cap, dan FBM ACE



Belian dan jualan bersih terkumpul di Bursa Malaysia pada 2018



Sumber: SC, Bloomberg, Bursa Malaysia

Di rantau ini, FBMKLCI mempamerkan prestasi yang agak baik. Prestasi bursa tempatan adalah lebih baik berbanding STI Singapura, SET Thailand dan PCOMP Filipina, yang masing-masing menurun sebanyak 9.8%, 10.8% dan 12.8%, tetapi berada di belakang JCI Indonesia yang menyusut sebanyak 2.5% (Carta 10). Di samping itu, Malaysia mempunyai aliran keluar dana yang lebih terkawal berbanding dengan negara-negara ASEAN tersebut, seperti Indonesia dan Thailand yang masing-masing mencatatkan aliran keluar terkumpul bersih berjumlah -US$3.7 bilion dan - US$8.9 bilion (Carta 10).

Sementara itu, bagi industri pengurusan dana, jumlah aset bawah pengurusan (AUM) bagi 2018 adalah berjumlah RM743.6 bilion (2017: RM776.2 bilion). Industri unit amanah kekal sebagai sumber dana bawah pengurusan yang terbesar dengan nilai aset bersih (NAV) sebanyak RM426.2 bilion pada 2018 (2017: RM427 bilion). Secara keseluruhannya, 79.4% daripada AUM industri pengurusan dana dilaburkan di dalam negara, di mana 44.2% dilaburkan dalam ekuiti tempatan, diikuti oleh 28.5% dalam penempatan pasaran wang, dan 22.7% dalam pendapatan tetap. Berbanding 2017, pelaburan dalam ekuiti tempatan merosot dari segi nilai sebanyak RM36.2 bilion manakala penempatan pasaran wang domestik dan pendapatan tetap masing-masing meningkat sebanyak RM5 bilion dan RM7 bilion.

PERTUMBUHAN PASARAN MODAL MALAYSIA SEJAK 25 TAHUN YANG LALU: PENGGERAKAN SUMBER KEWANGAN UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI

Dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara, sistem kewangan memainkan peranan penting dalam menggerakkan sumber kewangan untuk aktiviti perniagaan dan pelaburan jangka panjang bagi pertumbuhan masa hadapan. Ini termasuk pasaran modal yang biasanya menjadi semakin penting apabila ekonomi bertambah maju.

Saiz pasaran modal Malaysia adalah sebanyak RM699.5 bilion ketika Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ditubuhkan pada 1993. Semenjak itu, ia telah meningkat sebanyak 4.4 kali dalam tempoh 25 tahun kepada RM3.1 trilion pada akhir tahun 2018 (Carta 11) – walaupun menghadapi kesan buruk daripada krisis kewangan 1997-98 dan 2007-08. Pasaran modal juga telah mengembangkan kapasiti pembiayaannya daripada hanya pembiayaan ekuiti kepada pembiayaan hutang. Pasaran bon meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR) 12.1% setahun sejak 1993 untuk menyumbang sebanyak 45.3% kepada pasaran modal Malaysia pada 2018 (1993: 11.6%). Pasaran bon ringgit adalah yang ketiga terbesar sebagai peratusan KDNK di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan, dan kedua terbesar dari segi saiz mutlak di ASEAN selepas Thailand.

Pertumbuhan pembiayaan berasaskan pasaran adalah sejajar dengan perubahan struktur dalam ekonomi Malaysia, terutamanya selepas krisis kewangan Asia 1997-98. Malaysia juga berjaya mempelbagaikan saluran pembiayaan berasaskan pasaran dengan membangunkan pasaran modal Islam (ICM), khususnya segmen sukuk. ICM Malaysia berkembang pada CAGR sebanyak 10.9% setahun daripada RM294 bilion pada 2000 kepada RM1.9 trilion pada akhir 2018. Sukuk merupakan penyumbang terbesar kepada pasaran bon domestik belum tebus pada 2018, menjadikan Malaysia pasaran sukuk terbesar di dunia.

Carta 11

Pasaran modal Malaysia berkembang sebanyak 4.4 kali sepanjang 25 tahun yang lalu, pada CAGR 6.1% setahun.



Sumber: SC, BNM

PERTUMBUHAN PASARAN MODAL MALAYSIA SEJAK 25 TAHUN YANG LALU: PENGGERAKAN SUMBER KEWANGAN UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI *(Sambungan)*

Pertumbuhan yang berterusan dan struktur ekonomi yang lebih pelbagai telah meningkatkan keperluan pendanaan bagi perniagaan domestik, dengan pasaran modal hutang berkembang menjadi satu alternatif penting untuk pembiayaan perniagaan, melengkapi kredit bank. Bon korporat merangkumi 45% daripada jumlah pembiayaan perniagaan di Malaysia pada akhir 2017, berbanding hanya 8.8% pada 1993.

Dana pencen, syarikat insurans dan pelabur institusi lain juga telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan tabungan dengan melabur dalam pasaran modal domestik. Ini telah membolehkan pasaran modal terus menyediakan pembiayaan jangka panjang – dengan teras yang lebih tertumpu kepada penerbitan bon korporat – bagi membiayai aktiviti peniagaan, dan pembangunan jangka panjang ekonomi negara, termasuk menguruskan keperluan pembangunan infrastruktur. Pasaran bon telah menyumbang lebih separuh daripada pelaburan infrastruktur sektor swasta sejak awal 1990-an. Semanjak bertahun-tahun, peningkatan pelaburan dicirikan oleh peningkatan sekular dalam pembentukan modal tetap kasar (GFCF) (Carta 12).

Carta 12

Pasaran modal Malaysia terus berkembang dari segi kepentingannya, menyediakan pembiayaan dan menggerakkan modal bagi menyokong perkembangan ekonomi

Pembiayaan perniagaan dikembangkan melalui sistem perbankan dan bon korporat



Trend GFCF [1,2] nominal dan jumlah dana yang dikumpulkan adalah sejajar



Nota:
[1] Purata bergerak 5 tahun menunjukkan hala tuju trend bagi setiap kategori.
[2] Jumlah GFCF merujuk kepda pelaburan swasta dan awam dalam aset tetap dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, pelombongan & kuari, pertanian, dan pembinaan. Ia merangkumi penambahbaikan tanah; loji, pembelian mesin dan peralatan; dan pembinaan jalan, jalan kereta api, dan bangunan.

Sumber: SC, BNM, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pertumbuhan pasaran modal Malaysia bukan hanya dari segi saiz, seperti yang disaksikan melalui pembangunan yang mantap dan komprehensif dari segi infrastruktur, institusi, kawal selia, dan produk sepanjang beberapa tahun. Kemajuan ini digambarkan secara jelas dalam indeks pembangunan kewangan IMF bagi Malaysia, yang membolehkan perbandingan konsisten sepanjang masa dan antara negara. Berdasarkan indeks IMF, perkembangan pasaran modal dapat dinilai melalui tiga dimensi utama - keluasan, akses dan kecekapan[2].

Pengukuran IMF tersebut menunjukkan bahawa pembangunan keseluruhan sektor kewangan Malaysia telah bertambah baik dengan ketara antara 1993 dan 2016, disokong oleh kemajuan dalam ketiga-tiga dimensi tersebut (Carta 13). Dari segi perbandingan di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mencapai prestasi keseluruhan yang membanggakan dan mendahului negara-negara di pasaran pesat membangun yang lain dan dalam beberapa aspek pula, mendahului negara-negara di pasaran maju (Carta 13).

Carta 13

Pembangunan pasaran modal[1] Malaysia telah menyumbang kepada peningkatan indeks keseluruhan pembangunan kewangan (FD)[2] negara



Nota:
[1] IMF menggunakan 'Pasaran Kewangan', yang merangkumi pasaran bon dan ekuiti, untuk melambangkan pasaran modal (CM). Bagi tujuan ketekalan, pasaran kewangan dirujuk sebagai CM dalam rencana ini.
[2] Indeks-indeks tersebut meringkaskan tahap pembangunan CM dari segi (a) keluasan (saiz dan kecairan pasaran), (b) akses (keupayaan individu untuk mengakses perkhidmatan kewangan), dan (c) kecekapan (penawaran khidmat kewangan pada kos yang rendah dan pendapatan yang mampan, dan tahap aktiviti pasaran modal), yang kesemuanya menyumbang kepada tahap keseluruhan FD sesebuah negara.

Sumber: Pangkalan data Indeks Pembangunan Kewangan IMF, 2017

[2] *Rethinking Financial Deepening: Stability and Growth in Emerging Markets, IMF Discussion Note, Mei 2015.*

PERTUMBUHAN PASARAN MODAL MALAYSIA SEJAK 25 TAHUN YANG LALU: PENGGERAKAN SUMBER KEWANGAN UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI *(Sambungan)*

Sepanjang 25 tahun yang lalu, SC telah melabur dan melaksanakan usaha untuk mewujudkan ekosistem yang memudah cara bagi pasaran modal berkembang dan menyediakan pembiayaan ekonomi yang produktif dan cekap. Antara lain, Strategi Pasaran Digital yang menyeluruh telah dilaksanakan pada 2016 untuk memudahcarakan penyelesaian berasaskan pasaran yang inovatif dan membangunkan ekosistem kewangan digital yang kondusif. Secara khususnya, bagi memastikan pasaran modal terus menyediakan pembiayaan bukan sahaja kepada perniagaan yang lebih besar, tetapi juga syarikat yang lebih kecil, kaedah pembiayaan alternatif yang berasaskan pasaran seperti pendanaan ekuiti ramai, dan pembiayaan antara rakan setara telah diperkenalkan. Ini merupakan bidang di mana manfaat penggunaan teknologi lebih baharu dapat dilihat dengan jelas, iaitu pengurangan kos untuk mendapatkan modal dan meningkatkan ketelusan bagi syarikat yang lebih kecil. Ini menjadikan syarikat ini lebih mudah diakses dan menarik kepada pelabur berpotensi.

Melangkah ke hadapan, ketika Malaysia terus menjalani pembaharuan struktur dalam peralihannya ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, SC akan terus menghadapi cabaran untuk memacu inisiatif baharu yang akan membantu memudah cara pengembangan pasaran modal dan meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi bidang pertumbuhan baharu. Ini diperlukan untuk ekonomi yang lebih moden dan pada masa yang sama, memastikan ia kekal mampan dan inklusif.

PROSPEK BAGI 2019

Pengembangan ekonomi global dijangka berterusan pada 2019, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan ekonomi utama akan memperlahan secara serentak. Walaupun ekonomi AS dijangka terus berkembang dengan sokongan perbelanjaan pengguna yang kukuh, momentum dijangka menjadi sederhana secara beransur-ansur disebabkan impak daripada rangsangan fiskal yang berkurangan. Di Eropah, pertumbuhan ekonomi dijangka menjadi sederhana kerana aktiviti ekonomi akan terus dikekang oleh ketidakpastian politik. Pertumbuhan di China dijangka akan lebih perlahan apabila pembuat dasar terus mensasarkan pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dan mampan. Berlatarbelakangkan permintaan global yang kian perlahan, harga komoditi utama dijangka terus lemah dan masih tidak menentu, didorong oleh perkembangan berkaitan penawaran serta risiko berkaitan dasar dan geopolitik.

Disebabkan kesalinghubungan yang ketara dengan ekonomi global, rantau ASEAN tidak kebal terhadap persekitaran global yang lemah dan risiko menurun yang lebih besar terhadap pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, rantau ini dijangka kekal sebagai pusat pertumbuhan global, disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh, serta profil demografi yang menggalakkan dan keperluan infrastruktur yang besar yang akan terus menyokong permintaan domestik. Penyepaduan ekonomi yang lebih meluas di rantau ini juga akan membolehkan ekonomi ASEAN memperoleh manfaat produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi untuk mengekalkan pertumbuhan dalam jangka masa lebih panjang.

Sementara itu, prospek meningkatnya perlindungan perdagangan akan kekal sebagai risiko menurun utama bukan sahaja kepada ekonomi global, tetapi juga kepada pasaran modal global pada 2019 dan seterusnya, terutamanya di EME. Walaupun kesannya sehingga kini masih terkawal,

tempoh pertikaian perdagangan AS-China yang berpanjangan boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi global dengan ketara. Dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana, perkembangan perdagangan negatif yang berterusan boleh menjejaskan sentimen pelabur, meningkatkan turun naik pasaran dan mengganggu rangkaian perdagangan global, sehingga mempengaruhi prestasi keseluruhan ekonomi. Dalam jangka masa yang lebih panjang, ketidakpastian perdagangan yang berterusan boleh menjejaskan aktiviti pelaburan sebenar dan membawa kepada potensi pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah kerana kapasiti produktif yang terhad. Walaupun sesetengah ekonomi Asia, termasuk Malaysia, memperoleh manfaat daripada penyusunan semula rantaian pengeluaran perdagangan global, semua ekonomi akan mengalami kerugian disebabkan oleh aktiviti perdagangan dan pelaburan global yang lemah.

Pasaran modal global juga akan ditentukan oleh peralihan berterusan dalam kecairan kewangan global, didorong terutamanya oleh penormalan dasar monetari pasaran maju. Walau bagaimanapun, peningkatan risiko menurun terhadap pertumbuhan global telah mendorong kebanyakan bank pusat utama, termasuk AS Fed, untuk mengumumkan bahawa kadar pengetatan masa hadapan mungkin akan dilaksanakan secara beransur-ansur dan bergantung kepada data. Trend mendatar keluk hasil bon global mungkin akan berterusan, disebabkan oleh pengelakan risiko global yang lebih tinggi.

Sebaliknya, prospek ekuiti global dijangka terus lemah, disebabkan oleh peregangan penilaian secara berterusan dalam pasaran utama tertentu dan prospek pertumbuhan perolehan yang semakin merosot. Sementara itu, jurang kredit antara EME dan ekonomi maju dijangka tetap terkawal, berlatarbelakangkan kemungkinan perubahan

Carta 14

Ekonomi Malaysia akan dipacu oleh pengembangan berterusan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, dan disokong oleh pemulihan dalam perbelanjaan pelaburan swasta



Sumber: DOSM, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Pengiraan SC

dalam aliran portfolio global yang memihak kepada aset EME akibat daripada polisi AS Fed yang kurang agresif. Walau bagaimanapun, minat pelabur terhadap aset EME mungkin kekal selektif dan memihak kepada ekonomi dengan asas yang kukuh.

Di peringkat domestik, di sebalik persekitaran global yang lebih mencabar dan tidak menentu, ekonomi Malaysia dijangka terus berada di landasan pertumbuhan yang stabil, disokong oleh aktiviti sektor swasta domestik yang kukuh (Carta 14). Pertumbuhan akan dipacu oleh aktiviti perkilangan yang mampan dan seterusnya disokong oleh pengembangan sektor perkhidmatan yang berdaya tahan, terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit. Dari segi permintaan, kadar upah yang stabil dan pertumbuhan dalam pengambilan pekerja akan terus memacu pengembangan penggunaan swasta. Projek baharu dan sedang dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan pula akan terus menyokong pertumbuhan pelaburan swasta. Usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi digital dan automasi juga akan menjadi pemangkin utama kepada aktiviti pelaburan pada masa akan datang.

Pasaran modal domestik akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi melalui pembiayaan bagi pengembangan perniagaan dan infrastruktur. Jumlah pengumpulan modal melalui terbitan utama dan sekunder dijangka terus kukuh terutamanya dalam pasaran bon.

Sementara itu, aktiviti dagangan di pasaran sekunder akan terus dipacu oleh perkembangan luaran, terutamanya pergerakan dalam aliran portfolio berikutan peralihan kecairan global dan peningkatan secara umum turun naik pasaran kewangan global.

Perkembangan yang dialami selepas GFC menunjukkan bahawa pergerakan trend pendasar dalam aliran portfolio bukan pemastautin, sebahagian besarnya ditentukan oleh hala tuju dasar monetari bank pusat utama, terutamanya AS Fed (Carta 15). Di luar pergerakan trend,

Carta 15

Dasar monetari AS merupakan faktor utama dalam trend pendasar aliran portfolio bukan pemastautin dalam pasaran modal Malaysia

Sumber: Bursa Malaysia, BNM, Pengiraan SC

episod turun naik pasaran kewangan pasca GFC boleh dikaitkan dengan peristiwa negatif tertentu seperti krisis hutang Eropah, lonjakan hasil pulangan AS Fed, kejutan penurunan nilai yuan China, kejatuhan harga minyak, pemilihan presiden AS, dan ketegangan perdagangan. Prospek bagi pasaran modal domestik pada 2019 akan terus dipengaruhi oleh perkembangan utama di peringkat global, terutamanya hala tuju dan rentak dasar monetari global dengan turun naik pasaran yang didorong oleh ketidakpastian berterusan terhadap risiko utama, khususnya yang berkaitan dengan ketegangan perdagangan berterusan dan kebimbangan terhadap pertumbuhan global.

Walau bagaimanapun, pasaran modal domestik akan terus berdaya tahan dan teratur, disokong oleh asas makroekonomi Malaysia yang kukuh, kecairan domestik yang tinggi dan pembangunan infrastruktur pasaran modal yang baik. Pembangunan berterusan pasaran modal domestik membolehkan ia terus memainkan peranan utama untuk menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Ini dilaksanakan melalui pembiayaan pengembangan perniagaan dan pelaburan infrastruktur ketika Malaysia melangkah menjadi negara berpendapatan tinggi dalam dekad yang akan datang.

BAHAGIAN 5
PENYATA, STATISTIK DAN AKTIVITI

- Ahli Lembaga Pengarah
- Pasukan Eksekutif
- Ahli Majlis Penasihat Syariah
- Struktur Organisasi
- Pernyataan Tadbir Urus
- Laporan Jawatankuasa Audit
- Penyata Kewangan
- Cadangan Korporat
- Pengurusan Pelaburan
- Pasaran Modal Islam
- Modal Teroka dan Ekuiti Swasta
- Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara
- Pemberian Kebenaran dan Pelesenan
- Penguatkuasaan
- Inisiatif Pemerkasaan Pelabur
- Aduan dan Pertanyaan
- Penerbitan
- a 2018 Sekilas Pandang
- Akronim dan Singkatan

AHLI LEMBAGA

JOHAN MAHMOOD MERICAN

TAN SRI DR NOORUL AINUR MOHD NUR

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

DATUK ZAINAL IZLAN ZAINAL ABIDIN

DATUK SYED ZAID ALBAR

DATUK FAZLUR RAHMAN EBRAHIM

TAN SRI DATO' HASMAH ABDULLAH

DATUK DR KHAW LAKE TEE

AHMAD FARIS RABIDIN

AHLI LEMBAGA

DATUK SYED ZAID ALBAR

Dilantik 1 November 2018

Datuk Syed Zaid Albar telah dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 1 November 2018. Sebelum ini beliau merupakan Rakan Urusan di Albar & Partners. Sebelum berkhidmat di SC, Datuk Syed Zaid telah melepaskan semua kepentingannya di Albar & Partners.

Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 38 tahun dalam amalan perundangan terutama dalam bidang undang-undang korporat, pasaran modal, perbankan konvensional dan kewangan Islam.

Datuk Syed Zaid telah berkhidmat dalam Jawatankuasa Semakan Undang-undang Islam Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Rayuan Bursa Malaysia Bhd. Beliau juga pernah menganggotai beberapa lembaga pengarah syarikat awam tersenarai di Malaysia dan sebagai Setiausaha Yayasan Kepimpinan Perdana dan Perdana Global Peace Foundation.

Beliau memperoleh ijazah sarjana muda Undang-undang dari UK. Beliau memperolehi kelayakan sebagai Barrister-at-Law daripada Lincoln's Inn, UK dan juga merupakan peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya.

Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif SC pada 5 April 2018.

Beliau menyertai SC pada Januari 2011 sebagai Pengarah Eksekutif, Pasaran Modal Islam dan dilantik sebagai Pengarah Urusan, Pembangunan dan Pasaran Islam pada November 2016. Beliau juga merupakan Pengerusi Capital Markets Malaysia, entiti yang ditubuhkan oleh SC untuk mempromosikan pasaran modal Malaysia.

Datuk Zainal Izlan mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau memulakan kerjayanya dengan Citibank sebelum menyertai MIDF Amanah Asset Management. Sebelum menyertai SC, Datuk Zainal Izlan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif i-VCAP Management, firma pengurusan dana Islam yang berpengkalan di Malaysia. Datuk Zainal Izlan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi (Perakaunan dan Kewangan) dari The Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat, dan juga memegang piagam Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA).

DATUK ZAINAL IZLAN ZAINAL ABIDIN

Dilantik 5 April 2018

DATUK FAZLUR RAHMAN EBRAHIM

Dilantik 1 Mei 2006

Datuk Fazlur Rahman Ebrahim ialah Penasihat Korporat Perbadanan Johor. Beliau menganggotai Lembaga Pelaburan Hartanah Bhd, Bank Simpanan Nasional, Permodalan Felcra Sdn Bhd, Agensi Pengurusan Kaunseling dan Pengurusan Hutang, Johawaki Holdings Sdn Bhd, DEMC Management Sdn Bhd dan Dana Amal Jariah.

Beliau juga merupakan ahli Majlis Syariah BNP Paribas Malaysia Bhd, Majlis Penasihat Perniagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jawatankuasa Audit Razak School of Government, Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Jawatankuasa Pelaburan Majlis Amanah Rakyat dan Majlis Penasihat Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Fazlur memegang ijazah sarjana muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, AS dan ijazah sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Bukan Eksekutif New Straits Times Press (Malaysia) sehingga Ogos 2016.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia dalam pelbagai jawatan kanan, termasuk Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara; Setiausaha Kedua, Kementerian Dalam Negeri; Pengarah (Analisis) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri; dan Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Keselamatan Negara.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Kaunselor di Kedutaan Malaysia di Indonesia dan Thailand dan pernah menjadi ahli Lembaga Penasihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Bersama Network of East Asia Thinktanks (NEAT) 2005-2006 dan Majlis Kerjasama Sekuriti Asia Pasifik (CSCAP) 2007-2009.

Beliau merupakan ahli Majlis Perundingan Mengenai Dasar Luar Negara Malaysia dan sebagai Pakar dan Tokoh dalam Forum Serantau ASEAN.

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

Dilantik 15 Mei 2010

AHLI LEMBAGA

TAN SRI DATO' HASMAH ABDULLAH

Dilantik 10 Mac 2011

Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah merupakan bekas Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan telah berkhidmat dengan agensi tersebut selama hampir 38 tahun. Selepas bersara, beliau menyertai PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd sebagai Penasihat Cukai dari 1 Julai 2011 hingga 30 September 2013. Beliau kini merupakan Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif UMW Holdings Bhd sejak 1 September 2013 dan Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd sejak 1 Oktober 2013.

Tan Sri Hasmah juga merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Penyelidikan Percukaian Malaysia, Dana Amal Jariah, Yayasan Allammiyyah dan Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia (sejak 7 Jun 2018), dan ahli Majlis Eksekutif Persatuan Orang Kurang Upaya Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan (SAMH). Tan Sri Hasmah menamatkan pengajiannya pada 1973 dengan ijazah sarjana muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya.

TAN SRI DR NOORUL AINUR MOHD NUR

Dilantik 5 April 2018

Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam sektor perkhidmatan awam di pelbagai kementerian, termasuk berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat.

Beliau juga pernah menyandang jawatan utama di Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Penerangan Malaysia, dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Di arena antarabangsa, beliau telah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan di Kumpulan Asia Tenggara Bank Dunia di Washington DC dari 2006 hingga 2008. Pada 2013, beliau dilantik sebagai Naib Presiden Majlis Antara Kerajaan bagi Pengurusan Program Transformasi Sosial Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) untuk rantau Asia Pasifik, jawatan yang dipegang hingga 2015.

Tan Sri Noorul juga merupakan wakil Malaysia pertama yang dipilih sebagai Presiden Suruhanjaya Sains, UNESCO Paris dari 2015 hingga 2017. Beliau memperoleh ijazah PhD dalam bidang Sains Politik dari Pusat Pengajian Siswazah, City University of New York, dan memegang ijazah sarjana Sains Sosial (MSocSci) Pentadbiran Pembangunan daripada Universiti Birmingham, UK.

JOHAN MAHMOOD MERICAN

Dilantik 17 Ogos 2018

Johan Mahmood Merican adalah Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara Kementerian Kewangan. Sebelum pelantikannya di Pejabat Belanjawan Negara pada 2018, Johan ialah Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan) di Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dari 2016.

Johan pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia sejak penubuhannya pada Januari 2011 hingga 2016. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Kementerian Kewangan dan seterusnya, dalam Unit Perancang Ekonomi (EPU). Sebelum meneruskan kerjayanya dalam perkhidmatan awam, Johan berkhidmat di sektor swasta selama sembilan tahun dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan di MRCB, Sime Darby dan PricewaterhouseCoopers.

Johan merupakan Akauntan Bertauliah terlatih dan ahli Institut Akauntan Bertauliah England & Wales sejak 1998. Beliau memperoleh ijazah dalam bidang Ekonomi dari University of Cambridge.

Datuk Dr Khaw Lake Tee merupakan bekas Naib Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sebelum bersara dari Universiti Malaya, Datuk Dr Khaw ialah profesor di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya di mana beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah pada 1982. Beliau menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor Pembangunan dari 2007 hingga 2010 dan Dekan Fakulti Undang-undang dari 2004 hingga 2007.

Datuk Dr Khaw menamatkan pengajiannya dengan memperoleh ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) daripada Universiti Malaya, PhD daripada London School of Economics dan ijazah sarjana Undang-Undang (LLM) daripada Monash University, Melbourne. Beliau telah dipanggil menyertai Majlis Peguam Malaysia sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya pada 1979.

DATUK DR KHAW LAKE TEE

Dilantik 17 Ogos 2018

AHMAD FARIS RABIDIN

Dilantik 4 November 2018

Ahmad Faris Rabidin berkhidmat sebagai perunding bebas dengan Bank Pembangunan Asia (ADB) dalam menyediakan bantuan teknikal kepada Otoritas Jasa Keuangan (OJK) Indonesia antara 2006 hingga 2018.

Beliau terlibat dalam pelbagai peranan strategik dalam inisiatif pembangunan pasaran bagi pasaran modal dan kewangan Indonesia. Beliau juga merupakan Penasihat Utama bagi Pelan Induk Pasaran Kewangan OJK dan telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pasaran Bon Indonesia. Sebelum itu, Faris merupakan Pengarah Wilayah, MainStream & Co Ltd, di mana beliau bertanggungjawab dalam penyelesaian Pengurusan Risiko Perusahaan, rangka kerja pasaran kewangan dan penubuhan Agensi Penetapan Harga Bon di Malaysia dan Indonesia. Faris juga merupakan ahli Jawatankuasa Siasatan 1MDB dan Sekretariat Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) hingga September 2018.

Faris memperoleh ijazah Matematik Aktuari dan Statistik daripada Universiti Heriot Watt, Edinburgh.

PASUKAN EKSEKUTIF

SALMAH BEE MOHD MYDIN
Pengarah Pengawasan Pengantara & Dana

CHIN WEI MIN
Pengarah Eksekutif Inovasi, Digital & Strategi

FOO LEE MEI
Ketua Pegawai Kawal Selia

DATUK ZAINAL IZLAN ZAINAL ABIDIN
Timbalan Ketua Eksekutif

DATUK SYED ZAID ALBAR
Pengerusi

EUGENE WONG WENG SOON
Pengarah Urusan Kewangan Korporat & Pelaburan

KAMARUDIN HASHIM
Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran & Korporat

NURULHUDA NUR'AINI MOHAMAD
Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan

TENGKU ZARINA TENGKU CHIK
Pengarah Sumber Korporat

AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

PROFESOR MADYA DR SYED MUSA SYED JAAFAR ALHABSHI

DATO' AHMAD TAJUDIN HAJI ABDUL RAHMAN

PROFESOR DR ASHRAF MD HASHIM

PROFESOR MADYA DR AZNAN HASAN
Timbalan Pengerusi

PROFESOR DR ENGKU RABIAH ADAWIAH ENGKU ALI

DR SHAMSIAH MOHAMAD

DATUK DR MOHD DAUD BAKAR
Pengerusi

PROFESOR DR ASMADI MOHAMED NAIM

PROFESOR MADYA DR MOHAMED FAIROOZ ABDUL KHIR

STRUKTUR ORGANISASI




TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF
Inovasi, Digital & Strategi
Inovasi & Strategi
Digital
Analisis
Teknologi
Pengawasan Pasaran & Korporat
Pemantauan Korporat
Pamantauan Pasaran
Pengawasan Institusi
Analisis Risiko
Pengawasan Pengantara & Dana
Pengawasan
Kumpulan Kewangan Utama
Pengantara
Keselamatan Siber
Kebenaran & Pelesenan
Penguatkuasaan
Penyiasatan
Pendakwaan & Penguatkuasaan Sivil
Perancangan & Pengurusan Penguatkuasaan
Sumber Korporat
Kewangan & Pemerolehan
Pengurusan Pengetahuan
Pengurusan Kemudahan & Perkhidmatan

PERNYATAAN TADBIR URUS

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Misi SC adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap dan telus dan memudah carakan pembangunan teratur bagi sebuah pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. Ia komited untuk memastikan pelabur dilindungi, pasaran yang adil dan teratur, serta memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang muncul daripada pasaran modal. Tanggungjawab, kuasa dan bidang kuasa SC ditakrif dengan jelas dan digariskan dalam undang-undang sekuriti, iaitu SCMA, *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA) dan *Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991* (SICDA).

MENGENAI SURUHANJAYA

Ahli-ahli lembaga

Lembaga bertanggungjawab atas keseluruhan tadbir urus Suruhanjaya. Menteri Kewangan melantik ahli-ahli Lembaga. Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Ketua Eksekutif dan 7 ahli lain termasuk individu-individu yang mewakili kerajaan dan sektor swasta. Pengerusi diamanahkan dengan pentadbiran harian SC sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 4B(1) SCMA.

Datuk Syed Zaid Albar mengambil alih jawatan Pengerusi pada 1 November 2018 selepas persaraan Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh pada 31 Oktober 2018. Satu profil ahli-ahli Lembaga dipaparkan dari muka surat 96 hingga 99 dan pembabitan mereka dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga dinyatakan dalam Jadual 2.

Pengerusi dilantik untuk tempoh 3 tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya. Ahli Lembaga lain pula dilantik untuk tempoh dua tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya.

Individu yang memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana syarikat awam tersenarai, Dewan Rakyat atau/dan Dewan Negara atau menjadi pegawai atau pengarah kepada sesuatu entiti yang dikawal selia oleh Suruhanjaya, tidak layak memegang jawatan sebagai ahli Lembaga. Seorang ahli Lembaga juga tidak layak memegang jawatan sekiranya beliau:

- disabitkan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang termasuk penipuan, ketakjujuran, rasuah atau keganasan;
- diisytihar muflis;
- tidak berupaya menjalankan tugasnya;
- gagal menghadiri tiga mesyuarat Lembaga secara berturut-turut tanpa sebab;
- berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan reputasi Suruhanjaya;
- gagal mendedahkan kepentingannya; atau

- terlibat dalam aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam melaksanakan tugas.

SCMA menghendaki seseorang ahli Lembaga menguruskan konflik kepentingan dengan mendedahkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya. Apabila penzahiran telah dibuat, beliau:

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya: dan

- tidak boleh diambil kira dalam pembentukan korum Lembaga atau jawatankuasanya, berkaitan dengan perkara tersebut.

Fungsi Suruhanjaya

Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- Menasihati Menteri tentang semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;

- Mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;

- Memastikan peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;

- Mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;

- Menggalakkan dan mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pengurusan dana, termasuk skim unit amanah dan skim persaraan swasta;

- Bertanggungjawab ke atas penyeliaan dan pemantauan aktiviti mana-mana syarikat pemegangan bursa, bursa saham, rumah penjelasan bursa derivatif, dan depositori pusat;

- Mengambil semua langkah munasabah untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal dengan memastikan perlindungan yang cukup untuk pelabur;

- Meningkatkan dan menggalakkan tatalaku yang betul dalam kalangan organisasi yang mengambil bahagian, peserta, rakan gabungan, peserta depositori serta semua individu yang berlesen atau berdaftar di bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat, yang mana berkenaan;

- Membasmi amalan tidak sah, tidak bermaruah dan tidak wajar dalam pasaran modal, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan pasaran modal;

- Mempertimbangkan dan membuat saranan bagi pembaharuan undang-undang sekuriti;

- Meningkatkan dan menggalakkan pembangunan pasaran modal di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berkaitan;

- Menggalakkan dan meningkatkan swakawalseliaan oleh persatuan profesional atau institusi pasaran dalam pasaran modal;

- Mengeluarkan lesen, mendaftar, membenarkan, meluluskan dan menyelia semua individu yang terbabit dalam aktiviti yang dikawal selia atau menyediakan perkhidmatan pasaran modal sebagaimana yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;

- Menggalakkan dan mengekalkan integriti semua individu berlesen, individu berdaftar, individu yang diluluskan dan peserta dalam pasaran modal;

- Mendaftarkan atau mengiktiraf semua juruaudit entiti kepentingan awam (PIE) atau dana berjadual dan menjalankan pengawasan ke atas mana-mana individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau dana berjadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal;

- Meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia, dan menggalakkan dan membangunkan rangka kerja pengawasan audit yang kukuh di Malaysia;

- Mengambil semua langkah munasabah untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada pasaran modal;

- Menggalakkan dan mengawal selia tadbir urus korporat dan piawaian perakaunan yang diluluskan bagi syarikat-syarikat tersenarai; dan

- Menetapkan dan meluluskan standard kelayakan profesional bagi pasaran modal.

Suruhanjaya juga mempunyai fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah undang-undang sekuriti.

Mesyuarat Lembaga

Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 11 kali pada 2018. Korum yang diperlukan ialah 5. Rekod kehadiran mesyuarat dinyatakan dalam Jadual 1.

Kerja-kerja Lembaga dalam mentadbir urus SC dimudahcarakan oleh pelbagai jawatankuasa lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 dalam SCMA, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

Jadual 1

Kehadiran dalam mesyuarat

Ahli Lembaga	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk Syed Zaid Albar[1]	1/1
Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh[2]	10/10
Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin[3]	2/2
Datuk Francis Tan Leh Kiah[4]	3/4
Datuk Fazlur Rahman Ebrahim[5]	10/11
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan[6]	10/11
Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah[7]	11/11
Dato' Dr Mohd Isa Hussain[8]	1/2
Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said[9]	4/5
Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin[10]	8/8
Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur[11]	6/8
Datuk Dr Khaw Lake Tee[12]	3/4
Johan Mahmood Merican[13]	2/4
Ahmad Faris Rabidin[14]	1/1

1 Dilantik menganggotai Lembaga sebagai Pengerusi Eksekutif SC pada 1 November 2018
2 Bersara daripada Lembaga pada 31 Oktober 2018
3 Menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Timbalan Ketua Eksekutif pada 31 Mac 2018
4 Bersara daripada Lembaga pada 17 Mei 2018
5 Bersara daripada Lembaga pada 31 Disember 2018
6 Bersara daripada Lembaga pada 31 Disember 2018
7 Bersara daripada Lembaga pada 31 Disember 2018
8 Bersara daripada Lembaga pada 10 Mac 2018
9 Meletak jawatan daripada Lembaga pada 26 Jun 2018
10 Dilantik menganggotai Lembaga sebagai Timbalan Ketua Eksekutif SC pada 5 April 2018
11 Dilantik menganggotai Lembaga pada 5 April 2018
12 Dilantik menganggotai Lembaga pada 17 Ogos 2018
13 Dilantik menganggotai Lembaga pada 17 Ogos 2018
14 Dilantik menganggotai Lembaga pada 4 November 2018

Jadual 2

Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa	Tanggungjawab Utama	Ahli-ahli
1. Jawatankuasa Audit	Menyemak keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC dan menyemak penyata kewangan tahunan	• Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah[7] (Pengerusi) • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim[5] • Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur[11] • Datuk Dr Khaw Lake Tee[12]
2. Jawatankuasa Terbitan	Menilai mana-mana cadangan penerbitan dan penyenaraian sekuriti sesebuah syarikat di pasaran utama; cadangan korporat yang melibatkan pemerolehan aset yang mengakibatkan perubahan besar dalam hala tuju atau dasar sesebuah syarikat tersenarai atau akan disenaraikan di pasaran utama; cadangan korporat yang melibatkan penerbitan sekuriti bagi penggabungan dua atau lebih syarikat yang tersenarai di pasaran utama; dan pendaftaran prospektus penyenaraian	• Datuk Syed Zaid Albar[1] (Pengerusi) • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh[2] • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin[10] • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin[3] • Datuk Francis Tan Leh Kiah[4] • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim[5] • Tan Sri Mohamed Jawahar[6] • Prof Dato' Dr Hassan Said[9]
3. Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman	Menyemak permohonan pengambilalihan dan percantuman yang bersifat khusus dan/atau kompleks dan perkara yang berkaitan dengan dasar negara.	• Datuk Syed Zaid Albar[1] (Pengerusi) • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh[2] • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin[10] • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin[3] • Datuk Francis Tan Leh Kiah[4] • Tan Sri Hasmah Abdullah[7] • Dato' Dr Mohd Isa Hussain[8] • Johan Mahmood Merican[13]
4. Jawatankuasa Skim Pelaburan Terurus	Meluluskan penubuhan skim tersenarai.	• Datuk Syed Zaid Albar[1] (Pengerusi) • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh[2] • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin[10] • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin[3] • Datuk Fazlur Rahman Ebrahim[5] • Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan[6] • Tan Sri Hasmah Abdullah[7]
5. Jawatankuasa Pelesenan	Menilai dan meluluskan (atau menolak) permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang baharu, permohonan wakil peniaga berlesen baharu, pengarah, pengurusan utama atau pegawai pematuhan yang dikemukakan bersama dengan permohonan CMSL baharu, permohonan yang berkaitan dengan penyedia skim persaraan swasta dan menimbangkan apa-apa cadangan dasar yang berkaitan dengan isu-isu pelesenan.	• Datuk Syed Zaid Albar[1] (Pengerusi) • Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh[2] • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin[10] • Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin[3] • Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan[6] • Tan Sri Hasmah Abdullah[7] • Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur[11]
6. Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran	Menilai dan merumus ganjaran bagi Pengerusi dan Timbalan Ketua Eksekutif dan membuat cadangan yang sesuai kepada Menteri Kewangan.	• Datuk Fazlur Rahman Ebrahim[5] (Pengerusi) • Datuk Francis Tan Leh Kiah[4] • Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan[6] • Prof Dato' Dr Hassan Said[9]

Majlis Penasihat Syariah

Majlis Penasihat Syariah (SAC) diberikan mandat untuk memastikan pelaksanaan pasaran modal Islam (ICM) mematuhi prinsip Syariah. Ia menasihati Suruhanjaya dalam hal ehwal perkembangan ICM dan berfungsi sebagai pusat rujukan bagi semua isu ICM.

Ahli-ahli SAC dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sembilan ahli SAC akan berkhidmat selama tiga tahun bermula dari 1 Julai 2017, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Ahli Majlis Penasihat Syariah

Bil.	Ahli SAC
1.	Datuk Dr Mohd Daud Bakar – Pengerusi
2.	Profesor Madya Dr Aznan Hasan – Timbalan Pengerusi
3.	Dato' Ahmad Tajudin Haji Abdul Rahman
4.	Profesor Dr Ashraf Md Hashim
5.	Profesor Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
6.	Profesor Dr Asmadi Mohamed Naim
7.	Profesor Madya Dr Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi
8.	Profesor Madya Dr Mohamed Fairooz Abdul Khir
9.	Dr Shamsiah Mohamad

Lembaga Pemantauan Audit

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsi pengawalseliaannya berkaitan pembangunan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan, menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit dan mengawal selia juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

AOB juga menjalankan pengawasan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, berkaitan dengan aktiviti pasaran modal. Ahli-ahli AOB dilantik oleh Lembaga (Jadual 4).

Jadual 4

Ahli Lembaga Pemantauan Audit

Bil.	Ahli AOB
1.	Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi Bukan Eksekutif)
2.	Alex Ooi Thiam Poh (Pegawai Eksekutif)
3.	Eugene Wong Weng Soon
4.	Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner
5.	Marzunisham Omar[1]
6.	Wong Chong Wah
7.	Dato' Darawati Hussain
8.	Hew Ee-Lu[2]

[1] Bersara pada 25 September 2018
[2] Dilantik pada 5 Oktober 2018

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Pengerusi, dengan bantuan Pasukan Eksekutif bertanggungjawab terhadap keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman di SC. Pendekatan pengurusan risiko dan kawalan dalaman di SC dilaksanakan melalui aturan tadbir urus yang kukuh menggabungkan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga, jawatankuasa pengurusan, proses tadbir urus dalaman dan jabatan dalam SC.

Satu struktur organisasi yang secara jelas mentakrif tanggungjawab, rangka kerja berkesan dan proses untuk mengenal pasti, memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko yang SC mungkin terdedah kepadanya serta mekanisme kawalan dalam yang bersesuaian telah diwujudkan. Set dasar dan

6 langkah Metodologi Pengurusan Risiko Organisasi SC

piawaian tersebut disemak secara berkala untuk memastikan risiko dan kawalan dalaman diuruskan dengan penuh tanggung jawab serta integriti, kesaksamaan, ketelusan dan kebertanggungjawapan.

Struktur tadbir urus risiko kami disokong oleh tiga komponen utama tadbir urus dalaman, iaitu pengurusan risiko, pematuhan dalaman dan audit dalaman. Ia memudahcarakan amalan tadbir urus, pengurusan risiko dan pematuhan yang berkesan melalui pelaksanaan pelbagai garis panduan dan piawaian.

Jawatankuasa Pemantauan Risiko Sistemik yang dianggotai oleh ahli-ahli Pasukan Eksekutif, bertanggungjawab untuk menyediakan cabaran, perbincangan dan hala tuju strategik yang diperlukan untuk isu-isu pengurusan risiko di SC. Bagi pihak Lembaga, Jawatankuasa Audit, menyemak kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC.

SC menghadapi pelbagai risiko operasi, yang mungkin mempunyai kesan terhadap kedudukan kewangannya atau menyebabkan gangguan dalam operasi. Sehubungan ini, sistem pemantauan risiko, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap disediakan melalui Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM). SC secara berterusan mempertingkakan pendekatannya terhadap pengurusan risiko untuk menggalakkan budaya risiko dalam kalangan kakitangan termasuk pengurusan dan penyebaran risiko.

SC juga mewujudkan kawalan dalaman yang kukuh bagi mengurus risiko yang timbul daripada operasi hariannya:

1. **Risiko Kakitangan** termasuk risiko integriti dan etika tatalaku kakitangan dan pihak berkepentingan. Pengurusan risiko ini dipandu melalui:

    - Kod Tatalaku yang telah disemak dan berkuatkuasa pada 1 Julai

2018, menetapkan jangkaan yang dikehendaki daripada kakitangan berhubung dengan tatalaku beretika dan standard tatalaku;

- Pernyataan Prinsip dan Standard SC memudah cara pembabitan yang cekap dan beretika antara SC dan pihak berkepentingan luarnya, termasuk pembekal, kontraktor, vendor dan perunding. SC juga menjangkakan pihak berkepentingannya dan semua peserta pasaran yang terlibat dengan SC untuk mengamalkan prinsip etika yang serupa.

- Saluran maklum balas untuk pihak berkepentingan menyuarakan kebimbangan mengenai kelakuan pekerja. Ini termasuk Prosedur Pemberian Maklumat Dalaman yang ditubuhkan sebagai saluran komunikasi yang selamat bagi individu untuk mendedahkan atau melaporkan kesalahan dalaman atau pelanggaran undang-undang yang disyaki dalam organisasi.

- Rangka Kerja Pengendalian Aduan Luaran Terhadap Kakitangan SC yang menetapkan proses untuk mengendalikan aduan oleh pihak luar terhadap mana-mana kakitangan SC berhubung dengan pelaksanaan fungsinya;

- Proses Pengisytiharan Konflik Kepentingan yang harus dipatuhi oleh ahli-ahli Lembaga dan kakitangan sekiranya menghadapi situasi berkonflik.

- *Garis Panduan Pengurusan Pematuhan* yang menyediakan pendekatan berstruktur dalam memastikan pematuhan undang-undang, peraturan dan piawaian tadbir urus dalaman yang memberi kesan kepada operasi harian SC.

2. **Risiko Data** termasuk mengurus kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data dalaman dan luaran. Pengurusan risiko ini dipandu melalui:

   - *Garis Panduan Pengurangan Kehilangan Data* bertindak sebagai garis panduan dan pusat rujukan kepada kakitangan dalam menangani rekod fizikal dan elektronik yang mengandungi maklumat sensitif. Garis Panduan ini memastikan maklumat sulit dilindungi sewajarnya daripada pendedahan yang tidak dibenarkan dan dilindungi daripada pindaan, rasuah, hilang atau disalah guna, mencegah penjejasan reputasi dan memberi kesan buruk kepada pihak berkepentingan kami.

   - Dasar Pengurusan Rekod diwujudkan untuk memberikan panduan yang jelas berhubung dengan standard dan prosedur yang perlu ada bagi memastikan SC boleh menggunakan rekod-rekod sebagai bukti dan/atau sebagai maklumat, dalam melaksanakan urusan operasi atau obligasi perundangan.

3. **Risiko Proses** termasuk risiko ketidakcekapan, ketidakcukupan atau kegagalan yang bakal memberikan kesan negatif terhadap SC. Pengurusan risiko ini dipandu melalui:

   - Aliran Proses Urusan yang boleh didapati di laman intranet SC bertindak sebagai panduan kepada semua kakitangan, khususnya kakitangan baharu, untuk memahami operasi SC.

- *Dasar dan Garis Panduan mengenai Pemerolehan* kini sedang disemak dan dijangka akan dikuatkuasakan pada Januari 2019 (tertakluk kepada pengesahan lanjut). Semakan menyeluruh ke atas PGP akan mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan termasuk semakan menyeluruh proses pemerolehan serta mempertingkatkan tadbir urus dan kawalannya

4. **Risiko Infrastruktur** termasuk kecukupan dan keberkesanan IT, asset fizikal dan premis operasi. Pengurusan risiko ini dipandu melalui:

- *Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Aset* yang menetapkan tatalaku bagi pengendalian aset di SC, dengan matlamat utama untuk memastikan aset tetap SC dilindungi dan dimasuk kira dengan betul, diselenggara dengan baik dan berada dalam keadaan boleh digunakan.

- Dasar Pengguna IT diwujudkan bagi memastikan perlindungan yang berkesan dan sistem komputer SC digunakan dengan cara yang betul.

- Pengurusan Kesinambungan Urusan adalah alat asas untuk melindungi SC daripada sebarang gangguan operasi. Keupayaan untuk memulihkan semula operasi kritikal dengan cepat melalui pendekatan berstruktur sentiasa menjadi keutamaan Rangka Kerja BCM SC. Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Urusan (BCM) adalah pendekatan menyeluruh organisasi yang direka untuk memastikan proses urusan kritikal yang dikenal pasti dapat terus beroperasi sekiranya terjadi insiden besar dalaman atau luaran. Amalan BCM Tahunan (semakan analisis kesan perniagaan, simulasi komputer dan penuh) dijalankan untuk memastikan SC kekal berdaya tahan dan mampu beroperasi sekiranya berlaku gangguan.

PIHAK BERKEPENTINGAN LUAR DAN KOMUNIKASI AWAM

Komunikasi yang tekal dan berterusan dengan peserta pasaran modal adalah perlu untuk memudah cara pelunasan tanggungjawab SC secara berkesan. Mesyuarat dan perbincangan tetap bersama pihak berkepentingan utama kami membolehkan kami menyediakan dasar yang bersifat fasilitatif, rangka kerja pengawalseliaan yang mantap dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan berterusan pasaran modal. Semua siaran media, bahan terbitan, garis panduan laporan tahunan serta kertas rundingan dan maklum balas dipaparkan dalam laman web rasmi kami, www.sc.com.my.

Pejabat Pengguna dan Pelabur SC bertindak sebagai salah satu saluran penting dalam pembabitan bersama pelabur dan orang ramai. Pejabat ini menerima dan mengendalikan aduan dan pertanyaan awam berkaitan dengan pasaran modal. Di samping itu, ia bertanggungjawab ke atas strategi pemerkasaan pelabur SC di bawah jenama InvestSmart® yang disasarkan kepada orang awam dan pelabur dari semua peringkat kehidupan. Melalui InvestSmart®, SC melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kaedah yang berbeza seperti pameran, seminar, jerayawara, media digital dan sosial, berdasarkan asas membuat keputusan pelaburan yang baik.

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) merupakan badan yang diluluskan oleh SC untuk mengendalikan pertikaian berkenaan pasaran modal yang melibatkan tuntutan kewangan oleh pelabur terhadap ahli-ahlinya. Ahli-ahli SIDREC antara lain terdiri daripada bank, broker

saham, broker niaga hadapan, pengurus dana, syarikat pengurusan unit amanah, penyedia dan pengedar skim persaraan swasta (PRS), yang dilesenkan di bawah CMSA untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia di Malaysia. Skop SIDREC telah diperluas dengan ketara melalui peningkatan had tuntutan maksimumnya daripada RM100,000 kepada RM250,000. Kini, ia juga boleh menerima tuntutan melebihi RM250,000 untuk pengantaraan yang mana kedua-dua pihak bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan SIDREC. Di samping itu, berikutan pindaan ke atas Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan *(Penyelesaian Pertikaian)* 2010 SIDREC pada September 2010, 43 bank komersial dan bank Islam serta 2 Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) kini diterima sebagai ahli SIDREC.

Ini merupakan peningkatan besar dalam skop SIDREC dan memberikannya bidang kuasa ke atas pertikaian yang melibatkan perkhidmatan pasaran modal dan produk antara DFI, bank komersial dan bank Islam serta klien pelabur mereka. Selain daripada pembabitan dengan ahli SIDREC dan pelabur yang membuat tuntutan semasa proses penyelesaian pertikaian, SIDREC mengadakan sesi pertemuan bersama pelabur awam melalui inisiatif kesedarannya. Pada masa yang sama SIDREC juga bertemu dengan ahlinya, pihak SC dan pihak berkepentingan lain, seperti persatuan industri dan organisasi swaatur untuk berkongsi dan memberikan penerangan menyeluruh tentang pemerhatian positif serta apa-apa kebimbangan yang timbul daripada proses penyelesaian pertikaiannya. Usaha ini memberikan maklumat bermanfaat kepada pasaran, pelabur dan pengawal selia. SIDREC mempunyai obligasi untuk melapor kepada SC tentang isu-isu sistemik yang mungkin timbul daripada pertikaian yang diterima.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

SC dengan sukacitanya membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

AHLI DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli bukan eksekutif SC seperti yang berikut:

- Tan Sri Dato' Hasmah Abdullah (Pengerusi);
- Datuk Francis Tan Leh Kiah (*bersara berkuat kuasa 17 Mei 2018*);
- Datuk Fazlur Rahman Ebrahim;
- Profesor Emeritus Dato 'Dr Hassan Said (*meletak jawatan berkuat kuasa 26 Jun 2018*);
- Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur (*dilantik berkuat kuasa 26 Julai 2018*); dan
- Datuk Dr Khaw Lake Tee (*dilantik berkuat kuasa 17 Ogos 2018*).

Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 7 kali sepanjang tahun kewangan. Seorang ahli pengurusan kanan diundang untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit.

TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Audit ialah sebuah jawatankuasa Suruhanjaya. Ahli-ahli Lembaga menentukan keanggotaan dan melantik ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau sekerap yang diperlukan dengan minimum kuorum seramai 2 orang. Sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menjemput ahli pengurusan, juruaudit atau pihak lain untuk menghadiri mesyuarat dan membekalkan maklumat penting. Prosiding mesyuarat Jawatankuasa dicatat dan minit mesyuarat dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga. Tujuan, kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit ialah–

i. membantu Lembaga dalam menyemak kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC;

ii. melantik atau menamatkan pelantikan juruaudit luar, ganjaran dan sebarang isu berhubung dengan prestasinya;

iii. menyemak skop dan pelan audit juruaudit luar, termasuk penyelarasan usaha pengauditan dengan audit dalaman;

iv. mengkaji dasar dan amalan perakaunan yang diterima pakai oleh SC dalam penyediaan penyata kewangannya dan integriti proses pelaporan kewangan;

v. menyemak penyata kewangan tahunan dan membuat saranan yang sewajarnya kepada Lembaga mengenai penerimaan penyata kewangan tahunan SC dan tahap penzahiran yang dilakukan, dengan tumpuan khusus dalam perkara berikut–

- pematuhan kepada piawaian perakaunan yang berkaitan;

- perubahan dasar dan amalan perakaunan utama;
- pelarasan penting yang timbul daripada pengauditan; dan
- peristiwa luar biasa yang penting.

vi. meluluskan Piagam Audit Dalaman dan menyokong serta memberikan hala tuju kepada Jabatan Audit Dalaman (IAD) untuk memastikan keberkesanannya;

vii. mempertimbangkan dan menyemak penemuan yang timbul daripada laporan audit dalaman atau siasatan dalaman lain dan maklum balas daripada pihak pengurusan, dan menentukan tindakan pembaikan yang perlukan diambil oleh pihak pengurusan;

viii. menyemak pelaksanaan pelan tindakan untuk menangani pemerhatian utama audit yang dibangkitkan oleh IAD; dan

ix. menyemak keberkesanan proses dan prosedur untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan kontrak.

AKTIVITI JAWATANKUASA

Sepanjang tahun kewangan, aktiviti utama Jawatankuasa Audit adalah seperti yang berikut:

Laporan kewangan

- Menyemak penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 sebelum dibentangkan kepada Lembaga.

Audit Luaran

- Menyemak penemuan audit dan laporan juruaudit yang berbangkit daripada pengauditan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.
- Menyemak dan meluluskan pelan audit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Pelbagai isu audit dan perakaunan dibincangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit.
- Menyemak dan meluluskan pelantikan semula juruaudit luaran sedia ada bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Audit dalaman

- Menyemak laporan audit dalaman dan pelan tindakan pengurusan untuk menangani isu-isu audit. Jawatankuasa Audit juga memantau pelaksanaan tindakan yang dipersetujui dan cadangan penambahbaikan yang berbangkit daripada pengauditan yang dilaksanakan.
- Menyemak pencapaian pelan audit dalaman 2018, yang memberikan petunjuk prestasi secara keseluruhan fungsi audit dalaman bagi tahun tersebut.
- Mempertimbangkan kecukupan skop dan liputan menyeluruh bagi aktiviti audit dalaman, dan meluluskan pelan audit dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.
- Menyemak penyataan yang dibuat mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam Penyataan Tadbir Urus bagi *Laporan Tahunan SC* 2018.

AUDIT DALAMAN

IAD membantu Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. IAD melapor terus kepada Jawatankuasa Audit, yang menentukan kecukupan skop dan fungsi jabatan. IAD mencapai objektifnya dengan menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menambah baik keberkesanan proses

pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus organisasi.

IAD melaksanakan tanggungjawabnya dengan melakukan semakan berdasarkan pelan audit dalaman yang telah diluluskan, yang dibangunkan menggunakan metodologi berasaskan risiko. Aktiviti utama IAD untuk tahun 2018 termasuk pelaksanaan audit yang kebanyakannya berasaskan risiko ke atas bidang-bidang yang dikenal pasti dalam pelan audit dalaman. Keputusan daripada pengauditan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh fungsi audit dalaman dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan. Sekiranya perlu, audit dalaman menjalankan pengauditan susulan untuk memastikan tindakan pembetulan pihak Pengurusan dilaksanakan dengan sewajarnya dan memaklumkan status tindakan utama kepada Jawatankuasa Audit. Di samping itu, IAD memainkan peranan sebagai penasihat dalam melaksanakan aktiviti pengauditannya.

IAD juga menyemak Piagam Jawatankuasa Audit dan Piagam Audit Dalaman bagi memastikan ianya selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman.

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Aset bukan semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	163,377	167,414
Penghutang lain	4	6,324	8,234
Pelaburan lain	5	475,052	511,570
		644,753	687,218
Aset semasa			
Pelaburan lain	5	262,459	213,741
Penghutang dan pelbagai penghutang	6	23,722	32,098
Tunai dan setara tunai	7	64,024	62,101
		350,205	307,940
Jumlah aset		994,958	995,158
Rizab			
Lebihan terkumpul		757,165	759,209
Rizab dana pampasan	8	100,000	100,000
Jumlah rizab		857,165	859,209
Liabiliti bukan semasa			
Manfaat persaraan	9	75,690	70,758
Pendapatan tertunda	10	3,331	5,609
		79,021	76,367
Liabiliti semasa			
Pendapatan tertunda	10	1,244	210
Pemiutang lain dan akruan	11	57,528	59,372
		58,772	59,582
Jumlah liabiliti		137,793	135,949
Jumlah rizab dan liabiliti		994,958	995,158

Nota pada muka surat 123 hingga 149 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Pendapatan			
Levi		150,354	147,691
Yuran dan caj		15,392	16,144
Pendapatan kewangan		31,976	30,102
Yuran pelesenan		3,236	3,187
Yuran pendaftaran		3,130	1,875
Pendapatan lain		5,452	5,315
	12	209,540	204,314
Tolak: Perbelanjaan			
Kos kakitangan	13	157,575	145,580
Perbelanjaan pentadbiran		32,122	34,904
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	10,962	11,176
Perbelanjaan sewa		1,775	2,542
		202,434	194,202
Lebihan operasi bersih	14	7,106	10,112
Tolak: Geran		(9,150)	(8,000)
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai	15	(2,044)	2,112
Perbelanjaan cukai	16	-	-
(Defisit)/Lebihan selepas cukai		(2,044)	2,112
Perbelanjaan komprehensif lain, cukai bersih			
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian			
Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib	9	-	(16,729)
Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun		(2,044)	(14,617)

Nota pada muka surat 123 hingga 149 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Rizab Dana pampasan RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2017	100,000	773,826	873,826
Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib	-	(16,729)	(16,729)
Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	-	(16,729)	(16,729)
Lebihan bagi tahun	-	2,112	2,112
Pada 31 Disember 2017/1 Januari 2018	100,000	759,209	859,209
Defisit bagi tahun	-	(2,044)	(2,044)
Pada 31 Disember 2018	100,000	757,165	857,165
	Nota 8		

Nota pada muka surat 123 hingga 149 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai		(2,044)	2,112
Pelarasan untuk:			
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	10,962	11,176
Pendapatan kewangan		(31,976)	(30,102)
Keuntungan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		(120)	(10)
Defisit operasi sebelum perubahan modal kerja		(23,178)	(16,824)
Perubahan dalam modal kerja:			
Pendapatan tertunda		(1,244)	5,819
Manfaat persaraan		4,932	(684)
Penghutang dan pelbagai penghutang		9,432	(2,530)
Pemiutang lain dan akruan		(1,844)	13,492
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi		(11,902)	(727)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Kematangan pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan		31,464	1,402
Peningkatan dalam deposit terhad		(6,479)	(9,587)
Peningkatan / penurunan dalam pelaburan dalam deposit di bank berlesen		(43,664)	3,080
Pendapatan kewangan diterima		32,830	33,449
Hasil daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		332	156
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan		(7,137)	(5,692)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		7,346	22,808
(Penurunan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		(4,556)	22,081
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		30,633	8,552
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember		26,077	30,633
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Tunai dan baki di bank	7	16,242	20,128
Deposit di bank berlesen	7	47,782	41,973
		64,024	62,101
Tolak: Deposit terhad		(37,947)	(31,468)
		26,077	30,633

Nota pada muka surat 123 hingga 149 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* untuk pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan institusi pasaran termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia setiap individu yang berlesen di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007*. Alamat SC adalah seperti yang berikut:

3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Penyata kewangan ini diluluskan oleh Ahli Lembaga pada 30 Januari 2019.

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) belum diguna pakai oleh SC:

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, *Pajakan*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Rujukan Cukai Pendapatan*
- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 9, *Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif*
- Pindaan ke atas MFRS 11, *Pengaturan Bersama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 112, *Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 119, *Manfaat Kakitangan – Pelan Pindaan, Pemotongan atau Penyelesaian*
- Pindaan ke atas MFRS 123, *Kos Peminjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan – Definisi Perniagaan*
- Pindaan ke atas MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan dan MFRS 108, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Definisi Material*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas satu tarikh yang belum ditentukan

- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Gabungan: Entiti Pelaburan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha sama*

SC merancang untuk mengguna pakai piawaian, pindaan dan tafsiran yang telah boleh diguna pakai dan efektif dari tempoh tahunan masing-masing bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 dan 1 Januari 2020.

SC tidak merancang untuk mengguna pakai MFRS 17, *Kontrak Insurans* yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021 disebabkan tidak berkenaan dengan SC.

Gunapakai permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang penting ke atas penyata kewangan tempoh semasa.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan SC disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 2.

(c) Mata wang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi SC. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada nilai ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjejaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat perkara ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan kecuali seperti yang berikut:

(i) Manfaat persaraan

Peruntukan ini ditentukan dengan penilaian aktuari yang disediakan oleh aktuari bebas. Penilaian aktuari melibatkan andaian mengenai kadar diskaun, kadar inflasi perubatan, umur persaraan dan jangka hayat. Oleh itu, jumlah peruntukan anggaran ini tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian yang digunakan untuk menganggarkan peruntukan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 9.

(ii) Pengukuran jangkaan kerugian kredit (ELC) dan nilai saksama instrumen kewangan

Pengukuran ECL dan nilai saksama instrumen kewangan melibatkan andaian mengenai kebarangkalian kegagalan untuk memenuhi kewajipan untuk membayar balik. Oleh itu, jumlah anggaran ini adalah tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian yang digunakan untuk menganggarkan jumlah tersebut seperti yang dinyatakan dalam Nota 19.

2. Dasar-dasar perakaunan utama

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh SC, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Berikutan daripada penggunaan MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan* dan MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, terdapat perubahan kepada dasar-dasar perakaunan:

(i) instrumen kewangan;
(ii) pengiktirafan pendapatan; dan
(iii) kerugian rosotnilai instrumen kewangan

berbanding dengan yang diterima pakai dalam penyata kewangan terdahulu. Tiada kesan yang ketara daripada penggunaan MFRS 15. Kesan yang timbul daripada penggunaan MFRS 9 didedahkan dalam Nota 21.

(a) Instrumen kewangan

Kecuali dinyatakan secara khusus di bawah ini, SC secara amnya menggunakan dasar-dasar perakaunan berikut secara retrospektif. Walau bagaimanapun, seperti yang dibenarkan dalam MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, SC telah memilih untuk tidak menyatakan semula perbandingan tersebut.

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Tahun kewangan semasa

Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya. Penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting pada awalnya diukur pada harga transaksi.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

Tahun kewangan sebelumnya

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya.

Instrumen kewangan diiktirafkan berasingan daripada kontrak utama dan diambil kira sebagai derivatif sekiranya instrumen tidak berkait dengan ciri ekonomi dan risiko kontrak utama dan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, untuk instrumen kewangan yang diiktirafkan berasingan, diambil kira mengikut dasar yang dipakai kepada sifatnya.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Tahun kewangan semasa

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan SC mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan di mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan.

(a) Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah, keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 2 (d)(i)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Tahun kewangan sebelumnya

Sebelum ini, SC mengkategorikan instrumen kewangan mengikut MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* seperti yang berikut:

(a) Pelaburan dipegang hingga matang

Kategori pelaburan dipegang hingga matang terdiri daripada instrumen hutang yang disenaraikan dalam pasaran aktif dan SC mempunyai hasrat positif dan kebolehan untuk memegangnya hingga matang.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang kemudiannya diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(b) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan semula bagi rosot nilai (lihat Nota 2(d)(i)).

Liabiliti kewangan

Tahun kewangan semasa

Kategori liabiliti kewangan pada pengiktirafan awal adalah seperti berikut:

Kos terlunas

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Tahun sebelumnya

Semua liabiliti kewangan kemudiannya diukur pada kos pelunasan.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan

pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang keuntungan atau kerugian terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(iv) Mengofset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan diofset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung menyebabkan pemerolehan aset dan apa-apa kos lain yang secara langsung membawa aset kepada keadaan bekerja bagi kegunaan yang dirancang, dan kos merungkai dan menanggalkan item tersebut dan memulihkan tapak tempat ia diletakkan. Perisian yang dibeli yang penting kepada kefungsian kelengkapan yang berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian ketara, jika ada, bagi satu-satu item harta, kelengkapan dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia dikira sebagai item berasingan (komponen utama) bagi harta, kelengkapan dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian bagi jualan item harta, kelengkapan dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada jualan dengan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan dan dikira bersih dalam "pendapatan lain" dan "perbelanjaan lain", masing-masing dalam keuntungan dan kerugian.

(ii) Kos berikutan

Kos menggantikan sebahagian daripada unit harta, kelengkapan dan peralatan dikira dalam amaun bawaan bagi unit tersebut jika ada manfaat ekonomi akan datang yang berkemungkinan terangkum dalam komponen tersebut, akan mengalir kepada SC dan kosnya dapat diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti tidak diiftiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan harian harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian semasa ia berlaku.

(iii) Susut nilai

Susut nilai dikira berdasarkan kos aset tolak nilai bakinya. Komponen ketara aset individu dinilai, dan jika suatu komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset, maka komponen tersebut disusut nilai berasingan.

Susut nilai dikira dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan kaedah garis lurus bagi anggaran hayat berguna bagi setiap komponen unit harta, kelengkapan dan peralatan dari tarikh ia tersedia untuk digunakan. Aset pajakan disusut nilai dalam tempoh pajakan yang lebih pendek dan hayat bergunanya melainkan, secara munasabah, dapat ditentukan bahawa SC akan mendapat pemilikan pada penghujung tempoh pajakan. Loji dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut sedia digunakan.

Anggaran hayat berguna bagi tahun semasa dan tahun bandingan adalah seperti yang berikut:

Tanah pajakan	Tempoh pajakan selama 99 tahun berakhir pada 2094
Bangunan	50 tahun
Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan	5 – 10 tahun
Komputer dan sistem aplikasi	3 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun

Kaedah susut nilai, tempoh hayat berguna dan nilai baki disemak pada penghujung tempoh pelaporan dan dilaraskan menurut kesesuaian.

(c) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh SC dalam pengurusan komitmen jangka pendeknya. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad.

(d) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

Melainkan dinyatakan secara khusus di bawah, SC secara amnya menggunakan dasar-dasar perakaunan berikut secara retrospektif. Walau bagaimanapun, seperti yang dibenarkan oleh MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, SC memilih untuk tidak menyatakan semula perbandingan tersebut.

Tahun kewangan semasa

SC mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

SC mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali sekuriti hutang yang ditentukan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan, tunai dan kesamaan tunai yang mana risiko kredit tidak

meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan. Elaun rugi bagi penghutang perdagangan sentiasa diukur pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, SC menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah SC dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana SC terdedah kepada risiko kredit.

SC menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan pada penghutang perdagangan dengan menggunakan matriks peruntukan dengan merujuk kepada pengalaman kerugian kredit sejarah.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, SC menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila SC menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur SC untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

Tahun kewangan sebelumnya

Semua aset kewangan adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada wujud sebarang bukti objektif rosot nilai akibat daripada berlakunya satu atau lebih kejadian kewangan yang memberi kesan kepada anggaran nilai masa depan aliran tunainya. Kerugian yang dijangkakan daripada kejadian masa depan, tidak kira semana boleh, tidak diiktiraf.

Kerugian rosot nilai berkait dengan pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset dengan nilai kini anggaran nilai masa depan aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset tersebut. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan menggunakan sebuah akaun elaun.

Jika dalam tempoh kewangan berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa kewangan yang berlaku setelah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, maka kerugian rosot nilai ini dibalikkan, pada suatu peringkat nilai aset dibawa tidak melebihi apa yang nilai dibawa akan rosot nilai yang tidak diiktiraf pada tarikh rosot nilai ini dibalikkan. Nilai pembalikan ini diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(ii) Aset lain

Nilai bawaan aset lain disemak pada penghujung setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, maka nilai boleh pulih aset dianggarkan.

Untuk menguji rosot nilai, aset dikelompokkan ke dalam kelompok kecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai. Nilai boleh pulih satu-satu aset atau unit penjanaan tunai adalah nilainya yang lebih besar dalam penggunaan dan nilai saksamanya tolak kos pelupusan. Semasa menaksir nilai dalam penggunaan, aliran tunai akan datang yang dianggarkan diturunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar penurunan sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika nilai bawaan aset atau unit penjanaan tunainya yang berkaitan melebihi jangkaan nilai boleh pulihnya. Rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosot nilai yang dikira dalam tempoh terdahulu ditaksir pada penghujung setiap tempoh pelaporan bagi melihat apa-apa tanda yang menunjukkan kerugian tersebut telah berkurang atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai ditarik balik jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang lalu dikira. Kerugian rosot nilai ditarik balik hanya setakat nilai yang nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, jika kerugian rosot nilai tidak dikira. Penarikbalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan penarikbalikan tersebut dikira.

(e) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil

Hasil diukur berdasarkan pertimbangan yang ditentukan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga. SC mengiktiraf hasil apabila (atau sebagai) ia memindahkan kawalan ke atas perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau sebagai) pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

SC memindahkan kawalan ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan pada satu-satu masa kecuali satu daripada kriteria masa lampau dipenuhi:

(a) pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh SC;

(b) prestasi SC mewujudkan atau menambah aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset dicipta atau dipertingkatkan; atau

(c) prestasi SC tidak mewujudkan aset dengan penggunaan alternatif dan SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran untuk prestasi yang disempurnakan setakat ini.

(ii) Geran kerajaan

Geran kerajaan diiktiraf pada mulanya sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama apabila terdapat jaminan munasabah bahawa mereka akan diterima dan SC akan mematuhi syarat yang berkaitan dengan pemberian itu; mereka kemudian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai pendapatan lain secara sistematik sepanjang hayat berguna aset tersebut.

Geran yang mengimbangi SC bagi perbelanjaan yang ditanggung diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain secara sistematik dalam tempoh yang sama di mana perbelanjaan diiktiraf.

(iii) Yuran pendaftaran dan lesen

Pendapatan yuran pendaftaran dan lesen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

(iv) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru menggunakan kaedah faedah berkesan dalam keuntungan atau kerugian.

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang jangka akan dibayar jika SC mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(ii) Pelan caruman

Caruman SC ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa mendatang, jika ada.

(iii) Pelan manfaat wajib

Manfaat persaraan

SC memperuntukkan manfaat perubatan persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003.

Obligasi SC dalam pelan manfaat wajib ini dikira dengan menganggar amaun manfaat akan datang yang berhak diterima oleh kakitangan dalam tempoh semasa dan sebelumnya dan mendiskaun amaun tersebut.

Pengiraan obligasi manfaat wajib dilaksanakan oleh aktuari bertauliah bebas dengan menggunakan kaedah unjuran kredit unit. Apabila pengiraan terima menunjukkan potensi aset bagi SC, aset yang dikira dihadkan kepada nilai semasa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk apa-apa pulangan masa depan daripada pelan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada pelan tersebut. Untuk mengira nilai semasa manfaat ekonomi, perhatian diberikan kepada mana-mana keperluan pendanaan minimum yang terpakai.

Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib bersih, yang terdiri daripada laba dan kerugian aktuari, dikira terus dalam pendapatan komprehensif lain. SC menentukan perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih bagi liabiliti wajib bersih atau aset bagi tempoh tersebut dengan menggunakan kadar penurunan yang digunakan untuk mengukur obligasi manfaat wajib pada permulaan tempoh tahunan bagi liabiliti manfaat wajib atau aset bersih, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam liabiliti manfaat wajib atau aset bersih dalam tempoh tersebut sebagai bayaran caruman dan manfaat. .

Kos dan perbelanjaan berhubung dengan pelan manfaat wajib dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila manfaat satu-satu pelan diubah atau apabila satu-satu pelan dipendekkan, perubahan dalam manfaat yang berkait dengan perkhidmatan lampau atau laba atau kerugian daripada pemendekan tersebut dikira terus dalam keuntungan atau kerugian. SC mengira laba dan keuntungan dalam penyelesaian pelan manfaat wajib apabila penyelesaian berlaku.

(g) Geran

SC memperuntukkan geran kepada entiti yang layak untuk menceburi aktiviti pasaran modal. Geran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran telah dibuat.

(h) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual sesuatu aset atau harga yang dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi secara tertib antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, setakat yang mungkin, SC menggunakan data pasaran boleh cerap. Nilai saksama dikategorikan ke dalam peringkat berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti yang berikut:

Tahap 1: harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh SC pada tarikh pengukuran.
Tahap 2: input selain harga sebutan terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset atau liabiliti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
Tahap 3: input tak boleh cerap bagi aset atau liabiliti.

SC mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

3. Harta, kelengkapan dan peralatan

	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos							
Pada 1 Januari 2017	9,154	232,162	109,381	71,156	2,928	606	425,387
Penambahan	-	-	482	1,790	339	3,081	5,692
Pelupusan	-	-	(516)	(702)	(632)	(129)	(1,979)
Pemindahan daripada/(kepada)	-	-	-	233	-	(233)	-
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018	9,154	232,162	109,347	72,477	2,635	3,325	429,100
Penambahan	-	-	902	945	-	5,290	7,137
Pelupusan	-	-	(98)	(53)	(933)	-	(1,084)
Pemindahan daripada/(kepada)	-	-	3,199	3,196	-	(6,395)	-
Pada 31 Disember 2018	9,154	232,162	113,350	76,565	1,702	2,220	435,153

3. Harta, kelengkapan dan peralatan *(Sambungan)*

	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Susut nilai dan rosot nilai							
Pada 1 Januari 2017							
Susut nilai terkumpul	2,035	81,354	103,127	63,773	1,945	-	252,234
Rosot nilai terkumpul	-	109	-	-	-	-	109
	2,035	81,463	103,127	63,773	1,945	-	252,343
Susut nilai bagi tahun	92	4,643	2,062	3,935	444	-	11,176
Pelupusan	-	-	(506)	(695)	(632)	-	(1,833)
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018							
Susut nilai terkumpul	2,127	85,997	104,683	67,013	1,757	-	261,577
Rosot nilai terkumpul	-	109	-	-	-	-	109
	2,127	86,106	104,683	67,013	1,757	-	261,686
Susut nilai bagi tahun	92	4,643	1,841	4,008	378	-	10,962
Pelupusan	-	-	(96)	(45)	(731)	-	(872)
Pada 31 Disember 2018							
Susut nilai terkumpul	2,219	90,640	106,428	70,976	1,404	-	271,667
Rosot nilai terkumpul	-	109	-	-	-	-	109
	2,219	90,479	106,428	70,976	1,404	-	271,776
Amaun bawaan							
Pada 1 Januari 2017	7,119	150,699	6,254	7,383	983	606	173,044
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018	7,027	146,056	4,664	5,464	878	3,325	167,414
Pada 31 Disember 2018	6,935	141,413	6,922	5,589	298	2,220	163,377

4. Penghutang lain

	2018 RM'000	2017 RM'000
Pembiayaan kepada kakitangan	8,043	10,108
Tolak: Keuntungan belum diperoleh		
- Pembiayaan cara Islam untuk rumah dan kereta	(388)	(538)
	7,655	9,570
Tolak: Amaun dijangka dalam tempoh 12 bulan (Nota 6)	(1,331)	(1,336)
Amaun dijangka selepas 12 bulan	6,324	8,234

Pembiayaan kepada kakitangan merangkumi pembiayaan perumahan secara Islam dan konvensional, pembiayaan kenderaan bermotor secara Islam dan konvensional, pinjaman komputer dan pinjaman pendidikan. Pembiayaan perumahan dan kenderaan bermotor masing-masing dijamin oleh harta dan kenderaan bermotor peminjam. Pembiayaan tersebut masing-masing mempunyai tempoh bayaran balik maksimum selama 25 tahun, tujuh tahun, lima tahun dan empat tahun. Kadar yang dikenakan ke atas pembiayaan ini adalah di antara 2% hingga 4% setahun (2017: 2% hingga 4% setahun).

Struktur kematangan bagi pembiayaan kepada kakitangan pada penghujung tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2018 RM'000	2017 RM'000
Dalam masa 1 tahun	1,331	1,336
Lebih daripada 1 tahun dan sehingga 5 tahun	3,762	4,345
Lebih daripada 5 tahun	2,562	3,889
	7,655	9,570

5. Pelaburan lain

	Bukan Semasa		Semasa		Jumlah	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Kos terlunas:						
– Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	151,972	-	90,569	-	242,541	-
– Deposit di bank berlesen	323,080	-	171,890	-	494,970	-
	475,052	-	262,459	-	737,511	-

	Bukan Semasa		Semasa		Jumlah	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Pelaburan dipegang hingga matang:						
– Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	-	244,017	-	29,988	-	274,005
Pinjaman dan penghutang:						
– Deposit di bank berlesen	-	267,553	-	183,753	-	451,306
	-	511,570	-	213,741	-	725,311

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah jumlah terhad untuk pembangunan industri broker saham berjumlah RM13.2 juta (2017: RM12.6 juta) dan sejumlah terhad untuk merancang dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan kira-kira RM0.7 juta (2017: RM0.2 juta).

6. Penghutang dan pelbagai penghutang

	2018 RM'000	2017 RM'000
Levi	9,670	14,608
Penghutang pendapatan	7,348	8,202
Penghutang lain	2,115	2,787
Deposit	718	905
Prabayaran	2,540	4,260
Pembiayaan jangka pendek kepada kakitangan (Nota 4)	1,331	1,336
	23,722	32,098

7. Tunai dan setara tunai

	2018 RM'000	2017 RM'000
Tunai dan baki di bank	16,242	20,128
Deposit di bank berlesen	47,782	41,973
	64,024	62,101

Deposit di bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar daripada 3.15% hingga 3.75% setahun (2017: 2.45% hingga 4.20% setahun).

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah amaun terhad untuk deposit sekuriti broker kira-kira RM1.2 juta (2017: RM1.2 juta), pembangunan industri pembrokeran stok kira-kira RM3.2 juta (2017: RM3.1 juta) dan pelbagai deposit lain kira-kira RM33.5 juta (2017: RM27.2 juta).

Tunai dan setara tunai tersebut disimpan di bank berlesen.

8. Rizab dana pampasan

Ini mewakili amaun yang diperuntukkan daripada lebihan terkumpul bagi Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal.

9. Manfaat persaraan

	2018 RM'000	2017 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih	70,758	54,713
Perbelanjaan dikira dalam keuntungan atau kerugian	6,419	657
Perbelanjaan dikira dalam pendapatan komprehensif lain	-	16,729
Manfaat dibayar	(1,487)	(1,341)
Jumlah liabiliti manfaat kakitangan	75,690	70,758

Pelan manfaat wajib adalah pelan perubatan persaraan tak berdana yang memberikan manfaat perubatan kepada peserta dan tanggungan mereka yang layak selepas umur persaraan sehingga peserta atau pasangannya meninggal dunia, atau bagi anak tanggungannya sehingga umur 18 atau 24 tahun, sekiranya mereka masih lagi menuntut.

Dengan demikian, kos mutlak pelan tersebut bergantung pada hayat pesara dan tanggungan mereka yang layak, insidens dan kos peristiwa yang mengakibatkan tuntutan di bawah pelan tersebut, dan inflasi bagi kos tersebut pada masa hadapan.

Pendanaan

Pelan ini tak berdana. Caruman majikan kepada pelan tersebut adalah amaun tuntutan perubatan yang dibayar terus oleh SC. SC menjangka akan membayar RM1.1 juta bagi caruman kepada pelan manfaat wajibnya dalam 2019.

Pergerakan dalam liabiliti manfaat wajib bersih

	2018 RM'000	2017 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih 1 Januari	70,758	54,713
Terangkum dalam keuntungan atau kerugian		
Kos perkhidmatan semasa	2,307	2,295
Kos perkhidmatan masa lalu	-	(5,444)
Kos faedah	4,112	3,806
	6,419	657
Terangkum dalam pendapatan komprehensif lain		
(Keuntungan)/Kerugian aktuari daripada:		
– Andaian kewangan	-	13,390
– Pelarasan pengalaman	-	3,339
	-	16,729
Lain-lain		
Manfaat dibayar	(1,487)	(1,341)
Liabiliti manfaat wajib bersih pada 31 Disember	75,690	70,758

Obligasi manfaat wajib
Andaian aktuari

Andaian aktuari utama pada penghujung tempoh pelaporan (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	2018	2017
Kadar diskaun	5.8%	5.8%
Inflasi kos perubatan	10%, menurun ke 5% dalam 4 tahun	10%, menurun ke 5% dalam 5 tahun
Umur persaraan biasa	60 tahun	60 tahun

Andaian berhubung mortaliti pada masa hadapan adalah berpandukan statistik dan jadual mortaliti yang diterbitkan. Purata jangka hayat seseorang individu yang bersara ketika berusia 60 adalah 25 (2017: 60 adalah 25) bagi lelaki dan perempuan pada penghujung tarikh pelaporan.

Pada 31 Disember 2018, tempoh purata wajaran bagi obligasi manfaat wajib adalah 20.6 tahun (2017: 20.6 tahun).

Perubahan dalam anggaran pada tahun sebelumnya

Pada 2017, SC telah melantik Willis Tower Watson (TW) untuk melaksanakan laporan penilaian aktuari. Sehubungan dengan perubahan dalam andaian yang digunakan dalam penilaian, terdapat penurunan dalam kos perkhidmatan yang diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian pada 2017 sebanyak RM5.4 juta.

Analisis sensitiviti

Perubahan mungkin yang munasabah pada tarikh pelaporan kepada satu daripada andaian aktuari berkaitan, dengan mengekalkan andaian lain, mungkin boleh menjejaskan obligasi manfaat wajib menurut amaun yang ditunjukkan di bawah.

	Obligasi manfaat wajib	
	Peningkatan RM'000	Pengurangan RM'000
2018		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(12,782)	16,425
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	15,819	(12,565)
2017		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(12,052)	15,473
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	14,937	(11,888)

10. Pendapatan tertunda

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Pada 1 Januari 2018/2017		5,819	-
Perolehan sepanjang tahun	10.1	-	8,449
Tolak: diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tahun		(1,244)	(2,630)
Pendapatan tertunda		4,575	5,819
Liabiliti semasa		1,244	210
Liabiliti bukan semasa		3,331	5,609
		4,575	5,819

10.1 Pada tahun 2017, SC telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk menggunakan jumlah baki yang diperoleh daripada individu atas kesalahan dagangan orang dalam dan peruntukan manipulasi pasaran di bawah undang-undang sekuriti, berjumlah RM8.4 juta. Jumlah ini adalah untuk membiayai kos mengawal selia pasaran di Malaysia.

11. Pelbagai pemiutang dan akruan

	2018 RM'000	2017 RM'000
Pelbagai pemiutang	52,331	52,731
Akruan	3,972	5,454
Deposit sekuriti broker	1,225	1,187
	57,528	59,372

12. Pendapatan

		2018 RM'000	2017 RM'000
Pendapatan	12.1	165,746	163,835
Pendapatan lain			
– Pendapatan kewangan		31,976	30,102
– Lain-lain		11,818	10,377
		43,794	40,479
Jumlah pendapatan		209,540	204,314

12.1 Jenis barangan dan perkhidmatan

Maklumat berikut merupakan urusniaga tipikal SC:

Sifat perkhidmatan	Tempoh pembayaran ketara	Masa pengiktirafan atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf pendapatan
Levi	30 hari	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada satu masa
Yuran dan caj	Tidak berkenaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada satu masa

13. Kos kakitangan

	2018 RM'000	2017 RM'000
Ganjaran, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	131,719	125,232
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO	17,840	18,420
Skim Persaraan Swasta	1,597	1,271
Manfaat persaraan	6,419	657
	157,575	145,580

14. Geran

SC menawarkan geran kepada pelbagai entiti yang terlibat dalam projek dan program yang menggalakkan, membangunkan dan meningkatkan kekukuhan pasaran modal Malaysia.

15. (Defisit)/Lebihan sebelum cukai

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai dicapai selepas mengenakan caj:			
Ganjaran juruaudit		100	100
Emolumen ahli eksekutif*		4,410	4,901
Gratuti ahli eksekutif		1,925	-
Elaun ahli bukan eksekutif		1,177	1,135
Perbelanjaan sewa:			
Harta		1,573	2,260
Kelengkapan dan peralatan		201	282
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	10,962	11,176
dan selepas kredit:			
Perolehan daripada pelupusan kelengkapan dan peralatan		120	10

* Termasuk dalam emolumen ahli eksekutif adalah pembayaran ganti cuti tahunan berjumlah RM194,000 (2017: tiada).

16. Perbelanjaan cukai

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007 dan seterusnya.

17. Pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan SC sekiranya SC mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana SC dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti SC sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Securities Industry Development Corporation (SIDC), di mana Pengerusi SC juga adalah Pengerusi SIDC.

Transaksi pihak berkaitan yang utama

Transaksi pihak berkaitan utama SC ditunjukkan di bawah. Baki yang berkaitan dengan transaksi di bawah ditunjukkan dalam Nota 6 dan Nota 11.

	2018 RM'000	2017 RM'000
Pihak berkaitan		
Yuran pengurusan	502	502
Peruntukan geran	(2,500)	(2,500)
Kakitangan pengurusan utama		
Hasil daripada pelupusan kenderaan	242	-

18. Komitmen modal

	2018 RM'000	2017 RM'000
Komitmen perbelanjaan modal		
Kelengkapan dan peralatan		
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan bagi:		
Dalam masa satu tahun	18,616	13,110

19. Instrumen kewangan

19.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan pada 31 Disember 2018 yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM'000	AC RM'000
2018		
Aset kewangan		
Penghutang jangka panjang	6,324	6,324
Pelaburan lain	737,511	737,511
Penghutang dan pelbagai penghutang*	21,181	21,181
Tunai dan setara tunai	64,024	64,024
	829,040	829,040
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan	(57,528)	(57,528)

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan pada 31 Disember 2017 yang dikategorikan seperti yang berikut:

(a) Pinjaman dan penghutang (L&R);
(b) Pelaburan dipegang hingga matang (HTM); dan
(c) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos terlunas (FL).

	Amaun bawaan RM'000	L&R/(FL) RM'000	HTM RM'000
2017			
Aset kewangan			
Penghutang jangka panjang	8,234	8,234	-
Pelaburan lain	725,311	451,306	274,005
Penghutang dan pelbagai penghutang*	27,838	27,838	-
Tunai dan setara tunai	62,101	62,101	-
	823,484	549,479	274,005
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	(59,372)	(59,372)	-

* Tidak termasuk aset bukan kewangan

19.2 Laba diperoleh daripada instrumen kewangan

	2018 RM'000	2017 RM'000
Laba daripada:		
Aset kewangan pada kos terlunas	31,976	-
Pelaburan dipegang hingga matang	-	10,964
Pinjaman dan penghutang	-	19,138
	31,976	30,102

19.3 Pengurusan risiko kewangan

SC mempunyai dasar dan garis panduan berkenaan strategi pelaburan menyeluruh dan toleransi ke arah risiko. Pelaburan diurus dengan cara berhemah untuk memastikan dana dikekalkan dan terpelihara. SC mempunyai pendedahan kepada risiko yang berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya.

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

19.4 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada SC jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya. Tiada perubahan ketara berbanding dengan tahun sebelumnya.

Penghutang

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

SC mempunyai dasar kredit rasmi dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara terus-menerus. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan bagi setiap aset kewangan.

Pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai

SC mengurus penghutangnya dan mengambil tindakan sewajarnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan undan-undang) untuk memulih baki tertunggak yang panjang. Secara amnya, penghutang akan membayar dalam tempoh 30 hari.

SC menggunakan elaun matriks untuk mengukur ECLs bagi penghutang setiap segmen. Selaras dengan proses pemulihan hutang, invois yang lewat 90 hari akan dianggap sebagai kredit terjejas.

Jadual berikut memberikan maklumat tentang pendedahan risiko kredit dan ECLs bagi penghutang pada 31 Disember 2018 di mana dikumpulkan bersama disebabkan sifat risiko yang dijangka serupa.

	Kasar – Amaun bawaan RM'000	**Rosot nilai RM'000**	**Bersih RM'000**
2018			
Belum melepasi tarikh luput	29,525	-	29,525
Melepasi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 91 - 180 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput lebih daripada 180 hari	521	-	521
	30,046	-	30,046

Penghutang bersih yang melepasi tarikh luput tidak dirosot nilai kerana penghutang ini dijamin atas harta kediaman dengan nilai saksama melebihi hutang belum jelasnya.

Nilai saksama bagi harta bercagaran ini ditentukan dengan menggunakan kaedah perbandingan berdasarkan penilaian profesional.

Tiada rosot nilai dilaksanakan ke atas penghutang.

Maklumat perbandingan mengikut MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Penuaan penghutang perdagangan pada 31 Disember 2017 seperti berikut:

	Kasar – Amaun bawaan RM'000	**Rosot nilai RM'000**	**Bersih RM'000**
2017			
Belum melepasi tarikh luput	34,760	-	34,760
Melepasi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 91 - 180 hari	67	-	67
Melepasi tarikh luput lebih daripada 180 hari	340	-	340
	35,167	-	35,167

Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai disimpan di dalam bank dan instutusi kewangan. Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan di penyata kedudukan kewangan.

Bank dan institusi kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah. Sebagai tambahan, beberapa baki bank diinsuranskan oleh agensi kerajaan. SC berpendapat bahawa elaun kerugian tidak material. Oleh itu, ia tidak diperuntukkan.

Pelaburan dan aset kewangan lain

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

Pelaburan dibenarkan hanya dalam sekuriti cair dan hanya dengan pihak berlawanan yang mempunyai kadaran kredit yang berdaulat atau hampir dengan kadaran berdaulat.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan cagaran

Pada penghujung tempoh pelaporan, SC hanya melabur dalam sekuriti kerajaan Malaysia dan bon jaminan kerajaan. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan oleh amaun bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

19.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang SC tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tarikh luputnya. SC memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup oleh SC untuk membiayai operasinya dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan SC pada penghujung tempoh pelaporan. Tiada kadar faedah berkontrak bagi lain dan akruan.

	Amaun bawaan RM'000	Aliran tunai berkontrak RM'000	Bawah 1 tahun RM'000
2018			
Liabiliti kewangan			
Pemiutang lain dan akruan	57,528	57,528	57,528
2017			
Liabiliti kewangan			
Pemiutang lain dan akruan	59,372	59,372	59,372

19.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang mengubah harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan menjejaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai SC.

19.6.1 **Risiko kadar faedah**

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara SC, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2018 RM'000	2017 RM'000
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan	785,293	767,284

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

SC tidak mempunyai apa-apa aset kewangan kadaran tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan mempengaruhi keuntungan atau kerugian.

19.7 Maklumat nilai saksama

Berhubung dengan tunai dan setara tunai, penghutang dan pelbagai penghutang dan pemiutang dan akruan, amaun bawaan menganggarkan nilai saksama yang disebabkan oleh sifat instrumen kewangan ini yang, secara relatifnya, berjangka pendek.

Amaun bawaan deposit tetap diandaikan untuk menganggar secara munasabah nilai saksamanya.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan, bersama-sama dengan amaun bawaannya yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan.

Nilai saksama instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah nilai saksama RM'000	Amaun bawaan RM'000
2018					
Aset kewangan					
Bukan semasa					
Penghutang jangka panjang	-	-	6,324	6,324	6,324
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	-	152,533	-	152,533	151,972
	-	152,533	6,324	158,857	158,296
2017					
Aset kewangan					
Bukan semasa					
Penghutang jangka panjang	-	-	8,234	8,234	8,234
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	-	245,831	-	245,831	244,017
	-	245,831	8,234	254,065	252,251

Nilai saksama Tahap 1
Nilai saksama Tahap 1 diperoleh daripada sebut harga tak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset kewangan serupa yang entiti tersebut boleh diakses pada tarikh pengukuran.

Nilai saksama Tahap 2
Nilai saksama Tahap 2 dianggar dengan menggunakan input selain sebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset kewangan, sama ada secara langsung atau tak langsung.

Pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2
Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2 semasa tahun kewangan. (2017: tiada pindahan dalam mana-mana arah)

Nilai saksama Tahap 3
Nilai saksama Tahap 3 dianggar dengan menggunakan input tak boleh cerap bagi aset kewangan tersebut.

Instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama

Jenis	Huraian teknik penilaian dan input yang digunakan
Penghutang jangka panjang	Aliran tunai terdiskaun menggunakan kaedah berasaskan kadar peminjaman pasaran semasa.

20. Pengurusan rizab

Objektif pengurusan kewangan SC adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan SC melaksanakan kewajipan dan fungsinya secara bebas dan berkesan. Pihak pengurusan memantau komitmen modal jangka panjang untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia untuk memenuhi obligasi. Pelaburan SC diurus secara berhemah untuk memastikan dana terpelihara.

21. Perubahan ketara dalam dasar-dasar perakaunan

Sepanjang tahun ini, SC mengguna pakai MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan* dan MFRS 9, *Instrumen Kewangan dalam penyata kewangan*. Secara amnya, SC mengaplikasi keperluan piawaian perakaunan secara retrospektif dengan bahan-bahan praktikal dan pengecualian peralihan sebagaimana yang dibenarkan oleh piawaian. Walau bagaimanapun, seperti yang dibenarkan dalam MFRS 9, SC memilih tidak menyatakan semula perbezaannya. Tiada kesan ketara daripada penggunaan MFRS 15.

21.1 Perakaunan untuk instrumen kewangan

a. Peralihan

Dalam penggunaan MFRS 9, pengecualian peralihan berikut yang dibenarkan oleh piawaian telah diterima pakai:

(i) SC tidak menyatakan semula maklumat perbandingan untuk tempoh terdahulu berkenaan dengan keperluan klasifikasi dan pengukuran. Sehubungan itu, maklumat yang dibentangkan untuk tahun 2017 tidak secara amnya mencerminkan keperluan MFRS 9, tetapi sebaliknya dari MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*.

(ii) Penilaian berikut telah dibuat berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh permohonan awal:
– penentuan model perniagaan di mana aset kewangan dipegang

(iii) Peruntukan kerugian bagi penghutang (selain dari penghutang perdagangan) diiktiraf pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat sehingga penghutang tidak diiktiraf.

b. Klasifikasi aset kewangan dan liabiliti kewangan pada tarikh penggunaan awal MFRS 9

Jadual berikut menunjukkan kategori pengukuran di bawah MFRS 139 dan kategori pengukuran baru di bawah MFRS 9 bagi setiap kelas aset kewangan dan liabiliti kewangan SC pada 1 Januari 2018:

Kategori di bawah MFRS 139	31 Disember 2017 RM	1 Januari 2018 Pengkelasan semula kepada kategori MFRS 9 AC RM
Aset kewangan		
Pinjaman dan penghutang		
Penghutang lain	8,234	8,234
Pelaburan lain	451,306	451,306
Penghutang perdagangan dan lain lain	27,838	27,838
Tunai dan kesetaraan tunai	62,101	62,101
	549,479	549,479
Dipegang hingga matang		
Pelaburan lain	274,005	274,005
Liabiliti kewangan		
Liabiliti kewangan lain diukur pada kos terlunas		
Pemiutang lain dan akruan	(59,372)	(59,372)

(i) Pengelasan semula daripada pinjaman dan penghutang kepada kos pelunasan

Penghutang perdagangan dan penghutang lain-lain dan tunai dan kesetaraan tunai yang dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang di bawah MFRS 139 kini diklasifikasi semula pada kos pelunasan.

(ii) Pengkelasan semula dari HTM kepada kos pelunasan

Bon yang disebutkan harga yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai HTM kini diklasifikasikan pada kos pelunasan kerana SC bercadang untuk memegang aset tersebut sehingga matang untuk mengumpul aliran tunai kontraktual.

KENYATAAN AHLI LEMBAGA

Pada pendapat para ahli, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 118 hingga 149 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 31 Disember 2018 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Lembaga:

.....

Syed Zaid Albar
Pengerusi

.....

Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon
Ahli

Kuala Lumpur

Tarikh: 30 Januari 2019

PERAKUAN BERKANUN

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 118 hingga 149 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960.*

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas **Vignaswaran A/L Kandiah**, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2019.

……..
Vignaswaran A/L Kandiah
Pegawai

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
W641
MOHD IBRAHIM BIN YAAKOB
01 Januari 2019
hingga
31 Disember 2021
MALAYSIA

Unit 50-10-1, Tingkat 10
Wisma UOA Damansara
No. 50, Jalan Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2081 3770

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 118 hingga 149.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan SC pada 31 Disember 2018, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan* di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada SC menurut Undang-Undang Kecil (Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil), dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional (Kod IESBA) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga SC Terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan SC yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditetapkan sebagai perlu oleh Ahli-ahli Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan SC yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan SC, Ahli-ahli Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menilai kesinambungan keupayaan SC sebagai suatu usaha berterusan, mendedahkan sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan kecuali sekiranya Ahli-ahli Lembaga berhasrat untuk membubarkan SC atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik kecuali berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan SC secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisisma profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan SC, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengenepian secara sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.

- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang wajar mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman SC.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunapakai oleh Ahli-ahli Lembaga dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan SC untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengenengahkan pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan SC di dalam laporan juruaudit, atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk membuat perubahan terhadap pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan tamatnya kesinambungan SC sebagai suatu usaha berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan SC, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang membolehkan penyata kewangan tersebut memberi suatu pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh pengauditan dan pemerhatian audit yang ketara, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti ketika audit kami.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli-ahli Lembaga, sebagai satu badan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.

KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Berkanun

Loh Kam Hian
Nombor Kelulusan: 02941/09/2020 J
Akauntan Berkanun

Petaling Jaya, Malaysia
Tarikh: 30 Januari 2019

CADANGAN KORPORAT

EKUITI

SC menerima 11 permohonan ekuiti pada 2018 yang mana 8 permohonan adalah untuk tawaran awam awal (IPO) dan 3 adalah untuk pemindahan penyenaraian. Sebanyak 9 permohonan ekuiti telah dipertimbangkan pada 2018 (Jadual 1).

Pada 2018, SC meluluskan 5 IPO untuk Pasaran Utama dengan jumlah dana yang diluluskan untuk dikumpul daripada IPO ini dianggarkan sebanyak RM4.87 bilion (Jadual 2) dengan permodalan pasaran agregat sebanyak RM14.19 bilion.

Terdapat 11 penyenaraian baharu pada 2018. Daripada 11 penyenaraian ini, 2 disenaraikan di Pasaran Utama dan 9 di Pasaran ACE. Jumlah dana yang dikumpul daripada penyenaraian baharu pada 2018 adalah lebih kurang RM0.61 bilion.

SC mendaftarkan 42 prospektus ekuiti pada 2018, yang terdiri daripada 14 prospektus untuk IPO, 1 prospektus untuk tawaran terhad bagi penjualan saham biasa dan 27 prospektus ringkas (Jadual 3).

Jadual 1

Status permohonan ekuiti

Permohonan	2018	2017
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	3	3
Diterima pada tahun semasa	11	8
Jumlah permohonan untuk dipertimbangkan	**14**	**11**
Diluluskan pada tahun semasa	(9)	(6)
Tidak diluluskan pada tahun semasa	(-)	(-)
Dikembalikan pada tahun semasa	(-)	(-)
Jumlah dipertimbangkan pada tahun semasa	**(9)**	**(6)**
Ditarik balik pada tahun semasa	(1)	(2)
Dibawa ke tahun hadapan	**4**	**3**

Jadual 2

Permohonan ekuiti yang diluluskan mengikut jenis cadangan

Jenis cadangan	2018		2017	
	Bilangan cadangan yang diluluskan	Amaun dikumpulkan (RM juta)	Bilangan cadangan yang diluluskan	Amaun dikumpulkan (RM juta)
IPO di Pasaran Utama: – Syarikat tempatan	5	4,867.79	3	3,770.00
Jumlah kecil	**5**	**4,867.79**	**3**	**3,770.00**
Penstrukturan semula/percantuman dan pemerolehan	–	–	1	–
Pemindahan daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama	4	–	2	–
JUMLAH	**9**	**4,867.79**	**6**	**3,770.00**

Jadual 3

Pendaftaran prospektus ekuiti

	2018	2017
Prospektus	15	11
Prospektus ringkas	27	31
JUMLAH	**42**	**42**

BON KORPORAT DAN SUKUK

Pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia mencatatkan jumlah penerbitan sebanyak RM105.45 bilion pada 2018, pengurangan sebanyak 15.56% daripada RM124.88 bilion yang diterbitkan pada 2017.

Pada 2018, SC menerima 57 serahan di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA) dan 2 permohonan bagi penerbitan bon korporat dan sukuk, berbanding 79 serahan dan 3 permohonan yang diterima pada tahun sebelumnya (Jadual 4). Bon korporat dan sukuk denominasi ringgit terus merupakan kebanyakan cadangan yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan jumlah nilai nominal sebanyak RM89.87 bilion, yang mana sukuk merangkumi 56.72% atau RM50.97 bilion (Jadual 5).

Terdapat pengurangan dalam keseluruhan profil kematangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgi yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC pada 2018. Profil kematangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgi dengan tempoh matang 1 hingga 7 tahun menunjukkan pengurangan sebanyak 14.29% manakala jumlah bon korporat dan sukuk denominasi ringgit dengan tempoh matang 8 hingga 15 tahun menyaksikan pengurangan sebanyak 37.50%. Terdapat juga pengurangan sebanyak 25.71% dalam jumlah bon

Jadual 4

Bilangan permohonan dan serahan bon korporat dan sukuk

(i) Serahan[1]	2018	2017
Diterima pada tahun semasa	57	79
(ii) Permohonan	**2018**	**2017**
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	1	1
Diterima pada tahun semasa	2	3
Jumlah yang dipertimbangkan	**3**	**4**
Diluluskan pada tahun semasa	(3)	(3)
Tidak diluluskan pada tahun semasa	-	-
Dikembalikan pada tahun semasa	-	-
Jumlah yang dipertimbangkan pada tahun semasa	**(3)**	**(3)**
Ditarik balik pada tahun semasa	-	-
Dibawa ke tahun hadapan	**-**	**1**

Nota:
[1] Menurut Rangka Kerja Serah dan Simpan

Jadual 5

Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan/diserahkan

Jenis terbitan	2018		2017	
	Bil. terbitan	Amaun nominal (RM juta)	Bil. terbitan	Amaun nominal (RM juta)
Bon korporat				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana	19	26,224.00	27	91,004.00
– Bon	2	10,080.00	3	2,080.00
– Stok pinjaman	3	802.88	3	674.92
Jumlah kecil	**24**	**37,106.88**	**33**	**93,758.92**
Sukuk				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana Islam	32	50,965.00	45	93,004.00
– Bon Islam	-	-	2	1,150.00
– Stok pinjaman Islam	-	-	-	-
Jumlah kecil	**32**	**50,965.00**	**47**	**94,154.00**
Gabungan bon korporat dan sukuk				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana Islam	2	1,800.00	–	–
Jumlah kecil	**2**	**1,800.00**	**-**	**-**
JUMLAH	**58**	**89,871.88**	**80**	**187,912.92**

korporat dan sukuk denominasi ringgit dengan tempoh matang melebihi 15 tahun, termasuk 9 penerbitan dengan kematangan berterusan (Carta 1).

Pada 2018, sejumlah 26 penarafan (berdasarkan penarafan awal) telah diberikan oleh agensi penarafan kredit ke atas terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan oleh/ diserahkan kepada SC. Bilangan terbitan yang tidak diberi penarafan menyusut sebanyak 20% (Carta 2).

Keperluan penarafan mandatori bagi bon korporat dan sukuk telah dimansuhkan berkuat kuasa Januari 2017.

Terdapat 2 sukuk denominasi mata wang asing diserahkan kepada SC pada 2018 oleh penerbit asing.

Carta 1

Tempoh bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan



Nota:
Tempoh kemudahan, dan bukan nota atau kertas yang diterbitkan di bawah kemudahan tersebut.

Carta 2

Ringkasan penarafan terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/ diluluskan

Penarafan jangka panjang



Penarafan jangka pendek



Nota:
Terbitan bon korporat atau sukuk boleh diberi lebih daripada 1 penarafan kredit (cth. bagi program kertas perdagangan/nota jangka sederhana, kedua-dua penarafan jangka pendek yang diberikan kepada kertas perdagangan dan penarafan jangka panjang diambil kira).

PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Di Malaysia, pengambilalihan dan percantuman dikawal selia oleh SC di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA), *Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 2016* (Kod) dan *Peraturan Pengambilalihan, Percantuman dan Pemerolehan Wajib* (Peraturan). Tujuan utama peraturan pengambilalihan adalah untuk menyediakan rangka kerja yang teratur untuk membolehkan pemerolehan atau penggabungan kawalan. Ia bermatlamat untuk memelihara integriti pasaran modal dengan memastikan layanan adil dan saksama kepada para pemegang saham dan memberi peluang kepada pemegang saham untuk menilai merit pengambilalihan melalui penzahiran maklumat berkaitan yang dilakukan dengan lengkap dan tepat pada masanya.

Pada 2018, SC mempertimbangkan 72 permohonan di bawah Peraturan-peraturan tersebut, berbanding 94 permohonan pada 2017. Sebanyak 18 dokumen tawaran telah diluluskan oleh SC pada 2018 yang melibatkan jumlah nilai tawaran sebanyak RM7.32 bilion atau purata RM406.57 juta setiap tawaran. SC juga meluluskan skim pampasan tunai kepada para pemegang saham yang dilaksanakan serentak dengan skim pengambilalihan yang sedang berjalan untuk menangani pencetus awal obligasi tawaran mandatori berkenaan dengan syarikat penerima tawaran yang sama. Jumlah nilai tawaran bagi tahun 2018 mencatat peningkatan sebanyak RM3.84 bilion berbanding tahun sebelumnya dan dicatatkan sebagai nilai tawaran tertinggi untuk pengambilalihan di bawah Kod tersebut bagi tempoh 5 tahun yang lalu (2017: 24 tawaran dengan jumlah nilai tawaran sebanyak RM3.48 bilion). Terdapat 4 tawaran pengambilalihan dilaksanakan melalui skim pada 2018, yang mewakili 22% daripada jumlah tawaran (2017: 7 skim atau 29%).

Tawaran terbesar bagi tahun ini adalah berkaitan dengan Unisem (M) Bhd, yang melibatkan nilai tawaran sebanyak RM1,816.86 juta serta merangkumi 25% daripada jumlah nilai tawaran untuk tahun 2018. Tawaran penting yang lain dari segi nilai adalah tawaran untuk OldTown Bhd dan Iskandar Waterfront City Bhd dengan nilai tawaran masing-masing sebanyak RM1,473.10 juta dan RM1,420.87 juta. Walau bagaimanapun, tawaran untuk Iskandar Waterfront City Bhd akhirnya luput apabila Ekovest Bhd gagal mendapatkan kelulusan yang diperlukan daripada para pemegang sahamnya. Secara agregat, 3 tawaran ini merangkumi 64% daripada jumlah nilai tawaran pada 2018.

Sektor hartanah meraih minat paling tinggi dengan 7 syarikat sasaran dengan jumlah nilai tawaran sebanyak RM2,508.71 juta, yang merangkumi 39% daripada jumlah bilangan tawaran dan 34% daripada jumlah nilai tawaran pada 2018. 4 tawaran melibatkan pihak asing sebagai pembuat tawaran, iaitu dari Belanda (untuk OldTown Bhd), Singapura (untuk LCTH Corporation Bhd), Filipina (untuk MCT Bhd) dan China (untuk Unisem (M) Bhd). Sementara itu, bilangan cadangan penswastaan syarikat tersenarai yang dilaksanakan melalui tawaran pengambilalihan kekal sama, dengan 7 tawaran mewakili 39% daripada jumlah bilangan tawaran pada 2018 (2017: 7 atau 29%).

Di samping itu, SC meluluskan 25 pekeliling nasihat bebas yang terdiri daripada 18 pekeliling berhubung dengan tawaran/skim pengambilalihan dan 7 pekeliling berhubung dengan pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori yang sebahagian besarnya timbul daripada pelaksanaan terbitan hak, lanjutan daripada prosedur penyelamat. SC juga meluluskan 15 permohonan untuk pengecualian daripada menjalankan tawaran pengambilalihan mandatori dan 13 permohonan untuk pelbagai perkara termasuk pengecualian atau peraturan lain (Jadual 6).

Jadual 6

Permohonan yang dipertimbangkan berkaitan dengan pengambilalihan, percantuman dan pemerolehan wajib

Jenis permohonan/ dokumen yang diluluskan	2018	2017
Kelulusan dokumen tawaran/skim	19	25
Kelulusan pekeliling nasihat bebas	25	33
Permohonan untuk pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori	15	18
Permohonan lain	13	18
JUMLAH	**72**	**94**

Selain mengawal selia tawaran firma serta mempertimbangkan permohonan rasmi, sejumlah besar sumber diperuntukkan kepada perundingan yang diminta untuk tawaran, pengecualian, perkara-perkara pihak berkaitan, urus niaga berpotensi yang menguntungkan dan pertanyaan umum berkaitan dengan pentafsiran dan penggunaan Kod dan Peraturan.

Sepanjang tahun ini, SC menganjurkan sesi dialog dengan pelbagai pihak berkepentingan sebagai sebahagian daripada kajian pasca pelaksanaan Peraturan yang dikeluarkan pada 2016, dan mengeluarkan surat kepada pengamal untuk memberikan penjelasan berhubung dengan pendapat yang diberikan oleh penasihat bebas untuk tawaran yang 'tidak adil tetapi munasabah'.

SC juga menjalankan pengawasan dan pertanyaan mengenai pelanggaran dan ketidakpatuhan yang berkaitan dengan pengambilalihan yang mungkin berlaku. Ini mengakibatkan beberapa tindakan diambil pada 2018 termasuk celaan dan denda kerana gagal melaksanakan tawaran mandatori. Ini juga termasuk notis pelanggaran atas pelbagai ketidakpatuhan seperti kelewatan menyampaikan notis tawaran pengambilalihan serta kelewatan menyediakan penzahiran urus niaga dalam tempoh tawaran dan urus niaga saham dalam tempoh yang terhad.

PENGURUSAN PELABURAN

PENGURUSAN DANA

Jumlah aset bawah pengurusan (AUM) syarikat pengurusan dana berlesen (FMC) di Malaysia susut sebanyak 4.21% kepda RM743.58 bilion berbanding RM776.23 bilion pada 2017. Pada 2018, 5 FMC teratas telah menyumbang kepada 57.42% daripada jumlah AUM berbanding 57.27% pada 2017 (Carta 1).

Sebahagian besar sumber dana bawah pengurusan adalah daripada dana unit amanah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, badan korporat, dan dana borong (Jadual 1). Dana tersebut diperuntukkan dalam pelbagai kelas aset dan lokasi, yang mana pelaburan dalam Malaysia oleh FMC dalah sebanyak RM590.03 bilion, mewakili 79.35% daripada jumlah AUM pada penghujung 2018 (Carta 2). Sebahagian besar pelaburan diperuntukkan dalam ekuiti dengan 47.24% pada penghujung 2018, berbanding

Jadual 1

Sumber dana bawah pengurusan pelanggan

Sumber dana	2018 (RM bilion)	2017 (RM bilion)
Dana unit amanah	426.18	426.98
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	112.13	118.50
Dana borong	64.95	84.68
Badan korporat	73.11	84.30
Badan berkanun dan agensi kerajaan	32.81	26.79
Lain-lain	19.58	19.93
Individu	10.06	9.66
Dana pencen swasta	4.76	5.39
JUMLAH	**743.58**	**776.23**

Carta 1

Aset yang diurus oleh FMC



Carta 2

Aset yang dilabur di dalam dan luar Malaysia



Carta 3

Pengagihan aset



Carta 4

Pengagihan aset di dalam dan luar Malaysia pada 31 Disember 2018



51.03% pada 2017 (Carta 3). Trend yang serupa turut diperhatikan dalam peruntukan aset di dalam dan luar Malaysia (Carta 4).

SKIM PELABURAN KOLEKTIF DAN SKIM PERSARAAN SWASTA

Pada 2018, dana unit amanah terus menjadi komponen terbesar industri skim pelaburan kolektif (CIS) Malaysia dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) sebanyak RM426.18 bilion dicatatkan pada 31 Disember 2018 (2017: RM426.98 bilion). Jumlah NAV industri dana unit amanah dari segi peratusan permodalan pasaran Bursa Malaysia adalah sebanyak 25.06% pada 31 Disember 2018 (2017: 22.39%) (Jadual 2). Pada 31 Disember 2018, 37 syarikat pengurusan yang diperbadankan di Malaysia diberi kelulusan untuk menawarkan dana unit amanah.

Bagi tahun ini, sebanyak 37 dana unit amanah baharu dilancarkan manakala 22 dana ditamatkan dan 9 dana mencapai kematangan, menjadikan jumlah dana unit amanah tersedia untuk pelabur sebanyak 650 pada 31 Disember 2018. Daripada jumlah tersebut, 426 dana adalah dana unit amanah konvensional manakala 224 adalah dana unit amanah patuh Syariah.

Industri dana unit amanah mencatatkan jumlah nilai jualan kasar sebanyak RM204.97 bilion dan syarikat pengurusan unit amanah merupakan pengedar utama dengan jualan berjumlah RM87.57 bilion (Jadual 3).

Dalam segmen dana borong, 43 dana baharu dilancarkan di bawah Rangka Kerja LOLA (Jadual 4) untuk pelabur sofistikated manakala 25 dana ditamatkan dan 6 dana mencapai kematangan pada 2018, yang menjadikan jumlah dana borong beroperasi kepada 307 pada 31 Disember 2018. Daripada jumlah tersebut, 231 dana adalah dana borong konvensional manakala 76 adalah dana borong patuh Syariah. Jumlah NAV dana borong pada 31 Disember 2018 ialah RM64.95 bilion (2017: RM84.68 bilion).

Sebanyak 4 dana telah diberi kelayakan sebagai dana SRI pada 2018 menurut pengenalan *Guidelines on Sustainable and Responsible Investment Funds* pada Disember 2017. Daripada jumlah tersebut, 2 adalah dana unit amanah dan 2 merupakan dana borong.

Pada 31 Disember 2018, 18 amanah pelaburan hartanah (REIT) tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan jumlah permodalan pasaran (termasuk kumpulan terikat) sebanyak RM41.43 bilion (2017: RM46.48 bilion). Jumlah saiz aset meningkat sedikit daripada RM51.21 bilion kepada RM52.77 bilion bagi tempoh yang sama. Pada 31 Disember 2018, hanya 1 REIT tidak tersenarai yang ditawarkan kepada pelabur sofistikated.

Dengan penyenaraian MyETF Dow Jones US Titans 50 pada 28 Februari 2018, jumlah dana dagangan bursa (ETF) tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 31 Disember 2018 adalah 10 dengan jumlah keseluruhan permodalan pasaran sebanyak RM1.98 bilion, peningkatan sebanyak 2.06% daripada jumlah keseluruhan permodalan pasaran sebanyak RM1.94 bilion pada 31 Disember 2017.

Jadual 2

Status keseluruhan industri dana unit amanah

	31 Disember 2018	31 Disember 2017
Bil. dana yang dilancarkan – Konvensional – Patuh Syariah	650 426 224	644 431 213
Unit dalam agihan (unit bilion)	629.24	562.39
Bilangan akaun (juta)*	21.06	20.08
Jumlah NAV (RM bilion) – Konvensional (RM bilion) – Patuh Syariah (RM bilion)	426.18 342.72 83.46	426.98 349.20 77.78
% daripada NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia^	25.06	22.39

Nota:
* Termasuk akaun pemegang unit dengan penasihat unit amanah institusi (IUTA) yang mengendalikan sistem akaun penama.
^ Perbandingan dibuat antara jumlah NAV industri dana unit amanah dan permodalan pasaran Bursa Malaysia bukanlah petunjuk amaun sebenar yang dilaburkan dalam Bursa Malaysia oleh dana unit amanah.

Jadual 3

Saluran pengagihan

	31 Disember 2018 RM bilion	31 Disember 2017 RM bilion
Syarikat pengurusan unit amanah	87.57	81.95
Penasihat unit amanah institusi	66.53	64.96
Perunding unit amanah	47.75	50.45
Penasihat unit amanah korporat	0.83	0.36
Lain-lain	2.29	2.51
JUMLAH	**204.97**	**200.23**

Pada 31 Disember 2018, hanya 1 dana tertutup (CEF) tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM345.80 juta (2017: RM397.60 juta).

Bilangan dana PRS kekal dengan 12 skim yang terdiri daripada 56 dana pada 31 Disember 2018. Daripada jumlah tersebut, 31 adalah dana konvensional manakala 25 adalah dana patuh Syariah. Jumlah NAV industri sebanyak RM2.68 bilion pada 31 Disember 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 20.18% berbanding jumlah NAV sebanyak RM2.23 bilion pada 31 Disember 2017.

Bagi tahun ini, SC mempertimbangkan 350 permohonan berkaitan dengan CIS dan PRS, yang terdiri daripada permohonan untuk menubuhkan dana baharu, pendaftaran prospektus, pendaftaran surat ikatan dan permohonan sampingan lain (Jadual 4).

Jadual 4

Bilangan permohonan dan penyerahan berhubung dengan skim pelaburan kolektif dan skim persaraan swasta

(i) Serahan	Diserahkan		Dilancarkan	
	2018	2017	2018	2017
Dana borong	45[1]	48	43	49

(ii) Permohonan	Dipertimbangkan		Diluluskan		Menunggu pertimbangan	
	2018	2017	2018	2017	Pada 31 Disember 2018	Pada 31 Disember 2017
Penubuhan skim pelaburan kolektif	**43**	**51**	**43**	**51**	**5**	**5**
– Dana unit amanah	42	47	42[2]	47	5	5
– Amanah pelaburan hartanah	-	2	-	2	-	-
– Dana dagangan bursa	1	2	1	2	-	-
Peningkatan dalam saiz had dana	**2**	**6**	**2**	**6**	-	-
– Dana unit amanah	1	4	1	4	-	-
– Amanah pelaburan hartanah	1	2	1	2	-	-
Pengecualian / kelainan daripada garis panduan	9	14*	8	13*	3	1
Pendaftaran prospektus / dokumen penzahiran	124	207	124	207	8	9
Pendaftaran surat ikatan	120	110	120	110	7	9
Permohonan lain	52	57	51	57	3	3
JUMLAH	**350**	**445**	**348**	**444**	**26**	**27**

Nota:
[1] Termasuk 2 dana yang layak sebagai dana pelaburan mampan dan bertanggungjawab (Dana SRI)
[2] Termasuk 2 dana yang layak sebagai Dana SRI
* Permohonan pensijilan cukai kini diklasifikasikan semula sebagai "permohonan lain"

PRODUK PELABURAN

Waran berstruktur

Terdapat 6 penerbit waran berstruktur yang layak pada tahun 2018. SC menerima dan mendaftarkan 6 prospektus asas dan 9 prospektus tambahan daripada penerbit tersebut pada 2018 (Jadual 5).

Sebanyak 1,037 kertas terma bagi penawaran waran berstruktur didaftarkan pada 2018, menunjukkan peningkatan sebanyak 12.11% berbanding 925 kertas terma didaftarkan pada 2017. Peningkatan tersebut disebabkan oleh terbitan aktif oleh penerbit bagi memenuhi minat pelabur dalam tahun berkenaan.

Pada 2018, terdapat peningkatan terbitan waran berstruktur berdasarkan saham daripada 788 pada tahun 2017 kepada 879. Selain itu, terbitan waran berstruktur berdasarkan indeks meningkat kepada 140 pada 2018 berbanding 120 pada tahun sebelumnya.

Kertas terma yang didaftarkan pada 2018 membolehkan penerbit waran berstruktur menawarkan waran berstruktur sehingga berjumlah 53.19 bilion.

Jadual 5

Waran berstruktur yang dipertimbangkan

	2018	2017
Bilangan penerbit yang layak	6	7
Prospektus asas yang didaftarkan	6	5*
Prospektus tambahan yang didaftarkan	9	12
Kertas terma yang didaftarkan	1,037	925
Saiz terbitan (bilion waran)	**53.19**	**48.25**

Nota:
* 2 penerbit tidak memperbaharui prospektus asas yang telah tamat pada tahun 2017.

Produk berstruktur

Pada 2018, 16 penerbit menyerahkan 21 program produk berstruktur baharu kepada SC di bawah Rangka Kerja LOLA bagi produk pasaran modal tidak tersenarai. Program tersebut terdiri daripada pelbagai jenis rujukan pendasar dan mempunyai saiz agregat sebanyak RM100.05 bilion dengan setiap program mempunyai had saiz sehingga RM5.0 bilion (Jadual 6).

Jadual 6

Program produk berstruktur yang dipertimbangkan

	2018		2017	
Bilangan penerbit yang menyerahkan program baharu	16		9	
	Bilangan program	Saiz (RM bilion)	Bilangan program	Saiz (RM bilion)
Prinsip				
– Konvensional	17	85.00	20	100.00
– Islam	4	15.05	-	-
JUMLAH	**21**	**100.05**	**20**	**100.00**

PASARAN MODAL ISLAM

Pasaran modal Islam membentuk 60.55% daripada pasaran modal Malaysia. Saiz pasaran ini ialah RM1,880.73 bilion pada 2018 berbanding RM1,893.47 bilion pada hujung 2017. Ini termasuk jumlah permodalan pasaran ekuiti patuh Syariah sebanyak RM1,036.52 bilion dan jumlah sukuk belum tebus sebanyak RM844.21 bilion (Carta 1 dan Jadual 1).

Sekuriti patuh syariah

SC mengeluarkan senarai sekuriti patuh Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) yang telah dikemas kini pada Mei dan November 2018. Senarai tersebut, yang berkuat kuasa pada 30 November 2018 memaparkan sejumlah 689 sekuriti patuh Syariah. 33 sekuriti patuh Syariah yang baru diklasifikasikan dimasukkan dalam senarai tersebut dan 34 sekuriti daripada senarai terdahulu yang diterbitkan pada Mei 2018 telah dikeluarkan daripada senarai yang telah dikemas kini.

Pada penghujung Disember 2018, bilangan sekuriti kekal pada 689 sekuriti patuh Syariah, membentuk 75.30% daripada 915 sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia. Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah berjumlah RM1,036.52 bilion atau 60.96% daripada jumlah permodalan pasaran, penyusutan sebanyak 8.58% berbanding dengan penghujung 2017 (Carta 2 dan Jadual 2).

Carta 1

Saiz pasaran modal Islam



Carta 2

Peratus bilangan dan permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah



Sukuk

Pada 2018, sebanyak 58 bon dan sukuk korporat denominasi ringgit telah diluluskan, dan diserahkan kepada SC berjumlah RM89.87 bilion, di mana 32 daripadanya merupakan sukuk yang bernilai RM50.97 bilion (Carta 3). Nilai sukuk ini mewakili 56.72% daripada jumlah bon dan sukuk korporat baharu yang diluluskan dan diserahkan.

Dari segi penerbitan, sukuk korporat mewakili 68.92% (2017: 70.19%) daripada jumlah penerbitan bon dan sukuk korporat sementara sukuk belum tebus membentuk 76.01% (2017: 75.14%) daripada jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus (Jadual 3).

Secara keseluruhannya, penerbitan sukuk oleh Kerajaan dan korporat pada 2018 mewakili 51.80% (2017: 53.05%) daripada jumlah penerbitan bon dan sukuk manakala jumlah sukuk belum tebus mewakili 60.05% (2017: 58.80%) daripada jumlah bon dan sukuk belum tebus (Jadual 4).

Pengurusan dana Islam

Aset bawah pengurusan (AUM) Islam berjumlah RM158.83 bilion, mencatatkan pengurangan sebanyak 7.74%, daripada RM172.16 bilion pada penghujung 2017 (Carta 4). Bilangan CIS Islam menyaksikan peningkatan daripada 324 pada 2017 kepada 335 pada penghujung 2018. Pada tahun ini, dua dana SRI Islam telah dilancarkan, satu daripadanya ialah unit amanah dan satu lagi ialah dana borong. Pada penghujung 2018, terdapat 53 syarikat pengurusan dana yang mengurus dana Islam, dengan 22 syarikat pengurusan dana Islam sepenuhnya dan 31 syarikat pengurusan dana yang menawarkan produk Islam.

Carta 3

Sukuk korporat diluluskan / diserah dengan SC



Carta 4

AUM pengurusan dana Islam



STATISTIK UTAMA

Jadual 1

Saiz ICM

Pasaran modal Islam	2018 RM bilion	2017 RM bilion
Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah	1,036.52	1,133.83
Saiz sukuk belum tebus	844.21	759.64
Jumlah saiz ICM	1,880.73	1,893.47
% ICM berbanding pasaran modal	60.55%	59.19%

Jadual 2

Sekuriti patuh syariah

	2018	2017
Bilangan sekuriti:		
Sekuriti patuh Syariah	689	688
Jumlah sekuriti tersenarai	915	905
% sekuriti patuh Syariah berbanding jumlah sekuriti tersenarai	75.30%	76.02%

Permodalan pasaran (RM bilion)	2018	2017
Sekuriti patuh Syariah	1,036.52	1,133.83
Jumlah permodalan pasaran	1,700.37	1,906.84
% sekuriti patuh Syariah berbanding jumlah keseluruhan permodalan pasaran	60.96%	59.46%

Jadual 3

Sukuk korporat

Sukuk yang diluluskan/diserahkan	2018	2017
Bilangan sukuk	32	47
Saiz sukuk (RM billion)	50.97	94.15
Saiz jumlah keseluruhan bon dan sukuk korporat (RM bilion)	89.87	187.91
% sukuk berbanding jumlah keseluruhan bon korporat dan sukuk yang diluluskan/diserah	56.72%	50.11%
Jumlah penerbitan (RM bilion) (jangka panjang)	**2018**	**2017**
Penerbitan sukuk	72.68	87.65
Jumlah penerbitan bon dan sukuk korporat	105.45	124.88
% sukuk berbanding jumlah keseluruhan penerbitan bon dan sukuk korporat	68.92%	70.19%
Jumlah sukuk belum tebus (RM bilion) (jangka panjang)	**2018**	**2017**
Sukuk belum tebus*	497.21	454.49
Jumlah keseluruhan bon dan sukuk korporat belum tebus	654.11	604.88
% sukuk berbanding jumlah keseluruhan bon dan sukuk korporat belum tebus	76.01%	75.14%

* termasuk 5 sukuk hijau

Jadual 4

Sukuk kerajaan dan korporat

Jumlah penerbitan (RM bilion)	2018	2017
Penerbitan sukuk	199.90	168.68
Jumlah penerbitan bon dan sukuk	385.93	317.94
% sukuk berbanding jumlah keseluruhan penerbitan bon dan sukuk	51.80%	53.05%
Jumlah sukuk belum tebus (RM bil)	**2018**	**2017**
Sukuk belum tebus	844.21	759.64
Jumlah keseluruhan bon dan sukuk belum tebus	1,405.78	1,291.91
% sukuk berbanding jumlah bon dan sukuk belum tebus	60.05%	58.80%

Jadual 5

Aset bawah pengurusan Islam (AUM)

	2018	2017
AUM Islam (RM bilion)	158.83	172.16
Jumlah pengurusan dana industri (RM bilion)	743.58	776.23
% AUM Islam berbanding jumlah pengurusan industri	21.36%	22.18%

Jadual 6

Dana unit amanah Islam (UTF)

	2018	2017
UTF Islam*	224	213
Jumlah keseluruhan industri	650	644
NAV UTF Islam (RM bilion)	83.45	77.78
NAV jumlah industri (RM bilion)	426.18	426.98
% NAV UTF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	19.58%	18.22%

* termasuk 1 dana SRI

Jadual 7

Dana borong Islam (WF)

	2018	2017
WF Islam*	76	77
Jumlah keseluruhan industri	307	295
NAV WF Islam (RM bilion)	23.58	37.72
NAV jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	64.95	84.68
% NAV WF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	36.30%	44.54%

* termasuk 1 dana SRI

Jadual 8

Dana skim persaraan swasta (PRS) Islam

	2018	2017
PRS Islam	25	25
Jumlah keseluruhan industri	56	56
NAV PRS Islam (RM bilion)	0.82	0.72
NAV jumlah keseluruhan industri	2.68	2.23
% NAV PRS Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	30.60%	32.29%

Jadual 9

Dana dagangan bursa (ETF) Islam

	2018	2017
ETF Islam	6	5
Jumlah keseluruhan industri	10	9
Permodalan pasaran ETF Islam (RM bilion)	0.55	0.47
Permodalan pasaran keseluruhan industri (RM bilion)	1.98	1.94
% permodalan pasaran ETF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	27.78%	24.20%

Jadual 10

Amanah pelaburan hartanah (REIT) Islam

	2018	2017
REIT Islam	4	4
Jumlah keseluruhan industri	18	18
Permodalan pasaran REIT Islam (RM bilion)	17.19	19.07
Permodalan pasaran jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	41.43	46.48
% permodalan pasaran REIT Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	41.49%	41.02%

MODAL TEROKA DAN EKUITI SWASTA

Jumlah syarikat yang berdaftar adalah sebanyak 117 pada 31 Disember 2018 (Jadual 1). Segmen modal teroka terdiri daripada 105 syarikat berdaftar (VCMC dan VCC), manakala segmen ekuiti swasta terdiri daripada 12 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta (PEMC) dan syarikat ekuiti swasta (PEC)). Tahun ini menyaksikan beberapa syarikat tempatan yang berdaftar serta pejabat tempatan firma serantau seperti RHL Ventures Sdn Bhd, Sun SEA Capital Sdn Bhd dan VVP Advisors (Malaysia) Sdn Bhd.

Bilangan syarikat penerima pelaburan meningkat daripada 381 pada 2017 kepada 387 pada 2018. Pada penghujung 2018, bilangan profesional yang diambil bekerja oleh industri dengan sekurang-kurangnya empat tahun pengalaman adalah seramai 235 orang.

Jumlah dana komited dalam industri pada akhir 2018 adalah sebanyak RM6.1 bilion (Jadual 2). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembatalan pendaftaran VC utama. Namun 2018, menyaksikan peningkatan aktiviti pelaburan sebanyak 46.8%, berjumlah RM613.3 juta yang dilaburkan daripada RM417.8 juta pada 2017. Pada penghujung tahun dalam tinjauan, jumlah pelaburan terkumpul adalah RM3.1 bilion.

Bagi penyahlaburan, terdapat pengurangan daripada RM375.2 juta pada 2017 kepada RM161.1 juta pada 2018. Dalam hal ini, penyahlaburan, sama ada sebahagian atau penuh, melibatkan 75 syarikat penerima pelaburan yang telah dinyahlabur pada 2018 berbanding 59 syarikat pada 2017. Penyahlaburan yang dicatatkan sepanjang tahun ini kebanyakannya melalui IPO dan jualan atau pengagihan kepada pelabur.

Jadual 1

Statistik peserta industri

	31 Disember 2018	31 Disember 2017
Bilangan syarikat berdaftar	117	110
Bilangan VCMC dan VCC berdaftar	105	101
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar	12	9
Bilangan syarikat penerima pelaburan	387	381
Bilangan profesional[1]	235	182

[1] Profesional dengan lebih 4 tahun pengalaman.

Jadual 2

Statistik utama industri (angka dalam RM juta)

	31 Disember 2018	31 Disember 2017
Jumlah dana komited bawah pengurusan [1]	6,084.19	7,003.02
Jumlah modal dikeluarkan [2]	4,102.12	3,651.62
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	1,982.06	3,351.40
TJumlah pelaburan pada penghujung tempoh	3,116.33	2,454.37
	Sepanjang 2018	**Sepanjang 2017**
Pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan	613.28	417.83
Penyahlaburan	160.96	375.20

Carta 1

Sumber dana (2018: RM6.08 bilion)



Carta 2

Pelaburan mengikut peringkat pembiayaan (2018: RM613.28 juta)



Nota:
Agensi kerajaan dan syarikat pelaburan: Termasuk syarikat-syarikat pelaburan kementerian (contohnya Menteri Kewangan (Diperbadankan), agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang ditubuhkan bagi tujuan menguruskan pelaburan dana awam. (contohnya PNB, Ekuinas).

Jadual 3

Pelaburan sepanjang 2018

Peringkat Perniagaan	Pelaburan baharu (RM'000)	% daripada jumlah pelaburan	Bilangan syarikat
Semai	-	-	-
Permulaan	4,920.77	0.80%	5
Peringkat awal	285,030.30	46.48%	35
Pertumbuhan	247,963.88	40.43%	61
Pengantara/mezanin/pra-IPO	4,135.99	0.67%	3
Pemulihan/Penyusunan semula	6,182.11	1.01%	6
Lain-lain	65,044.29	10.61%	7
Jumlah pelaburan	**613,277.34**	**100.00%**	**117**

Dana awam masih kekal sebagai sumber modal terbesar bagi industri dengan agensi kerajaan dan syarikat pelaburan membentuk 40.2% manakala dana kekayaan negara menyumbang sebanyak 30.2%. Sumbangan sektor swasta kepada industri didahului oleh pengurus aset (9.7%) diikuti oleh pelabur korporat (10.8%) dan pelabur individu dan perniagaan keluarga (5.1%).

Tiga syarikat berdaftar teratas dari segi amaun komitmen pelabur pada penghujung 2018 ialah Xeraya Capital, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan COPE Private Equity Sdn Bhd.

Syarikat penerima pelaburan pada peringkat awal dan pertumbuhan menerima sebahagian besar pembiayaan pada 2018 di mana 96 syarikat penerima pelaburan menerima pembiayaan berjumlah RM533 juta, merangkumi 86.9% daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun ini (Jadual 3).

Pelaburan bagi peringkat permulaan adalah 0.8% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang dibuat pada tahun ini, di mana pelaburan tersebut disalurkan kepada 5 syarikat penerima pelaburan.

Carta 3

Pelaburan sepanjang tahun, peratusan mengikut sektor



Pelaburan dalam sektor sains hayat menyumbang kepada 49.6% sepanjang tahun ini. Pelaburan ini disalurkan terutamanya kepada peralatan kepada perubatan, farmaseutikal dan bioteknologi alam sekitar. Sektor IT dan komunikasi menunjukkan peningkatan dalam bahagian pelaburan sebanyak 22.7% manakala sektor pengilangan pula menyusut kepada 5.9% (Carta 3).

Sektor lain mencatatkan pelaburan sebanyak 21.8%. Sektor tersebut termasuk pelaburan dalam perniagaan borong dan runcit, media kreatif, logistik pendidikan dan perkhidmatan kewangan.

Penyahlaburan pada 2018 tertumpu kepada syarikat penerima pelaburan dalam peringkat pertumbuhan berjumlah kira-kira RM95 juta, mewakili 59% daripada jumlah penyahlaburan sepanjang tahun ini. (Jadual 4)

Jadual 4

Penyahlaburan sepanjang 2018

Peringkat perniagaan	Penyahlaburan (RM '000)	% jumlah penyahlaburan	Bilangan syarikat
Semai	618.00	0.38%	2
Permulaan	1,458.76	0.91%	5
Peringkat awal	9,175.58	5.70%	12
Pertumbuhan	94,916.08	58.97%	39
Pengantara/mezanin/pra-IPO	841.77	0.53%	4
Pemulihan/penyusunan semula	9,744.92	6.05%	6
Lain-lain	44,208.17	27.46%	7
Jumlah penyahlaburan	**160,963.28**	**100.00%**	**75**

PENDANAAN EKUITI RAMAI DAN PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA

PENDANAAN EKUITI RAMAI

Sejak ia dimulakan, pendanaan ekuiti ramai (ECF) telah berjaya mengumpul sejumlah RM48.87 juta (Carta 1) melalui 51 kempen daripada 50 penerbit pengumpulan dana dengan kadar kejayaan kempen sebanyak 93%. Pada 2018, sejumlah RM15.06 juta dikumpulkan oleh 14 penerbit (Carta 2).

Antara kempen yang berjaya sehingga kini, 47% mengumpul sebanyak RM500,000 dan ke bawah (Carta 3).

Carta 2

Bilangan penerbit dengan kempen berjaya, mengikut tahun



Carta 1

Modal yang dikumpulkan



Carta 3

Agihan mengikut kuantiti pengumpulan dana



* *Angka-angka 2017 telah diselaraskan menurut angka terkini yang dilaporkan oleh Pengendali Pasaran yang Diiktiraf (RMO).*
** *Angka menunjukkan bilangan penerbit pada tahun ini termasuk penerbit yang menganjurkan pelbagai kempen pada berbilang tahun.*

Carta 4

Demografi umur pelabur



Carta 5

Jenis pelabur



Berdasarkan demografi umur pelabur individu, sebanyak 35% pelabur berumur di bawah 35 tahun (Carta 4). Bagi jenis pelabur, pelabur runcit membentuk 54% daripada pangkalan pelabur (Carta 5).

Pelabur tempatan merangkumi 94% daripada jumlah pelabur, manakala pelabur asing terdiri daripada yang selebihnya 6% (Carta 6).

Carta 6

Agihan pelabur individu mengikut kewarganegaraan



PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA

Pada 2017 sahaja, terdapat 2,505 kempen pembiayaan antara rakan setara (P2P) yang berjaya dimuktamadkan dalam kalangan 643 penerbit, dengan sejumlah RM212.65 juta dikumpulkan. Secara ketara, penerbit mengumpul dana melalui platform pembiayaan P2P telah mencatatkan kadar kejayaan kempen sebanyak 99%. Pada 2018, sejumlah RM180.05 juta berjaya dikumpulkan, menunjukkan peningkatan sebanyak 452% berbanding 2017.

Antara kempen pengumpulan dana yang berjaya, 91% mengumpul sebanyak RM200,000 dan kurang daripadanya (Carta 9). 22% penerbit berjaya mengumpul dana lebih daripada sekali (Carta 10).

Carta 8

Bilangan penerbit dengan kempen berjaya, mengikut tahun



Carta 7

Modal yang dikumpulkan



Carta 9

Agihan mengikut kuantiti pengumpulan dana



* *Angka-angka 2017 telah diselaraskan menurut angka terkini yang dilaporkan oleh RMO.*
** *Angka menunjukkan bilangan penerbit pada tahun ini termasuk penerbit yang menganjurkan pelbagai kempen pada berbilang tahun.*

Carta 10

Bilangan penerbit dengan kempen yang berjaya



Carta 11

Demografi umur pelabur



Berasaskan demografi umur pelabur individu, kebanyakan pelabur berumur di bawah 35 tahun, merangkumi 57% daripada jumlah pelabur (Carta 11). 93% pelabur telah melabur dalam pelbagai kempen (Carta 12).

Majoriti pelabur adalah dari sektor runcit mewakili sebanyak 87%, disokong oleh penyertaan yang lebih ramai pelabur tempatan yang merangkumi 99% daripada jumlah pangkalan pelabur.

Carta 12

Pelabur ulangan melalui pelbagai kempen



PEMBERIAN KEBENARAN DAN PELESENAN

Bilangan perantara berlesen termasuk pemegang lesen individu berjumlah 242 berbanding 236 pada tahun sebelumnya. Bilangan wakil berlesen meningkat sedikit kepada 9,587 berbanding 9,545 pada tahun sebelumnya. Pada tahun ini, sebanyak 805 Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) baharu dikeluarkan bagi menjalankan pelbagai aktiviti yang dikawal selia. Segmen khidmat nasihat terus menarik kemasukan peserta baharu, terutamanya segmen perancangan kewangan.

Pada tahun ini, SC telah meliberalisasikan Rangka Kerja Pendidikan Profesional Berterusan (Rangka Kerja CPE) bagi memberikan lebih kelonggaran dan cara untuk mengumpul mata CPE. Rangka kerja CPE yang dipertingkat tersebut menggabungkan perubahan utama seperti pemilihan mod pembelajaran yang lebih luas, sistem pemberian mata CPE yang fleksibel yang mengiktiraf sumbangan pendidikan oleh individu berpengalaman. *Guidelines on Compliance with the Continuing Professional Education (CPE) Requirement* yang baharu telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2018.

Terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan Wakil Pemasaran yang didaftarkan, iaitu daripada 320 kepada 541 pada Disember 2018. Manakala, bilangan Wakil Niaga Dagangan berdaftar menurun sedikit kepada 126 berbanding 139 pada tahun sebelumnya.

Pada 2018, sejumlah 7 lesen baharu telah dikeluarkan yang mana 5 dikeluarkan kepada syarikat bagi pengurusan dana dan 2 kepada syarikat bagi aktiviti perancangan kewangan. SC terus menyaksikan minat terhadap segmen pengurusan dana dan perancangan kewangan. Juga terdapat minat terhadap pendigitalan dalam segmen pengurusan dana. Berhubung dengan penamatan aktiviti, 1 Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) telah ditamatkan berikutan penyusunan semula perniagaan dan ketidakupayaan untuk meneruskan perniagaan mereka.

Pada 31 Disember 2018, terdapat 242 pemegang CMSL yang menjalankan pelbagai aktiviti yang dikawal selia seperti yang ditakrifkan di bawah Jadual 2 CMSA. (Jadual 1)

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

Mengikut aktiviti teras	2018	2017
Urus niaga dalam sekuriti[1]	39	39
Urus niaga dalam derivatif	8	8
Pengurusan dana	98	93
Nasihat kewangan korporat	42	43
Nasihat pelaburan	16	16
Nasihat pelaburan (individu)	1	1
Perancangan kewangan	35	33
Perancangan kewangan (individu)	3	3
JUMLAH	**242**	**236**

Nota:
[1] termasuk 6 CMSL bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah dan 1 CMSL bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai.

Mengikut aktiviti dikawal selia	2018	2017
Urus niaga dalam sekuriti		
Bank pelaburan	10	10
Broker universal	1	1
Syarikat broker saham 1+1	12	12
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Rumah terbitan	2	2
	32	**32**
Urus niaga dalam derivatif		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	8	8
	18	**18**
Penjelasan		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	7	7
	17	**17**

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Sambungan*)

Mengikut aktiviti dikawal selia	2018	2017
Pengurusan dana		
Pengurusan portfolio		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	25	24
Pengurus dana asing skim khas	5	5
Pengurus dana Islam	21	20
Pengurus dana khidmat khas (boutique)	3	2
Pengurus pelaburan digital	1	-
Lain-lain	24	24
Pengurusan aset		
Amanah pelaburan hartanah	19	18
	99	**94**
Nasihat kewangan korporat		
Bank pelaburan	10	10
Syarikat broker saham 1+1	6	6
Syarikat broker saham asing skim khas	6	6
Syarikat kewangan korporat lain/kendiri/khidmat khas	43	44
	65	**66**
Nasihat pelaburan		
Bank pelaburan	8	8
Syarikat broker saham 1+1	8	8
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Syarikat pengurusan unit amanah	2	2
Syarikat kewangan korporat lain/kendiri/khidmat khas	23	22
	48	**47**
Perancangan kewangan		
Syarikat pengurusan unit amanah	5	4
Penasihat unit amanah korporat	17	15
Syarikat perancangan kewangan lain/kendiri/khidmat khas	21	21
	43	**40**
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah		
Syarikat pengurusan unit amanah	30	30
Pengurus dana Islam	8	7
Penasihat unit amanah korporat	17	15
Lain-lain	1	1
	56	**53**

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Sambungan*)

Mengikut aktiviti dikawal selia	2018	2017
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai		
Lain-lain	1	1
	1	**1**
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada bon OTC		
Lain-lain	1	1
	1	**1**
Urus niaga dalam skim persaraan swasta		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	9	9
Penasihat skim persaraan swasta korporat	17	12
Lain-lain	2	2
	29	**24**
JUMLAH BESAR	**409**	**393**

Jadual 2

Pemegang Lesen Wakil Niaga Perkhidmatan Pasaran Modal

Mengikut aktiviti teras	2018	2017
Urus niaga dalam sekuriti	6,373	6,431
Urus niaga dalam derivatif	495	521
Pengurusan dana	818	817
Nasihat kewangan korporat	761	772
Nasihat pelaburan	307	293
Perancangan kewangan	833	711
JUMLAH BESAR	**9,587**	**9,545**

Jadual 3

Permohonan lesen syarikat baharu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Dikeluarkan	-	1*	-	-	5	3	-	4	-	-	2	4

Nota:
* Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai.

Jadual 4

Permohonan lesen wakil niaga baharu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Dikeluarkan	317	261	40	68	100	107	128	150	52	68	168	138
Ditarik balik*	43	40	9	14	83	53	23	43	7	13	77	114
Dipulangkan*	145	138	20	44	84	92	54	64	24	33	128	94

Nota:
* Mengikut aktiviti yang dikawal selia.

Jadual 5

Penamatan lesen syarikat/individu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan		Perancangan kewangan (individu)	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Ditamatkan	-	-	-	-	-	1	1	1	-	-	-	-	-	1
Dibatalkan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Digantung	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Jadual 6

Penamatan lesen wakil niaga

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Ditamatkan*	453	529	88	131	97	105	135	144	39	46	47	50
Dibatalkan	2	8	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-
Digantung	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Nota:
* mengikut aktiviti yang dikawal selia

PENGUATKUASAAN

Pada 2018, SC menerima 17 rujukan mengenai kemungkinan pelanggaran kesalahan sekuriti kebanyakannya susulan pemantauan aktif ke atas aktiviti pasaran dan korporat SC serta rujukan daripada pihak berkuasa tempatan. Lebih separuh daripada rujukan ini berkaitan dengan kesalahan penipuan sekuriti dan manipulasi pasaran, yang merupakan peralihan daripada trend tahun-tahun sebelumnya di mana kebanyakan rujukan adalah berkaitan dengan kesalahan dagangan orang dalam (Carta 1).

Pada 31 Disember 2018, terdapat 43 penyiasatan aktif. Sebahagian besar sumber siasatan telah digunakan untuk mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan salah laku pasaran yang melibatkan dagangan orang dalam dan manipulasi pasaran. Di samping itu, sepertiga daripada siasatan aktif tahun ini melibatkan pelanggaran tadbir urus korporat yang berkaitan dengan salah laku pengarah dan pegawai PLC yang menyebabkan

Carta 2

Siasatan aktif mengikut jenis kesalahan



Carta 1

Jumlah rujukan mengikut jenis kesalahan



kerugian yang salah kepada PLC serta kes-kes penipuan sekuriti (Carta 2).

Bahagian penting proses siasatan adalah pengumpulan bukti dokumentasi dan lisan. Pegawai Penyiasat SC diberi kuasa penyiasatan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* untuk memudahcarakan pengumpulan bukti tersebut.

Pada 2018, Pegawai Penyiasat SC mencatatkan kenyataan saksi daripada sejumlah 381 individu (Carta 3). Hampir separuh kenyataan ini direkodkan daripada para profesional (termasuk juruaudit, ahli perbankan, peguam dan setiausaha syarikat), pengarah dan pengurusan kanan syarikat awam tersenarai serta pemegang akaun sekuriti.

Di samping mengumpulkan bukti dokumen dan lisan di dalam negara, SC telah mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa penyelia asing di bawah Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IOSCO mengenai Perundingan dan Kerjasama serta Pertukaran Maklumat untuk mengumpul bukti asing. SC membuat 26 permintaan kepada 8 pihak berkuasa penyelia asing (lihat Jadual 1), kebanyakannya untuk mendapatkan bantuan untuk

Jadual 1

Permintaan bantuan asing oleh SC pada 2018 mengikut negara

Negara	Bil. permintaan
BVI	2
China	3
Hong Kong	6
India	1
Korea	1
Singapura	11
Switzerland	1
Amerika Syarikat	1
JUMLAH	**26**

Carta 3

Kenyataan saksi direkodkan pada 2018 mengikut jenis saksi



merekodkan kenyataan daripada saksi yang berada di luar negara dan mendapatkan dokumen, seperti dokumen transaksi perbankan dan sekuriti, daripada entiti asing. Di samping itu, sepanjang tahun ini, SC juga memberi bantuan kepada 6 pihak berkuasa penyelia asing berhubung dengan 10 permintaan untuk bantuan penyiasatan.

Tindakan pentadbiran

Pada 2018, sejumlah 80 sekatan pentadbiran telah dikenakan oleh SC atas pelbagai salah laku dan pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk membuat kenyataan palsu atau mengelirukan kepada SC, pelanggaran syarat pelesenan, kegagalan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dalam penyediaan kewangan teraudit penyata dan kelewatan pengemukaan dokumen lewat di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA).

Sekatan yang dikenakan ke atas pihak yang melakukan pelanggaran merangkumi celaan, pembatalan dan penggantungan lesen, pengenaan denda dan arahan serta penerbitan kenyataan awam (Jadual 2).

Sepanjang tahun ini, sejumlah RM6.39 juta penalti telah dikenakan ke atas pihak berikut:

- Sebuah syarikat yang memohon untuk penyenaraian dan beberapa pengarahnya kerana gagal memaklumkan SC dan penasihat utama perkembangan penting sebelum penyenaraiannya;

Jadual 2

Tindakan pentadbiran yang diambil pada 2018 mengikut jenis sekatan dan pihak yang melakukan pelanggaran

Pihak pelaku pelanggaran	Jenis sekatan				
	Celaan	Pembatalan/ Penggantungan Lesen	Penalti	Arahan	Pengeluaran Kenyataan Awam
Individu bertindak secara bersama	2	-	2	1	-
Individu berlesen	3	4	12	-	-
Individu berdaftar	-	-	2	-	
PLC atau syarikat memohon penyenaraian	5	-	2	3	-
Pengarah PLC atau syarikat memohon penyenaraian	17	-	9	-	2
Syarikat awam tidak tersenarai	1	-	-	4	-
Akauntan pelapor	1	-	1	1	-
Penasihat utama	2	-	1	1	-
Individu lain[1]	1	-	3	-	-
JUMLAH	**32**	**4**	**32**	**10**	**2**

Nota:
[1] Seorang individu yang menjalankan aktiviti yang dikawal selia tanpa lesen, seorang individu yang sengaja mengemukakan maklumat palsu kepada pegawai penyiasat SC dan seorang individu yang pada ketika itu merupakan pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif sebuah bank pelaburan.

- Akauntan pelapor dan penasihat utama kerana gagal memaklumkan SC perkembangan penting dalam syarikat yang memohon penyenaraian sebelum penyenaraiannya;

- Sebuah pengantara berlesen kerana melanggar peruntukan dalam *Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries dan Licensing Handbook*;

- Seorang individu yang pada masa yang material merupakan pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif sebuah bank pelaburan kerana melanggar peruntukan dalam *Guidelines on Market Conduct and Business Practices for Stockbroking Companies and Licensed Representatives*;

- 10 pengantara berlesen kerana lewat mengemukakan pulangan statistik bulanan bagi dana borong dan notis pasca penerbitan di bawah rangka kerja bulanan LOLA;

- 2 individu berdaftar kerana lewat dalam mengemukakan laporan pasca penerbitan bagi produk berstruktur di bawah Rangka Kerja LOLA;

- Individu berlesen kerana gagal mematuhi syarat lesennya yang menghendaki dia kekal layak dan sesuai pada setiap masa dan kerana melanggar peruntukan dalam Garis Panduan, *Guidelines on Market Conduct and Business Practices for Stockbroking Companies and Licensed Representatives*;

- 5 pengarah individu PLC kerana masing-masing gagal mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dalam menyediakan penyata kewangan teraudit PLC;

- Individu-individu yang bertindak bersama kerana melanggar peruntukan pengambilalihan dan penggabungan;

- Seorang individu yang telah memberikan maklumat palsu kepada pegawai penyiasat SC; dan

- Seorang individu untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia tanpa lesen.

Notis pelanggaran

Selain tindakan pentadbiran di bawah kuasa berkanunnya, SC juga menggunakan instrumen penguatkuasaan bukan statut lain ketika melaksanakan fungsi pemantauan, pengawalan dan pengawasannya.

Notis pelanggaran dikeluarkan apabila pelanggaran undang-undang atau garis panduan sekuriti yang dikesan tidak memerlukan tindakan penguatkuasaan rasmi dimulakan atau pengenaan tindakan pentadbiran.

Notis pelanggaran yang dikeluarkan oleh SC meliputi yang berikut:

- **Surat penyeliaan yang melibatkan Pelanggaran** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawasan atau pemeriksaan yang dijalankan di bawah seksyen 126 *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA).

- **Surat amaran** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC seperti pengeluaran lesen, kelulusan cadangan korporat dan semakan ke atas prospektus. Surat amaran boleh dikeluarkan kepada individu berlesen, berdaftar atau para profesional atau pakar lain.

- **Surat ketidakpatuhan** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC bagi pelanggaran kecil.

- **Surat henti operasi** – dikeluarkan untuk menghentikan atau mencegah pelanggaran undang-undang sekuriti. Surat henti operasi boleh dikeluarkan kepada individu yang melakukan atau hendak melakukan perbuatan pelanggaran. Kegagalan untuk mematuhi dengan perintah henti operasi boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan rasmi oleh SC.

Jadual 3

Jenis notis pelanggaran

Jenis notis pelanggaran	Jumlah
Surat penyeliaan membabitkan: Pelanggaran	27
Surat amaran	18
Surat ketidakpatuhan	15
Surat henti operasi	6
JUMLAH	**66**

Pada 2018, 66 notis pelanggaran telah dikeluarkan oleh SC seperti yang diperincikan dalam Jadual 3.

Kes mahkamah yang sedang berjalan bagi 2018

Pada 2018, SC mempunyai sejumlah 51 kes yang sedang berjalan di Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan (Jadual 4). Dari kes-kes ini, 49% adalah berkaitan dengan dagangan orang dalam manakala 23% kes adalah berkaitan dengan pelanggaran tadbir urus korporat seperti salah nyata kewangan dan kesalahan penzahiran. Daripada jumlah kes yang sedang berjalan, 6% kes melibatkan persoalan undang-undang dan permohonan interlokutori di mahkamah yang lebih tinggi. Kes yang berkaitan dengan aktiviti tidak berlesen, manipulasi pasaran, dan penipuan sekuriti merangkumi selebihnya iaitu 22% daripada jumlah kes (Carta 4).

Butiran pendakwaan jenayah pada 2018

Pada 2018, SC mengenakan pertuduhan ke atas 8 individu di Mahkamah Sesyen. Daripada jumlah ini, 5 individu telah dikenakan pertuduhan kerana dagangan orang dalam, 2 individu dikenakan pertuduhan kerana membenarkan individu yang tidak diberi kebenaran melaksanakan urus niaga dalam akaun mereka dan 1 individu dikenakan pertuduhan kerana penipuan sekuriti.

Jadual 4

Kes-kes yang masih tertangguh di mahkamah

Mahkamah	Bil. kes
Mahkamah Sesyen	29
Mahkamah Tinggi (Jenayah)	13
Mahkamah Tinggi (Sivil)	6
Mahkamah Rayuan (Jenayah)	2
Mahkamah Rayuan (Sivil)	1
JUMLAH	**51**

Jadual 5

Jenis kesalahan

Mahkamah	Bil. kes
Tadbir urus korporat	12
Dagangan orang dalam	25
Penipuan sekuriti	4
Manipulasi pasaran	2
Aktiviti tidak berlesen	2
Lain-lain	3
Persoalan Undang-Undang	3
JUMLAH	**51**

Carta 4

Kes mahkamah yang masih berjalan bagi 2018 mengikut jenis kes



Jadual 6

Butiran pendakwaan jenayah pada 2018

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta pertuduhan	Tarikh pertuduhan
1.	Terlibat dalam perbuatan yang dianggap sebagai penipuan berhubung pembelian sekuriti	Ismail Basir (Ismail)	Ismail dikenakan 2 pertuduhan dalam perbuatan yang dianggap sebagai penipuan berhubung pembelian sekuriti di bawah seksyen 87A(b) *Akta Perindustrian Sekuriti 1983* (SIA) dan seksyen 179(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA). Antara Ogos 2007 dan November 2008, Ismail didakwa menipu sejumlah RM350,000 daripada Koperasi Pelaburan Pekerja-Pekerja Proton Bhd (KOPRO) berhubung pembelian saham Proton Holdings Bhd. Ismail juga didakwa memaklumkan kepada KOPRO bahawa dia seorang remisier, walhal dia tidak pernah dilesenkan oleh SC.	16 Januari 2018
2.	Dagangan orang dalam	Mohd Nor Abdul Wahid (Nor)	Nor dikenakan 1 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA. Dia didakwa telah memperoleh sebanyak 500,000 unit saham Three-A Resources Bhd (Three-A) pada 5 Oktober 2009 ketika mempunyaii maklumat dalaman berkaitan cadangan usaha sama antara perniagaan Three-A dan Wilmar International Limited.	13 Februari 2018
3.	Membenarkan individu yang bukan penama yang diberi kuasa sekuriti yang didepositkan untuk melaksanakan urus niaga berkaitan sekuriti yang didepositkan	Azuzay Zamani (Azuzay)	Azuzay dikenakan 1 pertuduhan di bawah seksyen 29A *Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991* (SICDA). Azuzay, yang mempunyai akaun OSK Investment Bank Bhd, didakwa membenarkan Mohd Nor Abdul Wahid melaksanakan pemerolehan sebanyak 500,000 unit saham Three-A Resources Bhd pada 5 Oktober 2009.	13 Februari 2018
4.	Dagangan orang dalam	A.F.M Shafiqul Hafiz (Shafiqul)	Shafiqul dikenakan 1 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(3)(a) CMSA kerana memaklumkan kepada Harjit Singh a/l Gurdev Singh antara 22 Mac 2009 dan 6 April 2009 maklumat material bukan awam berkaitan cadangan penswastaan Johor Land Bhd (JLand) melalui Tawaran Am Sukarela pada harga RM1.55 sesaham.	22 Februari 2018
5.	Dagangan orang dalam	Harjit Singh Gurdev Singh (Harjit)	Harjit dituduh 3 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA. Dia didakwa memperolehi sebanyak 346,500 unit saham JLand antara 23 Mac 2009 dan 6 April 2009 ketika mempunyai maklumat material bukan awam berkaitan cadangan penswastaan JLand melalui Tawaran Am Sukarela pada harga RM1.55 sesaham.	22 Februari 2018

Jadual 6

Butiran pendakwaan jenayah pada 2018 *(Sambungan)*

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta pertuduhan	Tarikh pertuduhan
6.	Dagangan orang dalam	Tan Giap How (Tan GH)	Tan GH dikenakan 1 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(3)(a) CMSA kerana didakwa memaklumkan maklumat material bukan awam kepada Ng Ee Fang antara 25 September 2011 dan 20 Oktober 2011. Maklumat material bukan awam tersebut adalah berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan oleh MBM Resources Bhd untuk memperoleh semua saham mengundi dan waran belum tebus dalam Hirotako Holdings Bhd.	13 Mac 2018
7.	Dagangan orang dalam	Ng Ee Fang (Ng EF)	Ng EF dikenakan 4 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA. Dia didakwa memperoleh sebanyak 1,000,000 unit saham Hirotako Holdings Bhd (Hirotako) antara 14 Oktober 2011 dan 20 Oktober 2011 ketika mempunyai maklumat material bukan awam berkaitan cadangan tawaran pengambilalihan oleh MBM Resources Bhd untuk memperoleh semua saham mengundi dan waran belum tebus dalam Hirotako Holdings Bhd.	13 Mac 2018
8.	Membenarkan individu yang bukan penama yang diberi kuasa sekuriti yang didepositkan untuk melaksanakan urus niaga berkaitan sekuriti yang didepositkan	Daniel Yong Chen-I (Daniel)	Daniel dikenakan 1 pertuduhan di bawah seksyen 29A SICDA. Daniel, yang mempunyai akaun di CIMB Investment Bank Bhd, didakwa telah membenarkan Ng Ee Fang untuk melaksanakan pemerolehan sebanyak 1,000,000 unit saham Hirotako Holdings Bhd antara 14 Oktober 2011 dan 20 Oktober 2011.	13 Mac 2018

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
1.	• Mengaku sebagai wakil berhubung aktiviti yang dikawal selia tanpa lesen • Menjalankan perniagaan dalam aktiviti yang dikawal selia tanpa lesen	Zamani Hamdan (Zamani)	Pada 28 Oktober 2011, Zamani, pengarah Rantau Simfoni Sdn Bhd (Rantau Simfoni), dituduh di bawah seksyen 59(1) CMSA kerana mengaku sebagai wakil pemegang CMSL untuk menjalankan dagangan dalam kontrak niaga hadapan tanpa CMSRL. Zamani juga dikenakan pertuduhan alternatif kerana menjalankan perniagaan dagangan dalam kontrak niaga hadapan tanpa mempunyai CMSL, melalui Rantau Simfoni, satu kesalahan di bawah seksyen 58(1) dibaca bersama seksyen 367(1) CMSA. Pada 30 April 2013, Mahkamah Sesyen menyabitkan kesalahan Zamani ke atas pertuduhan alternatif dan menjatuhinya hukuman denda sebanyak RM1 juta (atau 1 tahun penjara). Zamani telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan hukuman sementara pihak Pendakwa memfailkan rayuan terhadap hukuman tersebut. Mahkamah Tinggi, pada 19 Januari 2017, menolak rayuan Zamani terhadap sabitan ke atasnya. Mahkamah Tinggi menambah lagi hukuman dengan hukuman penjara selama 2 bulan manakala denda tersebut dikurangkan kepada sebanyak RM215,000 (atau 4 bulan penjara). SC telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi. Mahkamah Rayuan, pada 30 Januari 2018, membatalkan rayuan terhadap hukuman tersebut kerana notis pendengaran kes tidak dapat disampaikan kepada Zamani walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh SC untuk menjejakinya.
2.	Terlibat dalam perbuatan yang dianggap sebagai penipuan berhubung pembelian sekuriti	Ismail Basir (Ismail)	Pada 16 Januari 2018, Ismail dituduh di bawah seksyen 87A(b) SIA dan seksyen 179(b) CMSA. Antara Ogos 2007 dan November 2008, Ismail didakwa telah menipu sejumlah RM350,000 daripada Koperasi Pelaburan Pekerja-Pekerja Proton Bhd (KOPRO) berhubung pembelian saham Proton Holdings Bhd. Ismail juga didakwa mengaku kepada KOPRO bahawa dia adalah remisier, walhal dia tidak pernah dilesenkan oleh SC. Pada 28 Februari 2018, Ismail mengakui bersalah bagi kedua-dua pertuduhan dan dijatuhi hukuman 1 tahun penjara dan denda sebanyak RM1 juta (atau 6 bulan penjara) bagi setiap pertuduhan. Hukuman penjara tersebut berjalan serentak.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 (*Sambungan*)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
3.	Mengemukakan pernyataan palsu kepada Bursa Malaysia Securities Bhd	Alan Rajendram Jeya Rajendram (Alan Rajendram)	Pada 24 Jun 2010, Alan Rajendram, bekas pengarah eksekutif LFE Corporation Bhd (LFE), dituduh di bawah seksyen 122B(b)(bb) SIA dan seksyen 369(b)(B) CMSA kerana dengan sengaja membenarkan penyerahan maklumat palsu oleh LFE kepada Bursa Malaysia Securities Bhd berkaitan dengan keputusan kewangan tidak teraudit LFE bagi 4 suku tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007. Kenyataan palsu tersebut adalah berkaitan dengan pembelian rekaan sebanyak hampir RM119 juta yang dibuat oleh LFE International Ltd, sebuah anak syarikat LFE. Pada 10 Oktober 2012, Mahkamah Sesyen mensabitkan Alan Rajendram ke atas semua empat pertuduhan dan menjatuhkan hukuman penjara setahun dan denda sebanyak RM300,000 bagi setiap pertuduhan. Hukuman penjara dijalankan serentak Pada 28 November 2016, Mahkamah Tinggi menolak rayuan Alan terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Pada 23 Mac 2018, Mahkamah Rayuan menolak rayuannya dan Alan Rajendram diperintah untuk menjalani hukuman ke atasnya serta merta.
4.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC berhubung satu cadangan	Dato' Lim Kim Ming (Dato' Lim KM)	Dato' Lim KM dituduh kerana melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 32B(1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA apabila GP Ocean Food Bhd (GP Ocean) mengemukakan melalui Alliance Merchant Bank Bhd, maklumat mengelirukan kepada SC yang terkandung di dalam: • *Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Teraudit 31 Januari 2006 Gropoint Fisheries Sdn Bhd;* dan • *Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Teraudit 31 Januari 2006 Gropoint Seafood Industries Sdn Bhd.* Gropoint Fisheries Sdn Bhd dan Gropoint Seafood Industries Sdn Bhd pada ketika itu merupakan subsidiari GP Ocean. Maklumat yang dikehendaki dikemukakan kepada SC adalah berhubung dengan cadangan GP Ocean bagi penyenaraian di Papan Utama di Bursa Malaysia Securities Bhd. Dato' Lim KM dituduh di Mahkamah Sesyen pada 22 Mei 2007. Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen telah membebaskannya daripada pertuduhan. Pihak Pendakwa kemudian merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan pada 14 Februari 2017, membatalkan pembebasan tersebut dan memerintahkan Dato' Lim KM untuk membela diri bagi pertuduhan terhadapnya. Pada 28 Mac 2018, Mahkamah Sesyen membebaskan Dato' Lim KM pada akhir kes Pembelaan. Pada 9 April 2018, pihak Pendakwa memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tersebut.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 *(Sambungan)*

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
5.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC berhubung satu cadangan	Lim Kim Hai (Lim KH)	Lim KH dikenakan pertuduhan kerana melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 32B(1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA apabila GP Ocean Food Bhd (GP Ocean) mengemukakan melalui Alliance Merchant Bank Bhd, maklumat mengelirukan kepada SC yang terkandung dalam *Lapaoran Pengarah dan Penyata Kewangan Teraudit* 31 Januari 2006 GP Ocean. Maklumat yang dikehendaki dikemukakan kepada SC adalah berhubung dengan cadangan GP Ocean bagi penyenaraian di Papan Utama di Bursa Malaysia Securities Bhd. Lim KH dikenakan pertuduhan di Mahkamah Sesyen pada 22 Mei 2007. Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen telah membebaskannya daripada pertuduhan. Pihak Pendakwa kemudian merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan pada 14 Februari 2017, membatalkan pembebasan tersebut dan memerintahkan Lim KH untuk membela diri bagi pertuduhan terhadapnya. Pada 28 Mac 2018, Mahkamah Sesyen membebaskan Lim KH pada akhirkes Pembelaan. Pada 9 April 2018, pihak Pendakwa memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tersebut.
6.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC berhubung satu cadangan	Lee Sin Teck (Lee ST)	Lee ST dikenakan pertuduhan kerana melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 32B(1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA apabila GP Ocean Food Bhd (GP Ocean) mengemukakan melalui Alliance Merchant Bank Bhd, maklumat mengelirukan kepada SC yang terkandung dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Teraudit 31 Januari 2006 GP Ocean. Maklumat yang dikehendaki dikemukakan kepada SC adalah berhubung dengan cadangan GP Ocean bagi penyenaraian di Papan Utama di Bursa Malaysia Securities Bhd. Lee ST dikenakan pertuduhan di Mahkamah Sesyen pada 18 April 2007. Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen telah membebaskannya daripada pertuduhan. Pihak Pendakwa kemudian merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan pada 14 Februari 2017, membatalkan pembebasan tersebut dan memerintahkan Lee ST untuk membela diri bagi pertuduhan terhadapnya. Pada 28 Mac 2018, Mahkamah Sesyen membebaskan Lee ST pada akhir kes Pembelaan. Pada 9 April 2018, pihak Pendakwa memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tersebut.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 (*Sambungan*)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
7.	Pengemukaan maklumat mengelirukan kepada SC berhubung satu cadangan	Tan Siok Wan (Tan SW)	Tan SW dikenakan pertuduhan kerana melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 32B(1)(a)(aa) yang dibaca bersama dengan seksyen 138(2) SCA apabila GP Ocean Food Bhd (GP Ocean) mengemukakan melalui Alliance Merchant Bank Bhd, maklumat mengelirukan kepada SC – yang terkandung dalam senarai bertajuk "GP Ocean Food Bhd Group Top Ten Customer". Maklumat yang dikehendaki dikemukakan kepada SC adalah berhubung dengan cadangan GP Ocean bagi penyenaraian di Papan Utama di Bursa Malaysia Securities Bhd. Tan SW dikenakan pertuduhan di Mahkamah Sesyen pada 18 April 2007. Pada 6 Januari 2011, Mahkamah Sesyen telah membebaskannya daripada pertuduhan. Pihak Pendakwa kemudian merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan pada 14 Februari 2017, membatalkan pembebasan tersebut dan memerintahkan Tan SW untuk membela diri bagi pertuduhan terhadapnya Pada 28 Mac 2018, Mahkamah Sesyen membebaskan Tan SW pada akhirkes Pembelaan. Pada 9 April 2018, pihak Pendakwa memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tersebut.
8.	Dagangan orang dalam	Goh Keng Huat (Goh KH)	Goh KH dikenakan 10 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 89E(2)(a) SIA. Dia didakwa memperoleh sebanyak 851,600 unit saham Road Builder Holdings (M) Bhd (RBH) melalui akaun Wee Siew Ling antara 4 September 2006 dan 16 Oktober 2006 ketika mempunyai maklumat dalaman. SC mendakwa maklumat dalaman yang dirujuk dalam pertuduhan tersebut adalah berhubung cadangan pemerolehan kesemua aset dan liabiliti RBH oleh IJM Corporation Bhd pada jumlah bayaran pembelian yang dinyatakan hampir RM1.56 bilion. Pada 10 April 2018, Goh mengaku bersalah kepada satu pertuduhan susulan permohonan bagi tawaran pengakuan di bawah seksyen 172C CPC. Sembilan lagi baki pertuduhan telah dipertimbangkan oleh Mahkamah. Goh KH telah dijatuhi hukuman penjara 6 bulan dan denda sebanyak RM1 juta, atau 6 bulan penjara.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 *(Sambungan)*

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
9.	Dagangan orang dalam	Wee Siew Ling (Wee SL)	Wee SL dikenakan 10 pertuduhan di bawah seksyen 122C(c) dibaca bersama seksyen 89E(2)(a) SIA kerana bersubahat dengan Goh Keng Huat (Goh KH) untuk memperolehi 851,600 unit saham Road Builder Holdings (M) Bhd (RBH) melalui akaun Wee SL antara 4 September 2006 dan 16 Oktober 2006 ketika Goh KH mempunyai maklumat dalaman. SC mendakwa maklumat dalaman yang dirujuk dalam pertuduhan tersebut adalah berkaitan dengan cadangan pemerolehan semua aset dan liabiliti RBH oleh IJM Corporation Bhd pada jumlah bayaran pembelian yang dinyatakan hampir RM1.56 bilion. Pada 10 April 2018, kesemua pertuduhan terhadap Wee SL telah ditarik balik berikutan pengakuan bersalah oleh Goh KH.
10.	Pecah amanah (CBT)	Alan Rajendram Jeya Rajendram (Alan Rajendram)	Alan Rajendram, bekas pengarah eksekutif LFE Corporation Bhd (LFE), dituduh pada 24 Jun 2010 dengan dua pertuduhan pecah amanah berjumlah RM18.99 juta. Pertuduhan pecah amanah tersebut sebelum ini dibicarakan bersama dengan empat lagi pertuduhan di bawah undang-undang sekuriti kerana mengemukakan maklumat palsu kepada bursa saham berkaitan perbelanjaan operas LFE di bawah seksyen 122B(b)(bb) SIA dan seksyen 369(b)(B) CMSA. Bagi pertuduhan CBT, Alan Rajendram didakwa telah menggunakan dana sebanyak RM18.99 juta milik LFE yang bertujuan untuk digunakan bagi modal kerja anak syarikat milik penuh LFE, LFE International Limited. Sebaliknya, Alan Rajendram telah menggunakan dana tersebut untuk membiayai langganan sahamnya di LFE dan membayar hutang korporatnya. Pada 10 Mei 2012, Mahkamah Sesyen telah membebaskan Alan Rajendram daripada 2 pertuduhan CBT tersebut pada akhirkes pihak Pendakwa. Pihak Pendakwa merayu kepada Mahkamah Tinggi. Pada 21 Januari 2016, Mahkamah Tinggi mengesahkan pembebasan tersebut dan pihak Pendakwa telah merayu kepada Mahkamah Rayuan. Pada 3 November 2016, Mahkamah Rayuan membatalkan pembebasan tersebut dan memerintahkan Alan Rajendram untuk membela diri. Pada 10 April 2018, Alan Rajendram mengaku bersalah terhadap pertuduhan CBT tersebut di Mahkamah Sesyen dan dijatuhi hukuman penjara 3 tahun.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 *(Sambungan)*

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
11.	Kenyataan mengelirukan berkaitan pembelian sekuriti [s.87A (c) SIA 1983]	Wahid Ali Kassim Ali (Wahid Ali)	Wahid Ali, bekas pengarah Aiwanna Manage Assets Sdn Bhd (Aiwanna) dikenakan 3 pertuduhan pada 10 Oktober 2005 kerana tidak menyatakan fakta material berhubung pelaburan pelanggan Aiwanna, Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd (EPIC) dan fakta tersebut adalah perlu agar tidak menjadikan penyata akaun yang dikeluarkan kepada EPIC, tidak mengelirukan. Mahkamah Tinggi pada 14 Januari 2013 menolak rayuan Wahid Ali terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen pada 30 Jun 2009. Wahid Ali kemudian memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Pada 14 Mei 2015, Mahkamah Rayuan merujuk kes tersebut ke Mahkamah Tinggi bagi pendengaran semula rayuan tersebut. Pada 27 Mei 2016, ketika pendengaran semula rayuan, Mahkamah Tinggi mengesahkan sabitan bagi kesemua 3 pertuduhan. Bagi setiap pertuduhan, dia dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda sebanyak RM1 juta (atau sejumlah RM3 juta denda, 1 tahun penjara). Hukuman penjara tersebut berjalan secara serentak. Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan menangguhkan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Pada 13 April 2018, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Wahid Ali dan mengetepikan sabitan oleh Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi.
12.	Tatalaku terlarang oleh individu yang memiliki maklumat dalaman	Dato' Lim Kim Chuan (Dato' Lim KC) Tay Hup Choon (Tay HC) Theng Boon Cheng (Theng BC)	Dato' Lim KC dikenakan 11 pertuduhan di bawah seksyen 188(3)(a) CMSA kerana memperolehi 398,000 unit saham M3nergy Bhd (M3nergy) antara 6 Ogos 2008 hingga 11 September 2008 ketika mempunyai maklumat dalaman. Dato' Lim KC merupakan CEO dan pengarah Melewar Industry Group Bhd dan juga pengarah M3nergy ketika itu. Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan cadangan tawaran pengambilalihan oleh Melewar (BVI) Ltd (Melewar) untuk memperoleh M3nergy yang diumumkan kepada Bursa Malaysia pada 12 September 2008. Saham tersebut telah diperolehi oleh Dato' Lim KC melalui akaun dagangan yang dimiliki oleh 2 individu lain. Tay HC dikenakan 9 pertuduhan kerana bersubahat dengan Lim KC dalam melakukan kesalahan di bawah seksyen 370(c) dibaca bersama seksyen 188(2)(a) CMSA. Tay HC merupakan salah seorang pemegang akaun dagangan yang digunakan oleh Dato' Lim KC untuk memperoleh saham M3nergy. Tay merupakan saudara ipar kepada Dato' Lim KC. Theng BC dikenakan 11 pertuduhan kerana bersubahat dengan Dato' Lim KC dalam melakukan kesalahan di bawah seksyen 370(c) dibaca bersama seksyen 188(2)(a) CMSA. Theng BC merupakan remisier yang melakanakan dagangan saham M3nergy bagi Dato' Lim KC.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 *(Sambungan)*

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
			Dato' Lim KC, Tay HC dan Theng BC telah dituduh di Mahkamah Sesyen pada 24 November 2015. Pada 30 April 2018, Mahkamah Sesyen membebaskan Dato' Lim KC, Tay HC dan Theng BC daripada pertuduhan tanpa memanggil mereka untuk membela diri terhadap pertuduhan terhadap mereka. Pada 3 Mei 2018, pihak Pendakwa memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tersebut.
13.	Gagal hadir untuk bertemu Pegawai Penyiasat SC berhubung satu siasatan	Chok Chew Lan (Chok CL)	Chok CL dikenakan 2 pertuduhan kerana gagal hadir untuk bertemu dengan Pegawai Penyiasat SC untuk disiasat secara lisan pada 5 September 2017 dan 19 September 2017 di bawah seksyen 134(5) SCMA. Chok CL dikenakan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 24 Oktober 2017. Pada 30 Julai 2018, Chok CL mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM35,000 (atau 3 bulan penjara) bagi setiap pertuduhan.
14.	Dagangan orang dalam	Tan Bee Hong (Tan BH)	Tan BH dikenakan pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA kerana didakwa telah menjual sebanyak 350,000 unit saham APL Industries Bhd (APLI) pada 31 Oktober 2007 ketika mempunyai maklumat dalaman berhubung dengan pelarasan audit yang dicadangkan oleh juruaudit APLI yang menyebabkan APLI APLI melaporkan kerugian yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007, berbanding keputusan suku tahun keempat yang belum diaudit sebelumnya bagi tahun kewangan yang sama dan APLI akan diklasifikasikan sebagai penerbit yang terjejas menurut *Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd dan Nota Amalan 17/2005.* Tan BH dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 15 Disember 2014. Pada 9 Ogos 2018, Tan BH telah disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Sesyen dan dijatuhi hukuman penjara 5 tahun dan denda sebanyak RM7 juta.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 (*Sambungan*)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
15.	Dagangan orang dalam	Tan Bee Geok (Tan BG)	Tan BG dituduh di bawah seksyen 188(3)(a) CMSA kerana memaklumkan kepada Tan Bee Hong antara 23 hingga 31 Oktober 2007 maklumat dalaman berhubung pelarasan audit yang dicadangkan oleh juruaudit APL Industries Bhd (APLI) yang menyebabkan APLI APLI melaporkan kerugian yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007, berbanding keputusan suku tahun keempat yang belum diaudit sebelumnya bagi tahun kewangan yang sama dan APLI akan diklasifikasikan sebagai penerbit yang terjejas menurut *Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd dan Nota Amalan 17/2005*. Tan BG dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 15 Disember 2014. Pada 9 Ogos 2018, Tan BG telah disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Sesyen dan dijatuhi hukuman penjara 5 tahun dan denda sebanyak RM7 juta.
16.	• Menipu PLC • CBT	Ngu Tieng Ung (Ng TU) Wong Jit Kiang (Wong JK)	Pada 5 Mei 2005, Ngi TU, bekas pengarah urusan Pancaran Ikrab Bhd (PIB), dikenakan 2 pertuduhan di bawah seksyen 87A(b) SIA kerana melakukan perbuatan yang dianggap satu penipuan terhadap PIB dengan menggunakan sebanyak RM15.5 juta dana PIB untuk membeli saham PIB. Ngu TU juga dikenakan 1 pertuduhan kerana melakukan CBT di bawah seksyen 409 *Kanun Keseksaan* berhubung dana PIB sebanyak RM21.5 juta. Selanjutnya, satu pertuduhan alternatif melakukan CBT di bawah seksyen 409 *Kanun Keseksaan* yang membabitkan dana PIB sebanyak RM37 juta yang juga dikenakan ke atas Ngu TU. Wong JK dituduh kerana bersubahat Ngu TU melakukan kesalahan tersebut. Wong JK gagal hadir di mahkamah sejak 23 Mac 2009 dan pada 24 Mac 2010, Mahkamah Sesyen membatalkan pertuduhan tetapi tidak membebaskannya. Waran tangkap masih dikenakan terhadapnya. Pada Oktober 2010, Ngu TU mengaku bersalah terhadap 2 pertuduhan utama di bawah SIA dan dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM1 juta bagi setiap pertuduhan. Pada Ogos 2011, susulan rayuan oleh pihak Pendakwa terhadap hukuman tersebut, Mahkamah Tinggi telah mengetepikan sabitan dan hukuman, atas alasan bahawa pengakuan bersalah itu adalah layak dan merujuk kes tersebut bagi perbicaraan semula di Mahkamah Sesyen. Perbicaraan semula terhadap Ngu TU bermula pada Januari 2012.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 *(Sambungan)*

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
			Pada Ogos 2013, Mahkamah Sesyen memerintahkan Ngu TU untuk membela diri atas pertuduhan alternatif kerana melakukan CBT dana PIB sebanyak RM37 juta. Pada 11 September 2015, Mahkamah Sesyen menyabitkan keselahan CBT Ngu TU di bawah seksyen 409 *Kanun Keseksaan.* Ngu TU dijatuhi hukuman 6 tahun penjara dan denda sebanyak RM1 juta, atau 2 tahun penjara. Pada 5 Mei 2017, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan Ngu TU dan mengetepikan sabitan dan hukuman Mahkamah Sesyen. Rayuan silang pihak Pendakwa terhadap hukuman tersebut juga ditolak. On 6 September 2018, Mahkamah Rayuan menolak rayuan pihak Pendakwa dan mengesahkan pembebasan Ngu TU.
17.	Dagangan orang dalam	Lim Bun Hwa (Lim BH)	Lim BH dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 370(c) CMSA yang dibaca bersama-sama seksyen 188(2)(a) CMSA kerana bersubahat dengan Lim Boon Cheng untuk memperoleh saham PacificMas Bhd (PacMas) antara 18 Disember 2007 dan 31 Disember 2007 ketika Lim Boon Cheng mempunyai maklumat dalaman berkaitan cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OSPL Holdings Sdn Bhd (OHSB) untuk memperoleh semua saham dalam PacMas yang tidak dimiliki oleh OHSB. Pada 3 Oktober 2018, Lim BH mengaku bersalah terhadap 5 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA susulan permohonan penawaran mengaku bersalah di bawah seksyen 172C *Kanun Prosedur Jenayah*. Berikutan permohonan tersebut, pertuduhan bersubahat terhadap Lim BH telah digantikan dengan 5 pertuduhan dagangan orang dalam. Lim BH dijatuhi hukuman 6 bulan penjara and denda sebanyak RM1 juta.
18.	Dagangan orang dalam	Lim Boon Cheng (Lim BC)	Lim BC dikenakan 5 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA. Dia didakwa memperoleh sebanyak 145,000 unit saham PacificMas Bhd (PacMas) antara 18 Disember 2007 dan 31 Disember 2007 ketika mempunyai maklumat dalaman berkaitan cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OSPL Holdings Sdn BHd (OHSB) untuk memperoleh semua saham dalam PacMas yang tidak dimiliki oleh OHSB. Pada 3 Oktober 2018, semua pertuduhan terhadap Lim BC telah ditarik balik berikutan pengakuan bersalah oleh Lim Bun Hwa. SC mengenakan tindakan pentadbiran ke atas Lim BC kerana melanggar seksyen 134(5)(c) SCMA. Penalti sebanyak RM100,000 telah dikenakan ke atas Lim BC oleh SC menurut seksyen 354(3) CMSA.

Jadual 7

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan pada 2018 (*Sambungan*)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Huraian
19.	Dagangan orang dalam	Dato' Vincent Leong Jee Wai (Dato' Vincent LJW)	Dato' Vincent LJW dikenakan 2 pertuduhan di bawah seksyen 188(3)(a) CMSA kerana memaklumkan kepada Datuk Leong Wye Keong antara 26 November 2010 dan 18 Januari 2011 maklumat dalaman berhubung pengurangan ekuiti pemegang saham dalam Maxbiz Corporation Bhd (Maxbiz) yang menyebabkan Maxbiz hampir diklasifikasi sebagai bermasalah kewangan dan pengklasifikasian Maxbiz sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah *Nota Amalan 17* (PN17) kriteria 2.1(a). Dato' Vincent LJW dituduh pada 22 Mei 2017. Kedua-dua pertuduhan ditarik balik pada 17 Oktober 2018 atas arahan Peguam Negara.
20.	Dagangan orang dalam	Datuk Leong Wye Keong (Datuk Leong WK)	Datuk Leong WK dikenakan 4 pertuduhan dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2)(a) CMSA kerana menjual sebanyak 2,131,400 unit saham Maxbiz Corporation Bhd (Maxbiz) dalam akaun Leong Khai Shaun on 30 Disember 2010 dan 8,100,000 lagi unit saham Maxbiz dalam akaunnya sendiri antara 30 Disember 2010 dan 18 Januari 2011 ketika mempunyai maklumat dalaman. Maklumat dalaman yang didakwa tersebut adalah berhubung pengurangan ekuiti pemegang saham dalam Maxbiz Corporation Bhd (Maxbiz) yang menyebabkan Maxbiz hampir diklasifikasi sebagai bermasalah kewangan dan pengklasifikasian Maxbiz sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah kriteria *Nota Amalan 17* (PN17) 2.1(a). Datuk Leong WK dituduh pada 29 Mei 2017. Semua pertuduhan terhadap Datuk Leong WK ditarik balik pada 17 Oktober 2018 atas arahan Peguam Negara.

Tindakan penguatkuasaan sivil dan penyelesaian kawal selia pada 2018

Pada 2018, SC memperoleh penghakiman di Mahkamah Tinggi terhadap 1 individu kerana dagangan orang dalam yang membawa kepada pemulangan sebanyak RM3,238,760.55. Sejumlah RM5,227,904.05 telah diperolehi daripada 14 individu melalui penyelesaian susulan pemfailan saman sivil, manakala sejumlah RM792,944 telah diperolehi daripada 3 individu melalui penyelesaian kawal selia. Jumlah penalti sivil yang dibayar pada 2018 adalah sebanyak RM1.45 juta oleh 15 individu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM950,000 telah dibayar bagi manipulasi pasaran manakala baki RM500,000 telah dibayar bagi dagangan orang dalam.

Butiran lanjut dibentangkan dalam Jadual 8 dan 9.

Jadual 8

Hasil tindakan sivil yang diambil

Bil.	Jenis pelanggaran	Defendan	Huraian	Hasil
1.	Dagangan orang dalam	Chan Soon Huat (Chan SH)	Pada 27 Mei 2015, SC memfailkan saman sivil terhadap Chan SH, bekas pengasas WCT Bhd kerana dagangan orang dalam. SC memohon, antara lain: • Satu pengisytiharan bahawa Chan SH telah terbabit dalam dagangan orang dalam berhubung sekuriti WCT Bhd antara 30 Disember 2008 dan 5 Januari 2009; • Bayaran berjumlah RM3,238,760.55 yang bersamaan dengan 3 kali ganda RM1,079,586.85 iaitu perbezaan antara harga ketika sekuriti itu dijual oleh Chan SH dan harga sekuriti yang sepatutnya ketika penjualan, sekiranya maklumat material bukan awam tersebut tersedia secara umum; • Penalti sivil sebanyak RM1 juta; • Perintah yang menghalang Chan SC daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai bagi tempoh 5 tahun; • Faedah; dan • Kos.	Pada 24 Januari 2018, selepas perbicaraan penuh, Mahkamah Tinggi mengisytiharkan bahawa SC telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap Chan SH. Mahkamah Tinggi memerintahkan Chan SH untuk membayar jumlah yang dituntut sebanyak RM3,238,760.55, penalti sivil sebanyak RM500,000 kos sebanyak RM50,000 kepada SC.

Jadual 8

Hasil tindakan sivil yang diambil (*Sambungan*)

Bil.	Jenis pelanggaran	Defendan	Huraian	Hasil
2.	• Dagangan palsu dan transaksi menipu pasaran • Manipulasi pasaran saham	• Kenneth Vun @ Vun Yun Liun • Teng Choo Teik • Simon Ling Siang Hock • Lye Pei Ling • Chuah Hock Soon • Choong Lay Ti • Gui Boon Huat	Pada 22 Julai 2014, SC memfailkan saman sivil terhadap 7 Defendan. SC memohon, antara lain: • Pengisytiharan bahawa defendan telah terbabit dalam dagangan palsu dan transaksi menipu pasaran berhubung saham DVM dari 14 Mac 2006 hingga 21 Mac 2006; • Pengisytiharan bahawa defendan yang terbabit dalam manipulasi pasaran saham berhubung saham DVM dari 14 Mac 2006 hingga 21 Mac 2006; • Pengisytiharan bahawa semua keuntungan yang diperolehi oleh defendan dipegang dalam satu amanah konstruktif bagi manfaat pelabur yang terjejas; • Perintah agar bahawa semua aset dan hartanah setiap defendan dijejaki dan/atau diikuti, dan seterusnya dibayar kepada SC bagi tujuan pampasan kepada pelabur yang terjejas; • Perintah yang menghalang setiap defendan dihalang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai bagi tempoh 5 tahun; • Perintah yang menghalang setiap Defendan, sama ada diri mereka sendiri, ejen, pembantu dan sebagainya, dalam apa cara sekalipun, daripada berdagang di mana-mana kaunter Bursa Malaysia bagi tempoh 5 tahun; • Kerugian khas sebanyak RM3,073,231.92; • Penalti sivil sebanyak RM1 juta terhadap setiap defendan; • Kerugian am dan/atau serius dan/atau teladan; • Faedah; dan • Kos.	Pada 1 Mac 2018, Mahkamah Tinggi merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC and semua Defendan dengan memberikan perintah berikut: • Defendan secara bersama dan beberapa orang membayar sebanyak RM3,823,231.92 yang merangkumi: • Kerugian khas sebanyak RM3,073,231.92; dan • Penalti sivil sebanyak RM750,000. • Defendan tidak akan memegang jawatan sebagai pengarah dalam mana-mana syarikat awam tersenarai bagi tempoh 5 tahun; • Defendan tidak akan, sama ada, diri mereka sendiri, ejen dan pembantu mereka, dan sebagainya, dalam apa cara sekalipun, daripada berdagang di mana-mana kaunter Bursa Malaysia bagi tempoh 5 tahun; • Sekiranya berlaku kemungkiran mana-mana terma Penghakiman Persetujuan, defendan dikehendaki membayar penalti sivil sebanyak RM1 juta kepada SC, dan SC bebas untuk mengambil langkah yang perlu untuk melaksanakan atau menguatkuasakan Penghakiman Persetujuan terhadap Defendan atau; • SC bebas untuk menerbitkan terma Penghakiman Persetujuan di laman sesawang SC dan/atau Laporan Tahunan SC dan/atau penerbitan SC yang lain sekiranya wajar; dan • Penghakiman Persetujuan tersebut mengandungi penyelesaian penuh dan muktamad bagi tuntutan SC terhadap Defendan.

Jadual 8

Hasil tindakan sivil yang diambil (*Sambungan*)

Bil.	Jenis pelanggaran	Defendan	Huraian	Hasil
3.	• Dagangan palsu dan transaksi menipu pasaran • Manipulasi pasaran saham	• Ng Wai Hong • Lo Ga Lung • Toh Pik Chai • Ling Pik Ngieh • Ng Soo Tian • Chan Kok • Chai Shou Wei	Pada 21 September 2017, SC memfailkan saman sivil terhadap 7 defendan. SC memohon, antara lain: • Pengisytiharan bahawa Defendan telah terbabit dalam dagangan palsu dan transaksi menipu pasaran berhubung saham APLI dari 7 November 2006 hingga 9 November 2006; • Pengisytiharan bahawa Defendan telah terbabit dalam manipulasi pasaran saham berkaitan saham APLI dari 7 November 2006 hingga 9 November 2006; • Perintah bahawa semua aset dan hartanah setiap Defendan dijejaki dan/atau diikuti, dan seterusnya dibayar kepada SC; • Pengisytiharan bahawa semua keuntungan yang diperolehi oleh setiap Defendan daripada dagangan palsu dan transaksi penipuan pasaran serta manipulasi pasaran saham ke atas saham APLI, dipegang dalam satu amanah konstruktif untuk manfaat pelabur yang terjejas; • Kerugian am/atau serius dan/atau teladan terhadap semua Defendan; • Kerugian khas; • Penalti sivil sebanyak RM1 juta terhadap setiap Defendan kerana melanggar seksyen 84 dan 85 SIA; • Faedah; • Injunksi yang menghalang setiap Defendan, sama ada diri mereka sendiri, ejen, pembantu dan sebagainya, dalam apa cara sekalipun, daripada berdagang di mana-mana kaunter Bursa Malaysia bagi tempoh 5 tahun; • Perintah yang menghalang setiap defendan dihalang daripada menjadi pengarah mana-mana syarikat awam tersenarai bagi tempoh 5 tahun; dan • Kos.	Pada 16 Mac 2018, kesemua 7 defendan telah mencapai penyelesaian dengan SC apabila mereka bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atas mereka: • Defendan bersetuju membayar jumlah penyelesaian sebanyak RM2,154,672.13 iaitu keuntungan tidak sah daripada dagangan palsu, penipuan pasaran dan manipulasi pasaran; dan • Penalti sivil sebanyak RM200,000.

Jadual 9

Penyelesaian kawal selia pada 2018

Bil.	Dagangan orang dalam	Pihak terlibat	Fakta ringkas kes
1.	Dagangan orang dalam	Tan Eng Kean (Tan EK)	Pada 6 April 2018, Tan EK mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM56,900.00 apabila dia bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana memperolehi 5,000 unit saham PacificMas Bhd (PacMas) dalam akaunnya ketika mempunyai maklumat dalaman yang bercanggah dengan seksyen 188(2) CMSA. Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan bersyarat oleh OSPL Holdings Sdn Bhd (OSPL) untuk memperoleh semua saham mengundi dalam PacMas yang tidak dimiliki oleh OSPL yang diumumkan pada 4 Januari 2008. Di samping itu, penalti sivil sebanyak RM50,000 telah dikenakan oleh SC. Penyelesaian tersebut dicapai berikutan surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti. Jumlah yang perlu dikembalikan oleh Tan EK adalah bersamaan dengan 3 kali perbezaan harga saham diperoleh dan harga yang sepatutnya saham itu diperolehi ketika pemerolehan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.
2.	Dagangan orang dalam	Tan Sri Abdul Rahman Omar (Tan Sri Abdul Rahman)	Pada 20 Julai 2018, Tan Sri Abdul Rahman mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM69,144.00 apabila dia bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana memperolehi saham Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) ketika mempunyai maklumat dalaman, bercanggah dengan seksyen 89E(2) SIA. Maklumat dalaman tersebut adalah berhubung pengumuman EON kepada Bursa Malaysia Bhd berkenaan cadangan dividen kasar khas sebanyak 137 sen sesaham ditolak cukai 27% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Tan Sri Abdul Rahman telah memperoleh sebanyak 100,000 unit saham EON pada 23 Februari 2007, sebelum pengumuman tersebut. Penyelesaian tersebut dicapai berikutan surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti. Jumlah yang perlu dikembalikan oleh Tan Sri Abdul Rahman adalah bersamaan dengan 3 kali perbezaan harga saham diperoleh dan harga yang sepatutnya saham itu diperolehi ketika pemerolehan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula telah digunakan menurut seksyen 90A(7) CMSA.

Jadual 9

Penyelesaian kawal selia pada 2018 (*Sambungan*)

Bil.	Dagangan orang dalam	Pihak terlibat	Fakta ringkas kes
3.	Dagangan orang dalam	Dato' Lim Lean Heng (Dato' Lim LH)	Pada 18 Oktober 2018, Dato' Lim LH mencapai penyelesaian dengan SC berjumlah RM666,900.00 apabila dia bersetuju tanpa pengakuan atau penafian liabiliti untuk menyelesaikan tuntutan yang dicadangkan oleh SC ke atasnya kerana kerana memperolehi 727,000 unit saham Hirotako Holdings Bhd (Hirotako) dalam akaun Bright Memory Sdn Bhd ketika mempunyai maklumat dalaman bercanggah dengan seksyen 188(2)(a) CMSA. Maklumat dalaman tersebut adalah berkaitan dengan cadangan tawaran pengambilalihan oleh MBM Resources Bhd untuk memperoleh semua saham mengundi dan waran belum tebus dalam Hirotako. Penyelesaian tersebut dicapai berikutan surat tuntutan yang dihantar oleh SC menurut kuasa penguatkuasaan sivil di bawah undang-undang sekuriti. Jumlah yang perlu dikembalikan oleh Dato' Lim LH adalah bersamaan dengan 2.5 kali perbezaan harga saham diperoleh dan harga yang sepatutnya saham itu diperolehi ketika pemerolehan, sekiranya maklumat tersedia secara umum. Wang yang diperolehi semula akan digunakan menurut seksyen 201(7) CMSA.

INISIATIF PEMERKASAAN PELABUR

InvestSmart® Fest 2018

12 – 14 Oktober 2018
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur

14,389
Pelawat

45
Pempamer

397
Peserta Kaunter Khidmat #FinPlan4U

Huraian

Acara pendidikan pelabur utama SC yang dianjurkan buat kali kelima bersama dengan pengantara pasaran modal dan agensi kawal selia lain untuk meningkatkan kesedaran dan menambah pengetahuan mengenai pasaran modal Malaysia. Acara yang bertemakan 'Melabur untuk Masa Depan Mampan', telah dirasmikan oleh Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan. Acara ini menampilkan Jeffrey Ong, bekas perenang Olimpik Malaysia dan Datuk Mohammad Nor Mohammad Khalid (Datuk Lat). Kaunter khidmat percuma `FinPlan4U' membolehkan orang ramai bertemu dengan perancang kewangan mengenai manfaat perancangan kewangan.

Kempen Kesedaran Anti-penipuan

Larian ScamBuster 2018

14 Oktober 2018
Pusat Bandaraya Kuala Lumpur

2,558
Pelari

Huraian

Untuk tahun kedua berturut-turut, SC menganjurkan satu larian amal bersempena dengan InvestSmart® Fest 2018 dengan tanda pagar #RunFromScams. Kesemua perolehan berjumlah RM104,240 disalurkan kepada Persatuan Kebajikan Suara Kanak-kanak Malaysia (SUKA Society).

SC dan Komuniti

Pertandingan Poster Anti-Penipuan

1– 30 Ogos 2018

66
penyertaan

Huraian

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan penipuan, pertandingan itu dilancarkan pra InvestSmart® 2018 untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelabur. Poster yang memenangi pertandingan tersebut kini dipaparkan di laman sesawang InvestSmart® kami.

Iklan Berlagu InvestSmart® `Silap Labur Duit Lebur'

Huraian

Untuk mengukuhkan kempen anti-penipuan SC, pasukan InvestSmart® dengan kerjasama Money Money Home, satu program celik kewangan Astro AEC menghasilkan iklan berlagu berjudul 'Silap Labur Duit Lebur'. Promosi secara santai dan menarik perhatian ini bertujuan untuk memberi amaran kepada para pelabur untuk lebih berhati-hati apabila melabur dan mengelakkan skim pelaburan haram.

Huraian

Inisiatif pembabitan bersama komuniti secara bersemuka di mana SC memberikan maklumat tentang pelaburan bijak dan mempromosi pasaran modal malaysia dalam kalangan pelabur runcit.

InvestSmart® @ Karnival Kewangan Kedah oleh Bank Negara Malaysia

19 – 21 Januari 2018
Alor Setar, Kedah

25,000
Peserta

Huraian

Di acara BNM sepanjang 3 hari, pasukan InvestSmart® mengagihkan bahan maklumat dan risalah pendidikan mengenai pasaran modal, serta memaklumkan orang awam mengenai peluang pelaburan. Wakil SC turut mengambil bahagian dalam perbincangan forum mengenai jenayah kewangan bersama dengan Polis Diraja Malaysia, BNM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

InvestSmart® @ Acara Belia TN50/PRS– Menabung untuk Masa Hadapan

26 Januari 2018
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

600
Peserta

Huraian

Insentif Belia TN50 PRS dilancarkan untuk menggalakkan belia Malaysia menabung dan melabur untuk masa hadapan. Pasukan InvestSmart® bertemu dengan golongan belia untuk berkongsi kepentingan perancangan persaraan awal serta peranan SC dan jenama InvestSmart®.

InvestSmart®@ Konvensyen dan Pameran Dagangan Saintifik 2018

27 Januari 2018
Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur

150
Peserta

Huraian

Persatuan Pergigian Malaysia menganjurkan Konvensyen dan Pameran Dagangan Saintifik tahunan 2018, di mana pasukan InvestSmart® mengambil bahagian untuk bertemu dengan demografi profesional terbabit untuk menjelaskan peranannya sebagai pengawal selia pasaran modal dan inisiatif pendidikan pelabur.

InvestSmart® @ Hari Terbuka Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa (MITI) 2018

26 Februari 2018
Menara MITI, Kuala Lumpur

8,000
Peserta

Huraian

Di samping bertemu dengan pengunjung, satu ceramah ringkas (*pocket talk*) untuk segmen `Kapsul Usahawan dan Saham' telah dibentangkan di acara tahunan MITI.

InvestSmart® @ Seminar Pelaburan Saham Terengganu anjuran MITI

19 Mac 2018
Permai Hotel, Kuala Terengganu

1,000
Peserta

Huraian

Seminar pelaburan saham Syariah anjuran bersama MITI dan Yayasan Islam Terengganu. Pasukan InvestSmart® membicarakan pasaran modal Islam dan inisiatif program pendidikan pelabur SC.

InvestSmart® @ Hari Terbuka Kementerian Kewangan 2018

22 Mac 2018
Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya

1,009
Peserta

Huraian

Bersama dengan pelbagai agensi di bawah Kementerian, pasukan InvestSmart® telah mengambil bahagian dalam Hari Terbuka Kementerian Kewangan 2018 untuk mewujudkan kesedaran mengenai pasaran modal Malaysia kepada orang ramai.

InvestSmart® @ EXPO PEMUDA 2018

14 – 15 April 2018
Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur

50,000
Peserta

Huraian

Pameran kerjaya ini menawarkan peluang pekerjaan kepada para belia untuk memulakan kerjaya mereka. Pasukan InvestSmart® mengambil peluang untuk bertemu dengan para belia ini untuk meningkatkan kesedaran mengenai pasaran modal dan pelaburan bijak, dan mempromosikan peranan SC.

InvestSmart® @ Minggu Saham Amanah Malaysia 2018 oleh permodalan Nasional Bhd

19 – 25 April 2018
Batu Pahat, Johor

200,168
Peserta

Huraian

Acara tahunan utama Permodalan Nasional Bhd menyediakan platform kepada SC untuk berkongsi maklumat mengenai pasaran modal Malaysia dengan komuniti di Johor dalam acara yang berlangsung selama seminggu. Sesi ceramah ringkas InvestSmart® dan permainan pelaburan sangat popular dalam kalangan pengunjung.

InvestSmart® @ Pameran Pelaburan Syariah Bursa

21 – 22 Julai 2018
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur

11,000
Peserta

Huraian

Pameran Pelaburan Syariah Bursa Malaysia 2018 dengan tema `Jom Labur BM-I ', menghimpunkan rakan industri seperti oganisasi Islam yang mengambil bahagian, syarikat pengurusan dana Islam, institusi kewangan Islam, pengendali takaful dan PLC Syariah. Pasukan InvestSmart® mengagihkan bahan maklumat dan brosur untuk mewujudkan kesedaran mengenai pasaran modal. Soal selidik dan pertemuan dengan orang ramai juga dijalankan bagi mendapatkan maklum balas mengenai pengalaman pelaburan mereka.

InvestSmart® @ Pagi Bebas Kenderaan KL

16 September 2018
Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

350
Peserta

Huraian

Pasukan InvestSmart® membuka reruai di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersempena dengan Pagi Bebas Kenderaan Kuala Lumpur. Pagi Bebas Kenderaan Kuala Lumpur yang dianjurkan pada hari Ahad pertama dan ketiga setiap bulan menarik ribuan rakyat Malaysia untuk berjoging, berjalan dan berbasikal di jalan-jalan utama Kuala Lumpur. Di acara ini, pasukan InvestSmart® bertemu dengan orang ramai untuk mempromosikan InvestSmart® Fest 2018 dan Larian ScamBuster 2018. Bahan maklumat diedarkan dan kesedaran mengenai anti-penipuan diperkukuhkan melalui penayangan video T.I.P.U.

InvestSmart® @ Celik Kewangan Belia: Persidangan Fintech Malaysia

22 September 2018
HELP University Kampus Damansara

250
Peserta

Huraian

Sebagai sebahagian daripada kempen promosi SC untuk InvestSmart® Fest 2018 dan Larian ScamBuster 2018, pasukan BijakLabur membuka reruai di Persidangan Fintech Malaysia: Celik Kewangan Belia untuk menarik minat pelajar universiti.

InvestSmart® @ My Money & Me anjuran Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC)

27 Oktober 2018
Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

400
Peserta

Huraian

My Money & Me adalah sebuah program celik kewangan oleh MFPC untuk mahasiswa mengenai kepentingan perancangan kewangan. Pasukan InvestSmart® bertemu para peserta acara tersebut dan mempromosi pasaran modal Malaysia.

InvestSmart® @ Kejohanan Perancangan Kewangan ke-4 anjuran MFPC

2 – 4 November 2018
Pusat Pembelajaran KWSP, Kajang

2,000
Peserta

Huraian

Ketika Kejohanan Perancangan Kewangan keempat MFPC, pasukan InvestSmart® mendekati pelajar dari 24 universiti di seluruh Malaysia untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan SC dan pasaran modal Malaysia. Bersempena acara tersebut, MFPC juga menganjurkan Larian Kebebasan Kewangan buat julung kalinya pada 4 November 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia yang juga disertai oleh kakitangan SC.

InvestSmart® @ Forum Pasca Bajet Negara 2018 anjuran INTAN Bukit Kiara

8 November 2018
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur

800
Peserta

Huraian

Reruai InvestSmart® dibuka untuk bertemu dan mengagihkan bahan maklumat dan risalah kepada para penjawat awam semasa ceramah mengenai Bajet 2019 Malaysia yang dianjurkan oleh INTAN

InvestSmart® @ Karnival Rasa Sayang anjuran Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)

24 November 2018
Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh

1,446
Peserta

Huraian

Pasukan InvestSmart® juga dijemput untuk menyertai ceramah ringkas untuk mempromosikan maklumat mengenai perancangan persaraan di Karnival Rasa Sayang KWAP pertama yang berlangsung di Ipoh.

InvestSmart® @SC

Huraian

Pada 2018, SC melancarkan program InvestSmart® @SC. Acara separuh hari bertumpu kepada topik-topik khusus pasaran modal yang berkaitan dengan demografi pelabur tertentu.

Melindungi Pelaburan Anda

10 Mac 2018
Bakal pesara dan pesara

149
Peserta

Tidak Terlalu Muda untuk Melabur

12 Mei 2018
Belia

81
Peserta

Pelabur Yang Dilindungi Adalah Pelabur Yang Bermaklumat

15 Disember 2015
Orang awam

177
Peserta

Hari InvestSmart®

Huraian

Melalui usahasama dengan Securities Industry Development Corporation (SIDC), seminar 1 hari telah dianjurkan di bandar-bandar di seluruh negara. Tumpuan seminar adalah topik yang berkaitan dengan dagangan saham, unit amanah, skim persaraan swasta (PRS), pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) dan disampaikan oleh pakar industri. Pameran mini oleh bank pelaburan, broker saham dan syarikat unit amanah serta penyedia PRS juga ditampilkan di lokasi berikut.

21 April 2018 Ayer Keroh, Melaka	**54** Peserta
12 Mei 2018 Petaling Jaya, Selangor	**190** Peserta
7 Julai 2018 Bukit Tinggi, Klang	**106** Peserta
21 Julai 2018 Alor Setar, Kedah	**68** Peserta
4 Ogos 2018 Kota Bahru, Kelantan	**88** Peserta
18 Ogos 2018 Kuantan, Pahang	**73** Peserta
8 September 2018 Miri, Sarawak	**72** Peserta
22 September 2018 Sibu, Sarawak	**89** Peserta
20 Oktober 2018 Kota Kinabalu, Sabah	**122** Peserta
27 Oktober 2018 Taiping, Perak	**50** Peserta
3 November 2018 Seberang Jaya, Penang	**208** Peserta
10 November 2018 Johor Bahru, Johor	**105** Peserta

Program Bersasaran InvestSmart®

Huraian

Program InvestSmart® berikut direka bentuk, dengan kerjasama SIDC, untuk kumpulan tertentu termasuk pelajar sekolah, pelajar universiti dan komuniti.

Kids & Cash

Program selama separuh hari di mana dikongsi bersama pengetahuan mengenai kemahiran pengurusan wang asas kanak-kanak sekolah rendah.

6 Julai 2018 Sekolah Kebangsaan Klang	**100** Peserta
17 Ogos 2018 Sekolah Kebangsaan Sungai Talam, Kuantan	**100** Peserta
26 Oktober 2018 Sekolah Kebangsaan Taman Panglima, Taiping	**100** Peserta

Teens & Cash

Pelajar sekolah menengah memperoleh petua mengenai pengurusan wang dan kepentingan melabur.
Cash@Campus

17 Ogos 2018 Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan, Kuantan	**100** Peserta
7 September 2018 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Permaisuri, Miri	**105** Peserta
21 November 2018 Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang Tiga, Johor Bahru	**100** Peserta

Cash@Campus

Membekalkan pelajar universiti dengan kemahiran perancangan kewangan dan pelaburan yang lebih baik sebagai persiapan untuk kehidupan bekerjaya mereka.

24 September 2018 Universiti Multimedia Melaka	**142** Peserta
4 Oktober 2018 Universiti Teknologi MARA Kelantan	**103** Peserta
13 Oktober 2018 Universiti Sains Islam Malaysia	**103** Peserta
19 Oktober 2018 Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman Sabah	**115** Peserta
14 November 2018 Universiti HELP Subang	**42** Peserta

Money@Work

Program separuh hari mengenai pelaburan bijak yang dianjurkan khusus untuk kakitangan agensi kerajaan dan syarikat swasta.

26 Julai 2018 Kerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia	**137** Peserta
2 November 2018 Kerjasama dengan Institut Integriti Pulau Pinang	**137** Peserta
12 November 2018 Kerjasama dengan Pejabat Residensi Sibu	**59** Peserta

Be Money Wise (B.M.W)

Segmen sasaran seperti wanita, pekerja kolar biru dan masyarakat luar bandar diberikan maklumat praktikal mengenai pengurusan kewangan.

20 April 2018 Ayer Keroh, Melaka	**104** Peserta
22 Julai 2018 Alor Setar, Kedah	**133** Peserta
7 September 2018 Miri, Sarawak	**47** Peserta

Saluran Digital

- Laman sesawang InvestSmart® yang berwajah baharu dilancarkan pada bulan September 2018 dan telah menarik 27,718 pengguna sehingga kini;
- Aplikasi Mudah Alih InvestSmart® mempunyai 2,771 pengguna berdaftar;
- Laman Facebook InvestSmart® mempunyai 62,919 pengikut;
- Akaun Instagram InvestSmart® mempunyai 950 pengikut;
- Akaun Twitter InvestSmart® mempunyai 71 pengikut;
- Dilancarkan pada Oktober 2018, permainan Jump2Invest mendapat lebih 250 muat turun.

Media dan Siaran

- Dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, SC telah mengeluarkan 2 pengumuman khidmat masyarakat pada 2018:
  - 'Video T.I.P.U' berdurasi 30 saat mengenai modus operandi penipuan. Disiarkan di semua stesen TV tempatan dan pengangkutan awam yang dikendalikan oleh Prasarana Malaysia dari 31 Mei hingga 31 Disember 2018.
  - Mesej bergerak untuk mengingatkan orang ramai tentang berurusan dengan individu berlesen sahaja apabila melabur dalam produk pasaran modal. Mesej bergerak tersebut disiarkan semasa segmen berita stesen televisyen tempatan dari 15 Ogos hingga 31 Disember 2018
- Bersempena dengan Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2018 (WIW2018) dari 1 hingga 7 Oktober 2018, the SC:
  - Menghasilkan Siri InvestSmart® di BFM 89.9 untuk mendidik pendengar tentang risiko melabur dalam Tawaran Syiling Awal (ICO); dan
  - Menerbitkan serangkaian maklumat grafik dalam suratkhabar *The Star, Sin Chew Jit Poh* dan *Harian Metro* bagi memaklumkan orang ramai mengenai risiko melabur dalam ICO.

ADUAN DAN PERTANYAAN

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2018, SC menerima sebanyak:

a. 558 aduan; dan
b. 1,104 pertanyaan.

Jadual 1

	2018	2017	2016
Aduan	558	444	433
Pertanyaan	1,104	626	609
JUMLAH	**1,662**	**1,070**	**1,042**

Carta 1

Klasifikasi aduan yang diterima



Carta 2

Klasifikasi pertanyaan



PENERBITAN

AKTA, GARIS PANDUAN DAN KOD

Guidelines on Listed Real Estate Investment Trusts
Dikeluarkan | 15 Mac 2018

Guidelines on Real Estate Investment Trusts
Dikeluarkan | 15 Mac 2018

Guidelines on Implementation of Targeted Financial Sanctions Relating to Proliferation Financing For Capital Market Intermediaries
Dikeluarkan | 6 April 2018

Guidelines on Contracts for Difference
Dikeluarkan | 6 April 2018

Licensing Handbook
Dikemas Kini | 1 Ogos 2018

Guidelines on Compliance with the Continuing Professional Education Requirement
Dikeluarkan | 1 Ogos 2018

Guidelines on Seasoned Corporate Bonds and Sukuk
Dikeluarkan | 19 September 2018

Guidelines on Sales Practices of Unlisted Capital Market Products
Dikemas Kini | 19 September 2018

Guidelines on Issuance of Corporate Bonds and Sukuk to Retail Investors
Dikemas Kini | 11 Oktober 2018

Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework
Dikemas Kini | 11 Oktober 2018

Guidelines on the Registration and Conduct of Capital Market Services Providers
Dikeluarkan | 19 Oktober 2018

Guidelines on Exchange-traded Funds
Dikemas Kini | 26 November 2018

Prospectus Guidelines
Dikemas Kini | 14 Disember 2018

Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies
Dikemas Kini | 17 Disember 2018

BUKU, LAPORAN DAN KERTAS PERUNDINGAN

Developing the Corporate Bond and Sukuk Market in Malaysia: Broadening the Credit Profile - SC-OCIS Scholar-in-Residence Academic Year 2015/2016
Dikeluarkan | 28 Februari 2018

SC-World Bank on Islamic Finance and Public Private Partnership for Infrastructure Development 2017 Conference Report
Dikeluarkan | 9 Mac 2018

Public Response Paper – Proposed Amendments to Guidelines on Real Estate Investment Trusts and Streamlining of Post-Listing Requirements for Listed Real Estate Investment Trusts with Listed Corporations
Dikeluarkan | 15 Mac 2018

Securities Commission Malaysia Annual Report 2017/ Laporan Tahunan 2017 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Dikeluarkan | 15 Mac 2018

Audit Oversight Annual Report 2017
Laporan Tahunan 2017 Lembaga Pemantauan Audit
Dikeluarkan | 15 Mac 2018

Audit Oversight Board Annual Inspection Report – Findings and Insights 2017
Dikeluarkan | Mei 2018

Proceedings of the SC-OCIS Roundtable 2017
Dikeluarkan | 19 Mac 2018

Corporate Governance Strategic Priorities 2017-2020
Dikeluarkan | September 2018

ASEAN Green Bond Standards
Dikemas Kini | Oktober 2018

ASEAN Social Bond Standards
Dikeluarkan | Oktober 2018

ASEAN Sustainability Bond Standards
Dikeluarkan | Oktober 2018

BUKU KECIL, BULETIN DAN RISALAH

Malaysian ICM
Dikeluarkan | April dan September 2018

List of Shariah-Compliant Securities by the Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia/ Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Dikeluarkan | 25 Mei dan 30 November 2018

The Reporter
Dikeluarkan | November 2018

Keputusan Majlis Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2018
Dikeluarkan | 18 Disember 2018

LAMAN-LAMAN SESAWANG

www.sc.com.my

www.investsmart.my

www.worldcapitalmarketsymposium.org

www.theroyalaward.com

2018 SEKILAS PANDANG

Januari

7 Jan
SC keluar kenyataan media untuk memberi amaran kepada pelabur mengenai tawaran syiling awal

9 Jan
SC mengarahkan CopyCash Foundation agar menghentikan dengan serta merta semua aktiviti yang dicadangkan berkaitan dengan tawaran syiling awal

SC directs CopyCash to cease activities in M'sia

The statutory body advises investors to be cautious and diligent before participating in ICO schemes

by MARK RAO

COPYCASH Foundation has been directed by the Securities Commission Malaysia (SC) to cease its planned initial coin offering (ICO) in Malaysia, due to the trading platform violating in-place regulations.

The SC said it directed the Singapore-based blockchain

The SC will be calling in CopyCash's key officers to examine the foundation's activities in the country

CopyCash intends to release 50 million units via its internal token CopyCashCoin — a standard Ethereum ERC20 token — in the market.

The planned launch of the digital currency would not have been the first ICO to be introduced in the country, as The Malaysian Reserve reported on Monday that Malaysian-based ICOs Ecobit and HelloGold are presently operating in the market.

The report noted that Ecobit is a carbon credit project based on Climate Protector Contract, and has since been tagged by the monetary

23 Jan
Laporan juruaudit yang dipertingkatkan dikeluarkan

24 Jan
SC memenangi kes dagangan orang dalam terhadap bekas pengasas WCT Bhd

WCT co-founder fined for insider trading

WCT Bhd (now known as WCT Holdings Bhd) co-founder and former director Chan Soon Huat has been fined RM3.24 mil by the High Court, three times the losses avoided for alleged insider trading in a case brought by Securities

Februari

6–7 Feb
Simposium Pasaran Modal Dunia 2018; dan pelancaran Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia

13 Feb
SC mengenakan pertuduhan ke atas pengerusi Three-A Resources Bhd kerana dagangan orang dalam

26 Feb
SC, Pihak Berkuasa Monetari Singapura dan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand menandatangani MoU untuk meningkatkan Rangka Kerja Skim Pelaburan Kolektif ASEAN

28 Feb
Remisier palsu dipenjara satu tahun dan didenda RM2 juta kerana penipuan sekuriti

Mac

1 Mac
Ulang tahun SC ke-25
Penjenamaan semula Inisiatif CSR – SC Heart

5 Mac
AOB mengenakan celaan terhadap dua juruaudit kerana melanggar piawaian pengauditan

15 Mac
Laporan Tahunan SC 2017 dikeluarkan

15 Mac
SC dan BNM menubuhkan kumpulan kerja bersama untuk mempercepat digitalisasi industri pembrokeran saham

21 Mac
SC beri amaran kepada pelabur mengenai skim 'pump and dump' melalui internet dan media sosial

24–25 Mac
Rundingan Meja Bulat SC-OCIS ke-9 2018

26 Mac
Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara ke atas bekas pengarah kerana mengemukakan kenyataan palsu kepada bursa saham

April

5 Apr
SC melantik Timbalan Ketua Eksekutif yang baharu, Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin berikutan pelantikan Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin sebagai Pesuruhjaya Kehakiman

10 Apr
Bekas ketua ekuiti bank pelaburan dijatuhi hukuman penjara 6 bulan dan didenda RM1 juta kerana dagangan orang dalam

Former investment banker jailed and fined for insider trading

KUALA LUMPUR: The Kuala Lumpur Sessions Court has sentenced a former investment banker to six months jail and fined him RM1mil for insider trading.

The Securities Commission (SC) said former investment banker Goh Keng Huat was charged with insider trading in the shares of Road Builder Holdings Bhd (RBH).

"Goh, 48, pleaded guilty to one charge of insider trading under Section 89EE(2) of the Securities Industry Act 1983. According to the charge, Goh had acquired 100,000 units of RBH shares while in possession of inside information on Sept 4, 2006.

"Goh was at the material time the equity markets head of Assimbankers Malaysia Bhd (now known as Maybank Investment Bank Bhd)."

The SC said Goh was sentenced to six months imprisonment and a fine of RM1mil, in default six months imprisonment, following a plea bargaining application under the provision of Section 172C of the Criminal Procedure Code.

"The court also took into consideration nine other similar charges against Goh for his purchase of 751,600 RBH shares between Sept 5, 2006 and Oct 16, 2006."

On Oct 10, 2017, the SC charged Goh with 10 counts of insider trading and his wife, Wee Siew Ling, with 10 counts of abetting Goh in the commission of the offences by allowing him to acquire the RBH shares through her trading accounts.

Meanwhile, the SC said in a separate statement that former LFE Corp Bhd executive director Alan Rajendram Jeya Rajendram was found guilty in the sessions court of committing criminal breach of trust (CBT) in respect of the company's funds amounting to RM18.99mil and jailed three years.

"The charges for CBT were earlier tried together with four other charges under securities laws for furnishing false information to the stock exchange pertaining to LFE's operating expenses," said the SC.

It added that Rajendram, 62, had pleaded guilty to two CBT charges through a plea bargain application under the provision of Section 172C of the Criminal Procedure Code.

"Following a trial involving 35 witnesses from prosecution and three for the defence, Rajendram decided to plead guilty before the decision was to be delivered.

"In pleading guilty, Rajendram admitted to utilising the RM18.99mil of funds belonging to LFE, which was meant to be used for the working capital of LFE's wholly owned subsidiary, LFE International Ltd.

"Instead, Rajendram had used those funds to finance his personal subscription of shares in LFE and to repay his corporate debts."

Rajendram started serving his sentence for the offences last month.

11 Apr
SC memulakan proses pemulangan wang kepada mangsa skim dagangan niaga hadapan haram

25 Apr
AOB mengenakan celaan dan mendenda juruaudit kerana gagal mematuhi Piawaian Audit Antarabangsa

Mei

3 Mei
SC membuka permohonan untuk dana modal teroka berjumlah RM1 bilion yang disediakan oleh pelabur institusi utama

SC opens applications for RM1b VC fund

by NUR HAZIQAH A MALEK

THE Securities Commission Malaysia (SC) has called upon venture capital (VC) management companies registered with the body to apply for the RM1 billion VC fund, committed by major institutional investors.

SC said the deadline for the application is June 1, 2018.

"Submissions need be made to the SC no later than 5pm on Friday, June 1," it stated in a statement yesterday.

Both local and foreign applicants who are registered with the SC and demonstrate experience and expertise in managing VC investment are eligible for consideration.

Although fund managers not registered with the SC will be considered, it is required to register to receive the allocation if selected.

Criteria and submission processes are outlined in the Request for Proposal link available for download on www.sc.com.my.

SC says the deadline for the application is June 1, 2018

(Shared by the SC, the VC fund coordination committee, comprising senior representatives from major institutional investors, has been established to coordinate the assessment and selection process of potential submissions.

The committed amount will be invested into early-to-late stage private companies with a strong growth potential, with a focus on companies with a strong growth potential, with a focus on companies with a strong growth potential, with a focus on

Ogos

9 Ogos
Bekas pengarah eksekutif APL Industry Bhd dan saudara perempuannya masing-masing dipenjara 5 tahun dan didenda RM7 juta

13–17 Ogos
Dialog Industri SC 2018

20 Ogos
Kementerian Kewangan China dan SC menandatangani MoU mengenai kerjasama kawal selia



September

5 Sep
SC mengeluarkan notis untuk menghentikan semua aktiviti promosi Lavidacoin

18 Sep
Kenyataan umum mengenai pengekalan Lin Huozhi dan Lin Liying sebagai Pengarah Eksekutif Multi Sports yang memudaratkan kepentingan awam

19 Sep
SC mengumumkan liberalisasi rangka kerja pengawalseliaannya bagi pelaburan runcit dalam pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia

24 Sep
Kunjungan delegasi dari Kedutaan AS dan Perbendaharaan AS

27 Sep
SC bersama Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Bank Pembangunan Islam menjadi tuan rumah forum `Mencapai SDG: Merungkai Potensi Kewangan Islam" di New York, AS.

Oktober

ICDM
Institute of Corporate Directors Malaysia

1 Okt
Pelancaran Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) untuk meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah

3 Okt
Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz menerima Anugerah Diraja bagi Kewangan Islam 2018

12–14 Okt
InvestSmart® Fest 2018 bermula; penganjuran tahun ke-2 Larian Amal Scambuster

19 Okt
C memperkenalkan rangka kerja pendaftaran bagi pemegang amanah dan rumah terbitan di bawah garis panduan baharu untuk meningkatkan perlindungan pelabur

26 Okt
SC memulakan proses pemulangan wang kepada mangsa skim dagangan niaga hadapan dan ekuiti haram

30 Okt
Tan Sri Ranjit Ajit Singh bersara sebagai Pengerusi SC

31 Okt
Pengawal selia Kesatuan Eropah dan Asia Pasifik bertemu di Forum EU-Asia Pasifik mengenai Pengawalseliaan Kewangan di Kuala Lumpur

November

1 Nov
SC menerima pengerusi baharu, Datuk Syed Zaid Albar

7 Nov
SC dan OECD menganjurkan Persidangan Meja Bulat Tahunan Asia mengenai Tadbir Urus Korporat

26 Nov
SC menyemak *Guidelines on Exchange-traded Funds* untuk meningkatkan penyertaan runcit

28-29 Nov
Persidangan Kewangan Digital SCxSC 2018 dengan tema `Memanfaatkan Teknologi'

29 Nov
AOB menarik balik pengiktirafan ke atas firma audit yang berpangkalan di Singapura, RT LLP dan Su Chun Keat kerana gagal mematuhi Notis yang dikeluarkan oleh SC

Disember

4 Dis
Dialog antara Pengurus-pengurus Kemampanan Korporat dan Menteri MESTECC, Yeo Bee Yin

6 Dis
SC dan BNM mengeluarkan kenyataan bersama mengenai pengawalseliaan aset digital di Malaysia

12 Dis
SC membatalkan CMSRL Shaiful Nazren Kassim kerana amalan perniagaan yang tidak wajar

SC revokes licence, imposes penalty against individual

KUALA LUMPUR: The Securities Commission (SC) has revoked the Capital Markets Services Representative's Licence (CMSRL) of Shaiful Nazren Kassim for improper business practices effective Dec 7.

13 Dis
Malaysia berada di tangga ke-4 pada 2018 dari tempat ke-6 pada 2016 menurut laporan *Corporate Governance Watch 2018*

Commission welcomes Malaysia's improved ranking

AKRONIM DAN SINGKATAN

ACGA	Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
ADV	Purata nilai harian
AE	Ekonomi maju
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN
AML/CFT/PF	Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan/Percambahan Pembiayaan keganasan
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
AS	Amerika Syarikat
AS Fed	Rizab persekutuan AS
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
ASEAN GBS	*Piawaian Bon Hijau ASEAN*
ASEAN SBS	*Piawaian Bon Sosial ASEAN*
ASEAN SUS	*Piawaian Bon Lestari ASEAN*
AUM	Aset bawah pengurusan
BCM	Rangka kerja kesinambungan perniagaan
BNM	Bank Negara Malaysia
bps	Mata asas
BRDIGe	Kumpulan Pendigitan Industri Pembrokeran
BrICC	Jawatankuasa Perundangan Industri Pembrokeran
Bursa Malaysia	Bursa Malaysia Securities Bhd
CAGR	Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
CBI	Inisiatif Bon Iklim
CDS	Sistem Depositari Pusat
CFD	Kontrak untuk Perbezaan
CG	Tadbir urus korporat
CIS	Skim Pelaburan Kolektif
CMCF	Dana Pampasan Pasaran Modal
CMDF	Dana Pembangunan Pasaran Modal
CMM	Capital Markets Malaysia
CMSA	*Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007*
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
COMCEC	Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan Pertubuhan Kerjasama Islam
CPA	Akauntan Awam Bertauliah
CPE	Pendidikan Profesional Berterusan
CPRA	Penasihat Korporat Skim Persaraan Swasta
CRWG	Kumpulan Kerja Risiko Siber

CSM	Cyber Security Malaysia
CUTA	Unit Penasihat Korporat Skim Amanah
DIM	Pengurus Pelaburan Digital
DLT	Teknologi lejar teragih
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
ECB	Bank Pusat Eropah
ECF	Pendanaan ekuiti ramai
EME	Ekonomi pasaran pesat membangun
ESG	Alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETF	Dana dagangan bursa
EU	Kesatuan Eropah
FBMKLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
FINs	Sistem Perisikan Kewangan
FinTech	Teknologi kewangan
FKLI	Niaga hadapan Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur
FPAM	Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
FSI	Institusi Perkhidmatan Kewangan
G20	Negara Kumpulan 20
GBP	Prinsip Bon Hijau
GEM	Pasaran pertumbuhan dan pesat membangun
GFC	Krisis kewangan global
GFCF	Fungsi modal tetap kasar
GLIC	Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
ICDM	Institut Pengarah Korporat Malaysia
ICM	Pasaran modal islam
ICMA	Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa
ICMR	Institut Penyelidikan Pasaran Modal
ICO	Tawaran syiling awal
IFSB	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
IDSS	Jualan singkat antara hari
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IOSCO	Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti
IPO	Tawaran awam awal
KDNK	Keluaran dalam negera kasar
KYC	Kenali Pelanggan Anda
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LEAP	Platform Pemecut Usahawan Utama
LLC	Kurikulum Pembelajaran Kepimpinan
LOLA Framework	Rangka Kerja Serah dan Simpan
MAICSA	Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MCCG	*Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia*
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
MFPC	Majlis Perancangan Kewangan Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia

MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia
MoF	Kementerian Kewangan
MoU	Memorandum persefahaman
MSCI	Morgan Stanley Capital International
NACSA	National Cyber Security Agency
NAV	Nilai aset bersih
OCIS	Pusat Pengajian Islam Oxford
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OTC	Di kaunter
OPR	Kadar dasar semalaman
P2P	Antara rakan setara
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PE	Ekuti swasta
PID	Pengarah kepentingan awam
PKS	Perusahaan kecil dan sederhana
PMKS	Perusahaan mikro, kecil dan sederhana
PLC	Syarikat awam tersenarai
PPA	Pentadbir Pencen Swasta
PRS	Skim persaraan swasta
REIT	Amanah pelaburan hartanah
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCA	*Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993*
SCMA	*Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993*
SCxSC	Forum Sinergi dan Perdanaan Ramai SC
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SIA	*Akta Perindustrian Sekuriti 1983*
SICDA	*Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991*
SIDC	Securities Industry Development Corporation
SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SIFI	Institusi kewangan yang penting secara sistemik
SIR	Sarjana tamu
SRI	Pelaburan Bertanggungjawab dan Mampan
SRO	Organisasi swaatur
SROC	Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik
TCFD	Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim
UCITS	Urus Niaga Pelaburan Kolektif dalam Sekuriti Boleh Pindah
UK	United Kingdom
UST	Perbendaharaan AS
VC	Modal teroka
VCC/VCMC	Syarikat Modal teroka / Syarikat pengurusan modal teroka
WCMS	Simposium Pasaran Modal Dunia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
T 603 6204 8000
F 603 6201 5078
E cau@seccom.com.my
www.sc.com.my
www.investsmartsc.my
Twitter @seccommy